KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

NIOSH
National Institute Of Occupational Safety And Health

**National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)**
*Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara*




ISSN 2637-0069

www.niosh.com.my




Laporan Tahunan
Annual Report 2020

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

NIOSH National Institute Of Occupational Safety And Health

Komitmen negara terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan jelas dicerminkan melalui enakmen Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP), serta penubuhan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH).

Kemalangan industri di tempat kerja terus menjadi perhatian utama bagi kesemua pihak yang terlibat. Ini penting memandangkan aktiviti perindustrian dan ekonomi di tanahair dijangka akan terus meningkat, selaras dengan usaha negara untuk menjadi sebuah negara perindustrian.

*Our nation's commitment towards occupational safety and health for all employees at any given workplace is manifest in the enactment of the Occupational Safety and Health Act 1994 (OSHA), the setting up of the Department of Occupational Safety and Health (DOSH), and in the establishment of the National Institute and Occupational Safety and Health (NIOSH).*

*Industrial casualties and adversities that occur at workplaces are of utmost concern to DOSH and NIOSH. Especially at this juncture, when industrial and economic activities are on an increase as Malaysia rapidly progresses toward achieving its status as an Industrialised Nation.*

NIOSH © 2020 All right reserved

Diterbitkan oleh / *Published by:*
**INSTITUT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NEGARA**
*National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)*
Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-8769 2100
Faks : 03-8926 2900
www.niosh.com.my

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerajaan Negara (IKKPN).



# ISI KANDUNGAN
## *TABLE OF CONTENTS*

| | |
|---|---|
| **PROFIL KORPORAT**<br>*CORPORATE PROFILE* | 4 |
| **PERUTUSAN MENTERI SUMBER MANUSIA**<br>*MESSAGE FROM THE MINISTER OF HUMAN RESOURCES* | 14 |
| **PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH**<br>*MESSAGE FROM THE CHAIRMAN OF THE BOARD* | 18 |
| **PERUTUSAN PENGARAH EKSEKUTIF**<br>*MESSAGE FROM THE EXECUTIVE DIRECTOR* | 22 |
| **LEMBAGA PENGARAH DAN KUMPULAN PENGURUSAN**<br>*BOARD OF DIRECTORS AND THE MANAGEMENT TEAM* | 26 |
| **LATIHAN**<br>*TRAINING* | 32 |
| **KHIDMAT RUNDINGAN**<br>*CONSULTANCY SERVICES* | 64 |
| **PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN**<br>*RESEARCH AND DEVELOPMENT* | 74 |
| **PENYEBARAN MAKLUMAT**<br>*INFORMATION DISSEMINATION* | 112 |
| **PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN**<br>*EXAMINATION AND CERTIFICATION* | 148 |
| **NIOSH CERTIFICATION SDN. BHD.** | 152 |
| **PENGURUSAN KUALITI**<br>*QUALITY MANAGEMENT* | 160 |
| **PENGURUSAN PROJEK**<br>*PROJECT MANAGEMENT* | 180 |
| **DIARI KORPORAT**<br>*CORPORATE DIARY* | 186 |
| **PEJABAT-PEJABAT WILAYAH**<br>*REGIONAL OFFICES* | 203 |





# PROFIL KORPORAT

# *CORPORATE PROFILE*

# LATAR BELAKANG

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) ditubuhkan sebagai syarikat berhad menurut jaminan pada 24 Jun 1992 di bawah Kementerian Sumber Manusia. Bermula dengan sebuah pejabat sementara di Pusat Bandar Damansara, NIOSH telah berpindah ke Bandar Baru Bangi pada tahun 1996.

Seiring dengan permintaan yang semakin meningkat, NIOSH meluaskan lagi perkhidmatannya melalui pembentukan pejabat wilayah yang terletak di Sarawak, Sabah, Pulau Pinang, Johor dan Terengganu.

Inisiatif menubuhkan anak syarikat yang dikenali sebagai NIOSH Certification Sdn. Bhd. (NCSB) pada tahun 2004 bertujuan untuk meningkatkan budaya Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Malaysia. NCSB menjalankan aktiviti persijilan syarikat yang berjaya melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) yang diiktiraf antarabangsa dan badan pensijilan yang lain.

NIOSH telah memperolehi pensijilan bagi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 pada tahun 2003, ISO 9001:2008 pada tahun 2009 dan kemudiannya telah dinaiktaraf kepada ISO 9001:2015 pada tahun 2018. Pensijilan OHSAS 18001:2007 dan MS 1722:2011 telah diperolehi pada 1 Oktober 2012. Manakala Makmal Analisis Higen Industri NIOSH pula telah mendapat Akreditasi bagi pensijilan MS ISO/IEC 17025:2005 (ISO/IEC 17025:2005) pada tahun 2008.

# *BACKGROUND*

*The National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) was established as a company limited by guarantee on 24 June 1992 under the Ministry of Human Resources, Malaysia. NIOSH began its operations from a temporary office located in Pusat Bandar Damansara, before moving to its current NIOSH headquarters in Bandar Baru Bangi in 1996.*

*As the demand for occupational safety and health services increased, NIOSH expanded its provisions by establishing regional offices in Sarawak, Sabah, Penang, Johor and Terengganu.*

*In 2004, a subsidiary known as NIOSH Certification Sdn. Bhd. (NCSB) was established to enhance the Occupational Safety and Health (OSH) work ethics and culture in Malaysia. NCSB undertakes certification programmes for companies that have successfully implemented the internationally recognised Occupational Safety and Health Management System (OSHMS) and other relevant certifications.*

*NIOSH successfully obtained the certification for ISO Quality Management System 9001:2000 in 2003, ISO 9001:2008 in 2009, and was upgraded to ISO 9001:2015 in 2018. In addition, the organisation received the OHSAS 18001:2007 and MS 1722:2011 certifications on 1 October 2012. Meanwhile, the NIOSH Industrial Hygiene Analytical Lab was accredited with MS ISO/IEC 17025:2005 (ISO/IEC 17025:2005) in 2008.*

# FUNGSI DAN OBJEKTIF

Fungsi NIOSH adalah untuk memberikan latihan, khidmat rundingan, penyelidikan dan pembangunan serta penyebaran maklumat dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP).

Objektif penubuhan NIOSH adalah :

- Untuk menyumbang ke arah usaha meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui pembangunan kurikulum dan program latihan untuk pekerja, majikan, dan mereka yang bertanggungjawab, secara langsung atau sebaliknya, terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja.

- Untuk membantu industri, perdagangan dan sektor-sektor lain dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

- Untuk membantu mereka yang bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan maklumat yang terkini dari dalam dan luar negara dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

- Untuk mengendalikan penyelidikan jangka pendek dan jangka panjang dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang boleh membawa faedah dan manfaat kepada negara.

- Untuk menyebarkan maklumat hasil dari penyelidikan dan juga menjadi pusat rujukan di dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

# *FUNCTIONS AND OBJECTIVES*

*The function of NIOSH is to provide training, consultancy, and research and development, as well as disseminate information on Occupational Safety and Health (OSH) as a field of professional practice.*

*The objectives of establishing NIOSH are:*

- *To contribute toward the effort to increase the level of Occupational Safety and Health (OSH) at the workplace by developing curriculum and training programmes for both employers and employees, and for those responsible for OSH at the workplace through direct or auxiliary roles.*

- *To assist the industry and commercial sector, and other sectors in resolving OSH-related problems.*

- *To assist those responsible for OSH by providing them with updated OSH information coming from domestic and offshore sources.*

- *To undertake short-term and long-term research in fields related to OSH that would be resourceful and beneficial to the nation.*

- *To publish and disseminate information from research findings, and to become the centre for research and referencing in the field of OSH.*

# DIREKTORI PEJABAT NIOSH DI MALAYSIA
## *DIRECTORY OF NIOSH OFFICES IN MALAYSIA*



# IBU PEJABAT NIOSH
# *NIOSH HEADQUARTERS*

### IBU PEJABAT NIOSH MALAYSIA
*NIOSH MALAYSIA HEADQUARTERS*

**NIOSH Bandar Baru Bangi**
Lot 1, Jalan 15/1, Section 15,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan
+603 8769 2100 / +603 8911 3800
+603 8926 2900
general@niosh.com.my

# PEJABAT-PEJABAT WILAYAH
# *REGIONAL OFFICES*

### PEJABAT WILAYAH SELATAN
*SOUTHERN REGIONAL OFFICE*

**NIOSH Johor Bahru**
No. 10, Jalan Persiaran Teknologi,
Taman Teknologi Johor,
81400 Senai, Johor Bahru, Johor
+607 599 1200
+607 599 0200
johor@niosh.com.my

**NIOSH Pengerang**
Lot 73 & 75, Jalan Kempas 1,
Desaru Utama, Bandar Penawar,
81930 Kota Tinggi, Johor
+607 828 0183 / +607 886 1139
+607 828 0193
pengerang@niosh.com.my

**NIOSH Melaka**
Bangunan World Youth Hotel,
Lebuh Ayer Keroh,
75450 Ayer Keroh, Melaka
+606 232 6866
https://wa.me/60192299071
melaka@niosh.com.my

### PEJABAT WILAYAH UTARA
*NORTHERN REGIONAL OFFICE*

**NIOSH Pulau Pinang**
Lot 8872, Jalan Bertam 2, MK.6,
Bertam, 13200 Kepala Batas,
Pulau Pinang
+604 380 1200
https://wa.me/60192299724
penang@niosh.com.my

**NIOSH Manjung**
Jalan PPMP 3/4,
Pusat Perniagaan Manjung Point
32040 Seri Manjung, Perak
+605 689 0701
+605 689 0715
manjung@niosh.com.my

## PEJABAT WILAYAH PANTAI TIMUR
## *EAST COAST REGIONAL OFFICE*

**NIOSH Kerteh**
Lot 12853, Jalan Lapangan Terbang,
Kampung Darat Kolam,
24300 Kerteh, Terengganu
+609 826 4000 / +609 826 4001
+609 826 4000
terengganu@niosh.com.my

**NIOSH Kota Bharu**
Lot 1155, Jalan Bendahara 3/36,
Taman Bendahara,
16100 Kota Bharu, Kelantan
+609 773 1710
+609 773 1711
kelantan@niosh.com.my

**NIOSH Kuantan**
No. B12, Jalan KS 1/12,
KotaSAS Avenue, Kota Sultan Ahmad Shah,
25200 Kuantan, Pahang
+609 575 0521
+609 575 0522
kuantan@niosh.com.my

## PEJABAT WILAYAH SARAWAK
## *SARAWAK REGIONAL OFFICE*

**NIOSH Bintulu**
3rd Floor Commercial, Block C2, Naim Street Mall,
Bintulu Paragon, Jalan Old Airport,
97000, Bintulu Sarawak
+6019 233 3947 / +6019 233 3975
+608 631 5501
sarawak@niosh.com.my

**NIOSH Kuching**
Wisma Hamizan, Ground Floor, Lot 851 Sublot 16,
Seksyen 65, KTLD Off Jalan Astana, Petra Jaya,
93050 Kuching, Sarawak.
+608 253 6801 / +608 253 6803
+608 253 6802
sarawak@niosh.com.my

**NIOSH Miri**
Lot 10620,
Miri Commercial Shop Lot, Airport Road,
98000 Miri, Sarawak
+608 563 6840 / +608-563 6940
+608 563 6140
sarawak@niosh.com.my

**NIOSH Kapit**
Sublot 3688, Lot 1074, Block 13,
Menuan Land District,
96800 Kapit, Sarawak
+608 479 6043
sarawak@niosh.com.my

## PEJABAT WILAYAH SABAH
## *SABAH REGIONAL OFFICE*

**NIOSH Kota Kinabalu**
Lot B (22-27)-3, Level 3 (2nd Floor), Block B,
Harbour City, Sembulan, Jalan Pantai Baru,
88100 Kota Kinabalu, Sabah
+608 826 4252
+608 826 3252
sabah@niosh.com.my

**NIOSH Sandakan**
Institut Latihan Perindustrian Sandakan (ILP),
Tingkat 1, Bahagian Pusat Sumber & Multimedia,
Batu 5, Jalan Sibuga, 90000 Sandakan, Sabah
+608 966 3761
+608 966 3762
sabah@niosh.com.my

**NIOSH Tawau**
Lot 1, Ground Floor, Blok A,
Jalan Plaza Damai,
91000 Tawau, Sabah
+608 975 6302 / +608 975 6304
+608 975 6303
tawau@niosh.com.my

**NIOSH Wilayah Persekutuan Labuan**
1st Floor, Lot 1 & 2, Block A, Shermadef Commercial
Centre, KM 1.5, Jalan Patau-Patau,
87018 Federal Territory, Labuan
+608 742 3254
+608 742 3255
labuan@niosh.com.my

## UNIT KHIDMAT PELANGGAN
## *CUSTOMER SERVICE UNIT*

+603 8769 2100
+603 8911 3800

**Umum** / *General*
https://wa.me/60196664106

**Latihan** / *Training*
https://wa.me/60132224966

**Peperiksaan** / *Exam*
https://wa.me/60196668599

**E-mel** / *E-mail*
general@niosh.com.my

**Laman sesawang** / *Website*
www.niosh.com.my

**Laman Facebook** / *Facebook page*
@nioshmalaysia

## WAKTU OPERASI
## *OPERATION HOURS*

**Isnin hingga Khamis** / *Monday to Thursday*
8.00AM - 5.00PM

**Jumaat** / *Friday*
8.00AM - 12.15PM
2.45PM - 5.00PM

**Tutup pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum (Selangor)**
*Closed on Saturday, Sunday and public holidays (Selangor)*

# VISI *VISION*

**Menjadi pusat kecemerlangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan terunggul di Malaysia.**

*To be the leading centre of excellence in Occupational Safety and Health in Malaysia.*

# MISI *MISSION*

**Menyediakan penyelesaian yang praktikal dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.**

*To provide practical solutions in the field of Occupational Safety and Health.*

# NILAI-NILAI KORPORAT

## *CORPORATE VALUES*



**01** **Komitmen** ***Commitment***

Semua kakitangan NIOSH mesti menunjukkan komitmen mereka pada tahap maksimum.

*All NIOSH staff members must dedicate their commitment at maximum levels.*

**02** **Telus** ***Transparency***

Prosedur dan sistem yang berkaitan dengan kerja mestilah telus untuk menghilangkan kepentingan.

*Transparency in work procedures and systems must be observed to eliminate personal vested interest.*

**03** **Kerja Berpasukan** ***Teamwork***

Semua kakitangan mesti menunjukkan komitmen yang tinggi dengan memastikan objektif kerja berpasukan tercapai.

*All staff members must devote high levels of commitment to ensure the objective of teamwork is achieved.*

**04** **Jujur** ***Honesty***

Interaksi mesti bebas dari kepalsuan, keutamaan dan tipu daya.

*Interaction must be free of insincerity, partiality and deceit.*

**05** **Integriti Profesional dan Peribadi** ***Professional and Personal Integrity***

NIOSH mengharapkan kesetiaan dan kejujuran dari kakitangan dan perkhidmatannya dari aspek prinsip moral.

*NIOSH expects its staff to have moral principles of loyalty and honesty in their work and service to the organisation.*

**06** **Kualiti** ***Quality***

Semua produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan NIOSH mestilah berkualiti tinggi.

*All products and services associated with NIOSH must exude performance of the highest quality.*

**07** **Kepakaran Teknikal** ***Technical Expertise***

Semua kakitangan NIOSH mesti menggambarkan pengetahuan teknikal yang menyeluruh.

*All NIOSH staff members must demonstrate comprehensive and in-depth technical knowledge.*

**08** **Kepimpinan** ***Leadership***

Semua kakitangan mesti menunjukkan kualiti / tahap kepimpinan yang cemerlang.

*All staff members must execute proficient qualities and effective levels of leadership.*

**09** **Komunikasi** ***Communication***

Semua kakitangan mesti sentiasa mengamalkan komunikasi yang berkesan.

*All staff members must constantly harness effective communication skills.*

**10** **Pembangunan Sumber Manusia** ***Human Resource Development***

NIOSH mempromosikan pembangunan sumber manusia secara berterusan untuk meningkatkan kemampuan peribadi.

*NIOSH continuously promotes human resource development for potential growth and capacity building.*


M. SARAVANAN



# PERUTUSAN MENTERI SUMBER MANUSIA

## *MESSAGE FROM THE MINISTER OF HUMAN RESOURCES*

Salam sejahtera,

Kementerian Sumber Manusia Malaysia memandang serius aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Setiap kemalangan yang mengakibatkan kecederaan membawa kepada pengertian kesakitan dan penderitaan yang dialami oleh seseorang pekerja. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mengurangkan risiko dan kecederaan sebanyak mungkin dengan memupuk kesedaran keselamatan dan amalan kerja yang selamat di tempat kerja.

Sejak kebelakangan ini, banyak perkembangan pesat yang berlaku dalam sektor pekerjaan negara. Seiring dengan itu, Kementerian telah merombak sepenuhnya sistem keselamatan tempat kerja di negara ini dengan peraturan yang lebih ketat bagi memastikan kebajikan pekerja sentiasa dijaga dengan sebaik-baiknya.

Kini, lebih ramai majikan dan pekerja menyedari akan kepentingan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Kadar kematian di tempat kerja juga telah mencatatkan penurunan sejak kebelakangan ini.

Namun, masih terdapat banyak lagi ruang untuk diperbaiki di mana kita harus melipatgandakan usaha untuk mengurangkan kemalangan di tempat kerja. Majikan harus melihat tempat kerja yang selamat dan sihat sebagai salah satu faktor penting bagi pembangunan perniagaan mereka. Ini kerana, tempat kerja yang selamat menunjukkan bahawa kebajikan pekerja adalah terjaga dan lebih dihargai. Ini akan mendorong kepada peningkatan produktiviti dan pekerja lebih komited terhadap kerja dan majikan masing-masing.

Selain itu, pekerja turut memainkan peranan penting. Ini kerana, pekerja tidak hanya mendapat manfaat daripada tempat kerja yang selamat, tetapi mereka juga bertanggungjawab dalam mewujudkan persekitaran kerja yang selamat. Pekerja adalah orang yang paling biasa dengan proses kerja, mengetahui di mana tempat paling bahaya, yang tahu bagaimana kita dapat melakukan sesuatu dengan lebih baik dan meningkatkan keselamatan untuk semua. Oleh itu, saya menyeru agar semua pekerja untuk lebih proaktif dalam hal ini, dan saya juga memohon agar kesatuan pekerja

*Salam sejahtera,*

*The Ministry of Human Resources Malaysia takes occupational safety and health very seriously. Every injury means pain and suffering for a worker. Hence, it is our duty to reduce these risks and injuries to the absolute minimum by instilling safety consciousness and safe work practices in all our workplaces.*

*We have undoubtedly seen encouraging progress. The Ministry has conducted a major overhaul on the workplace safety system in the country. We have imposed more stringent regulations on employers to ensure the welfare of our workers are seen to with utmost care.*

*Since then, more employers and workers now appreciate the importance of workplace safety and health. Hence, workplace fatality rate has decreased in recent years.*

*But there is still much room for improvement. We must redouble our efforts, work harder to completely eradicate workplace hazards. Employers have to envision safe and healthy workplaces as essential to their businesses. A safe workplace proves to workers that employers care about them, and that they are not just another number. After all, workers are human beings. Employers should value them and extend concern for their safety and health in the work environment. This will lead to increased productivity, commitment and performance. There shall also be mutual satisfaction between employees and employers. I am glad that companies are beginning to understand this.*

*Workers also play an important role in contributing to a safe workplace (in turn benefitting from it). They are familiar with work processes, able to identify dangerous areas, capable of recommending better methods and improving safety for all. While I encourage workers to be proactive from this perspective, I also urge unions to work with the management to support workers in this effort.*

*We as the Government will take the lead in this quest to set and enforce rules that will raise safety standards, especially in public construction and development projects. I believe this will make a difference and consequently, raise the overall safety standards for all*

bekerjasama dengan pihak pengurusan seterusnya dapat memimpin pekerja dalam usaha ini.

Kerajaan menerusi Kementerian Sumber Manusia akan terus menyokong dan menerajui usaha murni ini. Kementerian akan terus komited dalam menetapkan dan menguatkuasakan peraturan bagi meningkatkan standard tahap keselamatan; terutamanya dalam sektor pembinaan dan pembangunan awam. Adalah menjadi harapan saya, usaha ini dapat memelihara keselamatan dan kesihatan pekerja negara ini.

Sesungguhnya, tenaga kerja adalah modal pembangunan negara yang amat berharga. Justeru, Kementerian Sumber Manusia tidak akan sekali-kali berkompromi dengan aspek keselamatan pekerja. Setiap nyawa adalah bernilai, dan setiap pekerja adalah aset penting.

Sekian, terima kasih.

*industries. Having said this, I also encourage the private sector to follow suit.*

*Human capital is our only resource. The Ministry of Human Resources Malaysia will never trade-off workers' safety for cost or for time. Every life counts, and every worker matters.*

*Thank you.*

**YB Datuk Seri M. Saravanan**
**Menteri Sumber Manusia** / *Minister of Human Resources*





# PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

## *MESSAGE FROM THE CHAIRMAN OF THE BOARD*

Salam sejahtera,

Tahun 2020 merupakan laluan penuh berliku bagi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH). Cabaran yang tidak diduga akibat dilanda pandemik COVID-19 telah memastikan peranan dan fungsi NIOSH terus kekal menjadi releven kepada pemangkin industri negara.

Saya juga amat berbangga dengan tahap kesiapsiagaan warga kerja NIOSH dalam menerima cabaran bertugas dalam keadaan norma baharu. Saya turut tersentuh dengan sifat positif kakitangan yang sentiasa mempunyai motivasi diri yang tinggi dalam meningkatkan prestasi dan mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan NIOSH.

Permulaan tahun 2020 tidak begitu memberangsangkan namun sokongan padu serta kerja keras daripada semua pihak akhirnya membuahkan hasil apabila pendapatan yang direkodkan oleh NIOSH pada tahun 2020 menghampiri sasaran yang telah ditetapkan. Tahniah dan syabas kepada semua.

Lebih lagi yang membanggakan, ada di antara pejabat wilayah dan satelit yang mampu melepasi sasaran yang ditetapkan dengan cemerlang dan ini seharusnya menjadi penanda aras kepada yang lain untuk meningkatkan prestasi masing-masing.

Walaupun hanya mengambil alih tugas sebagai Pengerusi NIOSH pada bulan April 2020, saya dapat melihat kesungguhan warga NIOSH memberikan perkhidmatan terbaik dalam semua bidang utama iaitu latihan, konsultansi, penyelidikan dan pembangunan (R&D), peperiksaan dan juga penyebaran maklumat.

Sepanjang tempoh tahun 2020, saya turut berkesempatan melawat pejabat NIOSH di seluruh negara dan bertemu semua kakitangan serta berinteraksi bersama mereka dan menyelami tugasan mereka. Sekalung tahniah ingin saya sampaikan kepada warga NIOSH kerana berjaya mengekalkan prestasi cemerlang manakala ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan padu termasuk Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi di bawahnya.

*Salam sejahtera,*

*The year 2020 was a period of unexpected challenges as the nation and the world dealt with the COVID-19 pandemic. At the National Institute of Occupational Safety and Health, we too, experienced a meandering journey that although challenging taught us to be steadfast in our organisation's role and function. We continued to facilitate the occupational safety and health needs of the industry even in difficult times.*

*As Chairman of NIOSH, I am most pleased with the enthusiasm and readiness of our staff to make work adjustments and to face unforeseen challenges in the new normal. They were positive and self-motivated to fulfill their responsibilities, increase their performance level, and ready to achieve the targets set by the Board of Directors and the Management of NIOSH.*

*Reflecting back to the early months of 2020, the scenario was rather dismal. However, through unity and cooperation all departments and employees worked diligently to reach the organisation's 2020 financial goal. NIOSH was able to achieve a net income very close to its set target. My congratulations and gratitude to all.*

*Likewise, the regional and satellite offices also attained commendable results. Goals and targets which were set for them surpassed the mark. Their outstanding achievement is a benchmark for us to amplify our individual and collective performance.*

*From the inception of my appointment at NIOSH in April 2020, I have observed the sincerity of all employees as they served the organisation to the best of their efforts in training, consultancy, research and development, examinations and certifications, and dissemination of information.*

*Throughout the year 2020, I have had the opportunity to schedule official work visits to all regional and satellite offices in the country, and to meet with all NIOSH employees. During these visits, the occasion to interact and witness our staff in action at work was pleasing. For being able to maintain high performance levels, I extend a recognition to all individuals and departments in NIOSH Malaysia, to the Ministry of Human Resources and the agencies under its jurisdiction for everyone's commitment and dedication.*

NIOSH juga tidak melupakan tanggungjawabnya untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan dengan memperkenalkan pelbagai program khas untuk Kumpulan B40. Banyak program bantuan rakyat telah dihulurkan bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka yang memerlukan.

Walaupun program sebegini tidak mendatangkan keuntungan dalam bentuk wang ringgit, ia merupakan pelaburan jangka panjang dan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat NIOSH.

Adalah menjadi harapan saya agar warga kerja NIOSH akan terus bekerja keras agar kita mampu mencapai sasaran lebih tinggi yang ditetapkan untuk tahun-tahun mendatang.

Saya amat yakin warga NIOSH mampu mencapai sasaran tersebut disamping terus melaksanakan amanah dan tanggungjawab kita kepada rakyat dan negara bersama sokongan padu Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan.

Sekian, terima kasih.

*In light of challenges brought about by the pandemic to many communities, NIOSH extended its service to the B40 group. A number of relief efforts were arranged to help the underprivileged, and communities affected by natural disasters.*

*Charitable works are part of NIOSH corporate social responsibility. It is a service the organisation extends to the needy, an act that would bring long term and future benefits.*

*Gauging on the accomplishments for the year 2020, I am confident that employees of NIOSH will remain diligent in their undertakings, and would be able to strengthen their performance level as we move towards the future.*

*As Chairman of NIOSH Malaysia, I am most confident we will realise our goals and targets, be trustworthy and able to complete our responsibilities to the nation; and, to give our unanimous cooperation to the Board of Directors and to the Management.*

*Thank you.*

**YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong**
**Pengerusi NIOSH /** *NIOSH Chairman*





# PERUTUSAN PENGARAH EKSEKUTIF

## *MESSAGE FROM THE EXECUTIVE DIRECTOR*

Assalamualaikum W. B. T.,

Bismillahirrahmanirrahim. Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan semua badan dan agensi kerajaan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), Majlis Keselamatan Negara (MKN), kerana telah memberi peluang kepada NIOSH sebagai perkhidmatan penting dan yang diperlukan untuk beroperasi secara fizikal dalam beberapa bulan pada tahun 2020.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong selaku Pengerusi NIOSH, YB Senator Datuk T. Mohan selaku Timbalan Pengerusi NIOSH dan barisan Ahli Lembaga Pengarah NIOSH kerana memberikan kepercayaan dan sokongan dalam membentuk serta melaksanakan strategi norma baharu bagi memastikan NIOSH terus dapat beroperasi memberikan perkhidmatan kepada rakyat dan pada masa yang sama perlu untuk memutuskan rantaian pandemik COVID-19.

Terima kasih juga kepada Pihak Pengurusan dan semua warga kerja NIOSH di atas segala usaha, sumbangan dan kerjasama yang diberikan demi memastikan visi dan sasaran tahun 2020 dapat dicapai. Walau bagaimanapun perlu membuat semakan semula dari sasaran asal ke sasaran baharu tahun 2020 akibat penularan pandemik COVID-19 yang mengakibatkan negara dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk tempoh beberapa bulan dalam tahun berkenaan.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa kami telah belajar banyak perkara dan pengalaman daripada pandemik yang tidak pernah terjadi sebelum ini. Penyebaran wabak berkenaan tidak pernah menjadi ancaman dalam analisis SWOT, malahan kami tidak mempunyai persediaan yang cukup untuk menghadapinya. Di sini dapat dilihat betapa pentingnya pengetahuan bagaimana untuk menangani serta berhadapan dengan bahaya seperti penyebaran wabak seperti ini. Kami juga menyedari pentingnya garis panduan atau prosedur operasi standard (SOP) dalam kehidupan seharian apabila bekerja dengan bahaya berkenaan terutamanya di tempat kerja dan kegagalan mengikut prosedur berkenaan boleh mengancam nyawa orang yang terlibat.

*Assalamualaikum W. B. T.,*

*Bismillahirrahmanirrahim. I would like to express my appreciation and gratitude to the Ministry of Human Resources, all government bodies and agencies, namely, the National Security Policy and the Ministry of Home Affairs for granting NIOSH the approval to allow essential services of the organisation to operate in-person during the year 2020.*

*My appreciation and gratitude are also extended to YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH; YB Senator Datuk T. Mohan, Vice Chairman of NIOSH; and, all Board of Directors for their affirmation. It gave us the needed support to develop and implement new strategies to embrace new norms; and, to ensure the sustaining of operations at NIOSH allowed us to serve the Malaysian people while dedicating our collective efforts to break the COVID-19 chain.*

*My appreciation is also given to the management and all employees for their effort, contribution and cooperation. Their dedication was instrumental in the organisation's goal to achieve its vision and targets for the year 2020. Nonetheless, a comparative study is recommended to evaluate the original and modified targets that were implemented in order to adapt to the pandemic situation.*

*I would like to mention we have without doubt learned life's lessons from experiencing an unexpected pandemic in our day and age. For example, most businesses would not have thought about including a threat of a pandemic in a SWOT analysis. Furthermore, having being insufficiently equipped and trained for a pandemic was a significant awakening. We realised how important it was to reinforce our skills and knowledge to withstand a relentless hazard such as a Coronavirus pandemic. In the situation we are in now, standard operating procedures (SOP) are crucial guidelines at the workplace and in the daily lives of people. Failure to obey may cause the life of others.*

*NIOSH deeply appreciates all its clients for their continuous patronage. Our clients' benefaction drives us to deliver quality services and products that cater to their business needs. Their support motivates NIOSH to*

Sokongan yang berterusan dari pelanggan NIOSH amat kami hargai. Mereka adalah motivasi kepada kami untuk melahirkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti serta mendorong kami untuk berjuang dalam menjadikan NIOSH pilihan berterusan di kalangan pemain industri di dalam lapangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP).

Sekian, terima kasih.

*strive to become the preferred choice in the industry as a professional organisation in the field of OSH.*

*Thank you.*

**Tn. Hj. Ayop bin Salleh**
**Pengarah Eksekutif NIOSH** / *NIOSH Executive Director*





# LEMBAGA PENGARAH DAN KUMPULAN PENGURUSAN

## *BOARD OF DIRECTORS AND THE MANAGEMENT TEAM*

# AHLI LEMBAGA PENGARAH
## *BOARD OF DIRECTORS*

- **YB Pn. Alice Lau Kiong Yieng**
  (Sehingga / *Until* 01/04/2020)
  **YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong**
  (Bermula / *Commencing* 08/04/2020)
  Pengerusi / *Chairman*

- **En. Gunasegaran a/l Kandaswamy**
  (Sehingga / *Until* 14/04/2020)
  **YB Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu**
  (Bermula / *Commencing* 15/04/2020)
  Timbalan Pengerusi / *Vice Chairman*

- **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
  Pengarah Eksekutif / *Executive Director*

- **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
  Setiausaha Eksekutif / *Executive Secretary*

- **YBhg. Datuk Haji Shamsuddin bin Bardan**

- **YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong**

- **En. Maniam a/l Arumugam**

- **Pn. Zamzarina binti Abu Bakar**

- **En. Matkar bin Siwang**

- **Pn. Chan Suet Fun**
  (Sehingga / *Until* 01/06/2020)

- **En. Thomas Balan Bang**
  (Bermula / *Commencing* 26/06/2020)

- **Prof. Dr. Ismail bin Bahari**

- **Dr. Nur Dalilah binti Dahlan**

- **Dr. Abu Hasan bin Samad**
  (Sehingga / *Until* 27/06/2020)

- **Dr. Tan Guat Lin**
  (Sehingga / *Until* 27/06/2020)

- **En. Matdiah bin Mohammad**

- **Prof. Madya Ts. Dr. Shamsul Bahari bin Shamsudin**
  (Bermula / *Commencing* 06/11/2020)

- **Dr. Shamsul Rizal bin Shamsudin**
  (Bermula / *Commencing* 06/11/2020)

- **Dr. Sharudin bin Shari**
  (Bermula / *Commencing* 06/11/2020)

# PENGURUSAN TERTINGGI
## *SENIOR MANAGEMENT*

- **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
  Pengarah Eksekutif / *Executive Director*

- **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
  Setiausaha Eksekutif / *Executive Secretary*

- **En. Khairunnizam bin Mustapa**
  Pengurus Besar Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan / *General Manager of Consultation, Research and Development Department*

- **En. Saupi Nazri bin Mamat**
  Pengurus Kanan Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah / *Senior Manager of Education and Training Department & Regional Offices*

# KUMPULAN PENGURUSAN
## *MANAGEMENT TEAM*

- **Pn. Norismalina binti Ishak**
  Pengurus Bahagian Kewangan dan Perolehan / *Manager of Finance and Procument Division*

- **Pn. Noorliza Idawati binti Mat Nayan**
  Pengurus Bahagian Sumber Manusia / *Manager of Human Resources Division*

- **En. Mohd Rashidi bin Rohmad**
  Pengurus Bahagian Teknologi Maklumat / *Manager of Information Technology Division*

- **En. Azmi bin Aman Shah**
  Pengurus Bahagian Pengurusan Projek / *Manager of Project Management Division*

- **Ts. Haji Shahronizam bin Noordin**
  Pengurus Bahagian Penyebaran Maklumat / *Manager of Information Dissemination Division*

- **Cik Siti Faranez binti Harun**
  Pengurus Bahagian Peperiksaan dan Pensijilan / *Manager of Examination and Certification Division*

- **En. Shahir bin Addenan**
  Pengurus Bahagian Pengurusan Kualiti / *Manager of Quality Management Division*

- **En. Mohd Hussin bin Abd. Salam**
  Pengurus Bahagian Perniagaan dan Pemasaran / *Manager of Business and Marketing Division*

- **Pn. Siti Badariah binti Abu Bakar**
  Pengurus Bahagian Pendidikan dan Kompetensi Perundangan / *Manager of Education and Regulatory Competency Division*

- **En. Mohamad Redzuan Shah bin Masri**
  Pengurus Bahagian Pembangunan Program / *Manager of Programme Development Division*

- **En. Norazman bin Bakrun**
  Pengurus Bahagian Strategi Komunikasi Latihan / *Manager of Training Strategic Communication Division*

- **Pn. Siti Zainatul Arafah binti Mat Zin**
  Pengurus Bahagian Kesedaran dan Kemahiran Keselamatan / *Manager of Safety Awareness and Skills Division*

- **En. Hisyamuddin bin Mohamad**
  Pengurus Pejabat Wilayah Pantai Timur / *Manager of East Coast Regional Office*

- **Pn. Rosliza binti Osman**
  Pengurus Pejabat Wilayah Utara / *Manager of Northern Regional Office*

- **Tuan Haji Muhammad Zaeem bin Mokhtar**
  Pengurus Pejabat Wilayah Selatan / *Manager of Southern Regional Office*

- **En. Wan Sarman bin Sakan**
  Pengurus Pejabat Wilayah Sabah dan W. P. Labuan / *Manager of Sabah and F. T. of Labuan Regional Office*

- **Pn. Normiza binti Suhaili**
  Pengurus Pejabat Wilayah Sarawak / *Manager of Sarawak Regional Office*

## JAWATANKUASA PERJAWATAN
## *ESTABLISHMENT COMMITTEE*

- **YBhg. Datuk Haji Shamsuddin bin Bardan**
  Pengerusi / *Chairman*
- **En. Maniam a/l Arumugam**
- **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
- **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
- **En. Matkar bin Siwang**
- **Pn. Noorliza Idawati binti Mat Nayan**
  Urus Setia / *Secretariat*

## JAWATANKUASA KEWANGAN
## *FINANCE COMMITTEE*

- **YBhg. Datuk Haji Shamsuddin bin Bardan**
  (Sehingga / *Until* 06/11/2020)
  **Pn. Zamzarina binti Abu Bakar**
  (Bermula / *Commencing* 06/11/2020)
  Pengerusi / *Chairman*
- **YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong**
- **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
- **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
- **Pn. Norismalina binti Ishak**
  Urus Setia / *Secretariat*

## JAWATANKUASA KEAHLIAN
## *MEMBERSHIP COMMITTEE*

- **YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong**
  Pengerusi / *Chairman*
- **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
- **En. Matkar bin Siwang**
- **En. Matdiah bin Mohammad**
  (Sehingga / *Until* 27/06/2020)
- **Dr. Sharudin bin Shari**
  (Bermula / *Commencing* 06/11/2020)
- **Pn. Heina Faeza binti Abdul Wahid**
  Urus Setia / *Secretariat*

## JAWATANKUASA PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
## *RESEARCH AND DEVELOPMENT COMMITTEE*

- **Dr. Abu Hasan bin Samad**
  (Sehingga / *Until* 27/06/2020)
  **Dr. Nur Dalilah binti Dahlan**
  (Bermula / *Commencing* 06/11/2020)
  Pengerusi / *Chairman*
- **Prof. Dr. Ismail bin Bahari**
- **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
- **Dr. Tan Guat Lin Evelyn**
  (Sehingga / *Until* 27/06/2020)
- **Prof. Madya Ts. Dr. Shamsul Bahari bin Shamsudin**
  (Bermula / *Commencing* 06/11/2020)
- **En. Khairunnizam bin Mustapa**
  Urus Setia / *Secretariat*

# JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
## *BUSINESS DEVELOPMENT COMMITTEE*

- **Prof. Dr. Ismail bin Bahari**
  Pengerusi / *Chairman*
- **YBhg. Datuk Haji Shamsuddin bin Bardan**
- **En. Maniam a/l Arumugum**
- **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
- **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
- **Dr. Abu Hasan bin Samad**
  (Sehingga / *Until* 27/06/2020)
- **Dr. Tan Guat Lin**
  (Sehingga / *Until* 27/06/2020)
- **Dr. Nur Dalilah binti Dahlan**
  (Sehingga / *Until* 27/06/2020)
- **En. Mohd Hussin bin Abdul Salam**
  Urus Setia / *Secretariat*

# JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
## *INTERNAL AUDIT COMMITTEE*

- **Pn. Zamzarina binti Abu Bakar**
  (Sehingga / *Until* 06/11/2020)
  **YB Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu**
  (Bermula / *Commencing* 06/11/2020)
  Pengerusi / *Chairman*
- **En. Gunasegaran a/l Kandaswamy**
  (Sehingga / *Until* 14/04/2020)
- **Pn. Chan Suet Fun**
  (Sehingga / *Until* 01/06/2020)
- **En. Thomas Balan Bang**
  (Bermula / *Commencing* 06/11/2020)
- **Dr. Shamsul Rizal bin Shamsudin**
  (Bermula / *Commencing* 06/11/2020)
- **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
  **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
  Ex Officio / *Ex Officio*
- **Pn. Salwati binti Abdul Rahman**
  Urus Setia / *Secretariat*

# JAWATANKUASA PENCALONAN
## *NOMINATION COMMITTEE*

- **YBhg. Datuk Haji Shamsuddin bin Bardan**
  Pengerusi / *Chairman*
- **YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong**
- **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
- **Mejar Haji Hanif bin Maidin (B)**
- **En. Matkar bin Siwang**
- **Pn. Roziah binti Abdul Rashid**
  Setiausaha Syarikat / *Company Secretary*





# LATIHAN

## *TRAINING*

# PROGRAM LATIHAN

Program latihan yang dikendalikan oleh NIOSH telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), persatuan industri, pengamal KKP, rakan antarabangsa dan pekerja pada umumnya. Selain memastikan kompetensi orang-orang yang berdaftar, program latihan NIOSH juga diperluas kepada eksekutif kanan, ahli jawatankuasa keselamatan dan kesihatan, penyelia keselamatan, pekerja kontraktor umum, ahli akademik dan lain-lain individu yang berkepentingan.

Aktiviti latihan boleh dibahagikan kepada tiga aktiviti utama iaitu pelaksanaan program latihan, pembangunan dan semakan modul latihan, dan pemantauan dan penilaian aktiviti latihan.

# PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN

Aktiviti latihan merupakan salah satu fungsi utama NIOSH dalam memberikan kesedaran terhadap isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di tempat kerja kepada industri. Aktiviti latihan KKP di NIOSH dikategorikan kepada 5 kategori yang utama seperti berikut :

- Program Kompetensi Perundangan
- Program Kompetensi Kemahiran
- Program Kejurulatihan
- Program Pasport Keselamatan NIOSH
- Program untuk Pengamal KKP
- Seminar

Sehingga November 2020 sebanyak **6,771** program telah berjaya dilaksanakan untuk pelbagai industri di ibu pejabat NIOSH dan cawangan-cawangannya dengan jumlah pencapaian sebanyak **112%**.

# *TRAINING PROGRAMMES*

*Training programmes conducted at NIOSH are recognised by DOSH, industry associations, OSH endorsers, international partners and the general labour force. The training programmes at NIOSH are not only to ensure the competency of those registered for training. It is also extended to executives, committee members of DOSH, safety coordinators, general contract workers, educators in the academic field and other significant persons or leaders.*

*There are three main areas in a training programme: implementation of the training programme, development and improvement of training modules; and, monitoring and evaluation of training activities.*

# *IMPLEMENTATION OF THE TRAINING PROGRAMMES*

*One of the key functions of NIOSH is to conduct training activities for the purpose of creating awareness on OSH related issues at the workplace so as to keep the industries advised. There are 5 main categories of OSH training activities:*

- *Programme for Competency Regulations*
- *Programme for Skills Competency*
- *Coaching Programme*
- *Programme for NIOSH Safety Passport*
- *Programme for OSH Practioners*
- *Seminar*

*NIOSH has successfully implemented **6,771** training programmes dating until November 2020. These trainings had been conducted for diverse types of industries, and were held at NIOSH headquarters and branches. The success rate achieved was **112%.***

| Bil. *No.* | Jenis Kursus *Course Type* | Jumlah 2020 (sehingga November) *Total in 2020 (until November)* | |
|---|---|---|---|
| | | Bilangan Program *Number of Programmes* | Bilangan Peserta *Number of Participants* |
| 1 | Program untuk Pengamal KKP *Programmes for OSH Practitioners* | 149 | 2,324 |
| 2 | Program Persijilan / Kompetensi *Certification / Competency Programmes* | 2,011 | 27,103 |
| 3 | Program Kejurulatihan *Trainer's Programmes* | 40 | 449 |
| 4 | Program Pasport Keselamatan NIOSH *NIOSH Safety Passport Programme* | 4,532 | 81,113 |
| 5 | Seminar *Seminar* | 39 | 1,743 |
| | **Jumlah Keseluruhan** ***Grand Total*** | **6,771** | **112,842** |

Jumlah Program Latihan dan Bilangan Peserta yang dijalankan oleh NIOSH.
*Total number of programmes (including participants) conducted by NIOSH.*

# KATEGORI AKTIVITI LATIHAN NIOSH

## PROGRAM KOMPETENSI PERUNDANGAN

Antara program-program yang mendapat sambutan tinggi dari industri ialah Program Persijilan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO), Program Penyelia Keselamatan Tapak dan Program Keselamatan Ruang Terkurung, Pengapit Risiko Bahan Kimia dan lain-lain program yang melahirkan Orang Yang Kompeten (OYK).

# *TRAINING ACTIVITIES CATEGORY AT NIOSH*

## *PROGRAMME FOR COMPETENCY REGULATIONS*

*Among the programmes that were favourably participated by domestic industries are Certification Programme for Occupational Safety and Health (OSH), Programme for On-site Safety Supervisor, Programme for Confined Areas, and Programme for Chemical Health Risk Assessment. These training programmes generate competent workers and employees.*

# AKTIVITI BAHAGIAN PENDIDIKAN DAN KOMPETENSI PERUNDANGAN (ERCD) BAGI TAHUN 2020

## KERJASAMA DENGAN PIHAK SYARIKAT AIR SELANGOR (SYABAS)

Pada 25 September 2020, pihak ERCD khususnya Unit Ruang Terkurung NIOSH telah mengadakan mesyuarat bersama dengan pihak syarikat Air Selangor bagi tujuan menjalinkan kerjasama di dalam bidang latihan khususnya melatih pekerja di dalam ruang terkurung. Hasil dari mesyuarat yang diadakan, pihak Air Selangor telah bersetuju untuk menghantar lebih kurang 200 orang pekerja untuk mengikuti program ruang terkurung dengan lebih kurang 20 sesi kursus akan dijalankan di NIOSH Ibu Pejabat bermula pada Januari tahun 2021.

# *EDUCATION AND REGULATIONS COMPETENCY DEPARTMENT (ERCD) ACTIVITIES FOR THE YEAR 2020*

## *COLLABORATION WITH SYABAS (SELANGOR WATER SUPPLY AND MANAGEMENT)*

*On the 25 September 2020, representatives of ERCD mainly those from the Confined Space Unit at NIOSH main office held a meeting with SYABAS for the purpose of establishing a mutual cooperation between both parties to provide training for employees working in confined spaces. The outcome of the meeting was successful. SYABAS agreed to allocated 200 of its employees to register for the confined space training programme. These employees would attended some 20 sessions of training at NIOSH headquarters beginning January 2021.*



## PENGANJURAN KELAS MALAM BAGI PROGRAM AESP-R

Berikutan daripada permintaan yang tinggi daripada majikan dan pekerja untuk program ruang terkurung selepas Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tamat, pihak ERCD telah berjaya menganjurkan kelas malam bagi program AESP-R sebanyak empat (4) sesi dengan jumlah peserta seramai 61 orang di Ibu Pejabat NIOSH.

## *THE LAUNCH OF AESP-R PROGRAMME (NIGHT CLASSES)*

*As a result of high on-demand for the confined space training programme from many employers and employees, especially at the end of the Conditional Movement Control Order (CMCO), ERCD successfully launched 4 sessions of night classes for the AESP-R programme. A total of 61 participants attended the training at NIOSH headquarters.*



## KURSUS JURUTEKNIK HIGIEN

Kursus Juruteknik Higien mempunyai 2 jenis kursus di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000.

Juruteknik Higien 1 (HT1) merupakan orang yang bertanggungjawab menjalankan pemantauan pendedahan kimia di tempat kerja.

Juruteknik Higien 2 (HT2) merupakan orang yang bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan dan ujian keberkesanan kelengkapan kawalan kejuruteraan di tempat kerja.

## *HYGIENE TECHNICIAN COURSE*

*This course consists of 2 types of modules which fall under OSH regulations (for the Use and Standard Exposure to Dangerous Chemicals towards Health) 2000.*

*Hygiene Technician 1 (HT1) has the responsibility to oversee the monitoring of chemical exposure at the workplace or worksite.*

*Hygiene Technician 2 (HT2) has the responsibility to manage the inspection, assess test-runs and evaluate the effectiveness of machinery and equipment at the workplace or worksite.*






## KURSUS PENAKSIR RISIKO BISING

Kursus Penaksir Risiko Bising (NRA) adalah kursus baharu tahun 2020 yang menggantikan kursus Kompetensi Permonitoran Pendedahan Bunyi Bising (MNE) ianya di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Bising) 2019.

Penaksir Risiko Bising (NRA) merupakan orang yang bertanggungjawab menjalankan penaksiran pendedahan bising di tempat kerja.

## *NOISE RISK ASSESSOR COURSE*

*The Noise Risk Assessor Course is the newest course at NIOSH. It commenced in year 2020 replacing the Management of Noise Exposure Course. This decision was made so as to comply with the guidelines stated in OSH 2019 policies with regards to noise exposure at the workplace.*

*The noise risk assessor is responsible for gauging the levels of noise exposure at a workplace or worksite.*





## KURSUS PENYELIA KESELAMATAN TAPAK (SSS)

Penyelia Keselamatan Tapak (SSS) ianya di bawah Peraturan-Peraturan Kilang Dan Jentera (Kendalian Bangunan Dan Kerja-Kerja Binaan Kejuruteraan) (Keselamatan) 1986 [BOWEC].

Penyelia Keselamatan Tapak (SSS) merupakan orang yang bertanggungjawab menjalankan aktiviti memeriksa dan memperbaiki mana-mana keadaan tidak selamat di tapak bina, membetulkan mana-mana amalan tidak selamat, kerja-kerja sub-kontraktor untuk memastikan bahawa Akta dan Peraturan-Peraturan yang dibuat di bawahnya dipatuhi dan berhubung terus dengan penyelia keselamatan kontraktor berkenaan dengan keselamatan bekerja yang dijalankan oleh sub-kontraktor.

## *SITE SAFETY SUPERVISOR COURSE (SSS)*

*The Site Safety Supervisor (SSS) is subjected to the Regulations of Factory and Machinery (Building Management and Engineering Construction Works) (Safety) 1986 (BOWEC).*

*The Site Safety Supervisor (SSS) has the responsibility to perform inspection and to repair machines and engineering problems that are unsafe or risky at the construction site, and to rectify unsafe practices. In addition, the Site Safety Supervisor is required to obliterate unsafe or risky work by sub-contractors so as to ensure compliance to construction regulations and Acts for the safety of work at the site.*





**PELAKSANAAN KURSUS PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN UNTUK PEKERJA MASA HADAPAN (SHOFW)**

Pada tahun 2018, Bahagian Pendidikan dan Kompetensi Perundangan (ERCD) telah memperkenalkan serta melaksanakan pakej khas Kursus Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Untuk Masa Hadapan (SHOFW) bagi pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam.

Program yang julung kali diadakan ini disertai seramai 25 orang pelajar dan telah diadakan selama 23 hari di UiTM Shah Alam bermula pada 23 Julai sehingga 17 Ogos 2018 dan pada tahun 2020 program ini dijalankan lagi bagi kali ke-4 dan seramai 14 orang peserta telah mengikuti kursus ini .

***IMPLEMENTATION OF SAFETY AND HEALTH OFFICER FOR FUTURE WORKERS COURSE (SHOFW)***

*In the year 2018, the Education and Regulatory Competency Division introduced and implemented a special training package named Safety and Health Officer for Future Workers Course. This course was aimed at training fresh graduates holding the Bachelor of Chemical Engineering from University Technology Mara (UiTM) in Shah Alam, Selangor.*

*Since its inception in 2018, four training programmes were conducted. The first session was held for 23 days at UiTM Shah Alam campus. There were 25 participants registered and they attended the course from 23 July to 17 August. Then in 2020 the fourth session was held with 14 participants in attendance for the course.*





## LAWATAN TAPAK MENGGUNAKAN VIDEO 360 DARJAH

MALAYSIA dilanda wabak pandemik COVID-19, oleh itu semua lawatan tapak telah ditukarkan kepada penerangan melalui video 360 darjah. Tujuan video ini diadakan bagi memudahkan para peserta untuk mempelajari bagaimana untuk mengenal pasti bahaya di tapak binaan dan langkah kawalan risiko yang bersesuaian. Video dihasilkan melalui penggambaran aktiviti-aktiviti yang sebenar di tapak bina contohnya kerja kren mengangkat, kerja kimpalan, kerja konkrit, kerja pengorekan, kerja di tempat tinggi dan lain-lain supaya peserta memahami proses, aktiviti dan persekitaran di tapak bina.

## *SITE VISIT USING 360 DEGREE VIDEO RECORDING AND VIEWING*

*As a result of the COVID-19 pandemic, site visits to construction sites were prohibited or limited. Thus, the use of 360 degree video viewing and recording for experiencing on-going construction work. This method was an effective way to give participants the opportunity for a virtual site experience, and simultaneously be able to identify hazards and determine appropriate risk management actions. The video recorded real-life work activities at the site. For example, showing cranes lifting and moving, welding, making and pouring concrete, drilling, work on high elevation, and so forth. This virtual learning allowed the attendees to understand the process, activities and environment at a construction site.*

## TUTORIAL KHAS PEPERIKSAAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN DAN PENYELIA KESELAMATAN TAPAK

Tutorial khas peperiksaan pegawai keselamatan dan kesihatan dan penyelia keselamatan tapak telah diperkenalkan bagi mempersediakan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan semasa menduduki peperiksaan. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kebarangkalian calon lulus peperiksaan dan bilangan Orang Yang Kompeten di tempat kerja. Tutorial menekankan pengetahuan pengenalpastian bahaya, penilaian risiko dan kawalan risiko (HIRARC), perundangan, kemahiran penulisan laporan dan kemahiran persembahan.

## *SPECIALISED EXAMINATION TUTORIALS FOR OSH OFFICERS AND SITE SAFETY SUPERVISORS*

*A specialised tutorial for OSH officers and Site Safety Supervisors was introduced for the purpose of preparing the individual with knowledge and skills prior to an examination. The objective of this new initiative is to help exam candidates increase their ability to pass the examination, and to increase the competency levels of employees at the workplace. The tutorial aims at increasing the candidates' level of learning to identify hazards, evaluating and controlling risk (HIRARC), legislation, proficiency in report writing, and presentation skills.*

## VIDEO PENGUKUHAN KEFAHAMAN PENGUJI GAS BERTAULIAH DAN PENYELIA KEMASUKAN

Video pengukuhan kefahaman penguji gas bertauliah dan penyelia kemasukan telah diperkenalkan bagi meningkatkan kefahaman dalam pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan antaranya pengetahuan pengiraan teknikal, pemakaian alat bantuan pernafasan dan penggunaan alat penguji gas. Inisiatif ini bertujuan untuk membantu peserta mengulangkaji topik-topik kursus sebelum menduduki peperiksaan selain ianya digunakan sebagai bahan bantuan mengajar di dalam kursus.

## *SUPPLEMENTARY TRAINING VIDEOS FOR TECHNICIANS CERTIFIED IN GAS TESTING AND FOR ENTRY LEVEL SUPERVISORS*

*To increase the comprehension of knowledge and technical skills specialised for technicians certified in gas testing, and for entry level supervisors, supplementary training videos were created. These videos covered topics on understanding and gaining knowledge in technical calculation, correct manner in wearing breathing apparatus, and the precise method of using gas testing equipment. Hence, the aim is to prepare a candidate to revise the topics learned in the course prior to the certification examination. The videos are also used as additional study material in the training course.*

## PROGRAM BARU KOORDINATOR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Kursus Koordinator Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan *(OSH Coordinator)* adalah kursus baharu tahun 2020 yang diperkenalkan oleh NIOSH bagi melahirkan orang yang terlatih khususnya dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan di industri kecil dan sederhana.

Koordinator Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan merupakan orang yang bertanggungjawab menjalankan promosi budaya kerja selamat dan membantu majikan melaksanakan program keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

## *NEW PROGRAMME - OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH COORDINATOR*

*This is a new course introduced by NIOSH in the year 2020. The objective is to produce employees trained in OSH who are mostly working in small and medium sized companies.*

*The OSH Coordinator has the responsibility to inculcate a work culture that is conscientious about health and safety in the workplace, and also to provide support to the employer by implementing OSH at the workplace.*





# AKTIVITI BAHAGIAN KOMUNIKASI STRATEGIK LATIHAN (TSCD) BAGI TAHUN 2020

Pada tahun 2020, NIOSH telah melaksanakan beberapa siri seminar yang melibatkan sektor kerajaan, para pengamal KKP, majikan serta industri. Objektif pelaksanaan seminar bagi sektor kerajaan adalah untuk memberikan pendedahan asas kepada semua kakitangan awam mengenai kepentingan amalan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan terutamanya di tempat kerja seiring dengan pematuhan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2011 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Seminar Pengenalan dan Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 kepada Sektor Awam telah dilaksanakan di tujuh (7) lokasi di negeri Pahang, Kelantan, Johor Bahru, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Peserta seminar ini adalah terdiri daripada kakitangan awam daripada pelbagai kementerian, jabatan serta agensi kerajaan.

Di samping itu juga, NIOSH telah melaksanakan empat (4) siri seminar bertajuk *Empowering OSH in the Industry* di Ipoh, Perak; Johor Bahru, Johor; Kerteh, Terengganu; serta Kuantan, Pahang. Objektif seminar ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam aspek KKP kepada para pengamal KKP di industri bagi membantu mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja.

NIOSH juga telah memperkenalkan kaedah pembelajaran secara norma baharu berikutan pandemik COVID-19 yang berlaku di seluruh dunia. NIOSH mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan seminar atas talian atau lebih dikenali sebagai *Online Seminar*. Objektif seminar ini adalah untuk menyampaikan maklumat dan informasi tanpa sempadan, fleksibel dan boleh diakses secara mudah oleh peserta tidak kira di mana mereka berada. Sebanyak 30 seminar atas talian telah dilaksanakan melalui platform Facebook NIOSH Malaysia serta aplikasi Zoom Meeting dan Jitsi dan melibatkan penyertaan daripada peserta di seluruh Malaysia.

# *TRAINING, STRATEGY AND COMMUNICATION DEPARTMENT (TSCD) ACTIVITIES FOR THE YEAR 2020*

*In the year 2020, NIOSH held a series of seminars that involved the participation of the government sector, OSH practitioners, employers and the industry at large. The objective to hold these seminars for the government sector was to align the seminars to the General Circular 3 Year 2011 published by the Prime Minister's Department. Through this objective the seminar would provide exposure to the fundamental principles and importance of OSH in the workplace. Participants consisted of employees from government ministries, departments and agencies. As for the private sector, seminars on the OSH Introduction and Compliance Act of 1994 were held at seven locations namely, the states of Pahang, Kelantan, Johor, Melaka, Pulau Pinang, Sabah and Sarawak.*

*Additionally, NIOSH conducted 4 seminar series titled "Empowering OSH in the Industry" in Ipoh, Perak; Johor Bahru, Johor; Kerteh, Terengganu; and, Kuantan, Pahang. The objective was to up the level of knowledge and expertise in safety and health for OSH practioners in the industry as this would help to reduce accident rates at the workplace.*

*Another significant implementation by NIOSH was to introduced a "new norm study method" to alleviate challenges resulting from the COVID-19 pandemic. Online seminars began as a proactive approach to overcome the prohibition of face to face learning. The seminars offered borderless communication, exchange of information and knowledge and flexibility. Participants were able to access their learning platform easily at anytime and anywhere. Approximately 30 online seminars were conducted through the NIOSH Malaysia Facebook platform, Zoom, and Jitsi. Attendees from all over Malaysia participated.*

## TUTORIAL KHAS PEPERIKSAAN PEGAWAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN DAN PENYELIA KESELAMATAN TAPAK

Seminar Pengenalan dan Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 kepada Sektor Awam telah dilaksanakan di tujuh (7) lokasi di negeri Pahang, Kelantan, Johor Bahru, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak.

## *SPECIALISED EXAMINATION TUTORIALS FOR OSH OFFICERS AND SITE SAFETY SUPERVISORS*

*A seminar on Introduction to and Compliance to the OSH Act of 1994 was conducted in 7 states namely, Pahang, Kelantan, Johor, Melaka, Pulau Pinang, Sabah and Sarawak.*





## SEMINAR MEMPERKASAKAN KKP

NIOSH telah melaksanakan empat (4) siri seminar bertajuk *"Memperkasakan KKP di Dalam Industri"* di Ipoh, Perak; Johor Bahru, Johor; Kerteh, Terengganu; serta Kuantan, Pahang.

## *SEMINAR ON EMPOWERING OSH*

*NIOSH conducted a series of 4 seminars titled "Empowering OSH in the Industry" in the following cities: Ipoh, Perak; Johor Bahru, Johor; Kerteh, Terengganu; and Kuantan, Pahang.*





## SEMINAR ATAS TALIAN

Sebanyak 30 seminar atas talian telah dilaksanakan melalui platform Facebook NIOSH Malaysia serta aplikasi Zoom Meeting dan Jitsi dan melibatkan penyertaan daripada peserta di seluruh Malaysia.

## *ONLINE SEMINARS*

*A total of 30 online seminars were held on NIOSH Malaysia Facebook platform, Zoom Meeting and Jitsi. Participants came from across Malaysia.*





# AKTIVITI BAHAGIAN KESEDARAN DAN KEMAHIRAN KESELAMATAN (SASD) BAGI TAHUN 2020

Bahagian Kesedaran dan Kemahiran Keselamatan NIOSH (SASD) adalah bahagian di bawah Jabatan Pendidikan dan Latihan bertempat di Ibu Pejabat NIOSH Bandar Baru Bangi. Bahagian ini berperanan menyediakan latihan bagi meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran berdasarkan keperluan industri dalam memperkasakan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja selari dengan hala tuju pelan induk Keselamatan dan Kesihatan Negara.

Dalam mengharungi persekitaran global yang lebih mencabar dan kompetitif, latihan dan bimbingan KKP ditawarkan oleh NIOSH ini adalah sebagai penyelesaian praktikal dalam memastikan majikan dan pekerja dapat bekerja dalam persekitaran yang selamat, sihat, kondusif dan produktif bagi melindungi modal insan dan sumber manusia yang merupakan aset terpenting negara.

Kursus yang disediakan adalah termasuk:

- Program Pasport Keselamatan
- Program Kesedaran KKP
- Program Kemahiran KKP
- Program Jurulatih

## PROGRAM PASPORT KESELAMATAN

Pasport Keselamatan secara umum adalah satu latihan induksi KKP yang disediakan kepada pekerja dan kontraktor sebelum memulakan aktiviti kerja. Ianya adalah sistem asas kepada pengurusan KKP yang cekap serta menumpu kepada aturan dan kawalan ke atas pekerja, kontraktor atau pihak yang terlibat dengan aktiviti kerja atau projek di bawah kontrak dengan majikan utama.

# *SAFETY AWARENESS AND SKILLS DEPARTMENT (SASD) ACTIVITIES FOR THE YEAR 2020*

*The Safety Awareness and Skills Department falls under the Education and Training Department of NIOSH. It is located at the headquarters in Bandar Baru Bangi. The function of this department is to provide training for the purpose of elevating awareness, knowledge and skills. These are need-based trainings especially developed for the industry with an aim to align the managing of safety and health at the workplace with the direction of OSH national blueprint.*

*In the efforts to cope with the escalation of challenges and competition in the global environment, training and counseling services in OSH are offered by NIOSH. These trainings and services are considered a practical solution that can safeguard employers and employees alike to have an assurance to work in a safe, healthy, conducive and productive environment.*

*Courses that are provided include:*

- *Safety Passport Programme*
- *OSH Awareness Programme*
- *OSH Skills Programme*
- *Trainers Programme*

## *SAFETY PASSPORT PROGRAMME*

*In general, the Safety Passport Programme is an OSH induction training for workers and contractors before the work day begins at the site. It is a standard OSH management system that is noted to be efficient and focused oriented. It applies a guideline to monitor workers, contractors or any group involved in work or projects contracted by an employer.*



**Pasport Keselamatan NIOSH-Tenaga (NTSP).**
*NIOSH-Tenaga Safety Passport.*



**Pasport Keselamatan Petronas Runcit (PRSP).**
*Petronas Retails Safety Passport.*



**Pasport Keselamatan Shell Runcit (SRSP).**
*Shell Retails Safety Passport.*



**Pasport Keselamatan Minyak dan Gas (OGSP).**
*Oil and Gas Safety Passport.*

Pasport Keselamatan telah mula diperkenal kepada industri sekitar tahun 2006. Sehingga kini terdapat 20 Pasport Keselamatan yang ditawarkan oleh NIOSH dengan kerjasama daripada pelbagai industri termasuk industri minyak dan gas, utiliti seperti elektrik, telekomunikasi dan air, perkilangan, pelabuhan, penyiaran, peruncitan stesen minyak dan lain-lain. Antaranya OGSP, NTSP, NTMSP, Pasport Keselamatan Nestlé, Pasport Keselamatan Air Selangor, Pasport Keselamatan Terminal Pelabuhan, Pasport Keselamatan NIOSH-ASTRO dan lain-lain. Secara purata jumlah peserta yang telah dilatih mencapai 80,000 setiap tahun diseluruh negara.

*The Safety Passport was first introduced to the industry around the year 2006. To date, NIOSH has offered 20 Safety Passports. Those who qualified for these include oil and gas industries; utility companies for electricity, telecommunications and water; factories, ports, broadcasting agencies, gas station retail, and so forth. Among them are OGSP, NTSP, NTMSP, Nestle Safety Passport, and Air Selangor Safety Passport, to name a few. The average number of trained participants per year is 80,000 nationwide.*

| Bil. *No.* | Program *Programmes* | Kod *Code* | Bil. Program *No. of Programmes* | Bil. Peserta *No. of Participants* |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pasport Keselamatan NIOSH-TM *NIOSH-TM Safety Passport* | NTMSP | 184 | 3,585 |
| 2 | Pasport Keselamatan Operasi Lebuhraya *Expressway Operations Safety Passport* | EOSP | 102 | 1,882 |
| 3 | Pasport Keselamatan NIOSH-Astro *NIOSH-Astro Safety Passport* | NASP | 8 | 188 |
| 4 | Pasport Keselamatan Air Selangor-NIOSH *Air Selangor-NIOSH Safety Passport* | ANSP | 139 | 2,667 |
| 5 | Pasport Keselamatan Perladangan *Farming Operations Safety Passport* | PLSP | 1 | 3 |
| 6 | Pasport Keselamatan NIOSH-Nestlé *NIOSH-Nestle Safety Passport* | NNSP | 71 | 1,314 |
| 7 | Pasport Keselamatan Cenviro *Cenviro Safety Passport* | CSP | 38 | 787 |
| 8 | Sistem Pasport Keselamatan Kontraktor - Kerja Semua Risiko *Contractor Safety Passport System - All Risks* | CSPS-AR | 22 | 204 |
| 9 | Sistem Pasport Keselamatan Kontraktor - Kerja Tinggi Risiko *Contractor Safety Passport System - High Risk* | CSPS-HR | 34 | 593 |
| 10 | Sistem Pasport Keselamatan Kontraktor - Kerja Rendah Risiko *Contractor Safety Passport System - Low Risk* | CSPS-LR | 35 | 509 |
| 11 | Pasport Keselamatan NIOSH Tenaga *NIOSH-Tenaga Safety Passport* | NTSP | 378 | 7,815 |
| 12 | Pasport Keselamatan NIOSH–Prasarana *NIOSH-Prasarana Safety Passport* | NPSP | 2 | 30 |
| | | **Jumlah Keseluruhan** ***Grand Total*** | **1,014** | **19,577** |

Jumlah bilangan program dan peserta Pasport Keselamatan NIOSH Bandar Baru Bangi.
*Total number of programmes and participants for Safety Passport at NIOSH Bandar Baru Bangi.*

Dalam usaha menyokong keperluan latihan KKP oleh industri dalam tempoh mencabar situasi Pandemik COVID-19, NIOSH mengambil initiatif melaksanakan latihan secara dalam talian (pembelajaran jarak jauh) bagi kursus Pasport Keselamatan.

*In our efforts to extend support to fulfill the need of having OSH trainings for the industry during the critical period of the pandemic, NIOSH took the initiative to implement remote learning or online learning for the Safety Passport Programmes.*




**Pasport Keselamatan Minyak dan Gas secara Pembelajaran Jarak Jauh (OGSP-ER) pada 26 November 2020.**
*Oil and Gas Safety Passport - Emergency Response (Distant Learning) held on 26 November 2020.*



**Pasport Keselamatan Petronas Retails secara Pembelajaran Jarak Jauh (OGSP-ER) pada 18 Ogos 2020.**
*Petronas Retails Safety Passport - Emergency Response (Distant Learning) held on 18 August 2020.*

NIOSH menawarkan inisiatif latihan secara bersemuka di beberapa lokasi zon hijau bermula Oktober 2020 hingga Disember 2020 dengan pematuhan SOP bagi memenuhi keperluan industri serta menawarkan semula kursus-kursus yang tertangguh semasa tempoh PKPB.

- Port Dickson, Negeri Sembilan
- Bentong , Pahang
- PICC, Putrajaya

*In selected green zones, in-person or face to face trainings were conducted from October to December 2020. Adherence to SOP were followed in order to safeguard the training sessions so as to fulfill the safety and health needs of the industry. Meanwhile, some training sessions that were deferred resumed during the CMCO period.*

- *Port Dickson, Negeri Sembilan*
- *Bentong, Pahang*
- *PICC, Putrajaya*



Pasport Keselamatan NIOSH-Nestle (NNSP) di N. Sembilan.
*NIOSH-Nestle Safety Passport at N. Sembilan.*



Pasport Keselamatan NIOSH-TM (NTMSP) di PICC, Putrajaya.
*NIOSH-TM Safety Passport at PICC, Putrajaya*



Pasport Keselamatan NIOSH-Tenaga (NTSP) di Bentong, Pahang.
*NIOSH-Tenaga Safety Passport at Bentong, Pahang.*



Pasport Keselamatan Minyak dan Gas (OGSP) di Port Dickson, N. Sembilan.
*Oil and Gas Safety Passport at Port Dickson, N. Sembilan.*

## PROGRAM KESEDARAN KKP

Pihak berkepentingan sama ada majikan, pengurus, penyelia, pekerja atau kontraktor perlu dilengkapi dengan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang berkaitan bagi membolehkan mereka mengenal pasti bahaya dan menilai risiko dengan lebih baik serta mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengawal dan menguruskan risiko. Senarai program kesedaran KKP ditawarkan kepada industri sebagai persediaan pengetahuan KKP kepada asas pengurusan risiko yang berkesan.

## *OSH AWARENESS PROGRAMME*

*Significant persons be it employers, managers, supervisors, workers or contractors - all need to be equipped with relevant knowledge, skills and competencies in order for them to identify hazards and to be able to precisely assess risk. Furthermore, they need to have the expertise to control and manage risks. The list of OSH awareness programmes is offered to the industry as a preparatory knowledge on OSH and the fundamentals of effective risk management.*





**Kursus dan Bengkel Program Kesedaran KKP : Permahaman, Penilaian dan Perlaksanaan HIRARC Secara Berkesan di Tempat Kerja (UIH) disediakan secara berjadual dan permohonan dalaman.**
*OSH Awareness course and workshop programme: Understanding, Evaluating and Implementing Effective HIRARC at The Workplace (UIH) was organised by way of scheduling and through In-House application.*



**Kursus Audit Keselamatan Suai Guna disediakan bagi keperluan industri.**
*Safety Audit Customise Course organised for the needs of an industry.*



**Kursus Laporan Insiden dan Teknik Menganalisis.**
*Incident Reporting and Analysis Technique Course.*

| **Bil.** *No.* | **Program** *Programmes* | **Kod** *Code* | **Bil. Program** *No. of Programmes* | **Bil. Peserta** *No. of Participants* |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Full Accident And Investigation Report *Laporan Lengkap Kemalangan dan Penyiasatan* | FAIR | 4 | 80 |
| 2 | Lung Function Testing And Analysis *Ujian dan Analisis Fungsi Paru-Paru* | LFTA | 2 | 8 |
| 3 | Fundamental Of Classification, Labeling And Safety Data Sheet Of Hazardous Chemicals *Asas Pengelasan, Pelabelan Dan Lembaran Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya* | CLASS 1 | 2 | 16 |
| 4 | Effective Safety And Health Committee *Jawatankuasa Keberkesanan Keselamatan Dan Kesihatan* | ESHC | 6 | 73 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5 | Understanding, Evaluating And Implementing Effective HIRARC At The Workplace<br>*Pemahaman, Penilaian dan Pelaksanaan HIRARC Secara Berkesan di Tempat Kerja* | UIH | 3 | 30 |
| 6 | Incident Reporting And Analysis Technique<br>*Laporan Insiden dan Teknik Menganalisis* | IRAT | 4 | 41 |
| 7 | Compliance To Regulations Under Occupational Safety And Health Act 1994<br>*Pematuhan Peraturan Akta KKP 1994* | CRO | 2 | 17 |
| 8 | Hearing Loss Prevention And Audiometric Testing<br>*Ujian Pencegahan Kehilangan Pendengaran dan Audiometrik* | HLPAP | 2 | 26 |
| 9 | Emergency Preparedness And Response Plan<br>*Pelan Kesediaan Kecemasan dan Respon* | EPRP | 3 | 46 |
| 10 | Compliance To Factories And Machinery Act 1967 And Its Regulations<br>*Pematuhan Akta 1967 Kilang-Kilang dan Pemesinan* | CFMA | 2 | 8 |
| 11 | Basic Principles Of Industrial Hygiene<br>*Prinsip-Prinsip Asas Kebersihan Perindustrian* | BPIH | 2 | 20 |
| 12 | Occupational Safety And Health Environment Management<br>*Pengurusan Persekitaran KKP* | OSHO | 2 | 23 |
| 13 | Behaviour Based Safety For Observer<br>*Keselamatan Tingkah Laku Bagi Pemerhati* | BBSO | 3 | 25 |
| 14 | 5S Awareness<br>*Kesedaran 5S* | 5S | 1 | 33 |
| 15 | Occupational Safety And Health Act 1994<br>*Akta KKP 1994* | OSHA | 4 | 70 |
| 16 | OSH Awareness<br>*Kesedaran KKP* | OSH-A | 1 | 37 |
| 17 | Safety In The Use Of Chemicals<br>*Keselamatan Dalam Penggunaan Bahan Kimia* | STUC | 5 | 93 |
| 18 | Fundamental OSH For Supervisor<br>*Asas KKP untuk Penyelia* | FOSH-SV | 7 | 474 |
| 19 | Understanding And Implementation Of Permit To Work At Workplace<br>*Pemahaman dan Perlaksanaan Permit Bekerja di Tempat Kerja* | UPTW | 2 | 37 |
| 20 | Occupational Safety And Health Environment Management<br>*Pengurusan Persekitaran KKP* | OSHE | 4 | 70 |
| 21 | Classification, Labeling And Safety Data Sheet Of Hazardous Chemicals For Classifier<br>*Pengelasan, Pelabelan Dan Lembaran Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya untuk tujuan Pengelasan* | CLASS 2 | 2 | 24 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 22 | Process Safety Management<br>*Pengurusan Keselamatan Proses* | PSM | 2 | 13 |
| 23 | Occupational Safety And Health For Construction Personnel<br>*KKP untuk Pekerja Pembinaan* | OCP | 1 | 1 |
| 24 | Effective Communication On OSH<br>*Komunikasi Berkesan untuk KKP* | ECOMM | 1 | 7 |
| 25 | OSH-Safety Audit<br>*Audit KKP-Keselamatan* | OSH-SA | 1 | 14 |
| 26 | Basic Occupational First Aid Awareness<br>*Kesedaran BOFA* | BOFA-A | 1 | 37 |
| 27 | Ergonomics And Manual Handling In The Workplace<br>*Ergonomik dan Pengendalian Manual di Tempat Bekerja* | EMHW | 1 | 5 |
| | | **Jumlah Keseluruhan**<br>***Grand Total*** | **70** | **1,328** |

Senarai Kursus Kesedaran KKP: bilangan program dan peserta di NIOSH Bandar Baru Bangi.
*List of OSH Awareness Courses: number of programmes (including participants) at NIOSH Bandar Baru Bangi.*

## PROGRAM KESEDARAN KKP SECARA ATAS TALIAN

Sebagai usaha untuk memberi penyelesaian praktikal kepada industri dalam dengan situasi mencabar pandemik COVID-19, NIOSH Bandar Baru Bangi menyediakan latihan yang telah dijadualkan melalui platform secara dalam talian bagi kekal relevan dalam industri norma baharu.

## *OSH AWARENESS PROGRAM VIA ONLINE LEARNING*

*As part of our effort to render practical solutions for the industry in challenging situations due to the pandemic COVID-19, NIOSH Bandar Baru Bangi scheduled online learning for participants. This undertaking supported the industry, employers and employees to remain up-to-date or relevant in OSH during the new norm.*




**Kursus Kesedaran : Keselamatan Dalam Penggunaan Bahan Kimia (STUC-E) yang telah dilaksana secara atas talian pembelajaran jarak jauh pada 23 - 24 November 2020.**
*Awareness Course: Safety In The Use Of Chemicals (STUC-E) was held through online remote learning from 23 - 24 November 2020.*



**Kursus Kesedaran : Pematuhan Akta KKP 1994 (CRO-E) yang telah dilaksana secara atas talian pembelajaran jarak jauh pada 1 - 2 Disember 2020.**
*Awareness Course: Compliance to Regulations Under Occupational Safety and Health Act 1994 (CRO-E) was held through online remote learning from 1 - 2 December 2020.*



**Kursus Pencegahan Kehilangan Pendengaran dan Ujian Audiometrik secara atas talian pembelajaran jarak jauh pada 14 - 15 Disember 2020.**
*Hearing Loss Prevention and Audiometric Testing Course held through online remote learning from 14 - 15 November 2020.*



**Kursus Jawatankuasa Keberkesanan Keselamatan dan Kesihatan secara atas talian pembelajaran jarak jauh pada 8 - 9 Disember 2020.**
*Effective Safety and Health Committee Course held through online remote learning from 8 - 9 December 2020.*

| Bil.<br>*No.* | Program<br>*Programmes* | Kod<br>*Code* | Bil. Program<br>*No. of Programmes* | Bil. Peserta<br>*No. of Participants* |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Effective Safety And Health Committee<br>*Jawatankuasa Keberkesanan Keselamatan dan Kesihatan* | ESHC-E | 3 | 36 |
| 2 | Understanding, Evaluating And Implementing Effective HIRARC At The Workplace<br>*Pemahaman, Penilaian dan Pelaksanaan HIRARC Secara Berkesan di Tempat Kerja* | UIH-E | 2 | 40 |
| 3 | Lung Function Testing And Analysis<br>*Ujian dan Analisis Fungsi Paru-Paru* | LFTA-E | 1 | 9 |
| 4 | Hearing Loss Prevention And Audiometric Testing<br>*Pencegahan Kehilangan Pendengaran dan Ujian Audiometrik* | HLPAP-E | 2 | 36 |
| 5 | Compliance To Regulations Under Occupational Safety And Health Act 1994<br>*Pematuhan Peraturan Akta KKP 1994* | CRO-E | 1 | 8 |
| 6 | Emergency Preparedness And Response Plan<br>*Pelan Kesediaan Kecemasan dan Respon* | EPRP-E | 1 | 15 |
| 7 | Basic Principles Of Industrial Hygiene<br>*Prinsip-Prinsip Asas Kebersihan Perindustrian* | BPIH-E | 1 | 3 |
| 8 | Occupational Safety And Health Act 1994<br>*Akta KKP 1994* | OSHA-E | 3 | 32 |
| 9 | Safety In The Use Of Chemicals<br>*Keselamatan Dalam Penggunaan Bahan Kimia* | STUC-E | 1 | 2 |
| 10 | Understanding And Implementation Of Permit To Work At Workplace<br>*Pemahaman dan Perlaksanaan Permit Bekerja di Tempat Kerja* | UPTW-E | 1 | 11 |
| 11 | Occupational Safety And Health Environment Management<br>*Pengurusan Persekitaran KKP* | OSHE-E | 1 | 8 |
| 12 | Transportation Of Dangerous Goods By Road<br>*Pengangkutan Barang-barang Merbahaya di Jalan Raya* | TDGR-E | 1 | 2 |
| 13 | Back Protection<br>*Perlindungan Bahagian Belakang Badan* | BPM-E | 1 | 15 |
| 14 | Train The Trainer<br>*Latih Jurulatih* | TTT1-E | 4 | 51 |
| 15 | Training Managament For Business<br>*Latihan Pengurusan Untuk Perniagaan* | TTT2-E | 1 | 6 |
| | | **Jumlah Keseluruhan**<br>***Grand Total*** | **24** | **274** |

Senarai Kursus Kesedaran KKP secara dalam talian pembelajaran jarak jauh yang telah dilaksanakan telah berjaya melatih 274 peserta melalui 24 program.

*The list of OSH Awareness Courses through online remote learning that were implemented had successfully trained 274 participants in 24 respective programmes.*

## PROGRAM KEMAHIRAN KKP

Latihan kemahiran KKP ditawarkan bagi menyediakan pekerja yang dilengkapi dengan kemahiran KKP yang kompeten sebagai pematuhan kepada perundangan di samping meningkatkan pencapaian KKP di tempat kerja. Antara kursus yang disediakan adalah seperti jadual di bawah.

## *OSH SKILLS PROGRAMME*

*The OSH Skills Programme prepares an employee or worker to be fitted with the expertise in safety and health at a competent level so as to be compliant to legislative matters and to up the levels of OSH awareness at the workplace. Courses that were provided are as follows in table below.*

| Bil. *No.* | Program *Programmes* | Kod *Code* | Bil. Program *No. of Programmes* | Bil. Peserta *No. of Participants* |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Confined Space Rescue and First Response *Menyelamat di Ruang Terkurung dan Tindakan Segera* | CSR | 2 | 15 |
| 2 | Inert Space Entry *Kemasukan ke Ruang Lengai* | IET | 1 | 15 |
| 3 | Safe Handle Forklift Truck *Pengendalian Selamat Trak Forklif* | SHFT | 9 | 94 |
| 4 | Safe Handling of Forklift Truck Refresher *Latihan Semula Pengendalian Selamat Trak Forklif* | SHFTR | 4 | 37 |
| 5 | Working Safely at Height *Bekerja di Tempat Tinggi* | WAH | 28 | 349 |
| 6 | Working Safely at Height Refresher *Latihan Semula WAH* | WAHR | 5 | 50 |
| 7 | Occupational Road Safety - Safe Defensive Driving *Keselamatan Pekerjaan Jalan Raya - Pemanduan Pertahanan yang Selamat* | ORS | 6 | 115 |
| 8 | Asas Rigging dan Slinging *Asas Rigging dan Slinging* | BRS | 3 | 28 |
| 9 | Basic Occupational First Aid *Asas Pertolongan Kecemasan Pekerjaan* | BOFA | 7 | 301 |
| 10 | Fire Watcher Safety *Keselamatan Pemerhati Kebakaran* | FWS | 2 | 17 |
| | | **Jumlah Keseluruhan** *Grand Total* | 67 | 1,021 |

Senarai Kursus Kemahiran KKP dengan bilangan peserta yang terlatih seramai 1,021 orang melalui 67 program.
*List of OSH Skills Courses that trained 1,021 participants through 67 programmes.*





**Kursus Pengendalian Selamat Trak Forklif (SHFT) di fasiliti hangar di NIOSH Bandar Baru Bangi.**
*Safe Handling of Forklift (SHFT) Course in the hangar facility at NIOSH Bandar Baru Bangi.*

**Kursus Bekerja Selamat di Tempat Tinggi (WAH) di fasiliti hangar di NIOSH Bandar Baru Bangi.**
*Working Safely at Height (WAH) Course in the hangar facility at NIOSH Bandar Baru Bangi.*





Latihan Bekerja Selamat di Tempat Tinggi (WAH) diadakan secara dalam talian (pembelajaran jarak jauh) sebagai inisiatif dalam tempoh PKPB situasi COVID-19 bagi memberi ruang pengamal industri memenuhi keperluan di tempat kerja.

*Working Safely at Height Training was held through online remote learning as an initiative during the CMCO period given the COVID-19 pandemic. This training was an opportunity for OSH practitioners to satisfy the needs of their workplaces.*





**Latihan Bekerja Selamat di Tempat Tinggi (WAH) diadakan secara dalam talian.**
*Working Safely at Height (WAH) Training session being conducted online.*




**Sesi praktikal bagi Kursus Kemasukan ke Ruang Lengai (IET) di NIOSH Bandar Baru Bangi.**
*Inert Space Entry (IET) practical session held at NIOSH Bandar Baru Bangi.*




**Kursus 2 hari Asas Pertolongan Kecemasan Pekerjaan (BOFA) dilengkapi dengan sesi praktikal dan penilaian kompetensi.**
*Basic Occupational First Aid (BOFA) Two-Day Course complete with practical sessions and competency assessment.*

## PROGRAM JURULATIH

Program ini menyediakan latihan pembangunan, pelan dan penyampaian pembelajaran sebagai jurulatih KKP yang kompeten untuk menyampaikan latihan yang berkaitan dengan aktiviti KKP dalam industri. Pelbagai program kejurulatihan disediakan termasuk kejurulatihan dalam bidang asas KKP, pembinaan, Pasport Keselamatan dan aktiviti ruang terkurung. Sesi latihan dalam talian juga disediakan bagi memberi pilihan mengikut keperluan.

## *TRAINERS' PROGRAMME*

*This programme provides training for practice and development as a trainer. He or she is taught lesson planning and delivery in order to become a competent OSH trainer in the industry. A variety of training programmes are available including training in the fundamental areas of OSH, safety and hazard at construction sites, safety passport, and confined space activities. Online remote learning sessions are also available to satisfy individual needs and situations.*

| Bil. *No.* | Program *Programmes* | Kod *Code* | Bil. Program *No. of Programmes* | Bil. Peserta *No. of Participants* |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Train The Trainer *Latih Pelatih* | TTT1 | 16 | 172 |
| 2 | Construction Safety And Health Trainers *Pelatih Keselamatan dan Kesihatan Pembinaan* | CSHT | 2 | 10 |
| 3 | Train The Trainers For Construction Safety Passport System *Latih Pelatih Untuk Sistem Pasport Keselamatan Pembinaan* | TTT-CSPS | 1 | 47 |
| 4 | Train The Trainers For Air Selangor-NIOSH Safety Passport Refresher *Latih Semula Pelatih Untuk Air Selangor-Pasport Keselamatan NIOSH* | TTT-ANSPR | 1 | 8 |
| 5 | Train The Trainers For Expressway Operations Safety Passport *Latih Pelatih Untuk Pasport Keselamatan Operasi Lebuh Raya* | TTT-EOSP | 1 | 15 |
| 6 | Train The Trainers For Confined Space *Latih Pelatih Untuk Ruang Terkurung* | TTT-CST | 1 | 6 |
| 7 | Train The Trainer *Latih Pelatih* | TTT1-E | 4 | 51 |
| 8 | Training Management For Business *Latihan Pengurusan untuk Perniagaan* | TTT2-E | 1 | 6 |
| | | **Jumlah Keseluruhan** *Grand Total* | 27 | 315 |

Senarai Kursus Kejurulatihan KKP dengan bilangan program dan peserta yang telah berjaya dilatih.
*List of OSH Coaching Courses with the number of programmes and participants that had been successfully trained.*





**Program kejurulatihan KKP anjuran NIOSH disediakan secara berjadual dan permohonan dalaman.**
*In-house OSH coaching programme organised by NIOSH via internal scheduling and application.*






**Latih Pelatih - Pembelajaran Jarak Jauh (TTT1-E) telah mula dilaksanakan sepanjang Oktober, November dan Disember 2020.**
*Train The Trainer - Remote Learning (TTTI-E) was implemented from October to December 2020.*

## LAIN-LAIN PROGRAM BAHAGIAN

### PROGRAM PERSIJILAN OPERASI SEKURITI KESELAMATAN DAN KESIHATAN *(CSOSH)*

Program CSOSH merupakan program kerjasama NIOSH bersama industri operasi sekuriti melalui geran PENJANA. Program yang melibatkan beberapa siri program dengan keseluruhan peserta yang dilatih adalah seramai 500 orang bermula Ogos 2020 sehingga Disember 2020. Antara Kursus yang ditawarkan adalah Asas KKP Untuk Penyelia, Asas KKP Pertolongan Kecemasan dan Pasport Keselamatan. Objektif program ini adalah bagi memperkasa profesion pengawal keselamatan melalui latihan kesedaran dan kemahiran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) industri sekuriti.

## *PROGRAMMES BY OTHER DIVISIONS*

### *CERTIFIED SECURITY OPERATION FOR SAFETY AND HEALTH (CSOSH) PROGRAMME*

*The CSHOSH programme is a collaboration programme with the security industry through the PENJANA grants. This programme involves a series of trainings which has thus far had 500 participants between August and December 2020. Among the courses offered are Fundamental OSH for Supervisor, Basic OSH First Aid, and Safety Passport. The programme's objective is to reinforce the compliant officer's profession through training in the areas of awareness and OSH skills for the security industry.*





**Latihan Asas KKP Untuk Penyelia kepada peserta CSOSH yang dihadiri lebih 100 peserta pada setiap 5 sesi telah dilaksanakan dengan jayanya.**
*Fundamental OSH For Supervisor and CSOSH Trainings were held successful. Five sessions were organised with more than 100 participants for each session.*

**Latihan Asas KKP Pertolongan Kecemasan dilengkapi dengan sesi praktikal asas pertolongan cemas dan sesi penilaian kepada peserta CSOSH.**
*Basic OSH First Aid Training was conducted. The session included practicals on first aid and also an assessment session for CSOSH participants.*









**Peserta CSOSH juga dilatih dalam induksi pasport keselamatan OGSP. NTSP dan NTMSP bagi pengukuhan program CSOSH.**
*CSOSH participants being trained in OGSP Safety Passport, NTSP and NTMSP to strengthen the CSOSH programme.*





**Majlis penyerahan sijil latihan program CSOSH oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia kepada peserta bertempat di Dewan Tan Sri Lee Lam Thye, NIOSH Bandar Baru Bangi.**
*Awarding of certificates for the CSOSH Training Certification Programme by YB Datuk Seri M. Saravanan, Minister of Human Resources held at the Dewan Tan Sri Lee Lam Thye, NIOSH Bandar Baru Bangi.*

## PROGRAM KERJASAMA NIOSH DAN JABATAN TENAGA MANUSIA (JTM)

NIOSH telah melatih 34 pegawai daripada JTM hasil kerjasama antara kedua pihak melalui latihan Pengurusan KKP Persekitaran (OSHE) pada 21 - 22 September 2020 bertempat di NIOSH Bandar Baru Bangi.

## *COLLABORATION PROGRAMME BETWEEN NIOSH AND DEPARTMENT OF LABOUR*

*NIOSH trained 34 officers from the Department of Labour through the Occupational Safety and Health Environment Management (OSHE) training sessions held from 21 - 22 September 2020 at NIOSH Bandar Baru Bangi.*

**Program kerjasama NIOSH dan Jabatan Tenaga Manusia (JTM).**
*Collaboration programme between NIOSH and the Department of Labour.*



## PROGRAM NTSP DI PEJABAT ADUN HULU BERNAM

NIOSH telah melatih 19 peserta melalui program NTSP hasil kerjasama antara kedua pihak melalui Program CSR NIOSH pada 21 - 22 September 2020 bertempat di Pejabat ADUN Hulu Bernam.

## *NTSP PROGRAMME AT THE HULU BERNAM STATE ASSEMBLYMAN'S OFFICE*

*NIOSH trained 19 participants through the NTSP programme. The training sessions were in collaboration with the CSR Programme at NIOSH. It was held from 21 - 22 September 2020 at the Hulu Bernam State Assemblyman's office.*

**Program NTSP di Pejabat ADUN Hulu Bernam.**
*NTSP Programme conducted at the Hulu Bernam State Assemblyman's office.*







# KHIDMAT RUNDINGAN

## *CONSULTANCY SERVICES*

# KHIDMAT RUNDINGAN

Aktiviti khidmat rundingan merupakan salah satu fungsi utama NIOSH dalam memberikan penyelesaian yang lebih optimum dan praktikal terhadap isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di tempat kerja kepada industri seperti yang termaktub di dalam objektif penubuhan NIOSH. Di bawah Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRD), terdapat 5 kategori teknikal yang telah memberikan khidmat rundingan kepada industri berdasarkan kepada isu dan permasalahan KKP di tempat kerja iaitu:

- **Pematuhan Perundangan (RC)** – banyak memberikan perkhidmatan pematuhan perundangan higien dan kesihatan pekerjaan dan khidmat nasihat.
- **Khidmat Nasihat (AS)** – memberikan banyak khidmat nasihat KKP.
- **Perkhidmatan Teknikal (TS)** – menumpukan kepada analisis bahan-bahan berbahaya yang terdedah kepada pekerja melalui ujian kimia, biologi dan alam sekitar.
- **Penyelesaian KKP (OS)** – memberikan banyak khidmat nasihat, penyelesaian KKP.
- **Penyelidikan Kontrak (CR)**

Ini selaras dengan misi NIOSH dalam membantu industri melaksanakan KKP di tempat kerja. Dengan menyediakan lebih daripada 50 jenis perkhidmatan, aktiviti khidmat rundingan KKP di NIOSH dikategorikan kepada lima kategori seperti rajah di sebelah.

# *CONSULTANCY SERVICES*

*Among NIOSH key function is consultancy services, one of the pillars in the objective of establishing the organisation. The service provides practical and reliable solutions for matters related to OSH in a workplace for any given industry. Under the umbrella of the Department of Communication, Research and Development (CRD), there are 5 technical categories providing consultancy services to the industry. The consultancy is based on OSH issues and problems at the workplace:*

- ***Regulations Compliance (RC)** - focuses on compliance toward hygiene regulations, the well-being of employment experience, and advisory service.*
- ***Advisory Service (AS)** - provides advise related to OSH matters.*
- ***Technical Service (TS)** - focuses on analysis of exposure to hazardous material on employees through testing on chemicals, biological matters and the local environment.*
- ***OSH Solution (OS)** - provides advisory service and problem-solving for OSH matters*
- ***Contract Research (CR)***

*The consultancy services is aligned with NIOSH mission in fulfilling the needs and requirements of industries to implement OSH at the workplace. By providing more than 50 different types of services, the consultancy services for OSH is easily understood in a diagram on the next page.*




Kategori Khidmat Rundingan NIOSH.
*NIOSH Consulting Services Categories.*

Pencapaian aktiviti khidmat rundingan berdasarkan kepada kategori dan jumlah sampel analisis makmal yang dicapai bagi tahun 2020 adalah seperti jadual di sebelah. Pencapaian pada tahun 2020 telah mencapai sasaran sebanyak **73%** daripada yang disasarkan iaitu **675** projek berbanding sasaran sebanyak 828 projek. *Advisory Services* mencatatkan pencapaian tertinggi iaitu **108%**. Di samping itu, dengan pensijilan sistem kualiti makmal (ISO 17025) dan kejayaan mendapat pengiktirafan sebagai makmal cemerlang, NIOSH juga telah menerima banyak sampel kajian daripada universiti awam di seluruh negara bagi menganalisis kandungan asbestos dan pelarut organik. Oleh itu, jumlah sampel juga telah meningkat daripada yang disasarkan **(118%)** iaitu **8,290** sampel berbanding 7,000 sampel yang disasarkan.

*The table below displays activities of the consultation services according to the 5 categories, including the total samples analysed in laboratories in the year 2020. The total achieved was **675** of 828 targeted projects equivalent to **73%**. Advisory Services, on the other hand, reached the highest at **108%** passing its targeted mark. Alongside these successes, NIOSH was awarded the certification for laboratory systems (ISO 17025) and recognised for its excellent laboratories. Furthermore, universities across Malaysia had submitted many samples to be analysed for asbestos and organic matter. Hence, the target number of samples increased from 7000 to 8290 for analysis, equivalent to **118%** passing its projected mark.*

| **Program** *Programmes* | **Jumlah Projek** *Total Projects* | | |
|---|---|---|---|
| | **Sasaran 2020** *2020 Target* | **Sebenar 2020** *2020 Actual* | **Peratusan** *Percentage* |
| Pematuhan Perundangan KKP *Regulation Compliance (RC)* | 107 | 94 | 88% |
| Penyelesaian KKP *OSH Solutions (OS)* | 30 | 33 | 110% |
| Khidmat Nasihat KKP *Advisory Services (AS)* | 40 | 43 | 108% |
| Khidmat Analisa / Teknikal Makmal *Analysis / Technical Lab Services (TS)* | 650 | 505 | 70% |
| Penyelidikan Kontrak* *Contract Research (CR)** | 1 | 0 | 0% |
| **Jumlah** ***Total*** | **828** | **675** | **73%** |
| **Sampel** ***Samples*** | **7,000** | **8,290** | **118%** |

* Berdasarkan bilangan laporan projek yang dikeluarkan pada tahun 2020 / *Based on the number of project reports issued in 2020*

Bilangan aktiviti khidmat rundingan bagi tahun 2020.
*Number of consultancy services cctivities for the year 2020.*

## PROJEK KHIDMAT RUNDINGAN UNTUK BAHAGIAN REGULATORI FARMASI NEGARA (NPRA)

- Kualiti Udara Dalaman (IAQ)
- Penaksiran Risiko Kesihatan Bahan Kimia (CHRA)
- Pengawasan Perubatan (MS)
- Pemantauan Pendedahan Bahan Kimia (CEM)

Projek pematuhan perundangan IAQ, MS, CHRA dan CEM telah dijalankan oleh NIOSH bersama pihak NPRA. Projek ini melibatkan Pakar Teknikal NIOSH dan Orang yang Kompeten (OYK) NIOSH yang berlangsung pada Ogos sehingga Disember 2020.

## *CONSULTANCY SERVICES PROJECT FOR THE NATIONAL PHARMACEUTICAL REGULATORY AGENCY (NPRA)*

- *Indoor Air Quality (IAQ)*
- *Chemical Health Risk Assessment (CHRA)*
- *Medical Surveillance (MS)*
- *Chemical Exposure Monitoring (CEM)*

*Both NIOSH and NPRA collaborated in a project to assess IAQ, CHRA and CEM compliance to its respective regulations. It involved technical specialists and persons designated as competent. The cooperation took place from August to December 2020.*







**Penaksir IAQ sedang menjalankan penaksiran kualiti udara dalaman di NPRA.**
*IAQ inspector examining the internal air quality at the NPRA.*




**Penaksir CHRA sedang menjalankan penilaian risiko kesihatan kimia di NPRA.**
*CHRA inspector evaluating the chemical risk on health at the NPRA.*

## PROJEK KHIDMAT RUNDINGAN UNTUK MAKMAL KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN (MKKM)

### PENAKSIRAN RISIKO BAHAN KIMIA KEPADA KESIHATAN

Projek pematuhan perundangan, CHRA telah dijalankan oleh NIOSH bersama pihak MKKM. Projek ini melibatkan Pakar Teknikal NIOSH dan Orang yang Kompeten (OYK) NIOSH yang berlangsung pada November sehingga Disember 2020.

Projek pemantauan pendedahan bahan kimia ini melibatkan MKKM di 8 cawangan iaitu MKKM Selangor, MKKM Kelantan, MKKM Pahang, MKKM Terengganu, MKKM Sarawak, MKKM Pulau Pinang dan MKKM Perlis. Skop projek meliputi pemantauan pendedahan bahan kimia menggunakan pam persampelan dan media pengumpulan untuk mengukur tahap pendedahan dan membandingkan dengan had pendedahan seperti yang termaktub dalam Jadual 1 Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000. Projek ini dilaksanakan oleh Juruteknik Higien 1 NIOSH yang berdaftar dengan JKKP dan dibantu oleh pegawai-pegawai yang terlatih serta mahir.

## *CONSULTANCY SERVICES PROJECT FOR SAFETY AND QUALITY FOOD LABORATORY (MKKM)*

### *ASSESSING CHEMICAL RISK ON HEALTH*

*NIOSH together with MKKM organised a consultancy project which ran from November to December 2020. It involved technical specialists from NIOSH and persons designated as competent.*

*The project's aim was to monitor exposure to chemical. It involved 8 MKKM branches through the country namely, Selangor, Kelantan, Pahang, Terengganu, Sarawak, Penang and Perlis. The scope of the work involved monitoring of chemical exposure. A sampling pump and an instrument to collect each sample were used. After which, the level of chemical exposure was measured and compared to the regulated level as stated in Schedule 1 of OSH Act 2000 on the Usage and Standard Exposure to Chemicals Hazardous to Health. A Hygiene Technician 1 (registered with DOSH) from NIOSH conducted the project with the help of other trained and skilled officers.*





Penaksir CHRA sedang menjalankan penilaian risiko kesihatan kimia di MKKM.
*CHRA inspector conducting a CHRA at MKKM.*

### PROJEK AUDIT KESELAMATAN FASA KEDUA UNTUK KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)

Projek Audit Keselamatan dan Kesihatan di kem-kem PLKN merupakan projek kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Projek ini melibatkan 14 kem Wawasan Negara di seluruh Malaysia. Elemen-elemen yang terkandung di dalam sesi audit tersebut adalah pemeriksaan dokumentasi KKP bagi pengurusan dan pengusaha kem. Selain itu, audit juga membuat pemeriksaan fizikal latihan seperti litar kembara halangan, litar tali rendah, litar tali tinggi dan peralatan tali tinggi. Audit ini berdasarkan kepada keperluan perundangan KKP, garis panduan tempatan dan standard antarabangsa.

### *PHASE 2 OF THE SAFETY AUDIT PROJECT FOR MINISTRY OF YOUTH AND SPORTS (KBS)*

*The project was a collaboration between NIOSH and KBS to audit 14 of the National Service Training Programme (NSTP) camps throughout Malaysia. During the audit session, OSH documentations managed by the managers and rangers of the camps were checked. Physical facilities were also tested namely, the obstacle course, low and high rope course, and equipment for high rope course. The audit was conducted based on domestic and international OSH rules.*





**Juruaudit NIOSH sedang menjalan audit keselamatan di Kem Wawasan Negara KBS.**
*NIOSH auditor conducting a safety audit at Kem Wawasan Negara KBS.*

### PENGLIBATAN PELANGGAN BARU

Pada tahun 2020 melihatkan penambahan penglibatan pelanggan-pelanggan baru di Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRD) yang terdiri daripada badan kerajaan juga syarikat-syarikat seperti di halaman sebelah. Pelbagai aktivti yang dijalankan bagi memastikan aspek KKP dipatuhi bagi mengurangkan kadar kemalangan ditempat kerja.

### *NEW CUSTOMER ENGAGEMENT*

*The Consultation and Research Department (CRD) had an increase in clientele for the year 2020 ranging from government bodies and agencies to private companies who, intend to reduce accidents at the workplace by applying OSH practices.*

NATIONAL PHARMACEUTICAL REGULATORY AGENCY
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PHILIP MORRIS

CSR

Air Selangor





# PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

# *RESEARCH AND DEVELOPMENT*

# PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

**BIDANG PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) MENJADI TERAS NIOSH**

Ke arah menjadi institut KKP yang lebih inklusif di negara ini, NIOSH telah mempertingkatkan peranannya dengan meletakkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai satu bidang teras untuk diteroka dan hasilnya dijadikan instrumen bagi membantu pelbagai pihak berkepentingannya dalam KKP. Usaha ini juga adalah selaras dengan objektif penubuhannya.

Secara dasarnya aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di NIOSH boleh dibahagikan kepada 4 jenis seperti rajah di bawah:

# *RESEARCH AND DEVELOPMENT*

***RESEARCH AND DEVELOPMENT IN OSH IS A CORE FUNCTION AT NIOSH***

*For NIOSH to become a more inclusive organisation in OSH, it has to position research and development (R&D) as a core function. It is a field to be further explored. Meanwhile, research outcomes are instruments that support interested parties in the area of OSH. This effort in R&D is aligned with the objectives of NIOSH.*

*There are 4 categories of research and development (R&D) stated in NIOSH policy as seen in the diagram below:*




Bagi menterjemahkan hasrat itu, NIOSH telah menubuhkan sebuah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) sendiri pada tahun 2011 sebagai penggerak untuk terus menerajui dan bergerak lebih jauh dalam penyelidikan dan pembangunan. Dengan wujudnya RMC ini, NIOSH berhasrat:

*In 2011, NIOSH established the Research Management Centre (RMC) to materialise its research and development policy. The RMC is also the key driver to lead and expand R&D activities. Hence, NIOSH aspires to:*

- Membudayakan pelbagai disiplin penyelidikan dalam KKP selaras dengan keutamaan NIOSH semasa;
- Memangkin dan mempercepatkan penyelidikan berimpak tinggi menerusi kerjasama dan perkongsian strategik;
- Menyelaras dan mengkoordinasikan projek penyelidikan melalui pendekatan pemantauan dan pengurusan yang berkesan; dan
- Menyebarkan hasil penyelidikan kepada semua pihak berkepentingan melalui platform dan medium yang bersesuaian.

Agar proses semak, imbang dan kualiti penyelidikan sentiasa berjalan seiring dengan matlamat yang telah digariskan, NIOSH telah membentuk dua jawatankuasa berikut:

- Jawatankuasa Penyelidikan dan Pembangunan (JPP) di peringkat Lembaga Pengarah.
- Jawatankuasa Teknikal, Perundingan dan Penyelidikan (JTPP) di peringkat Pengurusan.

Bagi membolehkan bidang KKP terus dinamik, pelbagai jenis atau kategori projek penyelidikan telah dijalankan di NIOSH. Antaranya termasuklah:

- Kesihatan pekerjaan
- Keselamatan pekerjaan
- Sistem pengurusan KKP
- Ergonomik
- Penilaian risiko KKP
- Budaya KKP
- Kebahayaan fizikal dan kimia
- Lain-lain yang berkaitan

- *Inculcate multiple disciplines of research in OSH aligned to the current needs of NIOSH:*
- *Produce and expedite high impact research through strategic cooperation and collaboration;*
- *Coordinate research projects through effective monitoring and management methods and,*
- *Disseminate research outcomes to interested parties through suitable platforms and medium.*

*NIOSH also formed two committees to oversea the work of RMC so as to be aligned with stated objectives of the research project:*

- *Research and Development Committee consisting of the Board of Directors.*
- *Technical, Consultation and Research Committee consisting of the Management.*

*A wide range of topics and categories in the research projects were conducted to generate a dynamic growth in OSH. Among them are:*

- *Workers health*
- *Work safety*
- *OSH management system*
- *Ergonomics*
- *Evaluating OSH risks*
- *OSH culture*
- *Physical and chemical hazards*
- *Other related areas*

Bidang teras penyelidikan dan pembangunan, telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD) dengan sumber manusia di jabatan ini yang dapat menyokong perkembangan penyelidikan dan pembangunan di NIOSH adalah seperti berikut:

- Pengurusan dan Profesional: **36** orang
- Sokongan: **12** orang

Untuk rekod, sehingga kini NIOSH berjaya melahirkan lebih daripada **70** orang penyelidik dalaman yang terlibat dalam pelbagai projek kajian di mana sebanyak **118** buah projek kajian dalam KKP telah dan sedang dilaksanakan (2002 hingga 2020) seperti berikut:

*The core areas of the R&D was assigned to the CRDD since the job scope of the personnel qualify them to render the support needed to expand R&D at NIOSH. The personnel are as follows:*

- *Management and Professionals in total **36** persons.*
- *Support staff in total **12** persons.*

*To-date NIOSH has successfully produced 70 internal researchers who have been involved in multiple research projects. They have conducted 118 OSH research work from 2002 to 2020 with a number of them still in-progress. The progress report is as follows:*

| **Bil.** *No.* | **Status Kajian** *Study Status* | **Jumlah** *Total* |
|---|---|---|
| 1 | Projek siap *Completed projects* | 100 |
| 2 | Projek yang sedang berjalan *On-going projects* | 18 |
| | **Jumlah Keseluruhan** *Grand Total* | **118** |



## GERAN PENYELIDIKAN BERASASKAN HASIL

Mulai 2018 sehingga kini, NIOSH mula memperkenalkan Geran Penyelidikan Berasaskan Hasil kepada pihak berkepentingan yang dibuka sepanjang tahun. Oleh yang demikian, sebarang hasil penyelidikan yang menawarkan dan memenuhi kriteria berikut adalah amat dialu-alukan untuk memohon geran tersebut:

- Output kajian dapat diukur, boleh dicapai dan siap digunakan.
- Output kajian adalah inovasi baru bagi produk, perkhidmatan, proses atau berkaitan.
- Output kajian dapat memberikan penyelesaian 30% - 60% untuk masalah berkaitan KKP.
- Output kajian akan menyokong fungsi teras NIOSH.
- Output kajian berpotensi tinggi untuk didaftarkan sebagai harta intelek.
- Output kajian berpotensi tinggi untuk dikomersialkan.
- Output kajian diperoleh melalui penggunaan kemudahan, makmal dan instrumen saintifik NIOSH yang ada.

## *OUTCOME-BASED RESEARCH GRANT*

*Since 2018 NIOSH introduced the Outcome-based Research Grant. This grant is available year round. Application is encouraged to any interested parties Following is the application criteria for the grant:*

- *The research outcome should be measurable, achievable and ready to be implemented.*
- *The research outcome should be a new innovation that can be applied to products, services, processes and other relevant areas of OSH.*
- *30 to 60% of OSH related issues should be resolved through the results of the research outcome.*
- *The research output should support the core function of NIOSH.*
- *A high potential to be registered as an intellectual property is required from the research outcome.*
- *A strong potential to be commercialised is expected from the research outcome.*
- *The use of NIOSH facilities, laboratories and scientific instruments should be used for the research project to develop the outcome.*



Sebagai rekod, sebanyak 16 projek penyelidikan telah dianugerahkan di bawah geran ini yang terdiri daripada pelbagai organisasi penyelidikan dalam negara. Pengenalan kepada geran ini secara tidak langsung telah banyak membantu mempromosi dan meningkatkan populariti NIOSH dalam kalangan pengamal KKP sama ada di institusi akademik mahupun di institut penyelidikan dalam negara.

Dengan kriteria yang digariskan, setiap permohonan boleh dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), NIOSH melalui **rmc@niosh.com.my** atau layari **http://www.niosh.com.my/research-and-development** untuk maklumat lebih terperinci.

## PENERBITAN JURNAL KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JOSH)

NIOSH juga turut mempunyai penerbitan jurnal sendiri. Dikenali sebagai Jurnal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau JOSH, merupakan medium rasmi NIOSH menyebarkan maklumat khususnya hasil penyelidikan dalam KKP di mana isu-isu dan perbincangan yang berkaitan dengan KKP dikumpul dan diterbitkan secara ilmiah. Artikel akan disemak oleh Lembaga Editorial JOSH yang terdiri daripada kakitangan NIOSH, pengamal KKP di industri dan institusi akademik.

Diterbitkan dua edisi setiap setahun (Jun dan Disember), JOSH membantu memberikan maklumat teknikal dan saintifik untuk penyelidikan lanjutan dan dalam pada masa yang sama mempromosikan KKP kepada industri dan pemegang taruh yang lain.

Penulis yang berminat untuk menyumbangkan artikel boleh menghantarnya menerusi **journal@niosh.com.my** atau lanjut **http://www.niosh.com.my/publication/niosh-journa**l untuk keterangan lanjut.

*In total, 16 research grants have been awarded since 2018 to different research organisations in the country. This research grant has helped to promote and to raise greater interest in NIOSH among OSH practitioners, including academic and research institutes in the country.*

*Applications for the research grant can be requested from RMC, NIOSH at **rmc@niosh.com.my** or visit our website at **http://www.niosh.com.my/research-and-development** for more detailed information.*

## *PUBLICATION OF THE JOURNAL OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (JOSH)*

*NIOSH also publishes a Journal of Occupational Safety and Health (JOSH). This publication is the official medium through which NIOSH disseminates information relevant to OSH research findings, current issues and discussions. Content is collated and published as a scientific journal. All articles are reviewed by NIOSH Editorial Team for JOSH (which consists of staff members, OSH practitioners and academicians).*

*The journal is published bi-annually in June and December. The content also provides technical and scientific information to support research in the field of OSH. Meanwhile, the journal indirectly promotes OSH to the industry.*

*Those interested to contribute articles may submit their writings to **journal@niosh.com.my** or visit our website at **http://www.niosh.com.my/publication/niosh-journal** for more information.*




## AOSHRI, PLATFORM KERJASAMA ANTARABANGSA UNTUK PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KKP

NIOSH sentiasa konsisten dalam mewujudkan jaringan antarabangsa dalam bidang penyelidikan khusus melalui *Asian Occupational Safety and Health Research Institute (AOSHRI)*. Terdiri daripada kombinasi negara-negara maju, membangun dan sedang membangun, AOSHRI dianggotai oleh negara-negara di benua Asia, amat bertuah bagi Malaysia dan NIOSH dapat beroleh manfaat dan belajar daripada negara maju selain dapat membantu rakan-rakan dari negara yang sedang membangun dalam bidang KKP khususnya penyelidikan dalam satu platform yang sama.

Hasil penglibatan NIOSH di dalam AOSHRI hampir lebih sedekad lalu, telah meningkatkan penyertaan peserta daripada luar Negara di program-program anjuran NIOSH seperti Sci COSH dan COSH tahun-tahun sebelumnya. Seterusnya hubungan baik dengan negara-negara anggota AOSHRI ini akan dikekal melalui penyertaan di dalam program 8th AOSHRI tahun hadapan di Korea Selatan.

Melalui platform AOSHRI juga, NIOSH telah bekerjasama dengan JNIOSH, Jepun menjalankan satu projek kajian "Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan Impak ke atas KKP" menerusi input rasmi yang disalurkan oleh setiap negara anggota. Hasil kajian ini akan dibentangkan di program AOSHRI berikutnya.

## *AOSHRI, A PLATFORM FOR INTERNATIONAL COOPERATION FOR RESEARCH AND DEVELOPMENT IN OSH*

*Over the years NIOSH has been steadfast in its international cooperation through the R&D platform Asian Occupational Safety and Health Research Institute (AOSHRI). Members of the institute consist of developed nations, developing countries, and under-developed countries. It is a privilege for Malaysia to be a member of AOSHRI as it has benefited NIOSH. In turn, NIOSH has been able to assist under-developed nations to develop OSH in their countries especially in R&D.*

*In the last 10 years as a member of AOSHRI, NIOSH has seen a growth in international participants attending programmes organised by NIOSH namely, Sci COSH and COSH. For the 8th AOSHRI coming up in 2022 in South Korea, NIOSH will continue its attendance and relationship with the institute.*

*NIOSH had the opportunity to build a cooperation with JNIOSH in Japan. Both organisations collaborated on an online project "Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0)." Members of AOSHRI also contributed to the project. The outcome will be presented at the next AOSHRI.*



**Barisan delegasi Institut Penyelidikan KKP Asia (AOSHRI).**
*The Asian Occupational Safety and Health Research Institute (AOSHRI) delegates.*

## PUSAT PENILAIAN KEBAHAYAAN DAN TEKNOLOGI KAWALAN KKP (OSHECT)

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah memperuntukkan bantuan kewangan sebanyak RM25 juta untuk membangunkan Pusat Penilaian Kebahayaan dan Teknologi Kawalan KKP (OSHECT) bagi merealisasikan hak kerajaan dan juga visi dan misi penubuhan NIOSH.

Pembangunan OSHECT ini terdiri daripada pembangunan beberapa buah makmal berteknologi tinggi seperti Makmal Analisa Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan (CHL), Makmal Pengurusan Kesihatan Pekerjaan Bersepadu (OHL), Makmal Pengesahan Peralatan Perlindungan Pernafasan (DML), Makmal Pengesahan Peralatan Pencegahan Jatuh (FPETL), Makmal Simulasi Interaktif Peralatan Perlindungan Peribadi (PSL), Makmal Pengujian Hidrostatik (HRL), Makmal Penentuukuran Alat Penguji Gas (GCL), Makmal Ergonomik Persekitaran (EEL) dan Makmal Ergonomik Manusia (HEAL). Di bawah pembangunan OSHECT, terdapat empat (4) penambahan makmal baharu iaitu Makmal Penentukuran Peralatan Saintifik (SECL), Makmal Kejuruteraan Forensik (FEL), Makmal Pengesahan Peralatan Perlindungan Pernafasan (GML) dan Makmal Topeng Muka dan Perubatan (FMML).

## *OSH HAZARD EVALUATION AND CONTROL TECHNOLOGY CENTRE (OSHECT)*

*The Malaysian Government in its 11th Malaysian Development Plan also known as Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11), had budgeted RM25 million for the establishment of OSH Hazard Evaluation and Control Technology Centre (OSHECT). This project was allocated to the MInistry of Human Resources. The aim is to fulfill the government's entitlement of OSHECT in its RMK-11, including the realisation of the vision and mission of NIOSH.*

*A number of technology equipped laboratories were developed for OSHECT. These include Chemical Hazardous Laboratory (CHL), Occupational Health Laboratory (OHL), Dust Mask Laboratory (DML), Fall Protection Equipment Testing Laboratory (FPETL), PPE Simulation Laboratory (PSL), Hydrostatic Testing Laboratory (HRL), Gas Detector Calibration Laboratory (GCL), Environmental Ergonomics Laboratory (EEL), and Human Ergonomics Assessment Laboratory (HEAL). An addition of 4 laboratories were added namely, Scientific Equipment Calibration Laboratory (SECL), Forensic Engineering Laboratory (FEL), Gask Mask Laboratory (GML) and Face and Medical Mask Laboratory (FMML) of which, the DML and FMML are stipulated to be completed in 2021.*

Sehubungan dengan itu terdapat (2) makmal masih dalam proses pembangunan iaitu Makmal GML dan FMML yang dijangka siap pada tahun 2021.

Objektif keseluruhan projek ini adalah untuk menyediakan kemudahan sokongan bagi aktiviti-aktiviti NIOSH di ibu pejabat NIOSH Bandar Baru Bangi dan di Kampus Wilayah Selatan, Johor. Dengan kemudahan ini pelbagai aktiviti baru akan dapat dijalankan berasaskan permintaan trend pusat latihan masa kini.

## PEMBANGUNAN FASILITI DAN PERALATAN MAKMAL

Makmal Pusat Penilaian Kebahayaan dan Teknoloji Kawalan KKP (OSHECT) telah dibangunkan dari tahun 2016 melalui geran RMK-11. Bagi menjamin kualiti dan servis makmal pada tahun 2020, terdapat pembangunan fasiliti dan peralatan makmal. Butiran adalah seperti berikut:

*The objective of the OSHECT project is to provide support for various activities held at NIOSH Bandar Baru Bangi, and for the Southern Regional Campus in Johor. The laboratories will service many new and different activities that are aligned with the latest trends and demands in OSH training.*

## *THE DEVELOPMENT OF FACILITIES AND LABORATORY EQUIPMENT*

*The OSHECT laboratories were developed in 2016 through the RMK-11 grant. The facilities and equipment of the labs underwent an upgrade so as to guarantee excellent service quality. Following are details:*

| **Bil.**<br>*No.* | **Pembangunan fasiliti dan peralatan makmal**<br>*Laboratory facilities and equipment development* | | **Makmal**<br>*Laboratory* |
|---|---|---|---|
| 1 | Peralatan:<br>• Spektrometri Jisim Plasma Bergandingan Induktif (ICP-MS)<br>• Penganalisis Merkuri<br>• Pembelauan (XRD) Ultima IV<br>• Pendarfluor Sinar-X (XRF) NEX DE<br>• Kromatografi Ion (IC)<br>• Mikroskopi Cahaya Terpolarisasi (PLM)<br>• Imbangan Analisis Mikro (XPE 26DR) | *Equipments:*<br>• *Inductively Coupled Plasma Mass Spectrometry ( ICP-MS)*<br>• *Mercury Analyser*<br>• *X-ray Diffraction (XRD) Ultima IV*<br>• *X-ray Fluorescence (XRF) NEX DE*<br>• *Ion Chromatography (IC)*<br>• *Polarised Light Microscopy (PLM)*<br>• *Micro Analytical Balance (XPE 26DR)* | CHL |
| 2 | Peralatan:<br>• Sistem Penguji Penapis Automatik Aliran Tinggi TSI<br>• Mesin Pernafasan dengan Paru Utama Berakhir Berganda<br>• Pelembap<br>• *Sheffield Head*<br>• Tapis Pengocok<br>• Peralatan Pengukuran Rintangan Pernafasan<br>• Atomiser NaCl besar<br>• Fotometer Nyalaan NaCl<br>• Sawat Injak<br>• Sistem Rig Uji Kemudahbakaran<br>• Sistem Peralatan Ujian $CO_2$ Tambahan<br>• Sistem Peralatan Uji Debu Dolomite<br>• Sistem Peralatan Ujian Penapis Minyak Parafin<br>• Penjana Udara Mampat | *Equipments:*<br>• *TSI High Flow Automated Filter Tester System*<br>• *Breathing Machine with Double Ended Main Lung*<br>• *Humidifier*<br>• *Sheffield Head*<br>• *Filter Shaker*<br>• *Breathing Resistance Measuring Equipment*<br>• *Large NaCl Atomiser*<br>• *NaCl Flame Photometer*<br>• *Treadmill*<br>• *Flammability Test Rig System*<br>• *Supplementary $CO_2$ Test Equipment System*<br>• *Dolomite Dust Test Equipment System*<br>• *Paraffin Oil Filter Test Equipment System*<br>• *Compressed Air Generator* | DML |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3 | Kemudahan:<br>• Bilik Kekuatan Statik<br>• Bilik Kebuk Iklim<br>• Menara Prestasi Dinamik<br><br>Peralatan:<br>• Mesin Ujian Universal (UTM)<br>• Instrumen Pengukuran Kekuatan Prestasi Dinamik<br>• Mesin Kebuk Iklim | *Facilities:*<br>• *Static Strength Room*<br>• *Climatic Chamber Room*<br>• *Dynamic Performance Tower*<br><br>*Equipments:*<br>• *Universal Testing Machine (UTM)*<br>• *Dynamic Performance Force Measurement Instrument*<br>• *Climatic Chamber Machine* | SECL |
| 4 | Kemudahan:<br>• Makmal Akustik<br>• Makmal Getaran & Termal<br>• Makmal Aliran Udara<br><br>Peralatan / Equipments:<br>• Bilik Kalis Bunyi Penuh<br>• Sistem Penentukuran Akustik Penuh<br>• Kebuk Anechoic | *Facilities:*<br>• *Acoustic Lab*<br>• *Vibration & Thermal Lab*<br>• *Air Flow Lab*<br><br>*Equipments:*<br>• *Full Soundproof Room*<br>• *Full system Acoustic Calibration System*<br>• *Anechoic Chamber* | SECL |
| 5 | Kemudahan:<br>• Bilik Penilaian Fizikal dan Kecergasan<br>• Bilik Penilaian Kardiopernafasan<br>• Gimnasium<br><br>Peralatan:<br>• Penganalisis Komposisi Badan (Stesen dan mudah alih)<br>• Pemantau Status Fisiologi (HR, BR, Postur)<br>• ECG Mudah Alih<br>• Spirometer<br>• Audiometer | *Facilities:*<br>• *Physical and Fitness Assessment Room*<br>• *Cardiorespiratory Assessment Room*<br>• *Gymnasium*<br><br>*Equipments:*<br>• *Body Composition Analyser (Station and mobile)*<br>• *Physiological Status Monitor (HR, BR, Posture)*<br>• *Mobile ECG*<br>• *Spirometer*<br>• *Audiometer* | OHL |
| 6 | Kemudahan:<br>• Bahagian Penyediaan & Analisis Bahan<br>• Bengkel Kejuruteraan<br>• Bahagian 3D & Prototaip Pantas<br><br>Peralatan:<br>• Mesin Pemotong Manual Kasar Metallografi<br>• Mesin Penekan Pemasangan Automatik Metallografi<br>• Penggiling-Penggilap Separa Automatik Metallografi<br>• Penguji Kekerasan Mikro<br>• Mikroskop Metalurgi Dengan Kamera Mikroskopik & Perisian Analisis<br>• Pencetak 3D Untuk Prototaip Pantas | *Facilities:*<br>• *Material Preparation & Analysis Section*<br>• *Engineering Workshop*<br>• *3D & Rapid Prototyping Section*<br><br>*Equipments:*<br>• *Metallographic Abrasive Manual Cutting Machine*<br>• *Metallographic Automatic Mounting Press Machine*<br>• *Metallographic Semi-Automatic Grinder-Polisher*<br>• *Micro Hardness Tester*<br>• *Metallurgical Microscope With Microscopy Camera & Analysis Software*<br>• *3D Printer For Rapid Prototyping* | SECL |

## PEMBANGUNAN KAPASITI

Pelbagai bentuk kursus dan latihan telah dirancang bagi tujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan juga kompetensi bagi kesemua personel

## *CAPACITY DEVELOPMENT*

*A wide range of courses and trainings were developed for the purpose of expanding knowledge, awareness and competency for all lab personnel. Arrangements were*

makmal. Bagi menjamin kualiti dan perjalanan khidmat rundingan di jabatan ini, personel makmal OSHECT telah menghadiri beberapa program latihan anjuran NIOSH dan juga luar NIOSH. Bagi tahun 2020, norma baharu telah diaplikasikan dalam budaya kerja dan menjalani kursus secara atas talian. Dengan kerjasama daripada pelbagai pihak, beberapa kursus dan latihan telah berjaya dijalankan. Butiran program latihan adalah seperti berikut :

*made to have them all attend training programmes organised by NIOSH and external parties. These sessions were planned so as to guarantee the quality and consultation services provided by OSHECT. Trainings and regular work hours were done online to adapt to the new normal. Details of training programmes is as follows:*

| **Bil.** *No.* | **Program** *Programmes* | **Tarikh** *Date* | **Penganjur** *Organiser* | **Makmal** *Laboratory* |
|---|---|---|---|---|
| 1 | *Familiarisation & Equipment Training (3D Motion Capture System)*<br>*Latihan Mengenal & Peralatan (Sistem Tangkapan Gerak 3D)* | 15 Jun 2020<br>*15 June 2020* | EEC | HEAL |
| 2 | *Familiarisation & Equipment Training (Spiroergometry Cortex Metamax)*<br>*Latihan Mengenal & Peralatan (Spiroergometri Cortex Metamax)* | 16 Jun 2020<br>*16 June 2020* | EEC | HEAL |
| 3 | *Familiarisation & Equipment Training (Wet Bulb Globe Thermometer)*<br>*Latihan Mengenal & Peralatan (Termometer Bola Mentol Basah)* | 7 Julai 2020<br>*7 July 2020* | EEC | EEL |
| 4 | *Body Composition and Measurement: Pros and Cons "What Lies Underneath?"*<br>*Komposisi dan Pengukuran Badan: Kelebihan dan Kekurangan "Apa Yang Ada Disebaliknya?"* | 11 Julai 2020<br>*11 July 2020* | Malaysian Society of Body Composition | OHL |
| 5 | *Familiarisation & Equipment Training (Electroencephalogram)*<br>*Latihan Mengenal & Peralatan (Elektroencephalogram)* | 16 Ogos 2020<br>*16 August 2020* | EEC | HEAL |
| 6 | *Familiarisation & Equipment Training (Electrooculography using Eye Tracking Device)*<br>*Latihan Mengenal & Peralatan (Elektrookulografi menggunakan Peranti Penjejak Mata)* | 6 September 2020<br>*6 September 2020* | EEC | HEAL |
| 7 | *Equipment Training (Calibration Testing) RION*<br>*Latihan Peralatan (Ujian Kalibrasi) RION* | 19 - 20 Januari 2020<br>*19 - 20 January 2020* | RION | SECL |
| 8 | *Training On ISO Documentation*<br>*Latihan Mengenai Dokumentasi ISO* | 7 - 8 Januari 2020<br>*7 - 8 January 2020* | Active Acoustic | SECL |
| 9 | *Training on Method Validation*<br>*Latihan Pengesahan Kaedah* | 17 Februari 2020<br>*17 February 2020* | Active Acoustic | SECL |
| 10 | *Training on Measurement Uncertainty*<br>*Latihan Mengenai Ketidakpastian Pengukuran* | 18 Februari 2020<br>*18 February 2020* | Active Acoustic | SECL |
| 11 | *Training on Measurement Uncertainty*<br>*Latihan Mengenai Ketidakpastian Pengukuran* | 22 - 23 September 2020<br>*22 - 23 September 2020* | Active Acoustic | HRL & GCL |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 12 | *3D Printer For Rapid Prototyping*<br>*Pencetak 3D Untuk Prototaip Pantas* | 25 - 27 November 2020<br>*25 - 27 November 2020* | MH Delima | FEL |
| 13 | *CREO 3D Software*<br>*Perisian CREO 3D* | 6 Januari 2020<br>*6 January 2020* | MH Delima | FEL |
| 14 | *Material Sample Preparation Analysis*<br>*Analisis Penyediaan Sampel Bahan* | 15 - 16 Januari 2020<br>*15 - 16 January 2020* | MH Delima | FEL |
| 15 | *Metallography and Microstructure of Surface Heat Treated Parts*<br>*Metallografi dan Mikrostruktur Bahagian-bahagian yang Dirawat dengan Haba Permukaan* | 2 Disember 2020<br>*2 December 2020* | Buehler | FEL |

Selain itu, penambahan tenaga kerja juga telah dilaksanakan dengan bertujuan sistem pengurusan makmal akan lebih seragam, terancang dan lebih sistematik. Butiran ringkas kakitangan tersebut adalah seperti berikut:

*Furthermore, the increase in staffing was implemented for the purpose of managing the labs in a coordinated, well planned and systematic manner. A summary of designated staff is noted in the table below:*

| Bil.<br>*No.* | Nama kakitangan<br>*Staff name* | Jawatan<br>*Position* | Makmal<br>*Laboratory* |
|---|---|---|---|
| 1 | Tn. Hj. Fadzil Osman | Penasihat Makmal<br>*Laboratory Advisor* | SECL |
| 2 | En. Baderin Osman | Penasihat Makmal<br>*Laboratory Advisor* | DML |
| 3 | En. Raemy Md Zein | Penasihat Makmal<br>*Laboratory Advisor* | HEAL |
| 4 | Pn. Siti Nurani Hassan | Penasihat Makmal<br>*Laboratory Advisor* | EEL |
| 5 | Dr. Muhamad Ariff Muhamad Noordin | Penasihat Makmal<br>*Laboratory Advisor* | OHL |
| 6 | En. Azhar Ahmad | Penasihat Makmal<br>*Laboratory Advisor* | Hidrostatik<br>*Hydrostatic* |
| 7 | En. Muhamad Zulazhar Abdul Halim | Pegawai Teknikal<br>*Technical Officer* | SECL |
| 8 | Pn. Haalah Mahmud | Pegawai Teknikal<br>*Technical Officer* | DML |
| 9 | En. Mohamad Hanafi Ali | Pegawai Teknikal<br>*Technical Officer* | FEL |
| 10 | En. Muhammad Farique Muhammad Fuadi | Pegawai Teknikal<br>*Technical Officer* | FPETL |
| 11 | En. Mohd Arif Afzan Mohd Zain | Juruteknik<br>*Technician* | HEAL |

## PERKONGSIAN ILMU

Di kala negara dilanda wabak COVID-19, personel makmal giat menyebarkan ilmu melalui infografik, seminar dalam talian dan sebagainya. Berikut ialah senarai aktiviti perkongsian ilmu bagi setiap makmal:

## *KNOWLEDGE SHARING*

*During the COVID-19 pandemic, many lab personnel shared information and knowledge through infographic, online seminar and so forth. Following is a listing of sharing activities among the labs:*

| **Bil.**<br>*No.* | **Tajuk Infografik / Seminar**<br>*Infographic / Seminar Title* | **Tarikh**<br>*Date* | **Platform**<br>*Platform* | **Makmal**<br>*Laboratory* |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pengenalan OSHECT<br>*Introduction to OSHECT* | 14 Ogos 2020<br>*14 August 2020* | Facebook | OSHECT |
| 2 | Pengendalian Kimia yang Selamat dari Perspektif KKP<br>*Safe Chemical Handling in OSH Perspective* | Jun 2020<br>*June 2020* | *Online Seminar* | CHL |
| 3 | Ujian Makmal KKP & Bukti Ilmiah<br>*OSH Lab Testing & Scientific Evidence* | Disember 2020<br>*December 2020* | OSH Book 2nd Edition | CHL |
| 4 | Pembersih Tangan<br>*Hand Sanitiser* | Mac 2020<br>*March 2020* | Facebook | CHL |
| 5 | Transkripsi Berbalik - PCR (RT-PCR)<br>*Reverse Transcription – PCR (RT-PCR)* | April 2020<br>*April 2020* | Facebook | CHL |
| 6 | Alkohol<br>*Alcohol* | - | - | CHL |
| 7 | Bakteria vs Virus<br>*Bacteria vs Virus* | April 2020<br>*April 2020* | Facebook | CHL |
| 8 | Petua Memilih Respirator N95<br>*Tips on Choosing an N95 Respirator* | 3 April 2020<br>*3 April 2020* | Facebook | CHL |
| 9 | Kenali Pelitup Muka Anda<br>*Get to Know Your Mask* | 22 Mei 2020<br>*22 May 2020* | Facebook | CHL |
| 10 | Pengendalian Pelitup Muka<br>*Face Mask Handling* | 26 Jun 2020<br>*26 June 2020* | - | CHL |
| 11 | Soalan Lazim mengenai Perlindungan Pernafasan<br>*FAQ on Respiratory Protection* | 24 Jun 2020<br>*24 June 2020* | Facebook | CHL |
| 12 | *OSH Talk* - Membongkar Kebenaran Pelitup Muka<br>*OSH Talk – Unmasking the Truth About Masks* | 30 Jun 2020<br>*30 June 2020* | Facebook | CHL |
| 13 | Jalan Mana Yang Harus Dilakukan Topeng Pembedahan?<br>*Which Way Round Should A Surgical Face Mask Go?* | August 2020<br>*August 2020* | FYi NIOSH | CHL |
| 14 | Pelitup Muka & Karbon Dioksida<br>*Face Mask & Carbon Dioxide* | 8 Ogos 2020<br>*8 August 2020* | Facebook | CHL |
| 15 | Apa Bahan Terbaik untuk Pelitup Muka Buatan Sendiri<br>*What are the Best Materials for a Homemade Face Mask* | 9 Ogos 2020<br>*9 August 2020* | Facebook | CHL |
| 16 | Pelitup Muka KN95: Boleh Dipakai Atau Tidak?<br>*KN95 Face Mask: Wearable Or Not?* | 28 Ogos 2020<br>*28 August 2020* | Facebook | CHL |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 17 | Bolehkah Saya Mencuci Pelitup Muka Saya?<br>*Can I Wash My Mask?* | 1 Oktober 2020 | Facebook | CHL |
| 18 | Sejarah Ringkas mengenai Pelitup Muka di Malaysia<br>*A Brief History on Face Mask in Malaysia* | 16 Oktober 2020<br>*16 October 2020* | Facebook | CHL |
| 19 | 3 Perkara yang Perlu Dipertimbangkan Semasa Menghasilkan Pelitup Muka<br>*3 Things to Consider When Producing a Face Mask* | 19 November 2020<br>*19 November 2020* | Facebook | CHL |
| 20 | Petua Penjagaan Kebersihan untuk Abah-Abah Badan Penuh semasa Pandemik COVID-19<br>*Hygienic Care Tips for Full Body Harness during Pandemic COVID-19* | April 2020<br>*April 2020* | Facebook | FPETL |
| 21 | Mengapa Ujian Peralatan Perlindungan Kejatuhan Penting<br>*Why Fall Protection Equipment testing is Important* | Mei 2020<br>*May 2020* | Facebook | FPETL |
| 22 | Abah-Abah Badan Penuh<br>*Full Body Harness* | Jun 2020<br>*June 2020* | Facebook | FPETL |
| 23 | Keselamatan Bekerja Di Tempat Tinggi<br>*Safety Working At Heights* | Ogos 2020<br>*August 2020* | Facebook | FPETL |
| 24 | Sorotan NIOSH - Episod 3 (Makmal Uji Peralatan Perlindungan Kejatuhan)<br>*NIOSH Highlight – Episode 3 (Fall Protection Equipment Testing Laboratory)* | Ogos 2020<br>*August 2020* | Facebook | FPETL |
| 25 | Program Agrotek RTM 1 – Penuai Kerang Ergo (Video)<br>*Agrotek RTM 1 Programme - Ergo Cockle Shell Harvester (Video)* | 5 Januari 2020<br>*5 January 2020* | Saluran RTM 1 | HEAL |
| 26 | 4 Senaman di Rumah untuk Sakit Belakang Bawah Semasa PKP<br>*4 Simple Home Exercise for Lower Back Pain During Movement Control Order* | 1 April 2020<br>*1 April 2020* | Facebook | EEL |
| 27 | Petua Ergonomik untuk Bekerja di Rumah (Video)<br>*Ergonomics Tips for Working at Home (Video)* | 5 April 2020<br>*5 April 2020* | Facebook | EEL |
| 28 | Peraturan 20-20-20<br>*20-20-20 Rule* | 14 Mei 2020<br>*14 May 2020* | Facebook | EEL |
| 29 | Adakah Anda Tahu Kelebihan Ergonomik?<br>*Do You Know the Advantages of Ergonomics?* | 20 Mei 2020<br>*20 May 2020* | Facebook | EEL |
| 30 | Ergonomik Meja<br>*Desk Ergonomics* | 30 Jun 2020<br>*30 June 2020* | Facebook | HEAL |
| 31 | Perkhidmatan Makmal Teknikal & Ergonomik<br>*Technical & Ergonomics Laboratory Services* | 12 Julai 2020<br>*12 July 2020* | Facebook | HEAL & EEL |
| 32 | Jenis Kecederaan Semasa Menggunakan Alat-Alat Tangan Yang Salah<br>*Type of Injuries When Using Wrong Hand Tools* | 3 Ogos 2020<br>*3 August 2020* | Facebook | EEL |
| 33 | FYi NIOSH - Apa yang Perlu Anda Ketahui Mengenai Penilaian Risiko Ergonomik (ERA)<br>*FYi NIOSH - What You Need To Know Regarding Ergonomics Risk Assessment (ERA)* | 2 November 2020<br>*2 November 2020* | Facebook | EEL |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 34 | Rehat Sebentar Ketika Bekerja<br>*Microbreaks* | 18 November 2020<br>*18 November 2020* | Facebook & Instagram | HEAL |
| 35 | Pengendalian Bahan Manual<br>*Manual Materials Handling* | 19 November 2020<br>*19 November 2020* | Instagram | HEAL |
| 36 | Forum KKP: SoHELP “Penambahbaikan atau Bebanan?”<br>*OSH Forum: SoHELP “Improvement or Burden?”* | 9 November 2020<br>*9 November 2020* | Facebook Live | HEAL |
| 37 | Pengenalan NART<br>*Introduction to NART* | 30 Jun 2020<br>*30 June 2020* | Facebook | PSL |
| 38 | Apa itu Alat Pelindung Peribadi (PPE)?<br>*What is Personal Protective Equipment (PPE)?* | 17 Ogos 2020<br>*17 August 2020* | Facebook | PSL |
| 39 | Pemakanan Sihat Sepanjang PKP dan di Bulan Ramadan<br>*Healthy Eating During MCO and in the Month of Ramadan* | 23 April 2020<br>*23 April 2020* | Facebook | OHL |
| 40 | Kekal Cergas dan Sihat Sepanjang Ramadan<br>*Stay Fit and Healthy During Ramadan* | 24 April 2020<br>*24 April 2020* | Facebook | OHL |
| 41 | Pemakanan Sihat Semasa Ramadan<br>*Healthy Eating During Ramadan* | 1 Mei 2020<br>*1 May 2020* | Facebook | OHL |
| 42 | Promosi Kesihatan di Tempat Kerja (WHP)<br>*Workplace Health Promotion (WHP)* | 22 Jun 2020<br>*22 June 2020* | Facebook | OHL |
| 43 | Seminar Imbangan Hidup Kerja<br>*Work Life Balance Seminar* | 1 Julai 2020<br>*1 July 2020* | Facebook Live | OHL |
| 44 | Topeng Pembedahan (Pelitup Muka), N95 & CO2 ke atas Prestasi dan Kecergasan Manusia (Penyelidikan Ringkas)<br>*Surgical Mask (Face Mask), N95 & CO2 on Human Performance and Fitness (Short Research)* | 11 Ogos 2020<br>*11 August 2020* | Facebook & NIOSH Intranet | OHL |
| 45 | Apakah Komposisi Badan?<br>*What is Body Composition?* | 19 September 2020<br>*19 September 2020* | Facebook | OHL |
| 46 | 1H 5W: Kepentingan Kalibrasi Pengesan Gas<br>*1H 5W: Importance of Gas Detector Calibration* | 19 November 2020<br>*19 November 2020* | Facebook | GCL |
| 47 | Makmal Penentukuran Pengesan Gas di NIOSH<br>*Gas Detector Calibration Laboratory at NIOSH* | 10 April 2020<br>*10 April 2020* | Facebook | GCL |

## PENERBITAN

Makmal Pusat Penilaian Kebahayaan dan Teknoloji Kawalan KKP (OSHECT) telah menjalankan projek-projek penyelidikan bersama industri, universiti, kolej dan sebagainya. Ada antara projek tersebut telah mengeluarkan penerbitan seperti di halaman sebelah:

## *PUBLICATION*

*OSHECT Laboratory conducted a number of research projects with the local industries, universities, colleges and so forth. Some of the project works were published as noted in the following page:*

| Bil. *No.* | Tajuk *Title* | Terbitan *Publisher* | Makmal *Laboratory* |
|---|---|---|---|
| 1 | *Market Surveillance of Filtering Facepiece (FFP) of Respirator Protective Equipment (RPE): Malaysian Perspectives* | *IOP Conference Series: Materials Science and Engineering* | DML |
| 2 | *Cardiorespiratory Fitness For Workers Working At Height* | NIOSH | OHL |
| 3 | *Application of Computational Fluid Dynamic Simulation for The Study of Heat Stress and Heat Strain - A Review* | *(SCOPUS Index Journal) Journal of Advanced Research in Fluid Mechanics and Thermal Sciences 73, Issue 2 (2020), 138-145. ISSN: 2289-7879 https://doi.org/10.37934/arfmts.73.2.138145* | EEL |
| 4 | *The Factor Affecting Heat Stress in Industrial Workers Exposed to Extreme Heat: A Case Study of Methodology* | *(SCOPUS Index Journal) IOP Publishing in Journal of Physics: Conference Series, volume 1630 (2020), 012001. ISSN: 1742-6588. https://doi.org/10.1088/1742-6596/1630/1/012001* | EEL |
| 5 | *Experimental Investigation and Computational Thermal Simulation on Human Thermal Comfort During Performing Office Tasks* | *(SCOPUS Index Journal) IOP Publishing in Journal of Physics: Conference Series (Accepted)* | EEL |
| 6 | *Experimental Study on Human Physiology During Repetitive Workload Simulated Under High Temperature and High Relative Humidity* | *(SCOPUS Index Journal) IOP Publishing in Journal of Physics: Conference Series (Accepted)* | EEL |
| 7 | *Experimental Investigation of Workers Physiology Under Tropical Climate in Construction Industries* | *Journal of Advanced Research in Fluid Mechanics and Thermal Sciences 78, Issue 1(2021) 35-47. ISSN: 2289-7879. https://doi.org/10.37934/arfmts.78.1.3547* | EEL |
| 8 | *Implication of Human Skin Temperature Under High Humidity to The Construction Worker by Using Computational Thermal Simulation* | *(SCOPUS Index Journal) IOP Publishing in Journal of Physics: Conference Series (Accepted)* | EEL |

## AUDIT DAN PEMERIKSAAN

Sasaran utama bagi tahun 2020 ada untuk mendapatkan persijilan MS ISO 17025 bagi dua makmal iaitu Makmal Pengesahan Peralatan Perlindungan Pernafasan (DML) dan Makmal Pengesahan Peralatan Perlindungan Kejatuhan (FPETL). Persijilan ini adalah amat penting bagi mematuhi piawai yang ditetapkan selain mendapatkan keyakinan pelanggan untuk menghantar sampel ke makmal NIOSH pada masa hadapan. Berikut merupakan maklumat ringkas berkenaan sesi audit dan pemeriksaan yang telah dijalankan:

## *AUDIT AND INSPECTION*

*The main target for the year 2020 was to accomplish the MS ISO 17025 Certification for two labs namely, Dust Mask Laboratory (DML) and Fall Protection Equipment Testing Laboratory (FPETL). The awarding of this certification was priority for NIOSH as it reflects the organisation's conformity to performance standards as well as securing client's confidence and trust in the lab's services into the future. Following is a summary of audit sessions and inspections that were carried out:*

| **Bil.** *No.* | **Sesi** *Session* | **Pemeriksa** *Auditor* | **Tarikh** *Date* | **Makmal** *Laboratory* |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Audit Pengawasan<br>*Surveillance Audit* | Jabatan Standard Malaysia (DSM) | 30 September 2020<br>*30 September 2020* | DML & FPETL |
| 2 | Audit Dalaman MS ISO/IEC 17025:2017<br>*MS ISO/IEC 17025:2017 Internal Audit* | NIOSH | 21, 23, 27 & 28 Oktober 2020<br>*21, 23, 27 & 28 October 2020* | CHL, DML, FPETL, GCL, HEAL, EEL |
| 3 | Pensijilan Semula<br>*Recertification* | Jabatan Standard Malaysia (DSM) | 19 November 2020<br>*19 November 2020* | CHL |
| 4 | Pensijilan Semula<br>*Recertification* | Jabatan Standard Malaysia (DSM) | 25 November 2020<br>*25 November 2020* | GCL & *Management* |
| 5 | Anugerah Kecemerlangan IKM (Anugerah Perak)<br>*IKM Excellence Award (Silver Award)* | Institut Kimia Malaysia (IKM) | 22 September 2020<br>*22 September 2020* | CHL |

Makmal Bahan Kimia Berbahaya (CHL) telah menerima pengiktrafan Makmal Cemerlang daripada Institut Kimia Malaysia (IKM) buat kali kesepuluh berturut-turut. Pada tahun 2020 makmal CHL telah mendapat Anugerah Perak pada julung kalinya pengiktirafan 10 tahun kecemerlangan. Anugerah ini telah membuktikan kecemerlangan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Makmal CHL secara konsisten kepada para pelanggannya dan seterusnya meningkatkan kepercayaan orang awam dan industri lain untuk mendapatkan perkhidmatan analisis di makmal tersebut.

## PEMBANGUNAN SAMPEL MAKMAL

Pembangunan Makmal Pusat Penilaian Kebahayaan dan Teknologi Kawalan KKP (OSHECT) yang baru telah membawa sampel-sampel untuk diperiksa dari luar. Butiran adalah seperti berikut :

*This year the CHL Laboratory was awarded the Excellence Laboratory Award by the Malaysian Institute of Chemistry (IKM) for the tenth consecutive year. It also received the Silver Award for 10 consecutive years of excellence. The award is a reflection of superior quality service consistently provided by the CHL Laboratory to its clients. It builds an image of trust and reliability in the public domain and also among industries who require chemical analysis from the CHL lab.*

## *DEVELOPMENT OF LABORATORY SAMPLES*

*The newly developed OSHECT lab began analysing samples from external parties. Following is the listing:*

| **Bil.** *No.* | **Sampel** *Samples* | **Makmal** *Laboratory* |
|---|---|---|
| 1 | Identifikasi Mikrobiologi (Bakteria & Kulat)<br>*Identification Microbiology (Bacteria & Fungi)* | CHL |
| 2 | Respirator Zarah Pakai Buang & Boleh Digunakan Semula<br>*Disposable and Reusable Particle Respirators* | DML |
| 3 | Abah-Abah Badan Penuh, Penyerap Tenaga, Lanyard, Penyambung<br>*Full Body Harness, Energy Absorber, Lanyard, Connectors* | FPETL |
| 4 | Pengesahan Produk Ergonomik untuk Stesen Kawalan Dinamik Brieda Cabins (DYCS)<br>*Ergonomics Product Verification for Brieda Cabins Dynamic Control Station (DYCS)* | HEAL |

Ujian kecekapan (PT) yang juga dikenali sebagai program perbandingan antara makmal (ILCP), menyediakan makmal dengan penilaian objektif bagi ketepatan dan kebolehpercayaan sesuatu keputusan ujian mereka di makmal. PT menentukan prestasi makmal individu untuk ujian atau ukuran tertentu dan digunakan untuk memantau prestasi berterusan sesebuah makmal. Berikut merupakan senarai ujian kecekapan dan perbandingan interlab yang telah dijalankan oleh makmal OSHECT:

*Proficiency Test ((PT) also known as the Inter Laboratories Comparison Programme (ILCP) equips laboratories with objective assessing in order to have accurate and reliable results. PT method ensures the individual success rate of a laboratory in its testing or gauging. The results are used to monitor the success rate of a laboratory over a period of time. The table below lists the PT and ILCP by OSHECT:*

| **Bil.** *No.* | **Ujian kecekapan** *PT Test* | **Tarikh** *Date* | **Makmal** *Laboratory* |
|---|---|---|---|
| 1 | Program Asbestos Kebangsaan - Pusingan 39<br>*National Asbestos Programme – Round 39* | Jun 2020<br>*June 2020* | CHL |
| 2 | Perbandingan Antara Makmal (ILC) 20-007 Kecekapan Penapis Zarah Natrium Klorida NIOSH bersama INSPEC, UK<br>*Inter-laboratory Comparison (ILC) 20-007 Particulate Filter Efficiency Sodium Chloride NIOSH with INSPEC, UK* | 4 Mei 2020<br>*4 May 2020* | DML |

## LAWATAN KE MAKMAL

Makmal Pusat Penilaian Kebahayaan dan Teknoloji Kawalan KKP (OSHECT) di NIOSH telah menerima kunjungan pelawat dari dalam dan luar negara sepanjang tahun 2020. Pada tahun 2020 jumlah keseluruhan pelawat OSHECT adalah sebanyak 750 pelawat termasuk makmal di cawangan, Johor. Objektif utama lawatan kali ini adalah lebih menjurus kepada kolaborasi antara makmal, penggunaan fasiliti dan kemudahan makmal pada masa hadapan. Di bawah ialah butiran senarai kehadiran lawatan makmal OSHECT sepanjang tahun 2020:

## *VISIT TO THE LABORATORIES*

*During the year 2020, the OSHECT Laboratory in NIOSH Bangi and Johor Bahru received local and international visitors totaling to 750 persons. The aim of these visits was to develop future collaboration between laboratories. The table below details the visits from external parties:*

| **Bil.** *No.* | **Organisasi** *Organisations* | **Tarikh** *Date* | **Makmal** *Laboratory* |
|---|---|---|---|
| 1 | Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Azizi Shah, Shah Alam | 16 Januari 2020<br>*16 January 2020* | DML, SECL |
| 2 | Consist College, Ampang Jaya, Selangor | 16 Januari 2020<br>*16 January 2020* | HEAL, EEL |
| 3 | International Medical University | 20 Januari 2020<br>*20 January 2020* | DML, OHL, CHL, FPETL, SECL |
| 4 | Universiti Putra Malaysia | 20 Januari 2020<br>*20 January 2020* | DML, OHL, CHL, FPETL, SECL |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5 | Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Johor | 22 Januari 2020<br>*22 January 2020* | HEAL, EEL |
| 6 | Universiti Malaysia Terengganu | 11 Februari 2020<br>*11 February 2020* | SECL, FEL, CHL |
| 7 | Universiti Pertahanan Nasional Malaysia | 18 Februari 2020<br>*18 February 2020* | PSL, OHL |
| 8 | Kolej Komuniti Ampang | 24 Februari 2020<br>*24 February 2020* | DML, PSL |
| 9 | BASF (Malaysia) Sdn. Bhd., Pasir Gudang, Johor | 8 Ogos 2020<br>*8 August 2020* | HEAL, EEL |
| 10 | Poh Cheong (Malaysia) Sdn. Bhd., Kulai, Johor | 8 Ogos 2020<br>*8 August 2020* | HEAL, EEL |
| 11 | Redwood Furniture Sdn. Bhd., Masai, Johor | 8 Ogos 2020<br>*8 August 2020* | HEAL |
| 12 | Malaya Glass Products Sdn. Bhd., Tampoi, Johor | 8 Ogos 2020<br>*8 August 2020* | HEAL |
| 13 | HID Global Sdn. Bhd., Kulai, Johor | 8 Ogos 2020<br>*8 August 2020* | HEAL |
| 14 | Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan<br>*Food Safety and Quality Laboratory* | 27 Ogos 2020<br>*27 August 2020* | CHL, DML, FPETL, PSL, OHL |
| 15 | Persatuan Faktor Manusia dan Ergonomik Malaysia (HFEM)<br>*Human Factors and Ergonomics Society Malaysia (HFEM)* | 28 September 2020<br>*28 September 2020* | HEAL, EEL |
| 16 | SDP Global (Malaysia) Sdn. Bhd., Pasir Gudang, Johor | 30 September 2020<br>*30 September 2020* | HEAL, EEL |
| 17 | Lawatan YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Pengerusi NIOSH<br>*Visit of YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH* | 4 Disember 2020<br>*4 December 2020* | HEAL, EEL |

Sehubungan dengan itu, jumlah pelawat mengikut makmal OSHECT boleh dibahagikan seperti berikut:

*Following is a table listing the total number of visitors to the OSHECT laboratories:*

| **Makmal** *Laboratory* | CHL | DML | OHL | FPETL | HEAL & EEL | PSL | SECL |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Pelawat** *Visitors* | 64 | 126 | 132 | 61 | 302 | 54 | 80 |
| **Jumlah Keseluruhan** *Grand Total* | | | | 819 | | | |

## OUTPUT / HASIL

## *OUTPUT / RESULTS*

| **Bil.**<br>*No.* | **Output / Hasil**<br>*Outcome* | **Jumlah**<br>*Total* | **Catatan**<br>*Notes* |
|---|---|---|---|
| 1 | Jumlah industri, industri pengajian / penyelidikan dan pengamal KKP kerjasama dengan NIOSH dalam mendapatkan maklumat, rujukan dan bantuan ke arah pematuhan perundangan berkaitan KKP<br>*Number of industries, study / research industries and OSH practitioners collaborating with NIOSH to obtain information, references and assistance involving OSH-related legal compliance* | 9 | • DML: UMT, UIA, UITM, USM & SIRIM<br>• FPETL: Honeywell, SIRIM, Politeknik Sultan Idris Shah<br>• HEAL: Pintsch Bubenzer MyPORT |
| 2 | Jumlah modul latihan baru berkaitan KKP yang dibangunkan dengan kemudahan makmal yang dibangunkan<br>*Total number of new OSH-related training modules that were developed and taught in the newly developed laboratory facilities* | 3 | • ERA1<br>• ERA2<br>• Penilaian Pencahayaan Tempat Bekerja<br>*Workplaces Lighting Assessment* |
| 3 | Jumlah projek penyelidikan and pembangunan yang dijalankan dengan menggunakan fasiliti dan kemudahan makmal yang dibangunkan<br>*Number of R&D projects carried out using facilities and amenities in the newly developed laboratories* | 5 | • Pematuhan di dalam Kajian Peralatan Perlindungan Jatuh sejajar dengan Standard Malaysia di Pasaran Malaysia (FPETL)<br>*Compliance in the Study of Fall Protection Equipment to Malaysian Standard in Malaysia Market (FPETL)*<br>• Sistem Klasifikasi NIOSH Untuk Peralatan Perlindungan Pernafasan (DML)<br>*NIOSH Classification System for Dust Mask (DML)*<br>• Kajian Pendedahan Kristal Silika di Tapak Pembinaan (CHL)<br>*A Study on Crystalline Silica Exposure in Construction Site (CHL)*<br>• Pembangunan Pengkalan Data Antropometri Pekerja Malaysia – Populasi Umur (HEAL)<br>*Development of Anthropometric Database for Malaysian Workers - Age Population (HEAL)*<br>• Kecergasan Kardiorespirasi Pekerja di Tempat Tinggi (OHL)<br>*A Cardiorespiratory Fitness for Workers at Height (OHL)* |
| 4 | Jumlah projek penyelidikan, pembangunan dan berkolaborasi melalui kerjasama dengan industri, institusi pengajian / penyelidikan luar<br>*Total R&D&C projects in collaboration with industries, external study / research institutions* | 2 | • UTHM: Peralatan Pelindungan Pernafasan Standard (RPE) - DML<br>*UTHM : Standard Respirator Protective Equipment (RPE) - DML*<br>• UTM: Memupuk Perkongsian Pintar - HEAL<br>*UTM: Fostering Smart Partnership - HEAL* |
| 5 | Jumlah penerbitan hasil kajian<br>*Number of publications of research studies* | 8 | DML, OHL, EEL |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6 | Jumlah sampel makmal yang dihantar untuk diperiksa<br>*Number of laboratory samples sent for testing* | 8,290 | CHL (4,507), DML (3,300), FPETL (59)<br>OHL (56), FEL (290), GCL (63)<br>HRL (3), SECL (12) |
| 7 | Jumlah penghasilan inovasi baru untuk peralatan kawalan bahaya<br>*Total number of developments of new innovations for hazard control equipment* | 1 | Stesen Kawalan Dinamik Brieda Cabins (DYCS)<br>*Brieda Cabins Dynamic Control Station (DYCS)* |
| 8 | Jumlah pelawat dan pengguna fasiliti dan kemudahan makmal yang dibangunkan untuk tujuan lawatan dan medan praktikal<br>*Number of visitors and users to newly developed laboratory facilities for the purpose of visits and practical fields* | 750 | • Ujian Makmal Pihak Ketiga SIRIM & JKKP – DML & FPETL<br>*Third party testing lab SIRIM & DOSH - DML & FPETL*<br>• Politeknik Sabak Bernam – FPETL<br>• Makmal pengajaran untuk pelajar Sarjana UTM - HEAL<br>*Teaching lab for undergraduate student UTM - HEAL* |
| 9 | Jumlah IP atau patent<br>*Number of IPs or patents* | 1 | Kajian Antropometrik (HEAL)<br>*Anthropometric Study (HEAL)* |
| 10 | Jumlah anugerah dan penghargaan yang berprestij<br>*Number of prestigious awards and accolades* | 2 | • Anugerah IKM 2020<br>*IKM Award 2020*<br>• Anugerah Perak<br>*Silver Award* |
| 11 | Jumlah tenaga pakar dan penyelidik baru yang dibangunkan<br>*Number of new experts and researchers appointed* | 11 | SECL (2), DML (2), HEAL (2), OHL (1),<br>EEL (1), HRL (1), FEL (1), FPETL (1) |
| 12 | Jumlah fasiliti dan kemudahan makmal yang boleh dikomersialkan penggunaannya<br>*The number of laboratory facilities that can be commercialised* | 4 | DML, FPETL, HEAL, EEL |

## PEMBANGUNAN KAPASITI

## *CAPACITY DEVELOPMENT*



Program Kompetensi Pengajaran di Makmal Ergonomik (ERA1 dan ERA2).
*Ergonomic Laboratory Teaching Competency Programme (ERA1 and ERA2).*



Latihan OWAS, RULA, REBA oleh Prof. Sue Higgnet (Sesi Maya).
*OWAS, RULA, REBA Training by Prof. Sue Higgnet (Virtual Session).*




**Pemahaman dan pelaksanaan ISO IEC 17025: 2017 (Sesi maya).**
*Understanding and implementing ISO IEC 17025:2017 (Virtual session).*



**Latihan dokumentasi ISO.**
*ISO Documentation Training.*



**Latihan Pengesahan Kaedah.**
*Method Validation Training.*



**Latihan Ketidakpastian Pengukuran.**
*Measurement Uncertainty Training.*



**Analisis Penyediaan Sampel Bahan.**
*Preparation Analysis for Material Samples.*



**Metallografi dan Mikrostruktur Bahagian-bahagian yang Dirawat dengan Haba Permukaan.**
*Metallography and Microstructure of Surface Heat On Treated Parts.*

## TERBITAN INFOGRAFIK OSHECT

## *OSHECT INFOGRAPHIC PUBLICATIONS*

**Pusat Penilaian Kebahayaan dan Teknologi Kawalan KKP (OSHECT).**
*OSH Hazard Evaluation and Control Technology Centre (OSHECT).*




**Makmal Ujian Peralatan Perlindungan Kejatuhan (FPETL).**
*Fall Protection Equipment Testing Laboratory (FPETL).*






**Makmal Penentukuran Peralatan Saintifik (SECL).** *Scientific Equipment Calibration Lab (SECL).*







**Makmal Topeng Habuk (DML)** *Dust Mask Laboratory (DML).*












**Makmal Penilaian Ergonomik Manusia (HEAL) dan Makmal Ergonomik Alam Sekitar (EEL).**
*Human Ergonomic Assessment Lab (HEAL) and Environmental Ergonomic Lab (EEL).*

**Makmal Bahan Kimia Berbahaya (CHL).**
*Chemical Hazardous Lab (CHL).*






- **Makmal Simulasi PPE (PSL).**
  *PPE Simulation Lab (PSL).*







## PENYEBARAN ILMU

## *DISSEMINATION OF KNOWLEDGE*















**28 Februari 2020: Keselamatan Guru Sebagai Pekerja: Pelitup Muka Pembedahan @ N95 Mask.**
*28 February 2020: Safety of Teachers As Employees: Surgery Mask @ N95 Mask.*





**5 Februari 2020: Seminar Kenali Jenis dan Fungsi Alat Perlindungan Pernafasan yang Sesuai.**
*5 February 2020: Seminar on Identifying the Types and Functions of Appropriate Respiratory Equipment.*

## LAWATAN MAKMAL

## *LABORATORY VISITS*






**Lawatan Pengerusi NIOSH, YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong.**
*Visit of NIOSH Chairman, YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong.*

# PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

# *RESEARCH AND DEVELOPMENT*

## PEMBELAJARAN ERGONOMIK KAWALAN PENGANTARAAN UNTUK PENGENDALIAN BAHAN SECARA MANUAL DALAM SEKTOR PERKILANGAN

## *STUDY ON ERGONOMICS INTERVENTION CONTROL FOR MANUAL MATERIAL HANDLING IN THE MANUFACTURING SECTOR*

| Tempoh Penyelidikan<br>*Duration of Research* | 1 Julai 2020 - sekarang<br>*1 July 2020 – current* | Tempat<br>*Venue* | Syarikat-syarikat perkilangan di Malaysia<br>*Manufacturing companies in Malaysia* |
|---|---|---|---|

Pada tahun 2020, Pusat Kecemerlangan Ergonomik (EEC) menjalani projek penyelidikan dengan objektif menyediakan analisis dan penilaian Ergonomik Kawalan Pengantaraan untuk Pengedalian Bahan Secara Manual di Operasi Gudang Perkilangan. Bukti saintifik menunjukkan bahawa ergonomik pengantaraan yang berkesan boleh menurunkan beban atau kerja fizikal pengendalian bahan secara manual, dan seterusnya mengurangkan kejadian kecederaan muskuloskeletal. Potensi mengurangkan kos pembiayaan kecederaan boleh menjadikan ergonomik sebagai satu pengantaraan bagi menambahkan produktiviti syarikat, kualiti produk dan secara keseluruhannya meningkatkan daya saing perniagaan.

Projek ini berjaya melulusi fasa pertama menggunakan kaedah kajian keratan rentas dan temuduga. Soal selidik dibangunkan untuk mengumpul profil demografik responden dan syarikat; profil ataupun ciri-ciri pekerjaan; pengetahuan ergonomik dan sejarah Penyakit Muskuloskeletal (MSDs); akses untuk mendapatkan maklumat dari industri perkilangan cara-cara kawalan atas pengendalian secara manual; informasi kepuasan pekerja atas kebolehgunaan cara-cara kawalan; dan, kriteria, faktor dan penilaian apabila cadangan pengendalian secara manual disyorkan. Sesi temuduga dijalankan untuk memastikan keberkesanan penyelidikan kualitatif. Penyelidikan kualitatif boleh meneroka secara mendalam pendapat responden, tingkahlaku mereka, pengalaman and fenomena. Fasa 2 projek ini dijangka bermula pada tahun 2021.

*In the year 2020, EEC conducted a research project with the objective to provide an analysis and evaluation of Ergonomics Intervention Control for Manual Material Handling at a Manufacturing Warehouse Operation. Scientific evidence indicated that effective ergonomic interventions can lower the physical demands of manual material handling (MMH) tasks, and thereby lowering the incidence and severity of musculoskeletal injuries. The potential for reducing injury related costs alone make ergonomic interventions a useful tool for improving a company's productivity, product quality and overall business competitiveness.*

*The project had passed its first phase using cross-sectional study and interview session methods. A questionnaire was created to determine the demographic profile of the respondent and the company; work profile or nature of jobs; knowledge on ergonomics and history of Musculoskeletal Disease (MSDs); access to the list of current manual handling control measure in manufacturing industries; worker satisfaction information on the usability of control measures; and lastly, criteria, factor and design evaluation that needed to be considered when proposing manual handling of control measures. An interview session was also conducted to ascertain the effectiveness for qualitative research which would help explore further the research subjects' opinion, behavior, experiences and phenomenon. This project will proceed to its second phase in 2021.*










## PENYELIDIKAN INDEKS TEKANAN AND TERIKAN HABA DAN KESANNYA TERHADAP PRESTASI PEKERJA

HEAL dan EEL telah digunakan untuk pengumpulan data penyelidikan ke atas indeks tekanan dan terikan haba, dan kesannya terhadap prestasi pekerja. NIOSH menerima tender daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk menjalankan analisis prestasi pekerja dalam pelbagai situasi and persekitaran. Sebagai contoh, dalam keadaan suhu dan kelembapan tinggi. Dengan demikian, hubungan kuantitatif di antara suhu dan kelembapan ke atas prestasi pekerja sama ada di kawasan dalaman ataupun luaran boleh dikaji. Kaedah penyelidikan secara persepsi digunakan bagi meneliti korelasi antara suhu dan kelembapan melalui penilaian fisiologi pekerja.

## *STUDY OF HEAT STRESS AND HEAT STRAIN INDICES AND THEIR EFFECT ON WORKER PERFORMANCE*

*HEAL and EEL were used for performing data collection on the study of heat stress and heat strain indices and its effect on worker performance. This data collection study was a tender from University Malaysia Kelantan (UMK) to NIOSH. The purpose of the study was to analyse the performance of employees working in various environments (such as temperature and humidity) in different types of working conditions. Hence, the investigation of quantitative relationship of temperature and humidity on the performance of workers in indoor and outdoor environments. A perception survey method was used in examining the correlations through physiological assessments of the workers.*

Penyelikan ini berjaya menghasilkan 6 penerbitan di Jurnal Indeks Scopus seperti senarai di bawah:

- Aplikasi Simulasi Pengkomputeran Dinamik Bendalir ke atas Penyelidikan Tekanan dan Terikan Haba - Kajian Semula
- Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tekanan Haba Ke atas Pekerja Industri yang Terdedah kepada Tekanan and Terikan Haba: Kes Penyelidikan Metodologi
- Penyiasatan Eksperimental dan Pengkomputeran Simulasi Termal ke atas Tahap Keselesaan Termal Manusia Semasa Menjalani Tugasan Di Pejabat
- Penyiasatan Penyelidikan Eksperimental ke atas Fisiologi Manusia Semasa Menjalankan Beban Kerja Berulangan Dalam Suasana Suhu Tinggi dan Kelembapan Relatif Tinggi
- Penyiasatan Eksperimental ke atas Fisiologi Pekerja Industri Pembinaan Dalam Suasana Iklim Tropika
- Implikasi Kelembapan Tinggi ke atas Suhu Kulit Manusia Pada Pekerja Industri Pembinaan Dengan Menggunakan Pengkomputeran Simulasi Termal.

*This study has successfully produced 6 publications in the Scopus Index Journal as stated below:*

- *Application of Computational Fluid Dynamic Simulation for The Study of Heat Stress and Heat Strain - A Review*
- *The Factor Affecting Heat Stress in Industrial Workers Exposed to Extreme Heat: A Case Study of Methodology*
- *Experimental Investigation and Computational Thermal Simulation on Human Thermal Comfort While Performing Office Tasks*
- *Experimental Study on Human Physiology During Repetitive Workload Simulated Under High Temperature and High Relative Humidity*
- *Experimental Investigation of Workers Physiology Under Tropical Climate in Construction Industries*
- *Implication of Human Skin Temperature Under High Humidity to The Construction Worker by Using Computational Thermal Simulation.*





# PERKHIDMATAN TEKNIKAL DAN MAKMAL

## VERIFIKASI PRODUK ERGONOMIK UNTUK STESEN KAWALAN DINAMIK BRIEDA CABINS (DYCS)

| Tempoh Penyelidikan *Duration of Research* | 6 - 8 Oktober 2020 *6 - 8 October 2020* | Tempat *Venue* | Pintsch Bubenzer Myport Sdn. Bhd., Johor |
|---|---|---|---|

NIOSH telah menerima jemputan dari Pintsch Bubenzer Myport Sdn. Bhd. untuk menyediakan makmal ergonomik dan perkhidmatan teknikal dengan tujuan menjalankan Verifikasi Produk Ergonomik untuk Stesen Kawalan Dinamik Brieda Cabins (DYCS).

Tujuan projek tersebut adalah untuk menilai faktor-faktor risiko ergonomik semasa dan analisis biokimia untuk Stesen Kawalan Dinamik Brieda Cabins (DYCS). Selain dari itu, projek ini bertujuan untuk memperbaiki postur badan, mengurang and mencegah penyakit Gangguan Muskuloskeletal (MSDs), dan melindungi kesejahteraan kesihatan operator stesen kawalan mengikut Piawaian Antarabangsa Ergonomik (ISO). Piawaian tersebut mengawasi sebarang situasi perundangan, kod latihan industri dan garis panduan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa.

Objektif Verifikasi Penilaian Produk Ergonomik adalah untuk menilai keperluan tugas dan persekitaran tempat kerja operator stesen seperti berikut:

- Mengenal pasti risiko ergonomik ke atas pekerja yang berpotensi mengalami MSDs, sakit belakang, ketidakselesaan dan kesalahan yang tidak dijangka;
- Menyediakan permarkahan atau unjuran ergonomik sebagai peringatan kepada pengurusan fasiliti tentang pendedahan kepada risiko ergonomik ke atas pekerja semasa menjalankan tugasan mereka; dan
- Menawarkan penyelesaian praktikal bagi menghapuskan atau mengurangkan faktor risiko ergonomik ke atas setiap aktiviti tugasan.

# *TECHNICAL AND LABORATORY SERVICES*

## *ERGONOMICS PRODUCT VERIFICATION FOR BRIEDA CABINS DYNAMIC CONTROL STATION (DYCS)*

*NIOSH was invited by Pintsch Bubenzer Myport Sdn. Bhd. to provide ergonomics laboratory and technical services for the purpose of performing Ergonomics Products Verification Assessment for Brieda Cabins Dynamic Control Station (DYCS).*

*The purpose of the project was to evaluate current ergonomic risk factors and biochemical analysis for Brieda Cabins Dynamic Control Station. Besides this, the project aimed at improving working posture of the body, reduce and prevent musculoskeletal disorder diseases (MSDs), and safeguard the wellbeing of control station operators as stated in the Ergonomics International Standards (ISO), which oversees any situations or conditions related to legal requirements, Industrial Code of Practices and Guidelines established by the authorities.*

*The objectives of the Ergonomics Products Verification Assessment are to assess the task requirement and working environment with respect to operators by:*

- *Identifying ergonomic risk factors that expose employees to potential MSDs, back pain, discomfort and potential human errors;*
- *Providing ergonomics scoring to forewarn the facility's management the degree of ergonomic risks that employees are being exposed to when performing identified task activities; and*
- *Offering practical solutions to eliminate or reduce ergonomic risk factors for each identified task activities.*










## PERKONGSIAN ILMU TEKNIKAL DAN MAKMAL PENGAJARAN

## *TECHNICAL SHARING AND TEACHING LABORATORIES*

| **Tempat** *Venue* | HEAL & EEL |
|---|---|

Sepanjang tahun 2020, kesemua latihan yang ditawarkan oleh NIOSH Pejabat Wilayah Selatan Johor Bahru dijalankan di makmal Pusat Kecemerlangan Ergonomik (EEC) dengan tujuan memberi permahaman mendalam dari segi input teknikal. Latihan yang diberikan adalah berkaitan dengan ergonomik. Contohnya, Penilaian Risiko Ergonomik (ERA), Pegawai KKP Ergonomik (SHO), dan Ergonomik dan Pengendalian Manual di tempat bekerja (EMHW).

*During the year 2020, all trainings at NIOSH Southern Regional Office Johor Bahru were conducted at Ergonomics Excellence Centre (EEC) laboratory facilities for the purpose of providing in-depth understanding on technical inputs. These trainings were related to ergonomics such as Ergonomics Risk Assessment (ERA), Ergonomics for Safety and Health Officer (ESHO), and Ergonomics and Manual Handling at Workplaces (EMHW).*



## MESYUARAT DAN BENGKEL JAWATANKUASA PENGGUBALAN GARIS PANDUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN BAGI PENYUSUNAN TEMPAT DUDUK BEKERJA

## *MEETINGS AND WORKSHOPS OF THE DRAFTING COMMITTEE FOR GUIDELINES ON OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH FOR SEATING AT WORK*

<table>
<tr><td rowspan="3">Tarikh<br>Date</td><td>13 Mac 2020 13 March 2020</td><td rowspan="3">Tempat<br>Venue</td><td>Sime Darby Plantation Tower, Selangor</td></tr>
<tr><td>7 Oktober 2020 7 October 2020</td><td rowspan="2">Mesyuarat Dalam Talian<br>Online Meeting</td></tr>
<tr><td>23 Oktober 2020 23 October 2020</td></tr>
</table>

Jawatankuasa penggubalan Garis Panduan KKP untuk penyusunan tempat duduk bekerja ditubuhkan dan dilantik oleh JKKP dalam usaha mengkaji semula garis panduan yang sedia ada berbanding dengan situasi semasa; mengenalpasti masalah dalam garis panduan yang sedia ada; mencadangkan peningkatan dan penggubalan garis panduan baru; pembaharuan kaedah penilaian; mengawal langkah-langkah supaya sesuai dengan teknologi dan keadaan semasa; dan, mendapatkan pandangan dari pihak berkepentingan atas persiapan draf garis panduan. Jawatankuasa ini diwakili oleh DOSH (sebagai pihak utama), NIOSH, Persatuan Faktor Manusia dan Ergonomik (HFEM), Petronas Carigali, Telekom Malaysia, Sime Darby Plantation, Permodalan Nasional Berhad, Shinko Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd., Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Teknologi Petronas. Sepanjang tahun 2020, mesyuarat dan bengkel diadakan di beberapa lokasi.

*The drafting committee for the "Guidelines on Occupational Safety and Health for Seating at Work" was formed and appointed by the Department of Occupational Safety and Health (DOSH) in an effort to review the existing Guidelines so as to ensure it remains relevant to current situations; to identify issues and problems in the existing guidelines; to propose improvements and new guidelines; to update existing assessment methods; to control measures appropriate to current conditions and technologies; and, having to seek views from stakeholders for the preparation of the draft guideline. This committee is represented by DOSH being the main committee, NIOSH, Human Factor and Ergonomics Society Malaysia (HFEM), Petronas Carigali, Telekom Malaysia, Sime Darby Plantation, Permodalan Nasional Berhad, Shinko Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd., International Islamic University Malaysia and Petronas University of Technology. A series of meetings and workshops were held at several venues throughout 2020.*





**Kursus 2 hari Asas Pertolongan Kecemasan Pekerjaan (BOFA) dilengkapi dengan sesi praktikal dan penilaian kompetensi.**
*A 2 days course on Basic Occupational First Aid (BOFA) which included practical and competency assessment sessions.*

# PENYEBARAN INFORMASI ERGONOMIK

Pusat Kecemerlangan Ergonomik (EEC) ditubuhkan bagi tujuan menyebarkan informasi berkaitan dengan ergonomik di Malaysia. Pusat ini kerap menerima lawatan dari pelbagai industri yang ingin mengembangkan pengetahuan mereka dalam bidang ergonomik melalui perkongsian informasi dan penggunaan media sosial untuk menyebarkan informasi. Pendekatan ini membolehkan pusat EEC menyokong teras pembangunan negara ini ke arah "evolusi Internet Benda (IoT).

## PENYEBARAN INFORMASI BERKAITAN DENGAN AKTIVITI MAKMAL

Walaupun Malaysia dilanda wabak COVID-19, makmal EEC masih boleh menyambut terima ramai pelawat bagi tahun 2020. Sebanyak 119 pelawat dari pelbagai organisasi, terutamanya dari industri perkilangan dan pembuatan. Senarainya adalah seperti berikut:

- Kolej Consist, Ampang Jaya, Selangor
- Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Johor

# *INFORMATION DISSEMINATION ON ERGONOMICS*

*Ergonomics Excellence Centre (EEC) was established to disseminate information on ergonomics in Malaysia. The EEC frequently receives visits from a wide range of industries who come to discover more about ergonomics. Through an information sharing approach and the use of social media to disseminate information, the EEC supports the core development of the country in the evolution of the Internet of Things (IoT).*

## *INFORMATION DISSEMINATION RELATED TO LABORATORY ACTIVITIES*

*Although the country was hit by the COVID-19 pandemic, the EEC laboratory continued to receive a high volume of visitors in 2020. A total of 119 visitors came from several organisations, namely the manufacturing industries. Among them are:*

- *Consist College, Ampang Jaya, Selangor*
- *Pembangunan Sumber Manusia Berhad, Johor*
- *BASF (Malaysia) Sdn. Bhd., Pasir Gudang, Johor*

- BASF (Malaysia) Sdn. Bhd., Pasir Gudang, Johor
- Poh Cheong (Malaysia) Sdn. Bhd., Kulai, Johor
- Redwood Furniture Sdn. Bhd., Masai, Johor
- Malaya Glass Products Sdn. Bhd., Tampoi, Johor
- HID Global Sdn. Bhd., Kulai, Johor
- Persatuan Faktor Manusia dan Ergonomik Malaysia (HFEM)
- SDP Global (Malaysia) Sdn. Bhd., Pasir Gudang, Johor
- Forum Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan: SoHELP, “Penambahbaikan? Atau Bebanan?”.
- Lawatan YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Pengerusi NIOSH

- *Poh Cheong (Malaysia) Sdn. Bhd., Kulai, Johor*
- *Redwood Furniture Sdn. Bhd., Masai, Johor*
- *Malaya Glass Products Sdn. Bhd., Tampoi, Johor*
- *HID Global Sdn. Bhd., Kulai, Johor*
- *Human Factors and Ergonomics Society Malaysia (HFEM)*
- *SDP Global (Malaysia) Sdn. Bhd., Pasir Gudang, Johor*
- *Occupational Safety and Health Forum: SoHELP, “Improvement? Or a Burden? ”*
- *Visit of YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH*





## SEMINAR FAKTOR MANUSIA DAN ERGONOMIK NEGARA

Acara hibrid dua hari (fizikal dan maya) untuk Seminar Faktor Manusia dan Ergonomik Nasional 2020 (NHFES20) telah diadakan di Pejabat Wilayah Selatan NIOSH Johor Bahru dari 28 - 29 September 2020. Seminar ini dianjurkan oleh Persatuan Faktor Manusia dan Ergonomik Malaysia (HFEM). Seminar ini memfokuskan

## *NATIONAL HUMAN FACTOR AND ERGONOMICS SEMINAR*

*A two-day hybrid event (physical and virtual) for National Human Factor and Ergonomics Seminar 2020 (NHFES20) was held at NIOSH Southern Regional Office Johor Bahru from 28 - 29th September 2020. This seminar was organised by the Human Factor and Ergonomics Society Malaysia (HFEM). This seminar*

kepada faktor manusia dan ergonomik dari perspektif akademik dan industri. Acara dwitahunan ini bertujuan untuk menawarkan penyelesaian atau cadangan bagi industri untuk memperbaiki masalah ergonomik dan untuk memupuk hubungan yang sihat di antara pelbagai pihak yang berkepentingan. Pejabat Wilayah Selatan NIOSH dipilih sebagai lokasi seminar untuk mempromosikan makmal dan kemudahan EEC kepada pengamal ergonomik di Malaysia.

*focused on human factors and ergonomics from the academic and industrial perspective. This biennial event is aimed at offering solutions or recommendation for industries to improve on ergonomic issues and to foster healthy liaison among various stakeholders. NIOSH Southern Regional Office was chosen as the seminar location so as to promote EEC laboratories and facilities to the ergonomic practitioners in Malaysia.*








**Kursus 2 hari Asas Pertolongan Kecemasan Pekerjaan (BOFA) dilengkapi dengan sesi praktikal dan penilaian kompetensi.**
*A 2 days course on Basic Occupational First Aid (BOFA) which included practical and competency assessment sessions.*

## PENYEBARAN MAKLUMAT MENGGUNAKAN MEDIA SOSIAL

## *DISSEMINATION OF INFORMATION USING SOCIAL MEDIA*

Infografik berkenaan Ergonomik.

*Ergonomics Infographic.*


















Program Siaran Langsung Facebook anjuran OSHE UTM.

*Facebook Live Programme organised by OSHE UTM.*







# PENYEBARAN MAKLUMAT

# *INFORMATION DISSEMINATION*

## AKTIVITI PENYEBARAN MAKLUMAT

Aktiviti penyebaran maklumat adalah untuk membantu mereka yang bertanggungjawab terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dengan menyediakan maklumat yang terkini dari dalam dan luar negara.

NOSH sentiasa bergerak aktif dalam mempromosi dan mempertingkatkan aktiviti Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) bagi memenuhi permintaan pelanggan di seluruh negara.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti seminar, pameran, ceramah, bengkel, serta menerbitkan pelbagai bahan bagi meningkatkan pengetahuan KKP seperti FYI, Buletin, Brosur, Poster, Buku, Jurnal KKP dan medium elektronik.

## *INFORMATION DISSEMINATION ACTIVITIES*

*Information dissemination functions to help those who have OSH responsibilities by providing the newest information from Malaysia and from abroad.*

*NIOSH is constantly driving promotional activities and strengthening the levels of OSH activities in order to fulfill customer demand from around the country.*

*Many types of activities are conducted. For example, seminars, exhibitions, talks, and workshops. Furthermore, a variety of promotional materials are published to help increase knowledge about OSH. Among them are bulletins, brochures, posters, books, and journals including web based material.*

| Bil. *No.* | Butiran *Details* | Bil. Program *No. of Programmes* | Bil. Peserta *No. of Participants* |
|---|---|---|---|
| 1 | Persidangan *Conferences* | 0 | 0 |
| 2 | Seminar *Seminars* | 53 | 4,338 |
| 3 | Ceramah *Talks* | 140 | 14,000 |
| 4 | Pameran / Lawatan *Exhibitions / Visits* | 74 | 7,400 |
| 5 | Penerbitan *Publications* | 127 | - |

Bilangan aktiviti Khidmat Rundingan tahun 2020.
*Number of Consulting Services Activities in the year 2020.*

## SEMINAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 53 seminar dijalankan dan hampir 80% seminar dijalan secara atas talian memandangkan pandemik COVID-19 melanda negara.

## *OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH SEMINAR*

*During year 2020, a total of 53 seminars were conducted of which, 80% of these seminars were held online due to the COVID-19 pandemic situation.*

Objektif utama seminar ini dijalankan adalah:

- Membantu majikan mempertingkatkan tahap Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja;
- Menyampaikan maklumat terkini dan isu yang berkaitan dengan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kepada pekerja dan majikan;
- Menjadikan medan perbincangan serta perkongsian ilmu dan pengamalan di kalangan pengamal KKP, Sektor Industri, Jabatan Kerajaan dan sebagainya;
- Mengenal pasti dan memahami masalah yang dihadapi oleh pekerja dan majikan dalam menerapkan amalan budaya Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tempat kerja.

Sebanyak 53 program seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dijalankan sepanjang tahun 2020 iaitu:

*The main objective of the seminars was to:*

- *To provide employers the needed support in fortifying the levels of safety and health at the workplace;*
- *To publicise the latest information and issues related to OSH to employers and employees;*
- *To become a platform to discuss and to share knowledge and experience among OSH compliance officers, the industry sectors, government departments and so forth; and,*
- *To become a platform to discuss and to share knowledge and experience among OSH compliance officers, the industry sectors, government departments and so forth.*

*A total of 53 seminars on OSH were conducted for the year 2020.*

| **Bil.** *No.* | **Aktiviti** *Activities* | **Tarikh** *Dates* | **Tempat** *Venues* |
|---|---|---|---|
| 1 | Seminar Kepentingan Kursus KKP di Industri<br>*The Importance of OSH Courses for Industries* | 30 Januari 2020<br>*30 January 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 2 | Pemantauan Kebisingan: Seminar Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pendedahan Kebisingan) 2019<br>*Noise Monitoring: Occupational Safety And Health Regulation (Noise Exposure) Regulations 2019 Seminar* | 20 Januari 2020<br>*20 January 2020* | NIOSH SBRO |
| 3 | Seminar Latihan Kerja Selamat Di Ladang<br>*Safety Training Seminar for Agriculture and Farming Work* | 28 Januari 2020<br>*28 January 2020* | NIOSH ECRO |
| 4 | Seminar kenali Jenis dan Fungsi Alat Perlindungan Pernafasan Yang Sesuai<br>*Seminar on Introduction to Suitable Breathing Protection Equipment and Its Function* | 5 Februari 2020<br>*5 February 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 5 | Seminar Pematuhan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 Kepada Sektor Awam<br>*Compliance Seminar on OSH Act of 1994 for the Public Sector* | 24 Februari 2020<br>*24 February 2020* | NIOSH ECRO |
| 6 | Seminar Pengenalan Garis Panduan Penilaian Ergonomik<br>*Seminar on Introduction to the Ergonomic Assessment Guideline* | 26 Februari 2020<br>*26 February 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 7 | Seminar Pengenalan Pematuhan Akta KKP 1994 Kepada Sektor Awam<br>*Compliance Seminar on OSH Act of 1994 for the Public Sector* | 27 Februari 2020<br>*27 February 2020* | NIOSH ECRO |
| 8 | Seminar Pematuhan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 Kepada Sektor Awam Peringkat Negeri Sarawak<br>*State Level Compliance Seminar on OSH Act of 1994 for the Public Sector in Sarawak* | 3 Mac 2020<br>*3 March 2020* | NIOSH Kuching, Sarawak |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9 | Seminar Mengenal Pasti Ruang Terkurung Di Tempat Kerja<br>*Seminar on Determining Confined Spaces at the Workplace* | 4 Mac 2020<br>*4 March 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |
| 10 | Seminar Pematuhan Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 Kepada Sektor Awam Peringkat Negeri Sabah<br>*State Level Compliance Seminar on OSH Act of 1994 for the Public Sector in Sabah* | 5 Mac 2020<br>*5 March 2020* | NIOSH<br>Kota Kinabalu,<br>Sabah |
| 11 | Seminar (atas talian) Keperluan dan Pematuhan Akta KKP 1994 & Tanggungjawab Pekerja dan Majikan<br>*Online Seminar on The Need and Compliance to OSH Act of 1994 & The Responsibilities of Employees and Employers* | 14 April 2020<br>*14 April 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |
| 12 | Seminar (atas talian) Pengurusan Risiko (HIRARC) & OSHMS<br>*Online Seminar on Risk Management (HIRARC) & OSHMS* | 15 April 2020<br>*15 April 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |
| 13 | Seminar dalam talian mengenai Perjalanan Pelatih KKP<br>*Online Seminar on The Journey of An OSH Trainer* | 21 April 2020<br>*21 April 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |
| 14 | Seminar dalam talian mengenai Norma Baru dalam Latihan<br>*Online Seminar on The New Normal in Training* | 22 April 2020<br>*22 April 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |
| 15 | Seminar (atas talian) Pengenalpastian Kebahayaan, Penilaian Risiko Dan Kawalan Risiko<br>*Online Seminar on Identifying Hazard, Risk Assessment and Risk Control* | 27 April 2020<br>*27 April 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |
| 16 | Pengenalan Program Pasport Keselamatan NIOSH (Atas talian)<br>*Online Seminar on Introduction to NIOSH Safety Passport Programme* | 7 Mei 2020<br>*7 May 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |
| 17 | Seminar Amalan Kerja Selamat Untuk Aktiviti Berkerja Selamat di Tempat Tinggi<br>*Seminar on Practicing Workplace Safety for Work At Heights Activities* | 14 Mei 2020<br>*14 May 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |
| 18 | Pengenalan Kepada Program Ruang Terkurung NIOSH (atas talian)<br>*An Online Introduction to Confined Space Programme conducted by NIOSH* | 21 Mei 2020<br>*21 May 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |
| 19 | Seminar Asas Pertolongan Cemas di Rumah<br>*Online Seminar on Administering First Aid at Home* | 4 Jun 2020<br>*4 June 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |
| 20 | Pengenalan Kepada Program Kecekapan Kemahiran Keselamatan NIOSH (atas talian)<br>*An Online Introduction to Safety Skills Competencies conducted by NIOSH* | 11 Jun 2020<br>*11 June 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |
| 21 | Seminar (atas talian) Pengendalian Bahan Kimia Secara Selamat Dari Perspektif KKP<br>*Online Seminar on Handling Chemical Safety From An OSH Perspective* | 26 Jun 2020<br>*26 June 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |
| 22 | Amalan Terbaik Dalam Pelaksanaan KKP (dalam talian)<br>*Best Practices In OSH Implementation (online)* | 30 Jun 2020<br>*30 June 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |
| 23 | Imbangan Hidup Kerja (dalam talian)<br>*Work Life Balance (online)* | 1 Julai 2020<br>*1 July 2020* | NIOSH<br>Bandar Baru<br>Bangi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 24 | Seminar (atas talian) Persediaan Peperiksaan Pegawai Keselamatan & Kesihatan (Kertas 1 - 3)<br>*Online Seminar on Examination Preparation for OSH Officers (Paper 1 - 3)* | 11 Julai 2020<br>*11 July 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 25 | NIOSH sebagai Institut Latihan Nasional (dalam talian)<br>*NIOSH as National Training Institute (online)* | 21 Julai 2020<br>*21 July 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 26 | Seminar Memperkasakan KKP dalam Industri<br>*Seminar on Empowering OSH in the Industry* | 5 Ogos 2020<br>*5 August 2020* | NIOSH SRO |
| 27 | Seminar Pengenalan Pematuhan Akta KKP 1994 Kepada Sektor Awam<br>*Seminar on Introduction to Compliance to OSH Act of 1994 for the Public Sector* | 4 Ogos 2020<br>*4 August 2020* | NIOSH SRO |
| 28 | Seminar Pengenalan Pematuhan Akta KKP 1994 Kepada Sektor Awam<br>*Seminar on Introduction to Compliance to OSH Act of 1994 for the Public Sector* | 6 Ogos 2020<br>*6 August 2020* | NIOSH SRO |
| 29 | Seminar Pengenalan Pematuhan Akta KKP 1994 Kepada Sektor Awam<br>*Seminar on Introduction to Compliance to OSH Act of 1994 for the Public Sector* | 11 Ogos 2020<br>*11 August 2020* | NIOSH SRO |
| 30 | Seminar Memperkasakan KKP dalam Industri<br>*Seminar on Empowering OSH in the Industry* | 13 Ogos 2020<br>*13 August 2020* | NIOSH NRO |
| 31 | Seminar Keberkesanan Kaedah Penubuhan Jawatankuasa KKP dan Polisi (atas talian)<br>*Online Seminar on the Effectiveness of Method Implemented in Establishing OSH Committee and Policy* | 15 Ogos 2020<br>*15 August 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 32 | Seminar Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan<br>*Seminar on OSH Management System* | 1 September 2020<br>*1 September 2020* | MPOB |
| 33 | Seminar Dalam Talian mengenai Kualiti Udara Dalaman: Bagaimana Mengesan Pencemaran Udara di Tempat Kerja atau di Rumah?<br>*Online Seminar on Indoor Air Quality: How to Detect Air Pollution at the Workplace or at Home?* | 5 September 2020<br>*5 September 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 34 | Seminar Amalan Kerja Selamat Untuk Aktiviti Bekerja Selamat Di Tempat Tinggi<br>*Seminar on Safe Operation Procedure For Working At Height* | 8 September 2020<br>*8 September 2020* | NIOSH NRO |
| 35 | Minda Selamat dan Sihat di Tempat Kerja (atas talian)<br>*Safe and Healthy Minds at Work (online)* | 17 September 2020<br>*17 September 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 36 | Seminar Kebisingan dan Pendedahan Bahan Kimia terhadap Kesihatan<br>*Seminar on Noise and Chemical Exposure to Health* | 20 Oktober 2020<br>*20 October 2020* | NIOSH ECRO |
| 37 | Pengenalan kepada Program Penyelaras KKP NIOSH (dalam talian)<br>*Introduction to NIOSH OSH Coordinator Programme (online)* | 24 Oktober 2020<br>*24 October 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 38 | Seminar OSHA di Tempat Kerja: Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994<br>*Seminar on OSHA at the Workplace and OSH Act of 1994* | 27 September 2020<br>*27 September 2020* | NIOSH SBRO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 39 | Pengenalan Kepada Kursus Kompetensi NIOSH: Keselamatan Dan Pegawai Kesihatan (SHO) (dalam talian)<br>*Introduction To NIOSH Competency Course : Safety And Health Officer (SHO) (online)* | 28 Oktober 2020<br>*28 October 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 40 | Seminar Amalan Kerja Selamat Untuk Aktiviti Bekerja Di Tempat Tinggi<br>*Seminar on Safe Operation Procedure for Working At Height* | 3 November 2020<br>*3 November 2020* | NIOSH NRO |
| 41 | Seminar Dalam Talian mengenai Kebisingan dan Pendedahan Bahan Kimia kepada Kesihatan<br>*Online Seminar on Noise and Chemical Exposure to Health* | 4 November 2020<br>*4 November 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 42 | Pendekatan Proaktif Dalam Mengendalikan Seminar HIRARC (dalam talian)<br>*Proactive Approaches In Managing HIRARC Seminar (online)* | 7 November 2020<br>*7 November 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 43 | Pengenalan kepada Kursus Kompetensi NIOSH (dalam talian): • 5 Kursus Kebersihan Industri • Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) & Jururawat Kesihatan Pekerjaan (OHN) • Penyelia Keselamatan Tapak (SSS)<br>*Introduction to NIOSH Competency Courses (online): • 5 Industrial Hygiene Courses • Occupational Health Doctor (OHD) & Occupational Health Nurse (OHN) • Site Safety Supervisor (SSS)* | 11 November 2020<br>*11 November 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 44 | Bahaya Bunyi Bising: Sejauh Mana Yang Anda Tahu? (atas talian)<br>*Online Seminar on Dangers of Noise: Are You Aware of Noise Hazards?* | 21 November 2020<br>*21 November 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 45 | Pengenalan kepada Kursus Kompetensi NIOSH (dalam talian): • Orang Masuk dan Siap Sedia untuk Ruang Terhad (AESP) • Penguji Gas dan Penyelia Kemasukan Untuk Ruang Terhad (AGTES)<br>*Introduction to NIOSH Competency Courses (online): • Authorised Entrant and Standby Person for Confined Space (AESP) • Authorised Gas Tester And Entry Supervisor For Confined Space (AGTES)* | 25 November 2020<br>*25 November 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 46 | Pengenalan Komunikasi Bahaya: Helaian Data Keselamatan (SDS) (dalam talian)<br>*Introduction To Hazard Communication : Safety Data Sheets (SDS) (online)* | 2 Disember 2020<br>*2 December 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 47 | Seminar Amalan Terbaik KKP Untuk Operasi Mengangkat<br>*Seminar on OSH Best Practices For Lifting Operation* | 3 Disember 2020<br>*3 December 2020* | NIOSH ECRO |
| 48 | Seminar Dalam Talian mengenai Cara Meningkatkan Postur Ketika Bekerja Dari Rumah<br>*Online Seminar on How to Improve Your Work From Home Posture* | 5 Disember 2020<br>*5 December 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |
| 49 | Perundingan KKP Dalam Talian & Perkhidmatan Makmal Teknikal KKP di SRO (Melaka, Johor, N. Sembilan) Vol. 1<br>*Online OSH Consultation & OSH Technical Laboratory Services at SRO (Melaka, Johor, N. Sembilan) Vol. 1* | 15 Disember 2020<br>*15 December 2020* | NIOSH SRO |
| 50 | Webinar: Seminar Kerjasama dengan Pejabat Ketua Setiausaha Negeri<br>*Webinar: Collaboration Seminar with the State's Chief Secretary's Office* | 15 Disember 2020<br>*15 December 2020* | NIOSH SBRO |
| 51 | Menguruskan Risiko Bahan Kimia Berbahaya di Tempat kerja S.M.E. (dalam talian)<br>*Managing Risks Of Hazardous Chemicals at S.M.E. Workplace (online)* | 19 Disember 2020<br>*19 December 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 52 | Perkhidmatan Makmal Teknikal KKP di SRO (Melaka, Johor, N. Sembilan) (dalam talian)<br>*OSH Technical Laboratory Services at SRO (Melaka, Johor, N. Sembilan) (online)* | 23 Disember 2020<br>*23 December 2020* | NIOSH SRO |
| 53 | Webinar: Memperkasakan KKP dalam Industri<br>*Webinar: Empowering OSH in the Industry* | 30 Disember 2020<br>*30 December 2020* | NIOSH Bandar Baru Bangi |

## CERAMAH KESELAMATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NORMA BARU 2020

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 140 program ceramah atau *OSH Talk* Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dijalankan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan menjaga Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP). Berdasarkan isu semasa dimana pendemik COVID-19 melanda negara, NIOSH mengambil pendekatan mengadakan siri ceramah atau *OSH Talk* secara atas talian bagi membendung penularan COVID-19 di kalangan masyarakat.

### BUAL BICARA “ABAS ORANG KAMEK KAFE KAMEK” BERSAMA YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG, PENGERUSI NIOSH

Pada 17 November 2020, berlangsung program bual bicara secara langsung “Abas Orang Kamek Kafe Kamek” bersama YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Pengerusi NIOSH.

Program julung kali diadakan secara atas talian bersama Pengerusi NIOSH berbicara berkaitan “Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Tanggungjawab Bersama” diadakan pada hari selasa pukul 8.30 malam. Bual bicara berkaitan program pembangunan Agensi Pembangunan Hulu Rajang (URDA) dan aktiviti-aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan oleh NIOSH.

Siaran Langsung Facebook ini dapat dicapai melalui Facebook Sarawak Volunteers dan Facebook NIOSH Malaysia.

## *THE 2020 NEW NORM OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH LECTURE*

*During the year 2020 a total of 140 lecture programmes or OSH Talk on Safety and Health at the Workplace were held. These lectures were organised to create public awareness on the importance of minding safety and health at the workplace. Looking at the current pandemic situation in the country, NIOSH approached the unforeseen calamity by introducing a series of online talks or OSH Talk as a solution to help curb the spread of COVID-19 in local communities.*

### *TALK SHOW "ABAS ORANG KAMEK KAFE KAMEK" WITH YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG, CHAIRMAN, NIOSH*

*On 17 November 2020 a live broadcast titled "Abas Orang Kamek Kafe Kamek" was held with YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, the Chairman of NIOSH.*

*The live broadcast with the Chairman of NIOSH was on "Managing of OSH is a Collective Responsibility." The talk was held on a Tuesday at 8:30pm and its main topic was about the OSH activities that was set up in a development programme led by the Upper Rajang Development Agency (URDA).*

*The live broadcast was aired through Facebook Sarawak and Facebook NIOSH Malaysia.*







**Bual Bicara "Abas Orang Kamek Kafe Kamek" bersama YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Pengerusi NIOSH.**
*Talk Show "Abas Orang Kamek Kafe Kamek" with YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH.*

# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## PROGRAM KKP DI SEKOLAH

Sepanjang tahun 2020, NIOSH telah menjalankan dua (2) Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di sekolah atau lebih dikenali KKP di Sekolah. Program dijalankan secara atas talian (Webinar) ini bertujuan mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan sihat kepada guru, kakitangan dan juga murid semasa berada di sekolah. Selain itu, ia memupuk kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) di sekolah dan memastikan sekolah sebagai zon selamat bagi murid dan warga sekolah yang lain.

**Pada 30 November 2020** berlangsung secara atas talian Seminar dan Dialog Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah 2020. Buat pertama kalinya seminar KKP di Sekolah bersiaran secara atas talian khas buat anda yang terus komited membantu dan bekerjasama dalam usaha memutuskan rantaian pandemik COVID-19 di Malaysia. Program ini adalah kerjasama NIOSH dengan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

# *CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY*

## *OSH IN SCHOOLS PROGRAMME*

*NIOSH held 2 OSH in School programmes for the year 2020. The programmes were conducted through online webinars for the purpose of inculcating a safety and health environment in the school for the benefit of teachers, staff and students while classes were in session. In addition, the programme aimed to cultivate an awareness toward OSH in school, and to uphold the school as a safe zone for students and staff.*

***On 30 November 2020,** the Seminar and Dialogue on Managing OSH in School 2020 was aired. This was the very first online session conducted for this programme due to the pandemic. NIOSH collaborated with the Department of Education Kuala Lumpur for this programme.*

*The OSH in School programme was broadcast from 8:30am to 12:00pm. It was hosted by a two member panel both from NIOSH. They were Dr. Muhammad Ariff Muhamad Noordin, Technical Specialist from the Communications, Research and Development Department (CRDD), NIOSH; and, Ts. Hj. Shahronizam*

Program *OSH in School* ini berlangsung pada jam 8.30 pagi - 12.00 tengah hari disampaikan oleh dua panel dari NIOSH iaitu Dr. Muhamad Ariff Muhamad Noordin, Pakar Teknikal dari Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD), NIOSH dan Ts. Hj. Shahronizam Noordin, Pengurus di Bahagian Penyebaran Maklumat (IDD), NIOSH. Topik yang dibincangkan berkaitan "Keperluan perundangan dan penghapusan risiko kemalangan di sekolah – sekolah selamat". Topik kedua pula berkisar mengenai "COVID-19: Langkah Kesedaran di Sekolah".

**Pada 16 Disember 2020** berlangsung secara atas talian Seminar dan Dialog Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah 2020. KKP di Sekolah ini bersiaran secara atas talian kerjasama antara NIOSH dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) - (SMK putrajaya Presint 14(1)). Program KKP di Sekolah ini berlangsung pada jam 9.00 pagi - 12.00 tengah hari yang disampaikan oleh Ts. Hj. Shahronizam Noordin, Pengurus di Bahagian Penyebaran Maklumat (IDD), NIOSH. Topik yang dibincangkan berkaitan "Keperluan perundangan dan penghapusan risiko kemalangan di sekolah – sekolah selamat".

Objektif seminar ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman dan kesedaran dalam bidang KKP seperti perundangan, sistem pengurusan KKP, Jawatankuasa KKP, polisi KKP dan perkara berkaitan KKP kepada guru, para pentadbir serta kakitangan sekolah. Semoga program seminar yang dijalankan ini dapat memberi manfaat berguna kepada masyarakat terutamanya yang terlibat secara langsung dengan pihak sekolah.

Sepanjang tahun 2020, NIOSH telah melaksanakan dua (2) program KKP di Sekolah secara atas talian iaitu:

*Noordin, Manager from the Information Dissemination Division, NIOSH. The topic for discussion was on "The Need of Legislation and the Eradication of Accident Risks in Schools (for a Safe School)." Additionally, a topic on "COVID-19: Steps Toward Awareness in Schools" was also discussed.*

*On the **16 of December 2020** another OSH in School webinar was conducted on the theme Seminar and Dialogue on Managing OSH in School 2020. Together with the state level Department of Education (DOE), NIOSH held a live webinar at SMK Putrajaya Precinct 14(1) from 9:00am to 12:00pm. It was hosted by Ts. Hj. Shahronizam Noordin, Manager from the Information Dissemination Department, NIOSH. The topic of discussion was on "The Need of Legislation and the Eradication of Accident Risks in Schools (for a Safe School)." Additionally, a topic on "COVID-19: Steps Toward Awareness in Schools" was conversed.*

*The objective of the seminar was to deliver understanding and awareness in the field of OSH. For example, topics on legislation, OSH managing systems, OSH committees, OSH policies and other OSH related areas. The seminar was geared towards teachers, administrators and school staff. It is hoped that the seminar programme would deliver useful benefits to society at large, specifically for those directly involved with schools.*

*Throughout the year 2020 NIOSH conducted 2 OSH in School online live webinars:*

| **Bil.** *No.* | **Aktiviti** *Activities* | **Tarikh** *Dates* | **Tempat** *Venues* | **Kerjasama** *Cooperation* |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Seminar (atas talian): Seminar dan Dialog Pengurusan KKP di Sekolah *Online Seminar: Seminar and Dialog on Managing OSH in Schools* | 30 November 2020 *30 November 2020* | NIOSH, Bandar Baru Bangi | NIOSH - Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) - JPN Wilayah Persekutuan) |
| 2 | Seminar (atas talian): Seminar dan Dialog Pengurusan KKP di Sekolah *Online Seminar: Seminar and Dialog on Managing OSH in Schools* | 16 Disember 2020 *16 December 2020* | NIOSH, Bandar Baru Bangi | NIOSH - Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) - SMK Putrajaya Presint 14(1) |







Pada tahun 2020, NIOSH juga menerbitkan buku berkaitan KKP di Sekolah iaitu “Buku Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah".

*To support the OSH in School programme, NIOSH in 2020 published a "Guideline for OSH in Schools."*

▶ **Buku Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sekolah.**
*Handbook of Occupational Safety and Health in Schools.*



# DIARI KORPORAT

## SUMBANGAN NIOSH KEPADA GOLONGAN TERKESAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19 DI W. P. LABUAN

**11 - 12 November 2020** - Di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR), NIOSH melalui Pejabat NIOSH Labuan telah menyampaikan sumbangan berbentuk kit makanan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Cawangan Labuan dan Hospital Labuan.

Sumbangan ini adalah antara usaha NIOSH untuk membantu pihak-pihak yang terkesan di atas bencana pandemik COVID-19 khususnya masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan. Kit makanan seperti beras, gula, garam dan lain-lain keperluan penting ini diharapkan sedikit sebanyak dapat meringankan beban warga Labuan yang memerlukan.

NIOSH menyeru kepada masyarakat Malaysia yang berkemampuan untuk sama-sama membantu kerajaan di dalam memastikan warga Malaysia mendapat bantuan dan perhatian. Sesungguhnya usaha bantu membantu ini akan dapat mengeratkan lagi perpaduan dan kerjasama di segenap lapisan masyarakat.

# *CORPORATE DIARY*

## *CONTRIBUTIONS FROM NIOSH TO COMMUNITIES AFFECTED BY COVID-19 PANDEMIC IN THE FEDERAL TERRITORY OF LABUAN*

***11 - 12 November 2020*** *- A corporate social responsibility (CSR) initiative by NIOSH Labuan Office. Food kits were donated to the Department of Welfare Services, Labuan and to Hospital Labuan.*

*This donation is an effort by NIOSH to assist communities affected by the pandemic, especially those living in the Federal Territory of Labuan. The food kit consisted of rice grains, sugar, salt and other necessities being a humble contribution to alleviate burdens in the community.*

*NIOSH appeals to the Malaysian public to work together in helping the government to ensure Malaysians receive help and attention. May our relief efforts help to strengthen the unity and cooperation among Malaysian communities.*



**12 November 2020 - Penyerahan sumbangan berupa kit makanan berjumlah 89 kit kepada warganegara golongan B40 yang terkesan akibat COVID-19 daripada NIOSH melalui JABATAN KEBAJIKAN MALAYSIA W. P. LABUAN.**
*Contribution of donations in the form of food kits amounting to 89 kits to B40 citizens affected by COVID-19 from NIOSH through the DEPARTMENT OF WELFARE MALAYSIA W. P. LABUAN.*



**11 November 2020 - Penyerahan sumbangan berupa 20 kampit beras kepada Hospital Labuan. NIOSH SBRO, khususnya NIOSH W. P. Labuan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan atas keperihatinan kepada warga W. P. Labuan yang terkesan akibat COVID-19.**
*Contribution of donations in the form of 20 bags of rice to Labuan Hospital. NIOSH SBRO, especially NIOSH W. P. Labuan would like to thank the management for their concern to the people of W. P. Labuan affected by COVID-19.*

## SUMBANGAN NIOSH KEPADA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DI KAWASAN LUAR BANDAR (DHRRA) BAGI MEMBANTU MASYARAKAT YANG TERKESAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19

**Bandar Baru Bangi, 16 April 2020** - Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) memberikan sumbangan kepada salah sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) iaitu Pembangunan Sumber Manusia di Kawasan Luar Bandar (DHRRA). Tanggungjawab Sosial Korporat ini adalah kerjasama NIOSH dan DHRRA bagi menyediakan barang-barang keperluan asas harian kepada golongan masyarakat yang amat memerlukan seperti Kumpulan B40, Orang-orang tua, Pelarian, Orang tidak bernegara atau tidak mempunyai dokumen dan lain-lain.

Semoga sumbangan NIOSH ini dapat membantu dan memberi semangat kepada mereka di kalangan kumpulan masyarakat yang terkesan daripada COVID-19. NIOSH berharap akan banyak lagi pihak yang tampil memberikan apa juga bentuk bantuan kepada badan-badan sukarelawan yang bersama-sama dengan pihak kerajaan di dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi melawan COVID-19 ini. Semoga kita semua akan dilindungi daripada penularan wabak pandemik COVID-19.

## *CONTRIBUTIONS FROM NIOSH TO THE DEVELOPMENT OF HUMAN RESOURCES IN RURAL AREAS (DHRRA) TO ASSIST COMMUNITIES AFFECTED BY COVID-19 PANDEMIC*

***Bandar Baru Bangi, 16 April 2020*** *- NIOSH contributed to the NGO Development of Human Resources for Rural Areas (DHRRA). Through the CSR collaboration between NIOSH and DHRRA daily necessities were donated to B40 communities (those in critical need), the elderly, refugees, stateless persons, and others alike.*

*It is hoped these contributions from NIOSH will strengthen and give courage to those affected by COVID-19. NIOSH also encouraged various parties to extend their support to volunteer groups assisting the government during the Movement Control Order period. That we may all be protected from the spread of the pandemic.*





**Sumbangan NIOSH Kepada Pembangunan Sumber Manusia untuk Kawasan Luar Bandar (DHRRA).**
*NIOSH Contribution to the Development of Human Resources for Rural Areas (DHRRA).*

## NIOSH MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PETUGAS-PETUGAS DI HOSPITAL TUANKU JAAFAR, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN YANG MENDEPANI PANDEMIK COVID-19

**Negeri Sembilan, 1 April 2020** – Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menyumbang juadah makan malam kepada petugas-petugas di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan bermula 1 April 2020 hingga 5 April 2020. Tanggungjawab Sosial Korporat oleh NIOSH ini dibekalkan dengan kerjasama Klana Resort Seremban. Diharapkan sumbangan kecil NIOSH ini dapat sedikit sebanyak meringankan beban kerajaan khususnya Hospital Tuanku Jaafar dan secara tidak langsung Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pihak NIOSH mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Negeri Sembilan atas pengorbanan kakitangan sebagai 'Frontliners' di dalam membendung penularan COVID-19. Semoga sumbangan NIOSH ini dapat membantu dan memberi semangat kepada kakitangan Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Negeri Sembilan semasa menjalankan tugas. NIOSH berharap akan banyak lagi pihak yang tampil memberikan apa juga bentuk bantuan bagi membantu petugas-petugas lain di seluruh negara. Semoga kita semua akan dilindungi daripada penularan wabak pandemik COVID-19.

## *NIOSH DONATES TO THE FRONTLINERS FACING THE COVID-19 PANDEMIC AT HOSPITAL TUANKU JAAFAR, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN*

***Negeri Sembilan, 1 April 2020*** *- from April 1 to 5, NIOSH donated dinner meals to frontliners at the Hospital Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan. This was a conjoined CSR initiative between NIOSH and Klana Resort Seremban. It is hoped this humble donation lightened the burdens of the government especially that of the hospital and in some way the Ministry of Health.*

*NIOSH extended its warm appreciation to all the staff at Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Negeri Sembilan for their dedication and sacrifice as frontliners during this critical period of the COVID-19 pandemic. It is hoped that the donations from NIOSH will foster strength and courage to the staff as they strife to fulfill their duties. Furthermore, NIOSH hopes there would be more parties reaching out to help frontliners throughout the country. That we may all be protected from the pandemic.*

**Sumbangan Kepada Petugas-Petugas di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan.**
*Contribution to Staff at Tuanku Jaafar Hospital, Seremban, Negeri Sembilan.*



## LAWATAN KERJA YB ADUN HULU BERNAM KE IBU PEJABAT NIOSH

**Bandar Baru Bangi, 11 November 2020** – YB Datuk Rosni Sohar iaitu Adun Ulu Bernam dan Ahli Lembaga Pengarah PTPTN membuat lawatan ke Ibu Pejabat NIOSH, Bandar Baru Bangi, Selangor. Ketibaan YB Datuk telah disambut oleh YB Senator Datuk T. Mohan, Naib Pengerusi; Tn. Hj. Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH dan pengurusan tertinggi NIOSH. Selain sesi suai kenal dan pembentangan fungsi dan peranan NIOSH, YB Datuk juga di bawa untuk melawat beberapa makmal dan fasiliti yang terdapat di NIOSH. Ini termasuk Makmal Peralatan Perlindungan Pernafasan (DML), Makmal Ujian dan Peralatan Perlindungan Jatuh (FPETL), Simulator Ruang Berkurung dan beberapa bahagian lain.

## *WORK VISIT BY YB STATE ASSEMBLYMAN FOR HULU BERNAM TO NIOSH HEADQUARTERS*

***Bandar Baru Bangi, 11 November 2020** - YB Datuk Rosni Sohar the State Assemblyman for Hulu Bernam (who is also a member in the Board of Directors for PTPTN) made a work visit to NIOSH headquarters in Bandar Baru Bangi, Selangor. The arrival of YB Datuk was welcomed by YB Senator Datuk T. Mohan, Vice Chairman; Tn. Hj. Ayop Salleh, Executive Director of NIOSH; and, the senior management team at NIOSH. YB Datuk was toured through a number of laboratories and facilities after the greetings, introductions and discussions. YB Datuk was brought to see the Dusk Mask Lab (DML), Fall Protection Equipment and Testing Lab (FPETL), Confined Space Simulator, and so forth.*

Lawatan Kerja YB Adun Hulu Bernam Ke Ibu Pejabat NIOSH.
*Working Visit of Hulu Bernam Assemblyman to NIOSH Headquarters.*




## TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA MELAKUKAN LAWATAN KERJA KE IBU PEJABAT NIOSH

**Bandar Baru Bangi, 28 September 2020** – YB Tn. Hj. Awang Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia telah mengadakan lawatan kerja ke Ibu Pejabat NIOSH di Bandar Baru Bangi. Sesi lawatan ini adalah siri kunjungan rasmi YB Timbalan Menteri ke semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia. Ketibaan YB Timbalan Menteri telah disambut oleh YB Senator Datuk T. Mohan, Naib Pengerusi; Tn. Hj. Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH dan pengurusan tertinggi NIOSH.

## *DEPUTY MINISTER FOR HUMAN RESOURCES MAKES A WORK VISIT TO NIOSH HEADQUARTERS*

***Bandar Baru Bangi, 28 September 2020** - YB Tn. Hj. Awang Hashim, Deputy Minister for Human Resources conducted a work visit to NIOSH headquarters. This was part of YB's official work visits to all departments and agencies governed by the Ministry of Human Resources. The arrival of YB Deputy Minister was greeted by YB Senator Datuk T. Mohan, Vice Chairman; Tn. Hj. Ayop Salleh, Executive Director of NIOSH and the senior management team.*

Selain sesi suai kenal dan pembentangan fungsi dan peranan NIOSH, YB Timbalan Menteri juga di bawa untuk melawat beberapa makmal dan fasiliti yang terdapat di NIOSH. Ini termasuk Makmal Peralatan Perlindungan Pernafasan (DML), Makmal Ujian dan Peralatan Perlindungan Jatuh (FPETL), Simulator Ruang Berkurung dan lain-lain lagi

*Deputy Minister was toured through a number of laboratories and facilities after the exchange of greetings, introductions and discussions. YB was also brought to see the Dusk Mask Lab (DML), Fall Protection Equipment and Testing Lab (FPETL), Confined Space Simulator, and so forth.*

**Timbalan Menteri Sumber Manusia Melakukan Lawatan Kerja Ke Ibu Pejabat NIOSH.**
*Deputy Minister of Human Resources Visits NIOSH Headquarters.*




## LAWATAN KERJA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA KE SABAH

**Sandakan, 5 September 2020** – NIOSH menyertai lawatan kerja Kementerian Sumber Manusia di Kota Kinabatangan dan Sandakan, Sabah yang diketuai oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia; dan YB Tn. Hj. Awang Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia.

## *WORK VISIT TO SABAH BY THE MINISTRY OF HUMAN RESOURCES*

***Sandakan, 5 September 2020*** *- NIOSH joined the work visits organised by the Ministry of Human Resources. The visits were conducted in Kota Kinabatangan and Sandakan, Sabah. It was led by YB Datuk Seri M. Saravanan, Minister of Human Resources; and, YB Tn. Hj. Awang Hashim, Deputy Minister of Human Resources.*

**Lawatan Kerja Kementerian Sumber Manusia Ke Sabah.**
*Working Visit of the Ministry of Human Resources to Sabah.*



## LAWATAN DAN MESYUARAT AHLI LEMBAGA PENGARAH NIOSH DI PEJABAT WILAYAH PANTAI TIMUR (KERTEH)

## *OFFICIAL VISIT AND EXECUTIVES MEETING AT NIOSH EAST COAST REGIONAL OFFICE IN KERTEH, TERENGGANU*




Lawatan dan mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah NIOSH di Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh).
*Visit and meeting of NIOSH Board Members at the East Coast Regional Office (Kerteh).*

## TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA MELAKUKAN LAWATAN KERJA KE IBU PEJABAT NIOSH

**Kuala Lumpur, 16 Julai 2020** – Institut Keselamatan dan Kesihatan Negara (NIOSH) diketuai oleh YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Pengerusi NIOSH mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Dato' Nelson Renganathan, Pengerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF).

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk berbincang berkaitan kerjasama antara kedua-dua agensi Kementerian Sumber Manusia (KSM) melibatkan program-program pembangunan sumber manusia dan tenaga kerja khususnya melibatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Kolaborasi strategik ini juga memfokuskan inisiatif kerajaan melalui PENJANA yang bertujuan untuk membantu pihak industri khususnya majikan dan pekerja di dalam merancakkan semula aktiviti ekonomi di pelbagai sektor industri. Ini selaras dengan hasrat pihak kementerian dan kerajaan di dalam menangani kesan dan impak pandemik COVID-19.

Kerjasama bersepadu juga telah dirangka bagi memberikan manfaat kepada golongan penganggur, golongan berpendapatan rendah, Orang Asli, Orang Asal

## *DEPUTY MINISTER OF HUMAN RESOURCES VISITS NIOSH HEADQUARTERS*

***Kuala Lumpur, 16 July 2020*** *– YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH pays an honourable visit to YBhg. Dato' Nelson Renganathan, Chairman of Human Resources Development Fund (HRDF).*

*The aim of the visit was to discuss an opportunity of cooperation between NIOSH and HRDF, for the purpose of initiating a collaboration with the Ministry of Human Resources Malaysia. The collaboration would involve development of programmes in the area of human resource and labour development, specifically occupational safety and health. A stategic collaboration such as this aims to focus on government initiatives through the help of PENJANA. This would help support the industries, employers and employees to accelerate economic activity of the various industry sectors. Simultaneously fulfilling the desire of the government and the ministries therein to combat the adverse effects and impact caused by the pandemic.*

*Furthermore, the collaboration would also look into providing benefits to jobless persons, the low income group, local ethnic people, local aboriginals, and the youth. Opportunities to upskill, reskill and cross-skill*

dan golongan belia di dalam usaha memberikan mereka ruang kerjaya melalui kaedah peningkatan kemahiran, latihan semula kemahiran dan kemahiran silang.

Kunjungan hormat ini juga turut dihadiri oleh YB Senator Datuk T. Mohan, Naib Pengerusi NIOSH; En. Shahul Hameed Dawood, Ketua Eksekutif PSMB; Tn. Hj. Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH dan pegawai-pegawai dari kedua-dua organisasi.

*would be provided to benefit their job and career development.*

*Others who participated in this honourable visit include YB Senator Datuk T. Mohan, Vice Chairman of NIOSH; Mr. Shahul Hameed Dawood, Chief Executive of HRDF; Tn. Hj. Ayop Salleh, Executive Director of NIOSH; and an entourage of officers from both organisations.*

**Kunjungan Hormat NIOSH Ke Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).**
*NIOSH Courtesy Visit to Human Resource Development Fund (HRDF).*



## KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT TIMBALAN KETUA MENTERI MERANGKAP MENTERI INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN SARAWAK

**Kuching, 27 Jun 2020** – Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat YB Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut anak Masing, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak. Delegasi NIOSH di ketuai oleh Pengerusi NIOSH, YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong yang juga Ahli Parlimen bagi kawasan Hulu Rajang, Sarawak. Turut serta bersama rombongan NIOSH adalah Naib Pengerusi, YB Senator Datuk T. Mohan; Pengarah Eksekutif, Tn. Hj. Ayop Salleh; Setiausaha Eksekutif, Mejar Hj. Hanif Maidin (B) serta beberapa orang pegawai.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk memperkenalkan NIOSH kepada YB Tan Sri dan memaklumkan bahawa NIOSH bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam memastikan pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

## *AN HONOURABLE VISIT TO THE OFFICE OF THE STATE'S DEPUTY MINISTER CUM MINISTER FOR INFRASTRUCTURE AND DEVELOPMENT OF THE PORT OF SARAWAK*

***Kuching, 27 June 2020*** *– NIOSH organised an honourable visit to the Office of YB Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut anak Masing, State Deputy Minister cum Minister for Infrastucture and Development of the Port of Sarawak. The delegation from NIOSH was led by YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong who is also the member of Parlimen for Hulu Rajang, Sarawak. He was accompanied by YB Datuk Senator T. Mohan, Vice Chairman of NIOSH; Tn. Hj. Ayop Salleh, Executive Director of NIOSH; Major Hj. Hanif Maidin (Rtd), Executive Secretary; and a group of officers.*

*The visit aimed at introducing NIOSH to YB Tan Sri and to extend opportunities for future cooperation with the state government in the area of managing safety and health at the workplace.*

**Kunjungan Hormat Ke Pejabat Timbalan Ketua Menteri Merangkap Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak.**
*Courtesy Call to the Office of the Deputy Chief Minister and Minister of Infrastructure and Port Development of Sarawak.*



## KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN TURUN PADANG KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM) KE PULAU PINANG

**Pulau Pinang, Januari 2020** – Pada bulan Januari 2020, YBhg. Dato’ Amir Omar, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah mengadakan kunjungan hormat dan lawatan ke Pulau Pinang. Lawatan pertama beliau ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB Dato’ Abdul Razak Jaafar, Ketua Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah bagi membincangkan perihal kelulusan Pelan Bangunan Lembaga Buruh Negeri Pulau Pinang dan pembentangan Penguatkuasaan Pematuhan KKP bagi Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Turut serta dalam lawatan tersebut adalah Tn. Maniam Arumugam, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) dan YBhg. Dato’ Mansor Jusoh Timbalan Setiausaha Bahagian KSM.

## *AN HONOURABLE VISIT OF THE CHIEF SECRETARY OF THE MINISTRY OF HUMAN RESOURCES TO PULAU PINANG*

***Pulau Pinang, January 2020*** *– On this month, YBhg. Dato' Amir Omar, Chief Secretary of the Ministry of Human Resources held an honourable work visit to Pulau Pinang. YBhg. met with YB Dato' Abdul Razak Jaafar, Secretary General of the State of Pulau Pinang. The purpose was to discuss the approval of the Board of Labour Development Plan for Pulau Pinang, and a presentation on Enforcement and Compliance to MCO for the state government's departments and agencies. Accompanying this visit was Tn. Maniam Arumugam, Deputy Head of Secretary (Operations) and YBhg. Dato' Mansor Jusoh, Deputy Secretary in the Ministry of Human Resources.*

**Kunjungan Hormat dan Lawatan Turun Padang Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (KSM) ke Pulau Pinang.**
*Courtesy Call and Field Trip of the Chief Secretary of the Ministry of Human Resources (KSM) to Penang.*



## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-27

**Bandar Baru Bangi, 3 September 2020** – NIOSH menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan NIOSH (AGM) kali yang ke-27 bertempat di Dewan Rafflesia, Menara NIOSH, Bandar Baru Bangi, Selangor. Majlis berjalan lancar seperti yang dirancang di mana semua ahli NIOSH yang bergerak aktif dijemput hadir bagi memilih Ahli Lembaga Pengarah NIOSH yang baru.

Mesyuarat Agung Tahunan ini dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah NIOSH dan Ahli-ahli NIOSH (NIOSH Members) Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengerusi NIOSH YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong.

Ahli Lembaga Pengarah NIOSH bagi sesi 2020/2022 yang baru dilantik di dalam AGM kali yang ke-27 adalah seperti berikut:

- Prof. Madya Ts. Dr. Shamsul Bahari Shamsudin
- Prof. Ismail Bahari
- Dr. Sharudin Shari
- Dr. Shamsul Rizal Shamsudin
- Dr. Nur Dalilah Dahlan

Tahniah dan syabas diucapkan kepada barisan Ahli Lembaga Pengarah NIOSH yang baru. Semoga terus memberi perkhidmatan yang cemerlang dalam membantu dan menyumbang usaha bagi pembangunan KKP di Malaysia.

## *27TH ANNUAL GENERAL MEETING*

***Bandar Baru Bangi, 3 September 2020** – NIOSH held its 27th AGM in the Rafflesia Hall at the NIOSH Tower in Bandar Baru Bangi, Selangor. The occasion went smoothly as the members of the organisation were proactive to attend the AGM and nominate the Board of Directors for NIOSH.*

*The AGM was attended by Members of the Board of Directors at NIOSH, Members of NIOSH, and YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH.*

*The newly nominated Members of the Board of Directors of NIOSH for year 2020/2022 during the 27th AGM are as follows:*

- *Prof. Madya Dr. Shamsul Bahari Shamsudin*
- *Prof. Ismail Bahari*
- *Dr. Sharudin Shari*
- *Dr. Shamsul Rizal Shamsudin*
- *Dr. Nur Dalilah Dahlan*

*Congratulations and well done to the newly nominated Members of the Board of Directors for NIOSH. We look forward to their excellent service, efforts and contributions to enhance OSH in Malaysia.*

**Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-27.**
*27th Annual General Meeting.*



## NIOSH MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA NIOSH DAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK)

**Kota Bharu, 19 Januari 2020** – NIOSH telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi menjalin kerjasama meningkatkan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan melalui kajian serta pembangunan khususnya melibatkan industri di wilayah Pembangunan Ekonomi Pantai Timur.

MoU tersebut telah ditandatangani oleh Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Ismail, Naib Canselor UMK manakala NIOSH diwakili Tn. Hj. Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif. Tetamu kehormat yang turut hadir menyaksikan hari bersejarah ini adalah YB Pn. Alice Lau Kiong Yieng, Bekas Pengerusi NIOSH dan YM Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. MoU tersebut turut melibatkan kerjasama kedua-dua pihak dalam pelbagai aktiviti seperti latihan dan penyebaran maklumat.

NIOSH juga akan membuka pejabat operasinya di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa. Operasi NIOSH Kelantan ini dijangka akan memulakan operasinya pada 1 Mac 2020. Ini akan memberikan kemudahan kepada masyarakat dan pemain industri di Kelantan untuk mendapatkan perkhidmatan yang NIOSH sediakan seperti latihan dan khidmat rundingan.

## *SIGNING OF A MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) BETWEEN NIOSH AND UNIVERSITY MALAYSIA KELANTAN (UMK)*

***Kota Bharu, 19 January 2020*** *– NIOSH signed an MoU with UMK for the purpose of fostering a cooperation that looked into safety and health at work. The MoU would focus on research and development. The objective is to encourage participation from industries involved in the Development of East Coast Economy project.*

*The MoU was signed by Prof. Dato' Ts. Dr. Noor Azizi Ismail, Vice Chancelor of UMK and Tn. Hj. Ayop Salleh, Executive Director of NIOSH. In attendance for this historic occasion were honourable guests YB Mrs. Alice Lau Kiong Yieng, former Chairman of NIOSH and YM Dato' Dr. Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal, Secretary for the State of Kelantan. The MoU included cooperation between both parties for multiple activities. For example, training and information dissemination.*

*In conjunction of this momentous occasion, NIOSH commenced an operations office at UMK Campus Kota, Pengkalan Chepa. The office is expected to begin functioning on 1st March 2020. With the setting up of a NIOSH office here, it would facilitate the local communities and industries in Kelantan to patronise NIOSH services and products. For example, training and consultation.*




**Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) NIOSH-Universiti Malaysia Kelantan (UMK).**
*Signed a Memorandum of Understanding (MoU) NIOSH-Universiti Malaysia Kelantan (UMK).*

## MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA NIOSH DAN MITSUBISHI MOTORS MALAYSIA SDN. BHD.

**Bandar Baru Bangi, 25 Jun 2020** – Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara NIOSH dan Mitsubishi Motors Malaysia Sdn. Bhd. telah berlangsung pada 25 Jun 2020 di Bilik Pameran, Menara NIOSH, NIOSH Bangi, Selangor jam 3.00 petang. Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan taklimat keselamatan dan majlis bermula dengan ucapan aluan yang disampaikan oleh Pengarah Eksekutif NIOSH iaitu Tn. Hj. Ayop Salleh. Pada pukul 3.15 petang ucapan daripada Naib Presiden Kanan Mitsubishi Motors Malaysia Sdn. Bhd. - En. Arba Abd Rahman. Selepas tayangan video, sesi menandatangani memorandum persefahaman diadakan dan diakhiri dengan sesi bergambar dan penyampaian cenderahati dari kedua-dua pihak.

## *MOU SIGNING CEREMONY BETWEEN NIOSH AND MITSUBISHI MOTORS MALAYSIA SDN. BHD.*

***Bandar Baru Bangi, 25 June 2020*** *– The MoU Signing Ceremony between NIOSH and Mitsubishi Motors Malaysia Sdn. Bhd. was held on this day in the Showroom at NIOSH Tower, NIOSH Bangi, Selangor at 3:00pm. The ceremony began with the traditional prayers followed by an opening speech by Tn. Hj. Ayop Salleh, Executive Director at NIOSH. At 3:15pm, the Senior Vice President of Mitsubishi Motors Malaysia Sdn. Bhd., Mr. Arba Abd Rahman delivered his address. The event proceeded with a video presentation and thereafter, was the signing ceremony. The occasion concluded with a photo session and exchanges of tokens of appreciation between both parties.*



**Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) NIOSH-Mitsubishi Motors Malaysia Sdn. Bhd.**
*Signing of a Memorandum of Understanding (MoU) between NIOSH and Mitsubishi Motors Malaysia Sdn. Bhd.*

## NIOSH MENANDATANGANI SURAT SETUJU TERIMA PELANTIKAN DENGAN PERBADANAN PEMBANGUNAN PETROLEUM JOHOR (JPDC)

**Bandar Baru Bangi, 18 Ogos 2020** – NIOSH telah menandatangani Surat Setuju Terima Perlantikan dari Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor (JPDC) bagi melaksanakan pelbagai jenis latihan persijilan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Program latihan ini akan dijalankan oleh NIOSH Wilayah Selatan (Johor Bahru) yang akan memberikan manfaat kepada warga negeri Johor. Kerjasama strategik kedua-dua organisasi

## *NIOSH SIGNS A LETTER OF APPOINTMENT ACCEPTING A POSITION TO SERVE ON THE JOHOR PETROLEUM DEVELOPMENT CORPORATION (JPDC)*

***Bandar Baru Bangi, 18 August 2020*** *– NIOSH signed a Letter of Appointment from the Johor Petroleum Development Corporation (JPDC) to implement multiple OSH certification trainings. These training programmes would be conducted by NIOSH Southern Regional Office in Johor Bahru for the benefit of Johor residents. Strategic cooperation between both organisations*

ini akan diperluaskan lagi kepada pelbagai program pembangunan sumber manusia. Sebagai sebuah agensi milik kerajaan, NIOSH dan JPDC mengambil langkah proaktif di dalam merealisasikan peranan kerajaan di dalam melahirkan tenaga kerja mahir semasa dan masa depan.

Majlis ini dihadiri oleh Pengarah Eksekutif NIOSH, Tn. Hj. Ayop Salleh dan En. Shamsul Nizam Abdul Rahman, JPDC Senior Associate Industrial Manpower. Turut hadir adalah Mejar Hj. Hanif Maidin (B), Setiausaha Eksekutif NIOSH; En. Khairunnizam Mustapha, Pengurus Besar Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD), NIOSH dan pegawai-pegawai NIOSH.

*would be extended towards multiple programmes in human resource development. Being government link companies, NIOSH and JPDC had taken proactive initiatives to help the government realise its role in producing a labour force for today and into the future.*

*In attendance at the ceremony were Tn. Hj. Ayop Salleh, Executive Director of NIOSH and Mr. Shamsul Nizam Abdul Rahman, Senior Associate Industrial Manpower, JPDC. Participating also were Major Hj. Hanif Maidin (Rtd), Executive Secretary of NIOSH; Mr. Khairunnizam Mustapha, General Manager of CRDD, NIOSH; and, other officers from NIOSH.*

**Menandatangani Surat Setuju Terima Pelantikan dengan Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor (JPDC).**
*Signing of a Letter of Appointment with Johor Petroleum Development Corporation (JPDC).*



## NIOSH DAN RIA SOLUTIONS (M) SDN. BHD. MENJALINKAN KERJASAMA RASMI DI DALAM BIDANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)

**Paka, 18 Julai 2020** – Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dan RIA Solutions (M) Sdn. Bhd. telah menjalinkan kerjasama rasmi di dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP). Kerjasama antara kedua-dua pihak ini melibatkan program-program pembangunan sumber manusia dan tenaga kerja bagi sektor minyak dan gas.

Kolaborasi strategik ini memfokuskan usaha memberikan nilai tambah persijilan keselamatan

## *NIOSH AND RIA SOLUTIONS (M) SDN. BHD. FORM AN OFFICIAL COOPERATION IN THE FIELD OF OSH*

***Paka, 18 July 2020** – NIOSH and RIA Solutions (M) Sdn. Bhd. formed an official cooperation between both organisations in the field of OSH. The agreement covered development in human resource and labour power programmes in the oil and gas sectors.*

*The strategic focus of the collaboration delivers additional value to the certification in OSH by sharing resources and training assets. Many programme activities were in place to benefit employees and the youth, aiming to provide them with OSH knowledge so*

dan kesihatan, perkongsian sumber dan aset latihan. Pelbagai program aktiviti bersama juga telah dirangka bagi memberikan manfaat kepada golongan pekerja dan golongan belia di dalam usaha memberikan mereka ilmu KKP yang mampu mengurangkan potensi kemalangan dan penyakit pekerjaan serta ruang kerjaya mereka melalui kaedah peningkatan kemahiran, latihan semula kemahiran dan kemahiran silang.

Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) di antara kedua-dua pihak telah diadakan dengan NIOSH diwakili oleh Tn. Hj. Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH dan Mejar Hj. Hanif Maidin (B), Setiausaha Eksekutif NIOSH manakala pihak RIA Solutions (M) Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengarah Urusan, YBhg. Dato' Senu Mohd Noor dan Pengarah Teknikal, En. Mohd Nizam Yaacob. Majlis ini juga turut disaksikan oleh YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Pengerusi NIOSH yang dalam siri lawatan ke pejabat NIOSH Wilayah Pantai Timur di Kota Bharu (Kelantan), Kerteh (Terengganu) dan Kuantan (Pahang).

*as to decrease the potential of accidents, occupational health hazards; and to provide career advice such as upskilling, reskilling, and cross-skilling.*

*For the MoU Signing Ceremony, NIOSH was represented by Tn. Hj. Ayop Salleh, Executive Director; and Major Hj. Hanif Maidin (Rtd), Executive Secretary. Where as YBhg. Dato' Senu Mohd Noor, Managing Director; and Mr. Mohd Nizam Yaacob, Technical Director represented Ria Solutions (M) Sdn. Bhd. The ceremony was witnessed by YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH (during his visits to NIOSH East Coast Regional Office in Kota Bharu, Kelantan; Kerteh, Terengganu; and Kuantan, Pahang).*




**Menjalin kerjasama rasmi di dalam bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) NIOSH - Ria Solutions (M) Sdn. Bhd.**
*Establishing formal cooperation in the field of Occupational Safety and Health (OSH) NIOSH - Ria Solutions (M) Sdn. Bhd.*

## MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN *(MOU)* DENGAN DUA SYARIKAT DARI SEKTOR KAWALAN KESELAMATAN DNS SECURITY SDN. BHD. DAN PSA ASIA SDN. BHD.

**Bandar Baru Bangi, 3 Julai 2020** – Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) telah menandatangani memorandum persefahaman *(MoU)* dengan dua syarikat dari sektor kawalan keselamatan

## *MOU SIGNING CEREMONY BETWEEN NIOSH DNS SECURITY SDN. BHD. AND PSA ASIA SDN. BHD.*

***Bandar Baru Bangi, 3 July 2020** – NIOSH signed two MoU, one each with DNS Security Sdn. Bhd. and PSA Asia Sdn. Bhd., both being security companies. The purpose of this strategic cooperation was to have NIOSH provide OSH trainings to the supervisors of security guards in these companies. In the training programmes, the supervisors*

iaitu DNS Security Sdn. Bhd. dan PSA Asia Sdn. Bhd. Kerjasama strategik ini adalah untuk NIOSH memberikan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) kepada penyelia pengawal keselamatan yang bekerja dengan syarikat tersebut. Usaha ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan asas KKP, konsep pencegahan kemalangan dan pertolongan cemas kepada penyelia pengawal keselamatan. Kerjasama strategik ini akan memberikan nilai tambah kepada pengawal keselamatan sebagai barisan hadapan sesebuah organisasi. Inisiatif kolaborasi ini juga akan dapat menaikkan imej pengawal keselamatan yang bukan hanya menjadi pengawal kepada aspek keselamatan harta benda atau ancaman jenayah semata-mata tetapi juga berupaya untuk berperanan di dalam pengurusan bahaya dan risiko kemalangan dan penyakit pekerjaan.

Majlis tandatangan MOU ini turut dihadiri oleh Naib Pengerusi NIOSH, YB Senator Datuk T. Mohan, Pengurusan NIOSH diwakili oleh Mejar Hj. Hanif Maidin (B), DNS Security Sdn. Bhd. diwakili oleh En. Mohd Jailani Dawood Ibrahim, dan Dato' Patrick Ong mewakili PSA Asia Sdn. Bhd.

*would be coached in the fundamentals of OSH, accident prevention concepts, and first aid instructions. Through this strategic coorperation, the signatories would be taught valuable knowledge to sharpen their skills as security guards and as frontliners for an organisation. Initiatives like these polishes the image of security guards beyond safety of a client's asset or life. These trainings instruct to manage dangerous situations, high risk accidents and occupational diseases.*

*The MoU signing ceremony was attended by YB Senator Datuk T. Mohan, Vice Chairman of NIOSH; Major Hj. Hanif Maidin (Rtd), Management of NIOSH; Mr. Mohd Jailani Dawood Ibrahim, DNS Security Sdn. Bhd.; and Dato' Patrick Ong, PSA Asia Sdn. Bhd.*



**Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) NIOSH - DNS Security Sdn. Bhd. - PSA Asia Sdn. Bhd.**
*Signing of a Memorandum of Understanding (MoU) NIOSH - DNS Security Sdn. Bhd. - PSA Asia Sdn. Bhd.*

## MAJLIS PELANCARAN PASPORT KESELAMATAN AIR SELANGOR SDN. BHD.

**Putrajaya, 6 Mac 2020** – Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) dengan kerjasama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) membangunkan Program Pasport Keselamatan Air Selangor bagi memastikan kontraktor yang berdaftar dengan Air Selangor mematuhi peraturan keperluan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Majlis pelancaran Pasport Keselamatan Air Selangor telah dirasmikan oleh En. Suhaimi Kamaralzaman, Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Selangor bertempat di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih, Presint 19, Putrajaya. Majlis tersebut dihadiri oleh Pengarah Eksekutif NIOSH, Tn. Hj. Ayop Salleh bersama wakil pengurusan Air Selangor dan wakil syarikat kontraktor Air Selangor.

## *LAUNCHING CEREMONY OF THE SAFETY PASSPORT FOR SELANGOR WATER MANAGEMENT SDN. BHD.*

***Putrajaya, 6 March 2020** – Together with the Selangor Water Management Sdn. Bhd., NIOSH commenced the Safety Passport programme for Air Selangor. The objective was to ensure all contractors registered with Air Selangor comply to the rules and regulations of OSH. The launching ceremony was officiated by Mr. Suhaimi Kamaralzaman, Head Executive Officer for Air Selangor. The event was held at the Air Sungai Semenyih water treatment plant (Precinct 19, Putrajaya). In attendance were Tn. Hj. Ayop Salleh, Executive Director of NIOSH; representatives from Air Selangor; and representatives from the contractor companies of Air Selangor.*




**Majlis Pelancaran Pasport Keselamatan Air Selangor.**
*Air Selangor Security Passport launching ceremony.*

## MAJLIS PELANCARAN PASPORT KESELAMATAN MINYAK DAN GAS (OGSP)

**Putrajaya, 6 Oktober 2020** – Program Latihan dipertingkatkan OGSP yang telah diadakan di Kementerian Sumber Manusia (KSM). Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia. Majlis diadakan secara siaran langsung di Facebook NIOSH. Majlis turut disertai oleh dif-dif kehormat serta wakil-wakil daripada PETRONAS, SHELL dan PETRON.

## *LAUNCHING CEREMONY OF THE OIL AND GAS SAFETY PASSPORT (OGSP)*

***Putrajaya, 6 October 2020** – The enhanced Training Programme OGSP was held at the Ministry of Human Resources (KSM). The occasion was officiated by YB Datuk Seri M. Saravanan, Minister of Human Resources. The launch ceremony was held live streaming on NIOSH Facebook. Attendees included VIPs and representatives from PETRONAS, SHELL and PETRON.*

**Majlis Pelancaran Pasport Keselamatan Minyak dan Gas (OGSP).**
*Oil and Gas Safety Passport (OGSP) Launching Ceremony.*




## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) DAN PENGHARGAAN PERKHIDMATAN KAKITANGAN NIOSH

**Bandar Baru Bangi, 4 September 2020** – Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Penghargaan Perkhidmatan Kakitangan NIOSH diadakan secara meriah bagi meraikan sumbangan dan khidmat pekerja kepada syarikat. Majlis bermula 10.00 pagi bertempat di Dewan Tan Sri Lee Lam Thye, Menara NIOSH, NIOSH Bandar Baru Bangi. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 dan Penghargaan Kakitangan NIOSH dirasmikan oleh Pengerusi NIOSH YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong pada pagi itu. Seramai 54 kakitangan yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Penghargaan Perkhidmatan Kakitangan NIOSH diraikan di atas perkhidmatan mereka yang cemerlang dan penuh dedikasi serta integriti. Penerima penghargaan bagi perkhidmatan di NIOSH ini ialah mereka yang berkhidmat selama 25 tahun, 20 tahun dan juga 10 tahun.

Bagi meraikan mereka yang menerima anugerah pada pagi itu, perlu diingatkan semua bahawa kecemerlangan tidak akan dicapai jika kita tidak mendapat sokongan daripada setiap warga kerja NIOSH. Sesungguhnya setiap warga kerja, tidak kira pangkat atau kedudukan mereka, mempunyai peranan penting untuk memastikan NIOSH mampu melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya. Pihak pengurusan NIOSH menganggap warga kerja yang ada ini sebagai aset

## *OUTSTANDING SERVICE AWARD AND SERVICE APPRECIATION AWARD CEREMONY FOR NIOSH EMPLOYEES*

***Bandar Baru Bangi, 4 September 2020*** *–The ceremony was a congratulatory and joyous occasion. The service, performance and contribution of the staff towards the organisation was recognised on this day. The event was held at 10:00am in the Tan Sri Lee Lam Thye Hall, NIOSH Tower, NIOSH Bandar Baru Bangi. YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH officiated the award ceremony. The awards were bestowed for the performance year 2019. A total of 54 staff members received awards for their dedication, excellent performance, and integrity. The awards bestowed were Outstanding Performance Award and the Appreciation of Service Award. Those who received the latter had served NIOSH for 25 years, 20 years and 10 years respectively.*

*On this day we are reminded that the success of the award recipients is collary to the support, effort and teamwork contributed by all staff members at NIOSH to make this day happen for the 54 recipients. Each employee has an important role to play regardless of their designations. Their role is to support NIOSH in fulfilling the responsibilities that have been entrusted by the organisation. The management regards all staff members as assets. Therefore, we have an obligation to oversee the wellbeing of our colleagues following the will of the Ministry fo Human Resources and the*

dan bukannya liabiliti atau bebanan. Oleh itu, kita perlu sentiasa menjaga kebajikan warga kerja NIOSH selaras dengan hasrat Kementerian Sumber Manusia dan kerajaan untuk menyediakan tempat kerja yang kondusif dan selamat. Pada masa yang sama, sebagai warga kerja NIOSH kita perlu menjalankan tugas dengan ikhlas, jujur dan penuh integriti kerana setiap apa yang dilakukan akan memberi kesan kepada organisasi tempat kita bekerja. Tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Penghargaan Perkhidmatan Kakitangan NIOSH bagi tahun 2019. Diharap Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Penghargaan Perkhidmatan Kakitangan NIOSH akan menjadi pembakar semangat untuk warga NIOSH yang lain berkerja dengan lebih cemerlang.

*government to provide safe and conducive working environments. Meanwhile, employees are also expected to perform sincerely, honestly and with integrity as it has a direct correlation to the efficiency of the organisation. Congratulations to all the award recipients. We hope they would become a driving force for superior performance at NIOSH.*

**Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Penghargaan Perkhidmatan Kakitangan NIOSH.**
*Outstanding Service Award Ceremony (APC) and NIOSH Staff Service Award.*



## KERAJAAN SARAWAK BEKERJASAMA DENGAN NIOSH JALANKAN AKTIVITI NYAHCEMAR KE ATAS KAPAL BERLABUH

**Kuching, 27 Jun 2020** – Kerajaan Sarawak bekerjasama dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) untuk menjalankan aktiviti nyahcemar ke atas kapal-kapal yang berlabuh di Sarawak. Aktiviti nyahcemar penting bagi memastikan barangan yang dihantar melalui pengangkutan laut bebas daripada ancaman wabak COVID-19. Wabak COVID-19 ini tidak semestinya berakhir dalam masa terdekat. Oleh itu, kita perlu mengambil langkah waspada bagi mencegah wabak daripada menular melalui pengangkutan laut.

## *COLLABORATION BETWEEN SARAWAK STATE GOVERNMENT AND NIOSH IN EXECUTING DECONTAMINATION OPERATIONS ON BERTHING SHIPS*

***Kuching, 27 June 2020*** *– The Sarawak State Government and NIOSH performed decontamination operations on ships that were berthing at Sarawak harbour. Decontamination functions are important so as to ensure cargo arriving through the shipping services are free from the threat of the COVID-19 pandemic. All the necessary measures had to be in place in order to protect the shipping industry from being affected.*

Selepas menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi NIOSH Malaysia, YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong serta beberapa ahli eksekutif NIOSH yang lain di pejabat Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut Masing, Timbalan Ketua Menteri Sarawak. Sementara itu, Tan Sri James Masing yang juga merupakan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak berbincang dengan NIOSH untuk menubuhkan sebuah lagi cawangan di Kapit.

Memandangkan pada masa sekarang terdapat pelbagai aktiviti pembangunan yang giat dijalankan di Kapit, para pekerja perlu diberi latihan bagi meningkatkan lagi pengetahuan mereka dari segi keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini termasuk sekitar 3,500 pekerja yang terlibat dalam pembinaan Empangan Baleh.

Turut hadir semasa kunjungan hormat tersebut ialah Timbalan Pengerusi NIOSH Malaysia, YB Senator Datuk T. Mohan, Pengarah Eksekutif NIOSH Malaysia, Tn. Hj. Ayop Salleh, serta Setiausaha Eksekutif NIOSH Malaysia, Mejar Hj. Hanif Maidin (B).

*For this occasion, YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH and a group of executives from the organisation made a courtesy visit to the office of Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut Masing, Deputy Minister of Sarawak. Tan Sri James Masing is also the Minister of Infrastructure and Development of Sarawak Harbour. Both leaders spent some time discussing the possibility of establishing a NIOSH branch in Kapit.*

*Considering the many development projects that are ongoing in Kapit, it would be important to provide training for the work force in Kapit with the aim of increasing their knowledge and awareness on safety and health at the workplace. For example, taking into account the current Baleh Reservoir development project that has approximately 3,500 workers onsite.*

*Accompanying our NIOSH chairman on this trip were YB Senator Datuk T. Mohan, Vice Chairman; Tn. Hj. Ayop Salleh, Executive Director; and Major Hj. Hanif Maidin (Rtd), Executive Secretary.*

**Kerjasama NIOSH - Kerajaan Sarawak untuk jalankan aktiviti nyah cemar ke atas kapal berlabuh.**
*Cooperation between NIOSH and Sarawak Government to carry out decontamination activities on anchored ship.*



## NIOSH TERIMA ANUGERAH *THE BRANDLAUREATE WORLD BESTBRANDS AWARDS: SMES BRANDS OF THE DECADE 2019-2020*

*The BrandLaureate* telah menganugerahkan Rakaniaga Strategik Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana kepada NIOSH di *The BrandLaureate World Bestbrands*

## *NIOSH RECEIVES THE BRANDLAUREATE WORLD BESTBRANDS AWARD FOR SME BRANDS OF THE DECADE 2019/2020*

*The BrandLaureate awarded NIOSH the "Strategic Business Partner for Small and Medium Sized Industry" at the BrandLaureate World BestBrands Awards: SMEs Brands of the Decade 2019-2020. The award*

*Awards: SMEs Brands of The Decade 2019-2020*. Majlis anugerah ini adalah bagi memberikan penghargaan kepada pemain industri yang berjaya di dalam perniagaan masing-masing dengan menjadikan jenama mereka dikenali di dalam dan luar negara. NIOSH diberikan anugerah tersebut sebagai rakan strategik kepada indusri kecil dan sederhana kerana menjadi agensi kerajaan yang membantu pemain industri menjalankan aktiviti perniagaan hingga mencipta jenama mereka dengan cemerlang.

*ceremony was organised to recognise businesses that are successful in the category of their industry and have become a brand well-known both locally and internationally. NIOSH received this prestigious award as a result of assisting industries to develop businesses that evolved into outstanding brands.*

**Majlis penganugerahan *"The Brandlaureate World Bestbrands Awards: SMEs Brands of The Decade 2019-2020".***
*"The Brandlaureate World Bestbrands Awards: SMEs Brands of The Decade 2019-2020" award ceremony.*




## MAJLIS PRA-PELANCARAN APOSHO 35, COSH 2020 DAN Sci COSH 2020

Buat pertama kalinya, tiga persidangan KKP utama dijangka akan diadakan serentak di tempat yang sama di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada bulan Ogos 2020. Persidangan Organisasi OSH Asia Pasifik ke-35 dan Mesyuarat Agung Tahunan (APOSHO 35), Persidangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ke-23 (COSH 2020) dan Persidangan Saintifik Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (Sci COSH 2020) akan diadakan pada 9 hingga 12 Ogos 2020. Majlis Pra-pelancaran untuk APOSHO 35, COSH 2020 dan Sci COSH 2020 telah diadakan pada 20 Februari 2020 di Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur. Tujuan acara ini adalah untuk mempromosikan tiga persidangan yang akan datang. APOSHO 35 akan dianjurkan bersama oleh NIOSH dan Persatuan Pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MOSHPA) sementara COSH 2020 dan Sci COSH 2020 akan dianjurkan oleh NIOSH. Dengan sokongan ahli

## *PRE-LAUNCH CEREMONY OF APOSHO 35, COSH 2020 AND Sci COSH 2020*

*In August 2020, for the very first time, 3 principle OSH conferences were held simultaneously at the Kuala Lumpur Convention Centre. Namely, the 35th Conference of the Asia Pacific Occupational Safety and Health Organisation (APOSHO 35); 23rd Conference for Occupational Safety and Health (COSH 2020); and the Scientific Conference in Occupational Safety and Health (Sci COSH 2020). The conferences were held from the 9 through 12 August, 2020. A pre-launch was held on February 20 at the Mandarin Oriental Hotel, Kuala Lumpur for APOSHO 35, COSH 2020 and Sci COSH 2020. The aim was to promote all three upcoming events. APOSHO 35 was organised by NIOSH and the Malaysian Occupational Safety and Health Practitioners Association (MOSHPA). Where as COSH 2020 and Sci COSH 2020 were organised by NIOSH. All 3 organisations - APOSHO, NIOSH AND MOSHPA - formed a collaborative*

APOSHO, NIOSH dan MOSHPA akan berganding bahu untuk menarik peserta, panelis, peserta pameran dan pelawat tempatan dan antarabangsa untuk menyertai APOSHO 35.

Diharap persidangan tahun ini dapat berkongsi pengalaman, pengetahuan dan penemuan dan teknologi KKP terbaru mereka di acara serantau utama, yang juga akan dibuka kepada peserta COSH 2020 dan Sci COSH 2020. Majlis pelancaran ketiga-tiga persidangan tersebut disempurnakan oleh YB Pn. Alice Lau Kiong Yieng, Bekas Pengerusi NIOSH. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah En. Maniam Arumugam, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Sumber Manusia, En. Bernie Doyle, Ketua Setiausaha APOSHO, Dato' Kanagaraja Raman, Presiden MOSHPA, En. Gunasegaran Kandaswamy, Naib Pengerusi NIOSH dan Tn. Hj. Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH. Semasa merasmikan majlis tersebut, YB Pn. Alice Lau Kiong Yieng juga melancarkan tema dan logo umum untuk ketiga-tiga persidangan iaitu “PERPADUAN DAN KELESTARIAN KKP”.

Selain mempromosikan persidangan yang akan datang, majlis pra-pelancaran ini juga diadakan untuk menghargai sumbangan dan sokongan yang diberikan oleh penaja dan peserta pameran. Kejayaan acara sebelum ini membuktikan bahawa terdapat kerjasama yang kuat antara pengamal, peserta pameran, peserta dan agensi kerajaan NIOSH dan KKP seperti DOSH dan PERKESO. Jangan ketinggalan tiga persidangan utama akan diadakan pada 9 hingga 12 Ogos 2020 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Kuala Lumpur.

*alliance to attract participants, panelists, exhibitors, local and international visitors to participate in APOSHO 35.*

*The event was graced by YB Mrs. Alice Lau Kiong Yieng, former Chairman for NIOSH who was also given the honour to launch the theme and logo of this combined conference titled "OSH UNITY AND SUSTAINABILITY." The organisers of the conference looked forward to the exchange of experiences, knowledge, new discoveries, and the latest technologies in OSH by practitioners from around the world. Those registered for only COSH 2020 or Sci COSH 2020 were also invited to participate. Joining to support the ceremony were Mr. Maniam Arumugam, Deputy Chief Secretary (Operations) Ministry of Human Resources; Mr. Bernie Doyle, Chief Secretary APOSHO; Dato' Kanagaraja Raman, President of MOSHPA; Mr. Gunasegaran Kandaswamy, Vice Chairman of NIOSH; and Tn. Hj. Ayop Salleh, Executive Director for NIOSH.*

*It is also to note that the soft launch was organised to extend appreciation to sponsors, participants, and all involved in organising this distinguished conference. The event was also was to disseminated information about the upcoming conference, and in turn promoted the event. Looking back at the successes of prior conferences, it was heart warming to note the cooperation among practitioners, participants, exhibitors, government agencies (NIOSH, OSH, DOSH and PERKESO). The conference proceeded as planned from the 9 through the 12 August 2020 at the Kuala Lumpur Convention Centre, Kuala Lumpur.*

**Majlis Pra-Pelancaran APOSHO 35, COSH 2020 dan Sci COSH 2020.**
*APOSHO 35, COSH 2020 and Sci COSH 2020 Pre-Launch Ceremonies.*



## LAWATAN KERJA MENTERI SUMBER MANUSIA

**Kuala Lumpur: 6 Ogos 2020** - Berlangsung lawatan kerja Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan ke tapak Projek Merdeka 118. Bersempena lawatan ini juga diadakan majlis penghargaan kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam pembangunan garis panduan KKP bagi industri pembinaan atau OSHCIM.

Program lawatan kerja ini juga turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, YBhg. Datuk Jamil Rakon serta ketua-ketua jabatan dan agensi Kementerian Sumber Manusia. Naib Pengerusi NIOSH, YB Senator Datuk T. Mohan dan Pengurus Besar NIOSH, En. Khairunnizam Mustapa juga turut hadir ke majlis tersebut.

## *MINISTER OF HUMAN RESOURCES CONDUCTS A WORK VISIT*

***Kuala Lumpur: 6 August 2020*** *- YB Datuk Seri M. Saravanan made a work visit to the Project Merdeka 118 construction site on this day. He took the opportunity to extend his appreciation to all parties and persons involved as they had obeyed the rules and regulations pertaining to OSH for construction sites, also known as OSHCIM - OSH in Construction Industry Management.*

*In attendance was YBhg. Datuk Jamil Rakon, Chief Secretary MInistry of Human Resources; and, heads of departments and agencies from the said ministry. YB Senator Datuk T. Mohan, Vice Chairman; and, Mr. Khairunnizam Mustapa, General Manager. Both representing NIOSH for the appreciation ceremony.*

**Lawatan kerja Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan ke tapak Projek Merdeka 118.**
*Working visit of the Minister of Human Resources, YB Datuk Seri M. Saravanan to the Merdeka118 Project site.*







# PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN

## *EXAMINATION AND CERTIFICATION*

# AKTIVITI BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PERSIJILAN

# *ACTIVITIES OF THE EXAMINATION AND CERTIFICATION DIVISION*

| Tarikh & masa<br>*Date & time* | Aktiviti<br>*Activities* | Tempat<br>*Venue* | Keterangan<br>*Description* |
|---|---|---|---|
| 5 - 6 September 2020<br>*5 - 6 September 2020*<br><br>10 - 12 Oktober 2020<br>*10 - 12 October 2020* | Peperiksaan Asas Pertolongan Cemas Pekerjaan<br>*Basic Occupational First Aid (BOFA) Examination* | Kem PLKN Setia Ikhlas, Semenyih, Selangor | NIOSH dengan kerjasama DNS Security Sdn. Bhd. telah menjalankan Kursus Asas Pertolongan Cemas Pekerjaan (BOFA) di dua lokasi iaitu di negeri Selangor dan Perak. Seramai 466 orang calon telah menduduki peperiksaan bertulis dan amali bagi mendapatkan Sijil Kelayakan BOFA. Program ini dijalankan sebanyak 5 Siri bermula dari bulan September sehingga Disember 2020.<br>*NIOSH in collaboration with DNS Security Sdn. Bhd. conducted the Basic Occupational First Aid Course (BOFA) at two locations, namely in the states of Selangor and Perak. A total of 466 candidates sat for written and practical examinations to obtain the BOFA Certificate of Eligibility. The programme was conducted in 5 series starting from September to December 2020.* |
| 28 - 29 November 2020<br>*28 - 29 November 2020*<br><br>19 - 20 Disember 2020<br>*19 - 20 December 2020* | Peperiksaan Asas Pertolongan Cemas Pekerjaan<br>*Basic Occupational First Aid (BOFA) Examination* | Kem PLKN Sinaran Suria, Sungkai, Perak | |






| Tarikh & masa<br>*Date & time* | Aktiviti<br>*Activities* | Tempat<br>*Venue* | Keterangan<br>*Description* |
|---|---|---|---|
| 20 - 23 Januari 2020<br>*20 - 23 January 2020*<br><br>24 - 27 Februari 2020<br>*24 - 27 February 2020*<br><br>20 - 28 Julai 2020<br>*20 - 28 July 2020* | Peperiksaan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SHO) | Seluruh Negara | Peperiksaan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SHO) telah dijalankan sebanyak 7 kali pada tahun 2020 di Ibu Pejabat Bandar Baru Bangi, Johor, Melaka, Penang, Kuantan, Kertih, Kuching, Sandakan, Bintulu, Tawau dan Miri. Seramai 2491 orang calon telah menduduki peperiksaan bertulis dan pembentangan bagi mendapatkan Sijil Kelayakan SHO. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **24 - 28 Ogos 2020**<br>*24 - 28 August 2020*<br><br>**14 - 22 September 2020**<br>*14 - 22 September 2020*<br><br>**19 - 22 Oktober 2020**<br>*19 - 22 October 2020*<br><br>**23 - 26 November 2020**<br>*23 - 26 November 2020* | *Safety and Health Officer (SHO) Examination* | *Nationwide* | *The Occupational Safety and Health Officer (SHO) Examination was conducted 7 times in 2020 at Bandar Baru Bangi Headquarters, Johor, Melaka, Penang, Kuantan, Kerteh, Kuching, Sandakan, Bintulu, Tawau and Miri. A total of 2491 candidates sat for the written examination and presentation to obtain the SHO Certificate of Eligibility.* |





| **Tarikh & masa**<br>*Date & time* | **Aktiviti**<br>*Activities* | **Tempat**<br>*Venue* | **Keterangan**<br>*Description* |
|---|---|---|---|
| **7 - 9 Januari 2020**<br>*7 - 9 January 2020*<br><br>**11 - 13 Februari 2020**<br>*11 - 13 February 2020*<br><br>**10 - 12 Mac 2020**<br>*10 -12 March 2020*<br><br>**14 - 17 Julai 2020**<br>*14 - 17 July 2020*<br><br>**11 - 14 Ogos 2020**<br>*11 - 14 August 2020*<br><br>**29 September - 1 Oktober 2020**<br>*29 September - 1 October 2020*<br><br>**3 - 9 November 2020**<br>*3 - 9 November 2020* | **Peperiksaan Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS)**<br>*Construction Site Safety Supervisor (SSS) Examination* | **Seluruh Negara**<br>*Nationwide* | **Peperiksaan Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS) telah dijalankan sebanyak 7 kali pada tahun 2020 di Ibu Pejabat Bandar Baru Bangi, Johor, Melaka, Penang, Kuantan, Kertih, Kota Kinabalu, Kuching, Bintulu, dan Miri. Seramai 2,784 orang calon telah menduduki peperiksaan bertulis dan pembentangan bagi mendapatkan Sijil Kelayakan SSS.**<br>*The Construction Site Safety Supervisor (SSS) Examination was conducted 7 times in 2020 at Bandar Baru Bangi Headquarters, Johor, Melaka, Penang, Kuantan, Kertih, Kota Kinabalu, Kuching, Bintulu, and Miri. A total of 2,784 candidates sat for the written examination and presentation to obtain the SSS Certificate of Eligibility.* |






| Tarikh & masa<br>*Date & time* | Aktiviti<br>*Activities* | Tempat<br>*Venue* | Keterangan<br>*Description* |
|---|---|---|---|
| ERA 1<br><br>26 Februari 2020<br>*26 February 2020*<br><br>19 Ogos 2020<br>*19 August 2020*<br><br>9 September 2020<br>*9 September 2020*<br><br>19 Disember 2020<br>*19 December 2020* | Peperiksaan Individu Ergonomik Terlatih Untuk ERA Permulaan (ERA1) dan Individu Ergonomik Terlatih ERA Lanjutan (ERA2)<br>*Examination for Ergonomic Trained Person For Initial ERA (ERA1) & Ergonomic Trained Person For Advance ERA (ERA2)* | Ibu Pejabat Bandar Baru Bangi dan Johor Kem PLKN Sinaran Suria, Sungkai, Perak | Peperiksaan ERA baru diperkenalkan pada tahun 2020 dan peperiksaan yang pertama telah dijalankan di Pejabat Wilayah Selatan (Senai) yang merupakan lokasi pertama yang telah diluluskan oleh JKKP untuk menjalankan program ERA. Kini, beberapa lokasi lain telah diluluskan oleh JKKP iaitu di Ibu Pejabat, Wilayah Pantai Timur dan Wilayah Utara.<br>*The new ERA examination was introduced in 2020. It was the first examination conducted at the Southern Regional Office (Senai), the first location that was approved by DOSH to conduct the ERA programme. Currently, several other locations have been approved by DOSH, namely in the Headquarters, East Coast Region and Northern Region.* |
| ERA 2<br><br>27 Ogos 2020<br>*27 August 2020* | | | |



| Tarikh & masa *Date & time* | Aktiviti *Activities* | Tempat *Venue* | Keterangan *Description* |
|---|---|---|---|
| 14 Februari 2020 *14 February 2020*<br><br>17 Julai 2020 *17 July 2020*<br><br>2 Oktober 2020 *2 October 2020*<br><br>3 Disember 2020 *3 December 2020* | Peperiksaan Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) *Examination for Occupational Health Doctor (OHD)* | Ibu Pejabat NIOSH Bandar Baru Bangi, Johor, Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Kerteh | Peperiksaan Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) telah dijadualkan sebanyak 5 kali tetapi hanya berlangsung sebanyak 4 kali dan 1 kali peperiksaan ditangguhkan berikutan PKP akibat pandemik COVID-19. Lokasi peperiksaan telah ditambah selain Ibu Pejabat Bandar Baru Bangi seperti di Johor, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kerteh. Seramai 332 orang calon telah menduduki peperiksaan bertulis dan Tugasan Tempat Kerja. *Occupational Health Doctor (OHD) examinations were scheduled 5 times but only conducted 4 times while 1 examination was postponed due to the MCO for the COVID-19 pandemic. Examination locations have been added in addition to the Bandar Baru Bangi Headquarters such as in Johor, Penang, Kota Kinabalu and Kerteh. A total of 332 candidates sat for the written examination and the Workplace Assignment.* |









# NIOSH CERTIFICATION SDN. BHD.

# LEMBAGA PENGARAH NIOSH CERTIFICATION SDN. BHD.
# *BOARD OF DIRECTORS NIOSH CERTIFICATION SDN. BHD.*

- **Tuan Haji Ayop bin Salleh**
  Pengerusi / *Chairman*
- **Datuk Haji Shamsuddin bin Bardan**
- **Datuk Hajah Rosmawati binti Lasuki**
- **Dato' Dr. Chong Chee Kheong**
- **Dr. Haji Sharudin bin Shari**
- **Tuan Haji Nik Hasbi Fathi bin Nik Hussain Fathi**

# KUMPULAN PENGURUSAN
# *MANAGEMENT TEAM*

- **Syamsul Zahrin bin Zainudin**
  Ketua Pegawai Eksekutif / *Chief Executive Officer*
- **Amirthasamy Mahalingam**
  Pengurus Kanan Operasi / *Senior Manager Operations*
- **Asiah Nasution binti Suhaimi**
  Pengurus Teknikal Pensijilan / *Certification Technical Manager*
- **Muhammad Fadhil bin Abu Bakar**
  Pengurus Operasi Pensijilan / *Certification Operations Manager*
- **Azizie bin Hj. Hamid**
  Pengurus Latihan / *Training Manager*
- **Wilhelmina Ngelambai**
  Pengurus Pembangunan Perniagaan / *Business Development Manager*
- **Bahtiar bin Basri**
  Pengurus Korporat / *Corporate Manager*

# NIOSH CERTIFICATION

## NIOSH CERTIFICATION

NIOSH Certification adalah sebuah Badan Pensijilan milik Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Kementerian Sumber Manusia, Malaysia. Ditubuhkan pada 4 Februari tahun 2004, NIOSH Certification berperanan dalam menyediakan pelbagai perkhidmatan pengauditan dan pensijilan terhadap sistem pengurusan pensijilan yang mematuhi standard, kod amalan, garis panduan dan peraturan untuk industri di Malaysia.

Melalui pengiktirafan akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia, NIOSH Certification komited untuk memberi perkhidmatan pensijilan yang berkualiti,

# *NIOSH CERTIFICATION*

## *NIOSH CERTIFICATION*

*NIOSH Certification is owned by the National Institute of Occupational Safety and Health Of Malaysia and the Ministry of Human Resources. It is a Certification body that was established on 4 February, 2004 to provide audit and certification services for management systems among Malaysian industries. These services include certification for compliance to standards, code of practice, guidelines, and regulations of companies and businesses in the local industry.*

*The Department of Standards Malaysia has recognized and granted NIOSH Certification the accreditation to provide audit and certification services. Hence, NIOSH*

bernilai tambah dan kompetitif. NIOSH Certification menawarkan skim pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) bagi keperluan standard ISO 45001 selari dengan fokus utama NIOSH dalam mewujudkan budaya terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Malaysia.

Seiring dengan permintaan industri, NIOSH Certification telah memperluaskan perkhidmatan pensijilan dalam skim Pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS), Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem pengurusan Keselamatan Makanan (FSMS), Sistem Pengurusan Kelapa Sawit Mampan (MSPO), Pensijilan Piawaian Pensijilan Rantaian Bekalan (MSPO-SCCS), Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Lalu Lintas dan Jalan Raya (RTSMS) dan yang terkini adalah Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Pelancongan Kembara (ATSMS), Pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) dan Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS).

NIOSH Certification telah melebarkan perkhidmatan di luar Malaysia dengan menjalankan perkhidmatan pensijilan skim Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) dan skim Pensijilan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) di Negara Brunei Darul Salam.

## PEMBANGUNAN KAPASITI

NIOSH Certification telah berjaya meluaskan skop perkhidmatan pensijilan bagi skim akreditasi OSHMS, EMS, dan QMS kepada 34 skop daripada keseluruhan 39 skop yang ada. Untuk skim MSPO, NIOSH Certification mendapatkan pengiktirafan akreditasi bagi kesemua skim MSPO dengan penambahan 3 Skim baru iaitu MSPO-3, MSPO-4 dan MSPO-SCCS.

Di peringkat kebangsaan, NIOSH Certification terlibat secara langsung dalam Jawatankuasa Teknikal Keselamatan Sistem Bekerja dan Amalan Dalam Persekitaran Pekerjaan (TC/W/6) bagi pembangunan piawaian; Jawatankuasa Teknikal Sistem Pengurusan Keselamatan Trafik Jalanraya; Sistem Pengurusan Kumpulan Kerja Teknikal Keselamatan Pelancongan Pengembaraan; dan, Kumpulan Kerja Mengkaji Semula Piawaian MSPO (WG2 dan WG3). Manakala di peringkat

*Certification is committed to provide schemes for Occupational Safety and Health Management System (OSHMS) to meet the needs of ISO 45001 standards. As it fulfills this function, NIOSH Certification simultaneously aligns itself with the objectives of NIOSH by inculcating an OSH culture in Malaysia.*

*Beside this, NIOSH Certification is aligned with the needs of the local industries. Over the years, the agency has expanded its certification services in the following areas: Environment Management System (EMS); Quality Management System (QMS); Food Safety Management System; Management of Sustainable Palm Oil (MSPO); Supply Chain Certification Standards for MSPO (SCCS-MSPO); and, Road and Transport Safety Management System (RTSMS). The latest certification services are as listed: Adventure Travel Safety Management System (ATSMS); Anti-Bribery Management System (ABMS); and, Information Safety Management System (ISMS).*

*In recent years, services had also expanded beyond the borders of Malaysia into Brunei Darul Salam. Here, two key certification schemes were made available, namely the OSHMS and the EMS.*

## *CAPACITY DEVELOPMENT*

*NIOSH Certification successfully widened its scope of services for OSHMS, EMS and QMS accreditation schemes into 34 new areas of certification (besides the already existing 39 certification services that are offered). For the MSPO scheme, the agency had obtained accreditation recognition for all MSPO schemes and for 3 new ones namely, MSPO-3, MSPO-4 and MSPO-SCCS.*

*At the national level, the agency is directly engaged with the Technical Committee (TC) on Safe System of Work and Practices in Occupational Setting (TC/W/6) for the development of standards in the following areas: Technical Committee (TC) on Road Traffic Safety Management System; Technical Working Group Adventure Tourism Safety Management System; and, Working Group of MSPO Standards Review (WG2 and WG3). Whereas on an international level, NIOSH is in partnership with ISO General Assembly Meeting (ISO GA) and ISO Developing Countries Committee Meeting (ISO DEVCO).*

antarabangsa, NIOSH terlibat sama di dalam Mesyuarat Perhimpunan Agung ISO (ISO GA) dan Mesyuarat Jawatankuasa ISO Negara-negara Membangun (ISO DEVCO).

| Bil.<br>*No.* | Kategori<br>*Categories* | OSHMS | | | QMS | EMS | FSMS | HACCP | MSPO | | | MSPO-SCCS |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | MS 1722 | OHSAS 18001 | ISO 45001 | ISO 9001 | ISO 14001 | ISO 22000 | MS 1480 | MS 2530-2 | MS 2530-3 | MS 2530-4 | MSPO-SCCS |
| 1 | Pertanian, Perhutanan dan Perikanan<br>*Agriculture, Forestry and Fishing* | | | 2 | 1 | 1 | | | | | | |
| 2 | Produk Makanan, Minuman dan Tembakau<br>*Food Products, Beverages and Tobacco* | 4 | 4 | 3 | 1 | 2 | | | | | | |
| 3 | Syarikat Percetakan<br>*Printing Companies* | | 1 | 1 | | 1 | | | | | | |
| 4 | Logam Asas dan Produk Logam Yang direka<br>*Basic Metals and Fabricated Metal Products* | | | 1 | | | | | | | | |
| 5 | Mesin dan Peralatan<br>*Machinery and Equipment* | 1 | | | | | | | | | | |
| 6 | Peralatan Elektrik dan Optik<br>*Electrical and Optical Equipment* | | 3 | 5 | 1 | | | | | | | |
| 7 | Alatan Pengangkutan Lain-lain<br>*Other Transport Equipment* | | 1 | 1 | 1 | | | | | | | |
| 8 | Pembinaan<br>*Construction* | 5 | 10 | 7 | 8 | 9 | | | | | | |
| 9 | Perkhidmatan Kejuruteraan<br>*Engineering Services* | 3 | 7 | 8 | 15 | 6 | | | | | | |
| 10 | Bahan Kimia, Produk Kimia dan Fiber<br>*Chemicals, Chemical Products and Fibre* | | 2 | 5 | 3 | 3 | | | | | | |
| 11 | Terhad kepada "Pengeluaran Bahan Logam Asas"<br>*Limited to "Base Metals Production"* | | | 1 | | | | | | | | |
| 12 | Perlombongan dan Kuari<br>*Mining and Quarrying* | | 1 | | 1 | 1 | | | | | | |

| | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13 | **Bekalan Elektrik**<br>*Electricity Supply* | 1 | 4 | 2 | | 5 | | | | | | |
| 14 | **Bekalan Gas**<br>*Gas Supply* | 1 | 1 | 1 | | | | | | | | |
| 15 | **Perdagangan Runcit & Borong, Pembaikan Kenderaan Bermotor, Barangan Persendirian & Rumah**<br>*Wholesale and Retail Trade; Repair Of Motor Vehicles and Motorcycles; and Personal Household Goods* | | 1 | | 5 | | | | | | | |
| 16 | **Hotel dan Restoran**<br>*Hotels and Restaurants* | | 1 | | 2 | | | | | | | |
| 17 | **Pengangkutan, Penyimpanan & Komunikasi**<br>*Transportation, Storage and Communication* | 1 | 5 | 12 | 5 | 9 | | | | | | |
| 18 | **Pengantaraan Kewangan; Hartanah: Penyewaan**<br>*Financial Mediation, Real Estate and Rental* | 1 | 1 | 1 | | | | | | | | |
| 19 | **Teknologi Maklumat**<br>*Information Technology* | | 1 | | | | | | | | | |
| 20 | **Perkhidmatan Lain-Lain**<br>*Other Services* | 1 | 6 | 4 | 3 | | | | | | | |
| 21 | **Pentadbiran Awam**<br>*Public Administration* | 1 | 2 | 5 | 2 | | | | | | | |
| 22 | **Pendidikan**<br>*Education* | 8 | 7 | 5 | 3 | 1 | | | | | | |
| 23 | **Katering**<br>*Catering* | | | | | | 1 | 1 | | | | |
| 24 | **Kelapa Sawit**<br>*Oil Palm* | | | | | | | | 22 | 273 | 47 | 49 |
| | **Jumlah**<br>***Total*** | **27** | **58** | **62** | **50** | **37** | **1** | **1** | | **342** | | **49** |

Jumlah Pensijilan Sistem Pengurusan.
*Total Number of Certifications Conducted for Management Systems.*

## PEMBANGUNAN KOMPETENSI DAN PENGETAHUAN BAGI TAHUN 2020

NIOSH Certification menyediakan khidmat latihan bagi sistem pengurusan yang bertujuan untuk memacu pembangunan pengetahuan sumber manusia bagi memenuhi keperluan sektor awam dan swasta. Di antara penganjuran program latihan berkaitan adalah seperti kursus kesedaran, Juruaudit Dalaman dan Ketua Juruaudit bagi OSHMS (ISO 45001), EMS (ISO 14001), QMS (ISO 9001), FSMS (ISO 22000), MSPO (MS 2530), RTMS (ISO 39001) dan ATMS (ISO 21101). Program-program ini memberi penekanan mengenai aspek pengetahuan dalam sistem pengurusan, kemahiran dan kompetensi dalam bidang pengauditan.

Pada tahun 2020, NIOSH Certification telah membangunkan Modul Latihan Program Kesedaran Sistem Pengurusan, Program Lanjutan Sistem Pengurusan dan Kursus Ketua Juruaaudit Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) dan Teknik Pengurusan Risiko dan Penilaian Risiko (RMRT).

Sebanyak 118 program latihan berkaitan standard sistem pengurusan telah dijalankan merangkumi 41 program kesedaran termasuk 20 seminar atas talian, 40 kursus lanjutan dan 17 kursus ketua juruaudit bagi kursus awam dan dalaman sepanjang tahun 2020. Sebanyak 2,350 peserta telah mendapat manfaat menerusi program-program yang telah dianjurkan. Kursus Ketua Juruaudit bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan (ISO 45001), Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (ISO 14001) diiktiraf oleh Pendaftar Antarabangsa Juruaudit Diperakui (IRCA) adalah kerjasama di antara NIOSH Certification dan Akademi Pendaftar Rusia

## *COMPETENCY AND KNOWLEDGE DEVELOPMENT FOR THE YEAR 2020*

*NIOSH Certification provides training services for management systems to support the development of human resources knowledge in the public and private sectors. Among the list of training programmes that were organised were courses relevant to awareness for the Internal Auditor and Lead Auditor and they are as follows: OSHMS (ISO 45001); EMS (ISO 14001); QMS (ISO 9001); FSMS (ISO 22000); MSPO (MS 2530); RMS (ISO 39001); and, ATMS (ISO 21101). These programmes focus on aspects related to knowledge in management systems including expertise and competency in the auditing profession.*

*In 2020, NIOSH Certification had developed the Management System Awareness Programme Training Modules, Management Systems Advanced Programme and the Anti-Corruption Management System (ABMS) Chief Auditor Course and Risk Management and Risk Assessment Techniques (RMRT).*

*A total of 118 training programmes connected with management systems standards were held of which, 41 awareness programmes were conducted. In these programmes were 20 online seminars, 40 extended courses and 17 public and in-house lead auditor courses all completed for the year 2020. The number of participants who benefited from these trainings and courses totaled to 2,350 persons. In addition, the Lead Auditor Course for OSH Management System (ISO 45001), QMS (ISO 9001), and EMS (ISO 14001) was recognised by the International Register for Certificated Auditors (IRCA). This recognition was duly achieved as a part of a partnership between NIOSH Certification and the Russian Register Academy.*

| Bil. *No.* | Jenis Program *Type of Programmes* | Jumlah Program *Total Programmes* | Jumlah Peserta *Total Participants* |
|---|---|---|---|
| 1 | Program Kesedaran Sistem Pengurusan *Management System Awareness Programme* | 61 | 1,502 |
| 2 | Program Lanjutan Sistem Pengurusan *Management System Enhancement Programme* | 40 | 709 |
| 3 | Program Ketua Juru Audit *Lead Auditor Programme* | 17 | 139 |
| | **Jumlah** ***Total*** | 118 | 2,350 |

Jumlah Latihan Sistem Pengurusan.
*Total Number of Trainings Conducted for Management Systems.*

## AKTIVITI NIOSH CERTIFICATION SDN. BHD. PADA TAHUN 2020

## *NIOSH CERTIFICATION SDN. BHD. ACTIVITIES FOR THE YEAR 2020*

### PROGRAM INDUKSI DAN PEMANTAPAN KAKITANGAN BARU KEMASUKAN 2019/2020 NIOSH CERTIFICATION

### *INDUCTION AND ORIENTATION PROGRAMME FOR NEW EMPLOYEES FOR THE NIOSH CERTIFICATION YEAR 2019/2020*

| Tarikh *Date* | 13 - 17 Januari 2020 *13 - 17 January 2020* | Tempat *Venue* | NIOSH Certification, Menara NIOSH & MAEPS Serdang (bagi aktiviti luar) *NIOSH Certification, NIOSH Tower & MAEPS Serdang (for outdoor activities)* |
|---|---|---|---|

Program ini adalah bertujuan untuk:

- Memberi pengenalan dan pemahaman kepada kakitangan baru mengenai struktur pengurusan organisasi dan aktiviti perniagaan NIOSH Certfication.
- Menyesuaikan kakitangan baru dengan polisi syarikat, prosedur yang berkenaan dalam setiap bidang tugasan dan cara kerja korporat.
- Meningkatkan semangat kerja, budaya kerja sihat dan motivasi diri dalam setiap individu kakitangan dalam mencapai matlamat syarikat.

*The aim of the programme was to:*

- *Orient the new employees and provide understanding of the organisation's management structure and NIOSH Certification business activities.*
- *Familiarise the new employees to the organisation's policies, procedures relevant to each field of work, and corporate culture.*
- *Inculcate motivation in performing tasks, practice healthy work culture, and to be self-driven to achieve the organisation's objective.*



**Sesi fotografi bagi Program Induksi dan Pemantapan Kakitangan Baru Kemasukan 2019/2020 NIOSH Certification di MAEPS, Serdang.**
*Photography Session for the Induction and Adaptation of New Employees for 2019/2020 NIOSH Certification at MAEPS, Serdang.*



**Sesi taklimat bersama tenaga pengajar.**
*Briefing Session with the students.*

## MAJLIS *PERJUMPAAN, BERSALAMAN DAN PENGIKTIRAFAN BERSAMA NIOSH CERTIFICATION*

## *MEET, GREET AND RECOGNITION CEREMONY WITH NIOSH CERTIFICATION*

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 9 Mac 2020 *9 March 2020* | **Tempat** *Venue* | Hilton Kota Kinabalu, Sabah |

Majlis Perjumpaan, Bersalaman dan Pengiktirafan bersama NIOSH Certification ini telah mengumpulkan 60 klien dari pelbagai industri dan sebanyak 20 klien telah menerima Sijil Pengiktirafan Sistem Pengurusan

Majlis Penyampaian Pensijilan Sistem Pengurusan ini telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah NIOSH Certification, Tn. Hj. Ayop Salleh.

*The Meet, Greet and Recognition Ceremony with NIOSH Certification accumulated 60 clients from different industries of which, 20 clients received the Certificate of Recognition of Management System.*

*Tn. Hj. Ayop Salleh, Chairman of the Board of Directors for NIOSH Certification officiated the award ceremony.*




**Sesi Perjumpaan, Bersalama dan Pengiktirafan bersama NIOSH Certification di Hilton Kota Kinabalu, Sabah.**
*Meet, Greet and Recognition with NIOSH Certification held at Hilton Kota Kinabalu, Sabah.*




**Sesi penyerahan sijil bersama klien.**
*Certificate awarding session with the client.*

## WEBINAR SECARA LANGSUNG: BUAL BICARA ANTI-RASUAH

## *LIVE WEBINAR: ANTI-BRIBERY TALK SHOW*

| Tarikh *Date* | 17 Julai 2020 *17 July 2020* | Tempat *Venue* | NIOSH Certification, Menara NIOSH *NIOSH Certification, NIOSH Tower* |
|---|---|---|---|

NIOSH Certification menganjurkan buat julung kalinya program Bual Bicara atas talian berformatkan webinar bagi memperkenalkan Sistem Pengurusan Anti Rasuah ISO 37001.

Sesi perbincangan selama dua jam ini telah diadakan secara langsung di Facebook dan Instagram. Manakala penonton di studio adalah terhad mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Dua panel jemputan dalam program ini adalah Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Pencegahan Rasuah dan Pematuhan Malaysia IACA/UN, YBhg. Dato' P. Ganason S. Periathamby dan Konsultan Rizal & Co. Advocates Solicitors dan Ahli Lembaga Pengarah NIOSH Certification, Tn. Hj. Nik Hasbi Fathi.

*NIOSH Certification created a milestone in organising the very first Talk Show on a live webinar. It introduced Anti-Bribery Management ISO 37001.*

*The live webinar was hosted on NIOSH Facebook and Instagram. Studio audiences were limited to a handful following the mandated SOP.*

*YBhg. Dato' P. Ganason S. Periathamby, Former Chief Executive Officer for the IACA/UN representing Malaysia; Consultants Rizal & Co. Advocates Solicitors; and, Tn. Hj. Nik Hasbi Fathi, Member of the Board of Directors NIOSH Certification - were invited panel members for the live webinar programme.*




**Sesi soal jawab bersama panel jemputan.**
*Question and answer session with panel members.*



**Sesi bergambar bersama panel jemputan dan ahli jawatankuasa program Bual Bicara Anti-Rasuah.**
*Photo session with panel members and Anti-Bribery Talk Show programme committee members.*

## *KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN: PEMAKANAN BERKHASIAT, HIDUP SIHAT, SENTIASA GEMBIRA*

## *HEALTH AND WELLBEING: "EAT HEALTHY, LIVE HEALTHY, BE HAPPY"*

| Tarikh<br>*Date* | 3 Julai 2020<br>*3 July 2020* | Tempat<br>*Venue* | NIOSH Certification, Menara NIOSH<br>*NIOSH Certification, NIOSH Tower* |
|---|---|---|---|

Program ini merupakan antara usaha pihak pengurusan NIOSH Certification untuk mempromosi gaya hidup sihat dan memastikan kesejahteraan kakitangan syarikat. Pada kali ini, setiap kakitangan menerima sebiji epal beserta mesej perkongsian.

Usaha ini juga selari dengan komitmen NIOSH Certification menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG3).

*This programme is one of the many initiatives of NIOSH Certification that aimed to promote healthy lifestyle and wellbeing for the company's employees. Each person received an apple with a message attached.*

*Efforts to promote good health and lifestyle is part of NIOSH Certification commitment to support Sustainable Development Guidelines 3 (SDG3).*




**"Eat Healthy, Live Healthy, Be Happy".**
*"Permakanan Berkhasiat, Hidup Sihat, Sentiasa Gembira"*



**Setiap buah epal yang diberikan beserta mesej .**
*Each apple is given along with a message.*

## MAJLIS PENYAMPAIAN PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN LALU LINTAS JALAN RAYA (MS ISO 39001:2012) KEPADA UNIT PRPA HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG

## *CERTIFICATION FOR ROAD SAFETY MANAGEMENT (MS ISO 39001:2021) AWARD CEREMONY FOR THE PRPA UNIT HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG*

| Tarikh<br>*Date* | 7 Ogos 2020<br>*7 August 2020* | Tempat<br>*Venue* | Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang |
|---|---|---|---|



Sesi taklimat oleh pihak hospital.
*Briefing session by the hospital personnel.*



Sesi penyerahan sijil kepada Unit PRPA Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.
*Certificate award session to the PRPA Unit of Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.*

## PROGRAM PEMBANGUNAN MODUL BAGI SKIM TEKNIK PENGURUSAN RISIKO - PENILAIAN RISIKO BERDASARKAN ISO/IEC 31010:2019 DAN SISTEM PENGURUSAN ANTI-RASUAH ISO 37001:2016

## *MODULE DEVELOPMENT PROGRAMME FOR RISK MANAGEMENT SCHEME - RISK ASSESSMENT TECHNIQUES BASED ON ISO/IEC 31010:2019 AND ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS ISO 37001:2016*

| Tarikh<br>*Date* | 8 - 10 Ogos 2020<br>*8 - 10 August 2020* | Tempat<br>*Venue* | Bangi Golf Resort, Selangor |
|---|---|---|---|

Program ini merupakan platform bagi Ahli Jawatankuasa yang telah dilantik untuk mengkaji keseluruhan draf modul latihan Teknik Pengurusan Risiko-Penilaian Risiko berdasarkan ISO/IEC 31010:2019 dan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah ISO 37001:2016. Kedua-dua modul latihan Skim Pensijilan tersebut telah disokong dan dibangunkan.

*This programme is a platform for the newly formed Committee Members to review the draft of the Risk Management Training Module - Risk Assessment Techniques based on ISO/IEC 31010:2019 and Anti-Bribery Management Systems ISO 37001:2016. Both training and certification scheme modules were approved and developed.*




**Sesi bergambar bersama Pengurus Besar NIOSH Certification, En. Syamsul Zahrin Zainudin.**
*Photo session with the General Manager of NIOSH Certification, Mr. Syamsul Zahrin Zainudin.*



**Sesi perbincangan modul latihan antara ahli jawatankuasa yang telah dilantik.**
*Discussion session between the elected committee members on the training modules.*

## HARI MALAYSIA 2020

## *MALAYSIA DAY 2020*

| Tarikh *Date* | 16 September 2020 *16 September 2020* | Tempat *Venue* | NIOSH Certification, Menara NIOSH *NIOSH Certification, NIOSH Tower* |
|---|---|---|---|

Sambutan ini diadakan secara tertutup dan melibatkan kakitangan NIOSH Certification sahaja. Tema makanan tradisional telah dipilih dan setiap kumpulan perlu menghiasi gerai makanan mengikut kreativiti masing-masing. Pemarkahan juga turut diambil.

*The occasion was exclusively celebrated by NIOSH Certification staff. The theme of the event was traditional foods. Groups were organised prior to the event to create and decorate their food stalls. It was a mini competition and judges appraised each stall with points.*



**Antara gerai yang dihias mengikut kreativiti kakitangan sempena sambutan Hari Malaysia 2020.**
*Creatively decorated stalls by staff members on the occasion of Malaysia Day 2020.*



**Sesi fotografi bersama kakitangan NIOSH Certification.**
*Photo session with NIOSH Certification staff members.*

## MAJLIS PENYAMPAIAN PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (MS ISO 45001) KEPADA EDOTCO MALAYSIA

## *AWARD CEREMONY FOR THE CERTIFICATION OF QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (MS ISO 45001) TO EDOTCO MALAYSIA*

| Tarikh *Date* | 23 September 2020 *23 September 2020* | Tempat *Venue* | Hotel Aloft, Kuala Lumpur |
|---|---|---|---|

Edotco Malaysia Sdn. Bhd. (Edotco Malaysia) dan anak syarikatnya On Site Services (On Site) telah menerima Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ISO 45001. Majlis penyampaian pensijilan ini telah disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengarah NIOSH Certification, Tn. Hj. Nik Hasbi Fathi.

*Edotco Malaysia Sdn. Bhd. (Edotco Malaysia) and its subsidiary On Site Services (On Site) were awarded the QMS Certificate MS ISO 45001 by Tn. Hj. Nik Hasbi Fathi, Member of the Board of Directors for NIOSH Certification.*




**Sesi penyerahan sijil kepada Edotco Malaysia.**
*Certificate awarding session to Edotco Malaysia.*




**Sesi fotografi bersama pengurusan tertinggi NIOSH Certifcation dan Edotco Malaysia.**
*Photo session with NIOSH Certification senior management and Edotco Malaysia.*


CONTROL
STANDARDS
QUALITY



# PENGURUSAN KUALITI

## *QUALITY MANAGEMENT*

# SISTEM PENGURUSAN KUALITI, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, ALAM SEKITAR & SKIM AKREDITASI MAKMAL MALAYSIA

## SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) (MS ISO 9001:2015)

NIOSH telah melaksanakan Audit Dalaman mengikut Standard MS ISO 9001:2015 seiring dengan keperluan persijilan kualiti (QMS). Audit dalam QMS telah diadakan pada 9 Mac hingga 9 Oktober 2020 di Pejabat Wilayah (RO) dan 12 Oktober hingga 2 November 2020 di Ibu Pejabat (HQ). Audit ini juga telah melibatkan 12 Pejabat Wilayah dan juga Ibu Pejabat (HQ) di Bangi. Pejabat Wilayah di Tawau dan Sandakan terpaksa dibatalkan disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di kawasan-kawasan tersebut. Semua pihak yang terlibat telah menunjukkan komitmen yang tinggi semasa proses audit dijalankan. Berdasarkan analisa penemuan audit, tahap keakuran dan keberkesanan perlaksanaan QMS di NIOSH adalah baik dan memenuhi keperluan minimum MS ISO 9001:2015.

# *QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS FOR OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH, AND THE ENVIRONMENTAL & ACCREDITATION SCHEME OF MALAYSIAN LABORATORIES*

## *QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (QMS) (MS ISO 9001:2015)*

*NIOSH scheduled an Internal Audit following the standard of MS ISO 9001:2015 alongside a Quality Management System (QMS) audit. The internal QMS audit was held from 9 March to 12 October 2020 at regional offices, and from 12 October to 2 November at NIOSH Headquarters. It involved a total of 12 regional offices and the headquarters. Unfortunately, the audit could not be held at the Tawau and Sandakan offices due to the Enhanced Movement Control Order in these areas. During the audit process, all parties involved extended their cooperation and commitment. The results from the audit evidenced conformity and effectiveness of the QMS as satisfactory and to have fulfilled the basic requirements.*

| Siri Audit *Audit series* | Tarikh *Date* | Lokasi *Location* |
|---|---|---|
| 2020 | 9 - 10/3 | Pejabat Wilayah Utara (Manjung) : NRO-MJG |
| | 10/3 | Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kuantan) : ECRO-KTN |
| | 11/3 | Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh) : ECRO-KTH |
| | 16/3 | Pejabat Wilayah Selatan (Pengerang) : SRO-PRG |
| | 16 - 17/3 | Pejabat Wilayah Sabah (Kota Kinabalu) : SBRO-KK |
| | 5 - 6/10 | Pejabat Wilayah Utara (Pulau Pinang) : NRO-PNG<br>Pejabat Wilayah Selatan (Johor Bahru) : SRO-JBU<br>Pejabat Wilayah Sarawak (Miri) : SWRO-MRI |
| | 6 - 7/10 | Pejabat Wilayah Sarawak (Kuching) : SWRO-KCH |
| | 7/10 | Pejabat Wilayah Selatan (Melaka) : SRO-MLK |
| | 7 - 8/10 | Pejabat Wilayah Sarawak (Bintulu) : SWRO-BTU |
| | 8 - 9/10 | Pejabat Wilayah Sabah (Labuan) : SBRO-LBN |
| | 12/10 - 2/11 | Ibu Pejabat (HQ) |

Pelaksanaan Audit Dalam QMS ISO 9001:2015 Tahun 2020.
*Implementation of Internal Audit QMS ISO 9001: 2015 Year 2020.*

Intertek Certification International Sdn. Bhd. telah menjalankan audit Persijilan MS ISO 9001:2015 secara serentak dengan audit pengawasan QMS, OSHMS dan EMS pada 21 - 24 Disember 2020 di Ibu Pejabat (HQ), Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh), Pejabat Wilayah Selatan (Johor dan Pengerang), Pejabat Wilayah Sabah (Kota Kinabalu) dan Pejabat Wilayah Utara (Pulau Pinang). Secara keseluruhan, pihak badan pensijilan berpuas hati dengan tahap keakuran dan keberkesanan perlaksanaan QMS, OSHMS dan EMS di NIOSH.

*Intertek Certification International Sdn. Bhd. conducted the certification audits MS ISO 9001;2015 simultaneously with the supervisory audits namely, QMS, OSHMS and EMS from 21 to 24 December 2020 at the Headquarters Bandar Baru Bangi and regional offices at Kerteh, Johor Bahru, Pengerang, Kota Kinabalu and Penang. The audit firm was satisfied with the conformity and effectiveness results of the QMS, OSHMS and EMS at NIOSH.*

**Sijil Pensijilan QMS NIOSH (ISO 9001:2015).**
*NIOSH QMS Certification Certificate (ISO 9001: 2015).*


CERTIFICATE OF REGISTRATION

This is to certify that the management system of:

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)

Main Site : HQ: Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

has been registered by Intertek as conforming to the requirements of:

ISO 9001:2015

The management system is applicable to:

Research, Design, Development and Provision of Training, Consultancy and Information Dissemination Related to Occupational Safety and Health

This certificate includes 3 (three) Appendices for sites legal entities, addresses and scopes of the multisite organization.

Certificate Number: Q128688-3
Initial Certification Date: 26 November 2002
Date of Certification Decision: 5 October 2019
Issuing Date: 5 October 2019
Valid Until: 31 October 2020

Calin Moldovean
President, Business Assurance


APPENDIX TO CERTIFICATE OF REGISTRATION

This appendix identifies the locations covered by the management system of:

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)

Certificate Number: Q128688-3
Initial Certification Date: 26 November 2002
Date of Certification Decision: 5 October 2019
Issuing Date: 5 October 2019
Valid Until: 31 October 2020

Calin Moldovean
President Business Assurance


APPENDIX TO CERTIFICATE OF REGISTRATION

This appendix identifies the locations covered by the management system of:

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)

Certificate Number: Q128688-3
Initial Certification Date: 26 November 2002
Date of Certification Decision: 5 October 2019
Issuing Date: 5 October 2019
Valid Until: 31 October 2020

Calin Moldovean
President Business Assurance


APPENDIX TO CERTIFICATE OF REGISTRATION

This appendix identifies the locations covered by the management system of:

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)

Certificate Number: Q128688-3
Initial Certification Date: 26 November 2002
Date of Certification Decision: 5 October 2019
Issuing Date: 5 October 2019
Valid Until: 31 October 2020

Calin Moldovean
President Business Assurance

## SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (ISO 45001:2018)

Pensijilan bagi sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan juga telah dilaksanakan di Ibu Pejabat NIOSH, Bandar Baru Bangi, 5 Pejabat Wilayah NIOSH dan 10 Pejabat Satelit yang telah dipensijilkan bagi ISO 45001:2018 seperti jadual dibawah ini:

## *SAFETY AND HEALTH MANAGEMENT SYSTEM (ISO 45001:2018)*

*Audit and certification schedule for the safety and health management system at NIOSH Headquarters Bandar Baru Bangi, at 5 other Regional Offices, and at 10 Satellite Offices (of which all have been previous certified) for ISO 45001:2018 is noted in the table below:*

| Siri Audit *Audit series* | Tarikh *Date* | Lokasi *Location* |
|---|---|---|
| 2020 | 4/3 | Pejabat Satelit Sandakan (SBRO-SDK)<br>Pejabat Wilayah Sabah Kota Kinabalu(SBRO-KK) |
| | 5/3 | Pejabat Satelit Bintulu (SWRO-BTU) |
| | 8/3 | Pejabat Satelit Manjung (NRO-MJG) |
| | 9/3 | Pejabat Satelit Kuantan (ECRO-KTN)<br>Pejabat Wilayah Selatan (SRO-MLK) |
| | 10/3 | Pejabat Wilayah Pantai Timur Kerteh (ECRO-KTH) |
| | 11/3 | Pejabat Wilayah Utara (NRO-PNG) |
| | 16/3 | Pejabat Satelit Pengerang (SRO-PRG) |
| | 5 - 6/10 | Pejabat Wilayah Selatan (SRO-JBU) |
| | 6/10 | Pejabat Satelit Miri (SWRO-MRI) |
| | 7/10 | Pejabat Wilayah Sarawak Kuching (SWRO-KCH)<br>Pejabat Satelit Melaka (SRO-MLK) |

Pelaksanaan Audit Dalaman ISO 45001:2018 bagi tahun 2020.
*Implementation of Internal Audit ISO 45001: 2018 for the year 2020.*

Pelaksanaan NIOSH Pejabat Wilayah Selatan (Johor Bahru), Pejabat Wilayah Utara (Penang), Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh), Pejabat Wilayah Sarawak (Bintulu), dan Pejabat Wilayah Sabah (Kota Kinabalu).

*Internal audit and certification conducted at the NIOSH regional offices in Johor Bahru, Penang, Kerteh, Bintulu and Kota Kinabalu.*

**Sijil Pensijilan OSHMS (ISO 45001:2018).**
*OSHMS Certification Certificate (ISO 45001: 2018).*


intertek
CERTIFICATE OF REGISTRATION

This is to certify that the management system of:

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)

Main Site : HQ: Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

has been registered by Intertek as conforming to the requirements of:

ISO 9001:2015

The management system is applicable to:

Research, Design, Development and Provision of Training, Consultancy and Information Dissemination Related to Occupational Safety and Health

Certificate Number: Q128688-3
Initial Certification Date: 26 November 2002
Date of Certification Decision: 3 October 2019
Issuing Date: 3 October 2019
Valid Until: 31 October 2020

Calin Moldovean
President, Business Assurance


intertek
APPENDIX TO CERTIFICATE OF REGISTRATION

This appendix identifies the locations covered by the management system of:

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)

Certificate Number: Q128688-3
Initial Certification Date: 26 November 2002
Date of Certification Decision: 3 October 2019
Issuing Date: 3 October 2019
Valid Until: 31 October 2020

Calin Moldovean
President, Business Assurance

## SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS) (14001:2015)

Intertek Certification International Sdn. Bhd. telah menjalankan audit pengawasan MS ISO 14001:2015 di Ibu Pejabat (HQ) secara serentak dengan audit pensijilan EMS di Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh) dan di Pejabat Wilayah Selatan (Johor) pada 21 sehingga 24 Disember 2020.

## *ENVIRONMENT MANAGEMENT SYSTEM (EMS) (14001:2015)*

*Intertek Certification International Sdn. Bhd. conducted a supervisory audit MS ISO 14001:2015 at NIOSH Headquarters. The audit firm also performed a certification audit for EMS at East Coast Regional Office Kerteh and Southern Regional Office Johor from 21 to 24 December 2020.*

**Sijil Pensijilan ISO 14001:2015.**
*ISO 14001:2015 Certification Certificate.*


intertek
CERTIFICATE OF REGISTRATION

This is to certify that the management system of:

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)

Main Site : HQ: Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

has been registered by Intertek as conforming to the requirements of:

ISO 14001:2015

The management system is applicable to:

Research, Design, development and provision of training, consultancy and information dissemination related to Environmental Management System

This certificate includes 3 (three) Appendices for sites legal entities, addresses and scopes of the multisite organization.

Certificate Number: Q128688-3
Initial Certification Date: 26 November 2002
Date of Certification Decision: 3 October 2019
Issuing Date: 3 October 2019
Valid Until: 31 October 2020

Calin Moldovean
President, Business Assurance

## PROGRAM KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR

NIOSH telah melaksanakan program – program Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan serta Kelestarian Alam Sekitar untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan dan terhindar dari pencemaran alam sekitar di premis NIOSH.

Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan ialah:

## MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) DAN ALAM SEKITAR NIOSH (NOSHECOM)

Mesyuarat ini telah dilaksanakan setiap 3 bulan sekali mengikut pematuhan perundangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) Peraturan 1996. Pelbagai isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan juga alam sekitar dibincangkan di dalam mesyuarat ini seperti laporan pemeriksaan tempat kerja, laporan siasatan kemalangan, penilaian objektif, sasaran dan program serta lain – lain perkara yang berkaitan dengan KKP dan alam sekitar bagi mencapai objektif mesyuarat. Mesyuarat NOSHECOM ini dijalankan di tiga (3) tempat pejabat NIOSH antaranya NIOSH Ibu Pejabat, Pejabat Wilayah Selatan (Johor Bahru) dan Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh).

## MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN NIOSH (NOSHCOM)

Mesyuarat ini hanya dilaksanakan di 3 Pejabat Wilayah yang telah dipensijilkan bagi Sistem Pengurusan ISO 45001:2018 dan telah dijalankan setiap 3 bulan sekali. Pelbagai isu berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dibincangkan di dalam mesyuarat ini bagi mencapai objektif dan sasaran KKP dan alam sekitar. Antara Pejabat Wilayah yang melaksanakan mesyuarat NOSHCOM adalah Pejabat Wilayah Utara (Penang), Pejabat Wilayah Sarawak (Kuching) dan Pejabat Wilayah Sabah (Kota Kinabalu).

## *PROGRAMMES ON OCCUPATIONAL SAFETY, HEALTH AND ENVIRONMENT*

*NIOSH implemented programmes related to OSH and environmental sustainability so as to maintain a safe, healthy and pollution-free work environment at the organisation's premises.*

*Among the programmes and activities that were held are:*

## *OSH AND ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY (NOSHECOM) COMMITTEE MEETINGS*

*On quarterly basis one meeting is held in compliance to the Committee for OSH Act of 1996. During the meeting a number of issues related to OSH and environmental sustainability at NIOSH were discussed. Among these items are workplace inspection reports, accident investigation reports, evaluation of objectives, targets and programmes, along side other items relevant to the committee's objective and function. This NOSHECOM meetings were held at NIOSH Headquarters Bangi, Southern Regional Office Johor Bahru and East Coast Regional Office Kerteh.*

## *NIOSH OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH COMMITTEE MEETING (NOSHCOM)*

*This meeting is conducted once every quarterly. It is held at 3 regional offices namely, Northern Regional Office Penang, Sarawak Regional Office Kuching and the Sabah Regional Office Kota Kinabalu. All 3 offices had received the Management System ISO 45001:2018 certification. During these meetings a number of issues were discussed so as to achieve the committee's objective relevant to OSH and environmental sustainability.*

## PEMERIKSAAN TEMPAT KERJA (WPI)

Pemeriksaan tempat kerja akan dilaksanakan setiap bulan meliputi keseluruhan tempat kerja di Ibu Pejabat NIOSH, Bandar Baru Bangi. Laporan pemeriksaan akan dibentangkan di dalam mesyuarat NOSHECOM bagi menentukan langkah kawalan yang berkesan. Pemeriksaan tempat kerja ini melibatkan 3 kawasan yang dilaksanakan antaranya seperti kawasan luar pejabat, kawasan elektrik, dan kawasan dalam pejabat. Di samping itu, kumpulan pemeriksaan tempat kerja akan menjalankan pemantauan pada senarai semak peti pertolongan cemas di setiap kawasan sekiranya terdapat item – item yang perlu ditambah atau tamat tempoh.

## TAKLIMAT KESELAMATAN DAN KECEMASAN KEPADA KONTRAKTOR (TOOL BOX MEETING)

Taklimat keselamatan kepada kontraktor akan dilaksanakan sepanjang kontraktor yang ingin bekerja di dalam NIOSH. Mereka akan diberikan sedikit maklumat berkenaan dengan keselamatan dan kecemasan sebelum memulakan pekerjaan yang melibatkan risiko yang tinggi. Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan NIOSH akan memberikan taklimat tindakan-tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kemalangan di tapak kerja, bunyi loceng kebakaran yang berterusan dan lain – lain lagi. Sebelum diberikan taklimat keselamatan dan kecemasan, Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan NIOSH akan menyemak butiran serta dokumen – dokumen yang terlibat sebelum menjalankan kerja seperti kad keselamatan NIOSH kontraktor; kenyataan kaedah kerja, analisis bahaya kerja; Pengenalpastian Bahaya, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC); pemakaian kelengkapan Alat Pelindung Peribadi (PPE); dan lain-lain lagi melibatkan KKP.

## KURSUS INDUKSI KEPADA KAKITANGAN BARU BERKAITAN PERUNDANGAN OSHA 1994, FMA 1967 DAN EQA 1974

Kursus ini telah dilaksanakan secara e-induksi pada 1 sehingga 5 Oktober 2020 di Ibu Pejabat NIOSH. Objektif kursus ini adalah memberi pengetahuan dan pendedahan berkaitan Keselamatan dan Kesihatan

## *WORK PLACE INSPECTION (WPI)*

*This inspection procedure is conducted each month and covers all areas of the workplace at NIOSH Headquarters Bandar Baru Bangi. A report is generated from the inspection and presented at the NOSHECOM meeting for deliberation should effective measures be needed to resolve concerns. The inspection involves 3 areas which are, the external areas of offices, the electrical areas, and the internal office areas. Additional, the emergency medical kits placed in various areas of the building or offices are also inspected to ensure the necessary items are included and not expired.*

## *SAFETY AND EMERGENCY BRIEFING FOR CONTRACTORS (TOOL BOX MEETING)*

*This briefing was especially organised for contractors who plan to work with NIOSH. These contractors were given essential information in relation to safety and emergency that involved high risk work. They were instructed by a NIOSH OSH officer on actions that must be taken should an accident occur at the work site, continuous fire alarm and so forth. Prior to the start of the briefing, documents relevant to the contractors job scope would be checked by the NIOSH OSH officer. These include NIOSH Contractor Safety Card, job brief, hazard analysis of the job scope, Hazard Identification Risk Assessment Risk Control (HIRARC), Personal Protective Equipment (PPE), and other OSH related items.*

## *INDUCTION COURSE FOR NEW EMPLOYEES ON OSH ACT OF 1994, FMA OF ACT 1967 AND EQA ACT OF 1974*

*From 1 to 5 October 2020, this course was conducted as an induction for new employees at NIOSH Headquarters in Bangi. The objective was to extend knowledge and to orient them to OSH as well as familiarise with the new work environment. Furthermore, the course aimed at strengthening OSH awareness and environmental sustainability for these new employees at their new workplace.*

Pekerjaan dan alam sekitar kepada kakitangan baru NIOSH. Selain itu,kursus ini juga untuk meningkatkan tahap kesedaran berkaitan KKP di tempat kerja serta kelestarian alam sekitar.

## PEMERIKSAAN JENTERA YANG BERDAFTAR OLEH JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP)

Sebanyak 9 Jentera di dalam premis NIOSH telah berdaftar dengan JKKP Selangor dan kesemua jentera tersebut masih sah digunakan dan belum tamat tempoh. Pemeriksaan akan dijalankan mengikut perancangan yang telah ditetapkan oleh pihak JKKP. Antara jentera – jentera NIOSH yang berdaftar dengan JKKP adalah seperti 4 unit Mesin Lif (Bangunan Utama dan Menara NIOSH), Pesawat Angkat Monorel, Kren Monorel, Penerima Udara Melintang, Penerima Udara Dancomair dan Autoklaf.

## *INSPECTION OF REGISTERED MACHINERY BY THE DEPARTMENT OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH (DOSH) SELANGOR*

*At NIOSH premises there are 9 machinery registered with DOSH Selangor. All are endorsed as safe and are still within the warranty period. These inspections are carried out following criteria and plans set by DOSH Selangor. The registered machinery that were check are 4 units of Lift Machines (situated in the Main Building and at the NIOSH Tower), Monorail Hoist, Monorail Crane, Horizontal Air Receiver, Air Receiver Dancomair, and Autoclave.*





## PRA-LATIHAN KECEMASAN BERKAITAN KEBOCORAN GAS PASUKAN NEFT BERSAMA KAKITANGAN MAKMAL NIOSH

Pada 15 September 2020, Pasukan Kecemasan Respon Segera NIOSH (NEFT) bersama dengan kakitangan makmal NIOSH telah melaksanakan satu pra-latihan kawad kecemasan berkaitan kebocoran gas di stor penyimpanan gas berdekatan makmal NIOSH. Ini adalah bertujuan untuk menilai dan menguji keberkesanan tindakan kecemasan oleh pasukan NEFT dan kakitangan makmal apabila berlakunya insiden melibatkan

## *EMERGENCY PRE-TRAINING FOR GAS LEAKAGE WITH NEFT TEAM AND NIOSH LABORATORY PERSONNEL*

*On 15 September 2020, the NIOSH Emergency First Response Team (NEFT) together with staff members from the laboratories held an emergency pre-training drill for gas leakage incident in the gas storage room near the laboratory. The purpose was to evaluate and to test the efficiency of emergency response by NEFT and laboratory personnel should a gas leak incident occur at NIOSH or in the gas storage room. Simultaneously,*

kebocoran gas di makmal NIOSH atau kawasan penyimpanan gas. Ianya juga adalah untuk memberi gambaran situasi sebenar sebelum melaksanakan latihan kawad kecemasan melibatkan seluruh bangunan utama.

## LATIHAN KESELAMATAN KEBAKARAN DAN PENGENDALIAN TUMPAHAN BAHAN KIMIA

Latihan Kawad Kecemasan dan Menyelamatkan Mangsa Terperangkap dari insiden kebocoran gas di dalam Makmal dilaksanakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada kakitangan NIOSH tentang cara untuk bertindak sekiranya berlaku situasi kecemasan seperti berlakunya insiden kebakaran atau kebocoran gas. Latihan ini juga memberikan pengetahuan dan pengalaman kepada Pasukan Kecemasan Respon Segera NIOSH (NEFT) bagaimana untuk mengendalikan dan bertindak awal apabila berlakunya insiden yang seperti ini . Latihan ini juga merupakan latihan tahunan yang dilaksanakan di NIOSH Ibu Pejabat, Bandar Baru Bangi, Selangor. Ia juga merupakan salah satu keperluan utama di dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS).

Seramai 63 orang yang terdiri daripada kakitangan NIOSH, peserta kursus, tukang cuci, dan kontraktor NIOSH telah terlibat di dalam sesi latihan kali ini. Manakala anggota NEFT pula adalah seramai 25 orang. Lokasi tempat berkumpul semasa sesi latihan ini dijalankan adalah di Tempat Berkumpul 2 iaitu di kawasan parkir berhadapan garaj kereta Kenderaan Rasmi NIOSH di Bangunan Utama NIOSH.

*the drill also provided a scenario of what and how a real situation would be like.*

## *FIRE SAFETY TRAINING AND CHEMICAL SPILL TREATMENT*

*An Emergency Drill and Rescue of Trapped Victims Training was held to instruct staff on gas leaks incidents that may occur in any of the laboratories. The aim of the training and the drill was to have staff members experience a mock emergency situation such as fire or gas leaks. The training also provided knowledge and experience to the NIOSH Emergency First Response Team (NEFT) on how to manage and respond immediately should an incident occur. Each year, NIOSH Bangi conducts this session as a priority training in accordance to the Occupational Safety and Health Management System (OSHMS) and Environment Management System (EMS).*

*A total of 63 staff members consisting of NIOSH staff, trainees attending courses, cleaners and NIOSH contractors were involved. As for NEFT, 25 personnel attended the session. The drill and training was held at the parking lot in front of the NIOSH vehicles garage at the main building.*





## NORMA BAHARU AKTIVITI NIOSH BERKAITAN PENULARAN VIRUS COVID-19

Pada 16 Mac 2020, Malaysia telah diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negeri. NIOSH telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan prosedur norma baharu bagi aktiviti NIOSH untuk mengelakkan penularan wabak ini. Sepanjang Mac – Disember 2020, NIOSH telah melaksanakan aktiviti yang boleh mencegah daripada jangkitan virus COVID-19 ini merebak kepada kakitangan NIOSH, kontraktor, peserta kursus, pelanggan, pelawat mahupun orang luar yang masuk ke premis NIOSH.

Antara salah satu contoh norma baharu di dalam NIOSH yang telah dilaksanakan adalah:

- Mengenal pasti dan mengasingkan orang yang bergejala/sakit
- Komunikasi mengenai dasar, perlindungan dan kelonggaran di tempat kerja
- Mempraktikkan jarak sosial di tempat kerja
- Pemeriksaan saringan suhu badan setiap hari
- Pengimbasan Kod QR di Aplikasi MySejahtera
- Pelaksanaan nyahkuman di setiap kawasan – kawasan awam
- Pemakaian pelitup muka setiap kali berada di dalam premis NIOSH
- Penggunaan pembersih tangan yang telah disediakan di premis NIOSH

Objektif ini adalah untuk memastikan kakitangan dan pihak berkepentingan mematuhi perundangan yang berkaitan dengan norma baharu COVID-19 serta untuk mencegah jangkitan virus ini akhirnya dapat menghentikan penyebaran jangkitan virus tersebut.

## *NEW NORMAL ACTIVITIES AT NIOSH DURING THE COVID-19 PANDEMIC*

*On 16 March 2020, the government of Malaysia declared a nationwhide Movement Control Order (MCO). In response to this situation, NIOSH initiated a new normal procedures so as to safeguard the workplace and the overall premises environment. From March to December 2020 NIOSH implemented various activities that would deter any occurance of COVID-19 infections to staff, contractors, trainees, clients, visitors, and others visiting the premises.*

*Examples of a new normal at NIOSH is as follows:*

- *Identify and separate staff who are unwell or show symptoms*
- *Developing a communication channel to inform staff on policies, protection measures and adjustments at the workplace*
- *Practising social distancing at the workplace*
- *Daily body temperature screening and checking*
- *Consistent scanning of the MySejahtera QR Code*
- *Sanitising of all areas within NIOSH premises*
- *Wearing the required face mask at all times within NIOSH premises*
- *Use of hand sanitisers provided by NIOSH*

*The objective to implement these measures is to ensure all staff and significant persons of the organisation comply to the new normal during this pandemic period so as to deter any incident of infection within NIOSH and to the public.*









## PENSAMPELAN KUALITI PELEPASAN UDARA CEROBONG DAN KUALITI PELEPASAN AIR SISA EFLUEN

Pensampelan kualiti pelepasan udara cerobong dan kualiti pelepasan air sisa efluen telah dilakukan pada 17 dan 18 Ogos 2020. Persampelan ini dilakukan ke atas semua cerobong asap (fume hood) di bangunan utama makmal-makmal CRD dan laluan akhir sisa efluen kafeteria dan makmal di lurang (manhole) di hadapan pondok pengawal 2.

Objektifnya adalah untuk memantau tahap pelepasan bahan zarah dan Sebatian Organik Meruap (VOC) – Monosiklik Aromatik, Sebatian Beroksigen, Ppengasapan, Alifatik Berhalogen, Aromatik Berhalogen, Trihalometana serta kualiti air sisa mengikut kepada

## *SAMPLING OF AIR QUALITY RELEASED FROM FUME HOODS AND FROM EFFLUENT WASTE*

*The sampling activity was conducted on 17 and 18 August 2020 for all fume hoods of the CRD laboratories in the main building; and, for the waste matter runoffs from the cafetaria and laboratories into the manhole in front of the security station 2.*

*The objective to sample the air quality was to monitor levels of particle matters and Volatile Organic Compounds (VOC) released into the air. For example, Monocyclic Aromatics, Oxygenated Compounds, Fumigants, Halogenated Aliphatics, Halogenated Aromatics, and Trihalomethane. Furthermore, the quality of bilge water was also sampled to assess its Parameter Standard B in accordance to Environment*

keperluan di dalam Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Efluen Perindustrian) 2009 untuk Piawaian Parameter B.

Kaedah pensampelan adalah dengan mengguna pakai Manual Kaedah Analitikal 0500 NIOSH bagi mengukur tahap pelepasan bahan zarah, NIOSH 1500 Tanpa Isokinetik bagi mengukur tahap pelepasan Sebatian Organik Meruap dan Teknik Pensampelan Cekau bagi mengukur tahap pelepasan sisa air efluen.

Hasil penemuan adalah seperti berikut:

*Quality Regulations (Effluent Industry) 2009.*

*Sampling methods followed the guidelines as stated in the NIOSH Manual of Analytical Methods 0500 which measures the levels of Particulate Matter released into the air; the Non-isokinetic NIOSH 1500 method for measuring the levels of Volatile Organic Compounds; and Grab Sampling Technique which measures the levels of effluent waste water.*

*Findings of the samplings are as follows:*

| **Komponen** *Component* | **Item** *Item* | **Kepekatan (2019)** *Concentration (2019)* | **Kepekatan (2020)** *Concentration (2020)* | **Peraturan** *Regulation* |
|---|---|---|---|---|
| Udara *Air* | Bahan zarah *Particulate matter* | Dipatuhi *Comply* | Dipatuhi *Comply* | Peraturan Kebersihan Udara 2014 *Clean Air Regulation 2014* |
| | Sebatian Organik Meruap (VOC) *Volatile Organic Compounds (VOC)* | Dipatuhi *Comply* | Dipatuhi *Comply* | |
| Air *Water* | Air sisa efluent *Waste water effluent* | 3 - melebihi parameter (BOD, COD, Minyak & gris) *3 – exceed parameter (BOD , COD, Oil & grease)* | 3 - melebihi parameter (BOD, COD, Nitrogen Berammonia) *3 – exceed parameter (BOD, COD, Ammoniacal Nitrogen)* | Peraturan Sisa Efluen Industri 2009 *Industrial Effluent Regulation 2009* |

## KEMPEN NIOSH EARTH HOUR

NIOSH *Earth Hour* merupakan kempen memadamkan lampu dan mematikan elektrik selama sejam di seluruh bangunan ibu pejabat NIOSH sebagai usaha mengurangi penggunaan karbon yang menyumbang kepada pemanasan global selain membantu menjimatkan penggunaan tenaga elektrik. Kempen ini juga turut melibatkan dua (2) Pejabat Wilayah iaitu Pejabat Wilayah Selatan (Johor Bahru) dan Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kertih). Aktiviti ini telah diadakan pada 27 November 2020 pada pukul 8.00 malam sehingga 9.00 malam.

## *NIOSH EARTH HOUR CAMPAIGN*

*This campaign was organised by NIOSH so as to participate in the global effort to reduce global warming and the carbon footprint whilst striving to save energy or electricity usage. For one hour, the electricity and all lights in NIOSH buildings in Bangi were turned off. Supporting the campaign were the Southern Regional Office Johor Bahru and East Cost Regional Office Kerteh. This event was held on 27 November 2020 from 8:00pm to 9:00pm.*




## UJIAN SARINGAN KESIHATAN DAN KECERDASAN KAKITANGAN PEJABAT WILAYAH NIOSH

Aktiviti ini telah dijalankan pada Februari – Jun 2020 yang telah dianjurkan oleh NOSHECOM dengan kerjasama Kluster Kesihatan Pekerjaan dan *OSH Promoter* NIOSH kepada kakitangan Pejabat Wilayah NIOSH. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan gaya hidup sihat dan mengetahui tahap kecergasan dan kesihatan. Jenis Ujian Saringan Kesihatan yang diambil adalah seperti Ujian Darah, Elektrokardiogram (ECG), Analisis Komposisi Badan (Inbody) & Fizikal dan Kemurungan, Kegelisahan, dan Skala Tekanan (DASS 21).

## PELABELAN PRESTASI INTENSITI TENAGA BANGUNAN KEBANGSAAN *(BEI LABELLING)*

Menerusi Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang sedang mempergiatkan usaha bagi mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dan memastikan penggunaan tenaga secara cekap di sektor bangunan melalui konsep Kerajaan Memimpin Melalui Teladan (Government Lead By Example - GLBE) dan selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 September 2018, pihak Kementerian menerusi Suruhanjaya Tenaga telah melaksanakan inisiatif Pelabelan Prestasi Intensiti Tenaga Bangunan Kebangsaan (National Building Energy Intensity Labelling – BEI Labelling) bagi bangunan-bangunan Kerajaan terpilih.

## *HEALTH AND MEDICAL, AND PSYCHOLOGICAL ALERTNESS SCREENING FOR NIOSH REGIONAL OFFICES EMPLOYEES*

*This activity was organised by NOSHECOM and held from February to June 2020. Collaborating to support the activity was OSH Promoter NIOSH and Employees' Health Cluster. The reason for running this programme was to instill the importance of a healthy lifestyle, and to ascertain the level of psychological and physical wellbeing of employees. Screening tests include full blood test, Electrocardiogram (ECG), Inbody & Physical and Depression, Anxiety and Stress Scale (DASS 21).*

## *BUILDING ENERGY INTENSITY LABELLING ACHIEVEMENT (BEI LABELLING)*

*The Ministry of Energy, Sains, Technology, Environment and Climate Change (MESTECC) implemented an initiative titled National Building Energy Intensity Labelling - BEI Labelling Programme on 26 September 2018. Taking charge of this programme was the Energy Commission. The programme aimed at reducing the use of electricity and increasing the efficient use of energy in the building sector. GLBE (Government Lead By Example) concept inspired this programme.*

*In 2020, NIOSH joined in the BEI-Labelling Programme that was organised by the Energy Commission. By participating, through the star-rating method, NIOSH would know the achievement level in the use of energy*

NIOSH telah turut serta dalam pelaksanaan program pelabelan prestasi BEI anjuran Suruhanjaya Tenaga pada tahun 2020 ini. Pelabelan prestasi BEI menyediakan maklumat mengenai tahap prestasi penggunaan tenaga sesebuah bangunan melalui penarafan bintang berdasarkan nilai julat rujukan BEI yang ditetapkan mengikut kategori sehingga 5 bintang. Semakin kecil nilai BEI, menunjukkan semakin tinggi tahap kecekapan penggunaan tenaga di bangunan tersebut. Penarafan bintang akan berdasarkan nilai julat rujukan BEI yang ditetapkan Pelabelan prestasi BEI.

Pihak Suruhanjaya Tenaga telah melabel kedua-dua bangunan Ibu Pejabat (HQ) NIOSH sebagai Penilaian 5-Bintang.

*in its buildings. The smaller the BEI value, it would indicate the effectiveness of energy consumption in a given building. This would determine the star-rating as stated in the BEI-Labelling achievement chart.*

*The Energy Commission awarded the 5-Star Rating for both buildings at NIOSH Headquarters.*







## PENJIMATAN UTILITI NIOSH

Jawatankuasa Kerja NOSHECOM telah menetapkan target penurunan 5% ke atas bil utiliti NIOSH. Berdasarkan keadaan semasa pada tahun 2020, terdapat penurunan kadar purata penggunaan elektrik dan air bulanan di Ibu Pejabat NIOSH berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Lampiran menunjukkan analisa kadar penggunaan bil elektrik dan air di Ibu Pejabat NIOSH (2019 vs 2020)

## *SAVINGS ON UTILITY USAGE AT NIOSH*

*The NOSHECOM working committee had set a target of 5% reduction on NIOSH utility bills. For the year 2020, in comparisons to past years, a reduction was observed in the average use of electricity and water at NIOSH headquarters.*

*The table below indicates an analysis of electricity and water usage rates at NIOSH headquarters comparing 2020 to 2019.*

| Bulan *Months* | 2019 | 2020 | Perbezaan *Difference* | Peratusan *Percentage* | Status *Status* |
|---|---|---|---|---|---|
| Januari *January* | RM 114,680.70 | RM 114,939.65 | RM 258.95 | 0.23% | ▲ |
| Februari *February* | RM 103,481.45 | RM 155,085.60 | RM 51,604.15 | 49.87% | ▲ |
| Mac *March* | RM 131,334.45 | RM 89,218.00 | RM -42,116.45 | -32.07% | ▼ >5% |
| April *April* | RM 134,058.45 | RM 61,144.40 | RM -72,914.05 | -54.39% | ▼ >5% |
| Mei *May* | RM 123,548.55 | RM 76,448.28 | RM -47,100.27 | -38.12% | ▼ >5% |
| Jun *June* | RM 108,372.30 | RM 106,313.35 | RM -2,058.95 | -1.90% | ▼ <5% |
| Julai *July* | RM 137,105.65 | RM 118,179.30 | RM -18,926.35 | -13.80% | ▼ >5% |
| Ogos *August* | RM 126,958.05 | RM 124,093.15 | RM -12,864.90 | -2.26% | ▼ <5% |
| September *September* | RM 108,372.30 | RM 120,968.25 | RM 12,595.95 | 11.62% | ▲ |
| Oktober *October* | RM 137,105.65 | RM 95,776.45 | RM -41,329.20 | -30.14% | ▼ >5% |
| **Jumlah** ***Total*** | **RM 1,225,017.55** | **RM 1,062,166.43** | | | |

Kadar penggunaan elektrik di NIOSH pada tahun 2019 – 2020.
*NIOSH electricity consumption rate for 2019 - 2020.*

| Bulan *Months* | 2019 | 2020 | Perbezaan *Difference* | Peratusan *Percentage* | Status *Status* |
|---|---|---|---|---|---|
| Januari *January* | RM 4,273.85 | RM 5,403.15 | RM 1,129.30 | 26.42% | ▲ |
| Februari *February* | RM 5,586.00 | RM 6,388.50 | RM 802.50 | 14.37% | ▲ |
| Mac *March* | RM 7,257.15 | RM 6,787.75 | RM -469.40 | -6.47% | ▼ >5% |
| April *April* | RM 5,040.20 | RM 3,179.75 | RM -1,860.45 | -36.91% | ▼ >5% |
| Mei *May* | RM 3,311.05 | RM 5,409.60 | RM 2,098.55 | 63.38% | ▲ |
| Jun *June* | RM 3,919.65 | RM 6,431.95 | RM 2,512.30 | 64.10% | ▲ |
| Julai *July* | RM 4,055.60 | RM 7,406.00 | RM 3,350.40 | 82.61% | ▲ |
| Ogos *August* | RM 6,014.95 | RM 5,517.45 | RM -497.50 | -8.27% | ▼ >5% |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| September *September* | RM 5,815.55 | RM 6,085.80 | RM 270.25 | 4.65% | ▲ |
| Oktober *October* | RM 5,812.10 | RM 5,311.40 | RM -500.70 | -8.61% | ▼ >5% |
| **Jumlah** ***Total*** | **RM 51,086.10** | **RM 57,921.35** | | | |

Kadar penggunaan air di NIOSH pada tahun 2019 – 2020.
*NIOSH water consumption rate for 2019 - 2020.*

Langkah-langkah penjimatan yang diambil oleh NIOSH ialah:

- Berhemah dalam menggunakan peralatan elektrik seperti komputer, komputer riba, lampu, kipas dan sistem penghawa dingin di dalam pejabat.
- *Switch on* bila perlu, dan switch off komputer, lampu di lokasi atau waktu yang cerah, menutup kipas dan sistem penghawa dingin pada waktu rehat dan pada waktu pulang. Orang yang terakhir meninggalkan pejabat perlu peka dengan keadaan ini.
- Suhu sistem penghawa dingin perlu ditetapkan pada suhu 24 darjah celsius (dalam keadaan biasa) dan memastikan pintu sentiasa ditutup bagi mengelakkan udara sejuk keluar. Contoh: pintu lobi menara dan bangunan utama, pintu cafeteria dan semua pintu pejabat. Semakin tinggi perbezaan suhu yang ditetapkan berbanding suhu luar bangunan, semakin banyak kompresor dan motor menggunakan elektrik untuk mencapai suhu yang dikehendaki, maka semakin banyak penggunaan elektrik.
- Memastikan suis lampu, sistem penghawa dingin, LCD projektor, komputer, dll. di dewan, Simulator Ruang Terkurung, makmal-makmal, bilik-bilik latihan, bilik mesyuarat dan surau mestilah ditutup setelah digunakan.
- Berhemah menggunakan air ketika di kafeteria, tempat wuduk dan tandas dan pantas melaporkan kepada pihak ADFD apabila mendapati berlaku kebocoran air.
- Sistem Operasi Bangunan termasuk Sistem Penghawa Dingin *(Centralised)* akan ditutup pada pukul 6.00 petang.

*Steps taken by NIOSH to reduce cost and expenses:*

- *Prudent use of electrical sources in the office such as desktops, laptops, office lights, fans and air-conditioning units.*
- *For desktops, office lights, fans and air-conditioning units switch-on when in use and switch-off when idle or during break time. Last personnel to leave the office to check all electrical sources are turned off.*
- *The air-conditioning system was maintained at 24 degrees celsius unless the day was very hot. Doors to offices, main building, lobby, cafeteria and so forth had to be closed to avoid the wastage of cold air, to reduce hot air from warming up cooled areas and to decrease the additional electricity needed to re-cool an air-conditioned interior area.*
- *To ensure all power outlet switches, air-conditioning units, LCD projectors, desktops, and laptops are turned off in the hall, Confined Space Simulator, laboratories, training rooms, meeting rooms and prayer rooms after use.*
- *Prudent use of water in the cafeteria, abulation area and restrooms. To report immediately to the ADFD office on water leakage.*
- *At 6:00pm the centralised air-conditioning and building operations systems would be shutdown.*

## HARI TANPA BEG PLASTIK, PENYEDUT MINUMAN PLASTIK DAN BEKAS POLISTERIN

Objektif utama program ini adalah untuk memastikan pengurangan penggunaan beg plastik, penyedut minuman plastik dan bekas makanan polisterin di kafetaria NIOSH dan kedai serbaguna NIOSH. Program ini dijalankan pada setiap hari sepanjang tahun.

Kakitangan NIOSH disarankan untuk menggunakan beg kitar semula seperti woven bag bagi menggantikan beg plastik. Kakitangan NIOSH juga digalakkan membawa bekas makanan/ minuman sendiri dan menggantikan bekas makanan polisterin dengan bekas makanan / minuman kertas.

## *NO PLASTIC BAG, PLASTIC STRAWS AND POLISTRENE DAY*

*The main objective of this programme was to reduce the use of plastic bags, plastic straws and polystrene containers in the cafetaria and convenience store at NIOSH offices. This initiative is an ongoing practice which started in 2020.*

*All employees were informed to use woven bags instead of plastic bags, and encouraged to bring their personal food and water containers from home to use at the cafeteria.*










## PROGRAM KITAR SEMULA

Objektif utama program ini adalah untuk memastikan buangan domestik diasingkan mengikut kategori. Program ini dijalankan setiap bulan sepanjang tahun. Tong kitar semula akan disediakan di tempat yang diwartakan supaya pengasingan buangan dapat dilakukan sehingga ke tempat pelupusan.

## *RECYCLING PROGRAMME*

*The main objective of this continuously year-round programme was to ensure all waste is separated into its specific categories denoted by 4 different colors and labels of the recycling bins. These bins are placed in appropriate areas wherein, people can discard waste material accordingly. Collected waste is then sent to the incineration place.*



## BUANGAN TERJADUAL

Sisa buangan terjadual akan dilabel, disimpan di dalam stor khas dan dibawa ke Kualiti Alam bagi tujuan pelupusan setiap 12 bulan (tempoh kebenaran dari Jabatan Alam Sekitar). NIOSH melaksanakan penyelenggaraan Sisa Terjadual ini sebagai mematuhi peraturan dan garis panduan yang khusus seperti di dalam Peraturan Bahan Buangan Terjadual (2005).

## *SCHEDULED WASTE DISPOSAL*

*All scheduled waste disposal are labeled and kept in a separate storehouse. Every 12 months the waste is brought to the Kualiti Alam for incineration. The 12-month period is the approved duration by the Department of Environment for waste storage and incineration. NIOSH adheres to rules and specific guidelines as stated in the Scheduled Waste Disposal Regulations (2005).*




## SKIM AKREDITASI MAKMAL MALAYSIA (SAMM) (MS ISO/ IEC 17025:2017)

Makmal Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Teknologi Kawalan (OSHECT) di NIOSH telah mendapat pensijilian di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) (MS ISO/IEC 17025:2017).

## *ACCREDITATION SCHEME FOR MALAYSIA LABORATORIES (SAMM) (MS ISO/IEC 17025:2017)*

*The Occupational Safety and Health Evaluation and Control Technology Laboratories (OSHECT) at NIOSH received its accreditation from the Accreditation Scheme for Malaysia Laboratories (SAMM) (MS ISO/IEC 17025:2017).*

**Sijil Skim Akreditasi Makmal Malaysia.**
*Malaysian Laboratory Accreditation Scheme Certificate.*


STANDARDS MALAYSIA

Certificate of Accreditation

No: SAMM 412 | Accredited since: 21 January 2009

This is to certify that

OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH EVALUATION AND CONTROL TECHNOLOGY LABORATORIES
NATIONAL INSTITUTE OF OCCUPATIONAL SAFETY & HEALTH (NIOSH)
BANDAR BARU BANGI, SELANGOR
MALAYSIA

has been granted accreditation in respect of the scope of accreditation described in the schedule, subject to the terms and conditions governing the *Skim Akreditasi Makmal Malaysia* (SAMM), the Laboratory Accreditation Scheme of Malaysia.

Laboratories accredited under SAMM meet the requirements of MS ISO/IEC 17025. This Malaysian Standard is identical with ISO/IEC 17025 published by the International Organization for Standardization (ISO).

(DATUK FADILAH BAHARIN)
Director-General
Department of Standards Malaysia

Date of issue: 14 August 2019
(Issue 2, 14 August 2019 replacement of SAMM 412 dated 05 January 2018)

Sesi audit dalam bagi MS ISO/IEC 17025:2017 juga telah dijalankan pada 21, 23, 27 dan 28 Oktober 2020 oleh Juruaudit yang dilantik.

Manakala, bagi sesi audit oleh badan persijilan luar pada tahun 2020 telah dilaksanakan seperti berikut:

*Audit sessions for the MS ISO/IEC 17025:2017 was held on 21, 23, 27, and 28 October 2020 by an appointed Auditor.*

*Meanwhile, audit sessions conducted by external certification bodies that were held in 2020 are as follows:*

| **Bil.** *No.* | **Tarikh** *Date* | **Audit** *Audit* | **Makmal** *Laboratory* |
|---|---|---|---|
| 1 | 30 September 2020<br>*30 September 2020* | Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM)<br>*- Extension of Scope Audit* | Makmal Peralatan Perlindungan Pernafasan (DML) & Makmal Peralatan Pelindungan Jatuh (FPETL)<br>*Dust Mask Laboratory (DML) & Fall Protection Equipment Testing Laboratory (FPETL)* |
| 2 | 19 & 25 November 2020<br>*19 & 25 November 2020* | Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM)<br>*- Reassessment Audit* | Makmal Bahan Kimia Bahaya (CHL) & Makmal Penentukuran Alat Menguji Gas (GCL)<br>*Chemical Hazardous Laboratory (CHL) & Gas Detector Calibration Laboratory (GCL)* |
| 3 | 22 September 2020<br>*22 September 2020* | Institut Kimia Malaysia (IKM)<br>*- IKM Audit* | Makmal Bahan Kimia Bahaya (CHL)<br>*Chemical Hazardous Laboratory (CHL)* |

Salah satu makmal di bawah OSHECT iaitu Makmal Bahan Kimia Bahaya (CHL) telah menerima dua (2) anugerah pada tahun 2020 iaitu Anugerah Makmal Cemerlang 2020 serta Anugerah Perak bagi kecemerlangan makmal sepuluh (10) tahun berturut-turut. Majlis penyampaian Malam Kimia 2020 akan disampaikan pada 22 Januari 2021 bertempat di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

*The Chemical Hazardous Laboratory (one of the OSHECT labs) received 2 awards in 2020 - Excellent Laboratory Award 2020 and the Silver Award for 10 years of consecutive excellent service. The award ceremony "Chemical Night 2020" was held on 22 January 2020 at Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur.*





# PENGURUSAN PROJEK

## *PROJECT MANAGEMENT*

# AKTIVITI BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK (PMD) 2020

Sepanjang tahun 2020, Bahagian Pengurusan Projek (PMD) telah berjaya menyiapkan 13 projek pembangunan di Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan seluruh Malaysia. Berikut adalah antara projek-projek yang utama yang telah dilaksanakan:

- Pembinaan *Crusher Run* di Pejabat NIOSH Pantai Timur (Kerteh)
- Kerja Ubahsuai Pejabat NIOSH Pantai Timur (Kelantan)
- Pembinaan Fasiliti Latihan Ruang Terkurung di Pejabat NIOSH Utara (Manjung)
- Kerja Naiktaraf dan Penambahbaikan Klinik NIOSH di bangunan Ibu Pejabat

# *PROJECT MANAGEMENT DIVISION (PMD) ACTIVITIES FOR THE YEAR 2020*

*Throughtout the year 2020, PMD successfully completed 13 development projects at NIOSH headquarters and at all Regional Offices in Malaysia. Following is a listing of main projects that were achieved:*

- *Construction of a Crusher Run at NIOSH East Coast Office in Kerteh*
- *Renovation works for the East Coast Office in Kelantan*
- *Construction of the Confined Space Training Facility at NIOSH Northern Office in Manjung*
- *Upgrading and Refurbishing Works for NIOSH Clinic at the organisation's headquarters*

| **Bil.** *No.* | **Nama Projek** *Project Name* | **Tarikh Siap** *Completed Date* | **Ringkasan** *Summary* |
|---|---|---|---|
| 1 | Pembinaan *Crusher Run* di Pejabat NIOSH Pantai Timur (Kerteh)<br>*Construction of the Crusher Run at ECRO Kerteh* | 01/2020 | Kerja penyediaan ruang tempat letak kenderaan peserta dan pelawat seluas 6500m$^2$<br>*Preparation of 6500m$^2$ of parking space or lots for participants and visitors* |
| 2 | Kerja Ubahsuai Pejabat NIOSH Pantai Timur (Kelantan)<br>*Renovation of the ECRO Kuantan* | 06/2020 | Melaksanakan kerja-kerja ubahsuai Pejabat Pentadbiran NIOSH cawangan Kelantan dan penyediaan 2 bilik latihan di bangunan UMK, Jalan Bendahara, Kota Bharu, Kelantan<br>*Implementation of renovation works for NIOSH administration offices in Kelantan and Terengganu, and setting up of 2 training rooms in the UMK building at Jalan Bendahara, Kota Bharu, Kelantan* |
| 3 | Pembinaan Fasiliti Latihan Ruang Terkurung di Pejabat NIOSH Utara (Manjung)<br>*Construction of Confined Space facilities at NRO Manjung* | 09/2020 | Kerja penyediaan ruang tempat letak kenderaan peserta dan pelawat seluas 6500m$^2$<br>*Preparation of 6500m$^2$ of parking space or lots for participants and visitors* |
| 4 | Kerja Naiktaraf dan Penambahbaikan Klinik NIOSH di bangunan Ibu Pejabat<br>*Upgrading and refurbishing works for NIOSH Clinic in the Headquarters building in Bangi* | 12/2020 | Menaiktaraf dan penambahbaikan klinik NIOSH mengikut standard yang diluluskan oleh KKM<br>*Upgrading and refurbishing of NIOSH Clinic in accordance to standards approved by Ministry of Health* |

**Pembinaan *Crusher Run* di Pejabat NIOSH Pantai Timur (Kerteh).**
*Constructing the Crusher Run at ECRO Kerteh.*





**Kerja ubahsuai di Pejabat NIOSH Kelantan.**
*Renovation works of the NIOSH office in Kelantan.*






**Pembinaan Fasiliti Latihan Ruang Terkurung di Manjung.**
*Construction of Confined Space Training Facility in Manjung.*





**Kerja ubahsuai klinik.**
*Renovation of the clinic.*






Company's Growth
Business Company
Contract



# DIARI KORPORAT

## *CORPORATE DIARY*

# AKTIVITI / PROGRAM PENCAPAIAN SETAHUN NIOSH (2020)

# *ACTIVITIES / PROGRAMMES ACHIEVED THROUGH THE YEAR AT NIOSH (2020)*

## 16 APRIL 2020 - SUMBANGAN NIOSH KEPADA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DI KAWASAN LUAR BANDAR (DHRRA) BAGI MEMBANTU MASYARAKAT YANG TERKESAN DARIPADA PANDEMIK COVID-19

## *16 APRIL 2020 - CHARITABLE DONATION FROM NIOSH TO THE DEVELOPMENT OF HUMAN RESOURCES FOR RURAL AREAS (DHRRA) TO ASSIST COMMUNITIES AFFECTED BY COVID-19 PANDMIC*

*Activities*

### SUMBANGAN NIOSH KEPADA DEVELOPMENT OF HUMAN RESOURCES FOR RURAL AREAS (DHRRA) BAGI MEMBANTU MASYARAKAT YANG TERKESAN DARIPADA GEJALA COVID-19

Bandar Baru Bangi: 16 April 2020 – Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) memberikan sumbangan kepada salah sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) iaitu Development of Human Resources for Rural Areas atau DHRRA. Tanggungjawab Sosial Korporat ini adalah kerjasama NIOSH dan DHRRA bagi menyediakan barang-barang keperluan asas harian kepada golongan masyarakat yang amat memerlukan seperti Kumpulan B40, Orang-orang tua, Pelarian, Orang tidak bernegara atau tidak mempunyai dokumen dan lain-lain.









Semoga sumbangan NIOSH ini dapat membantu dan memberi semangat kepada mereka di kalangan kumpulan masyarakat yang terkesan daripada gejala Covid-19. NIOSH berharap akan banyak lagi pihak yang tampil memberikan apa juga bentuk bantuan kepada badan-badan sukarelawan yang bersama-sama dengan pihak kerajaan di dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi melawan Covid-19 ini. Semoga kita semua akan dilindungi daripada penularan wabak pandemik Covid-19.

Mana-mana pihak yang berminat untuk memberikan sumbangan kepada DHRRA boleh mendapatkan maklumat lanjut di https://kita.fund/DHRRA.

#stayathome
#staysafe
#stayhealthy




**14** NIOSH Malaysia Newsletter | **April 2020**

## 1 APRIL 2020 - NIOSH MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PETUGAS-PETUGAS DI HOSPITAL TUANKU JAAFAR, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN YANG MENDEPANI PANDEMIK COVID-19

## *1 APRIL 2020 - NIOSH CONTRIBUTES TO THE FRONTLINERS ASSIGNED TO COVID-19 SERVICES AT HOSPITAL TUANKU JAAFAR, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN*



*Activities*

### NIOSH MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PETUGAS-PETUGAS DI HOSPITAL TUANKU JAAFAR, SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN YANG MENDEPANI WABAK COVID-19

Negeri Sembilan: 1 April 2020 – Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menyumbang juadah makan malam kepada petugas-petugas di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan bermula 1 April 2020 hingga 5 April 2020.

Tanggungjawab Sosial Korporat oleh NIOSH ini dibekalkan dengan kerjasama Klana Resort Seremban. Diharapkan sumbangan kecil NIOSH ini dapat sedikit sebanyak meringankan beban kerajaan khususnya Hospital Tuanku Jaafar dan secara tidak langsung Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pihak NIOSH mengucapkan terima kasih kepada semua kakitangan Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Negeri Sembilan atas pengorbanan kakitangan sebagai 'Frontlines' di dalam membendung penularan Covid-19. Semoga sumbangan NIOSH ini dapat membantu dan memberi semangat kepada kakitangan Hospital Tuanku Jaafar Seremban, Negeri Sembilan semasa menjalankan tugas.

NIOSH berharap akan banyak lagi pihak yang tampil memberikan apa juga bentuk bantuan bagi membantu petugas-petugas lain di seluruh negara. Semoga kita semua akan dilindungi daripada penularan wabak pandemik Covid-19.

#stayathome
#staysafe
#stayhealthy

NIOSH Malaysia Newsletter | **April 2020** 15

## 11 NOVEMBER 2020 - SUMBANGAN NIOSH KEPADA GOLONGAN TERKESAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19 DI W. P. LABUAN

## *11 NOVEMBER 2020 - NIOSH CHARITABLE CONTRIBUTION TO COMMUNITIES AFFECTED BY COVID-19 PANDEMIC IN W. P. LABUAN*



*Aktiviti*

### SUMBANGAN NIOSH KEPADA GOLONGAN TERKESAN AKIBAT PANDEMIK COVID-19 DI W.P.LABUAN

**W. P Labuan**: 11 dan 12 November 2020 - Di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR), NIOSH melalui Pejabat NIOSH Labuan telah menyampaikan sumbangan berbentuk kit makanan kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Cawangan Labuan dan Hospital Labuan.

Sumbangan ini adalah antara usaha NIOSH untuk membantu pihak-pihak yang terkesan di atas bencana pandemik Covid-19 khususnya masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan. Kit makanan seperti beras, gula, garam dan lain-lain keperluan penting ini diharapkan sedikit sebanyak dapat meringankan beban warga Labuan yang memerlukan.

NIOSH menyeru kepada masyarakat Malaysia yang berkemampuan untuk sama-sama membantu kerajaan di dalam memastikan warga Malaysia mendapat bantuan dan perhatian. Sesungguhnya usaha bantu membantu ini akan dapat mengeratkan lagi perpaduan dan kerjasama di segenap lapisan masyarakat.

**Pada 12 November 2020:** Penyerahan sumbangan berupa kit makanan berjumlah 89 kit kepada warganegara golongan B40 yang terkesan akibat Covid-19 daripada NIOSH melalui Jabatan Kebajikan W.P. Labuan.

**Pada 11 November 2020:** Penyerahan sumbangan berupa 20 kampit beras kepada Hospital Labuan. NIOSH SBRO, khususnya NIOSH W.P Labuan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan atas keperihatinan kepada warga W.P. Labuan yang terkesan akibat COVID-19.

### LAWATAN KERJA YB ADUN HULU BERNAM KE IBU PEJABAT NIOSH

**Bandar Baru Bangi: Pada 11 November 2020** - YB Datuk Rosni Sohar iaitu Adun Ulu Bernam (Ahli Lembaga Pengarah PTPTN) membuat lawatan ke Ibu Pejabat NIOSH, Bangi Selangor.

Ketibaan YB Datuk telah disambut oleh YB Senator Datuk T. Mohan, Naib Pengerusi; YBrs Tuan Haji Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH dan pengurusan tertinggi NIOSH.

Selain sesi suai kenal dan pembentangan fungsi dan peranan NIOSH, YB Datuk juga di bawa untuk melawat beberapa makmal dan fasiliti yang terdapat di NIOSH. Ini termasuk *Dust Mask Lab (DML), Fall Protection Equipment and Testing Lab (FPETL), Confined Space Simulator* dan beberapa bahagian lain.

14 NIOSH Malaysia Newsletter | **November 2020**

## 27 DISEMBER 2020 - TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT: SUMBANGAN KEPADA ‘FRONTLINERS’ NEGERI SABAH

## *27 DECEMBER 2020 - CONTRIBUTION TO FRONTLINERS IN SABAH AS PART OF NIOSH CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY*



Aktiviti

# Tanggungjawab sosial korporat NIOSH

Pada **27 Disember 2020** (Jumaat), menjalankan amanah Pihak Pengurusan Tertinggi NIOSH untuk menyampaikan sumbangan kepada ‘frontliners’ Negeri Sabah melalui Jawatankuasa Pengurusan COVID-19 Negeri Sabah. Majlis disempurnakan di Pejabat Datuk Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran), Jabatan Ketua Menteri, Tingkat 25, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah.

Penyerahan Sumbangan kepada ‘Frontliners’ Negeri Sabah melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah yang disampaikan oleh Pengurus Wilayah NIOSH Sabah & WP Labuan, Wan Sarman Sakan kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah (Pentadbiran), Datuk Hajah Mariam Omar Matusin bertempat di Tingkat 25, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah

**23-24 Disember 2020**
3 Pegawai NIOSH Kertih telah menjalankan Bengkel Bimbingan Asas Pengurusan KKP (Perodua Servis) untuk Semantan Otomobil di Jerantut, Pahang.

14 NIOSH Malaysia Newsletter | **December 2020**

## 22 DISEMBER 2020 - PENGAGIHAN PELITUP MUKA DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA

## *22 DECEMBER 2020 - DISTRIBUTION OF FACE MASKS AT THE PARLIAMENT BUILDING MALAYSIA*

*Aktiviti*





### PENGAGIHAN PELITUP MUKA DI BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA

Pada **22 Disember 2020** telah berlangsung sesi pengagihan pelitup muka di Bangunan Parlimen kepada beberapa YB Menteri dan YB Timbalan Menteri, ahli-ahli Dewan Rakyat dan ahli-ahli Dewan Negara, pegawai-pegawai kanan pelbagai kementerian dan petugas-petugas Parlimen.

NIOSH melalui peralatan pengujian pelitup muka makmal Dust Mask Laboratory (DML), NIOSH telah bekerjasama dengan syarikat pengeluar pelitup muka tempatan untuk menghasilkan model pelitup muka melalui beberapa ujian seperti Penetration Test, Flammability Test, Carbon Dioxide Content Test dan Breathing Resistance Test. Peralatan pengujian DML ini juga turut digunakan untuk membantu pihak kementerian, pengilang, pengimport, pengedar dan pihak majikan bagi menguji pelitup muka pelbagai jenama dan model.



**Parlimen Malaysia:** 1 Disember 2020 – YB Senator Datuk T. Mohan, Naib Pengerusi NIOSH mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negara bagi penggal kedua di Dewan Negara.

Tahniah dari Pihak Pengurusan dan kakitangan warga kerja NIOSH.

### RALAT

**Reference FYi August 2020**

**WHICH WAY ROUND SHOULD A SURGICAL FACE MASK GO?**

1) World Health Organization. Advice on the use of masks in the context of COVID-19: Interim Guidance. June 5, 2020.
2) https://www.who.int/images/default-source/health-topics/coronavirus/masks-infographic---final-(web---rgb).png?sfvrsn=c67232f0_15
3) https://www.chp.gov.hk/files/pdf/use_mask_properly.pdf
4) https://wistech.com.sg/blogs/maskforeveryone/which-way-round-should-a-surgical-face-mask-go
5) https://smartairfilters.com/en/blog/which-way-round-should-i-wear-my-surgical-face-mask
6) https://www.gov.sg/article/what-can-you-do-to-protect-yourself-from-covid-19
7) http://covid-19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm/Annex_25_COVID_guide_for_workplaces_22032020.pdf
8) https://www.moh.gov.sg/docs/librariesprovider5/default-document-library/advisory-on-masks-infographic-final-250120-eng.pdf

NIOSH Malaysia Newsletter | **December 2020** 13

## 9 SEPTEMBER 2020 - MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS PERAKUAN OPERASI SEKURITI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (CSOSH)

## *9 SEPTEMBER 2020 - CERTIFIED SECURITY OPERATION, SAFETY AND HEALTH (CSOSH) CERTIFICATE AWARD CEREMONY*



*Aktiviti*

# MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL KURSUS CERTIFIED SECURITY OPERATION, SAFETY & HEALTH (CSOSH) SIRI 1/2020

**Bandar Baru Bangi: 9 September 2020** - Menteri Sumber Manusia, YB Datuk Seri M. Saravanan telah menyempurnakan majlis penyampaian Sijil Kursus Certified Security Operation, Safety & Health (CSOSH) Siri 1/2020 di Dewan Tan Sri Lee Lam Thye.

Seramai 93 pelatih berjaya menamatkan Kursus CSOSH dan layak dianugerahkan sijil yang berkenaan. Program kerjasama NIOSH dengan DNS Security ini adalah untuk memberikan latihan tambah nilai kepada pengawal keselamatan mereka, ini bagi memberikan mereka ilmu pengetahuan tambahan yang akan memberi manfaat kepada mereka semasa mereka melakukan tugasan.

Program seumpama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada peserta tetapi juga kepada majikan mereka kelak. Peserta yang terlibat berupaya untuk membantu majikan dalam aspek keselamatan harta benda serta aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Kerjasama strategik antara NIOSH dan DNS Security dengan sokongan dari Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) membolehkan inisiatif ini menjadi realiti. Sebagai agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM), NIOSH dan PSMB mengambil langkah yang bijak dan proaktif dengan pelaksanaan program seumpama ini. Ini adalah selaras dengan dasar dan polisi kerajaan di dalam membangunkan sumber manusia di dalam negara.

Majlis ini juga turut dihadiri oleh YBhg Datuk Jamil Rakon, Ketua Setiausaha KSM; YBhg Tuan A. Maniam, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa) KSM; YB Senator Datuk T. Mohan, Naib Pengerusi NIOSH; YBhg Dato' Nelson Renganathan, Pengerusi PSMB; YBrs Hj Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH; YBrs En. Shahul Hameed Dawood, Ketua Eksekutif PSMB dan En. Mohd Jailani Dawood Ibrahim, Pengarah DNS Security Sdn Bhd.

NIOSH Malaysia Newsletter | **September 2020** 15

## 12 SEPTEMBER 2020 - KARNIVAL PENJANA KERJAYA HULU SELANGOR KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ANJURAN BERSAMA PERKESO DAN NIOSH

## *12 SEPTEMBER 2020 - HULU SELANGOR CAREER CARNIVAL JOINTLY ORGANISED BY THE MINISTRY OF HUMAN RESOURCES, PERKESO AND NIOSH*



*Aktiviti*

# LAWATAN KERJA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA KE SABAH

**Sandakan, Sabah: 5 September 2020** - NIOSH menyertai lawatan kerja Kementerian Sumber Manusia di Kota Kinabatangan dan Sandakan, Sabah yang diketuai oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia; dan YB Tuan Haji Awang Bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia.

# KARNIVAL PENJANAKERJAYA KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**Pada 12 September 2020** telah berlangsung Karnival PenjanaKerjaya Kementerian Sumber Manusia. Anjuran bersama NIOSH-PERKESO. Karnival ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kadar kebolehpekerjaan dalam kalangan masyarakat yang terjejas akibat pandemik COVID-19 dan terbuka kepada lepasan SPM, graduan Diploma serta Sarjana Muda. Karnival ini disertai oleh pelbagai jenis majikan yang berdaftar dengan PERKESO dan sebanyak 2,000 kekosongan jawatan akan ditawarkan pada hari tersebut. Karnival ini akan diadakan seperti maklumat berikut:

Tarikh : 12 September 2020 (Sabtu)
Masa : 9.00 Pagi - 4.30 Petang
Tempat : Dewan Dato' Abd Hamid, Batang Kali, Hulu Selangor

*Perhatian kepada yang HADIR*

1. Sila Patuhi SOP yang ditetapkan dan WAJIB memakai pelitup muka.
2. Calon yang hadir perlu membawa Resume/ Sijil yang berkaitan serta berpakaian yang sesuai bagi menghadiri sesi temuduga.
3. Calon yang berminat untuk menghadiri sesi temuduga digalakkan untuk membuat pra-pendaftaran di **https://careerfair.perkeso.gov.my/**

*SEMUA DIJEMPUT HADIR*

# MINI KARNIVAL KERJAYA PERINGKAT LIBARAN

**Pada 7 September 2020** - NIOSH bersama dengan jabatan dan agensi Kementerian Sumber Manusia turut serta dalam program Mini Karnival Kerjaya Peringkat Libaran. Program yang di ketuai oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia ini diadakan di SMK Gum-Gum, Sandakan.

Mini Karnival ini bertujuan untuk membawa perkhidmatan Jabatan & Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia ke kawasan-kawasan terpencil di samping memberi penerangan mengenai fungsi Jabatan & Agensi di bawah KSM. Hadir sama YB Tuan Haji Awang bin Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia dan Pengurusan Tertinggi KSM.

12 NIOSH Malaysia Newsletter | **September 2020**

## 23 MAC 2020 - NIOSH TERIMA ANUGERAH "THE BRANDLAUREATE WORLD BESTBRANDS AWARDS: SMES BRANDS OF THE DECADE 2019 - 2020"

## *23 MARCH 2020 - NIOSH RECEIVED THE AWARD "THE BRANDLAUREATE WORLD BESTBRANDS AWARDS: SMES BRANDS OF THE DECADE 2019-2020"*



*Activities*

### SEMINAR 'MENGENALPASTI RUANG TERKURUNG DI TEMPAT KERJA'

Bandar Baru Bangi: 04 Mac 2020, NIOSH menganjurkan seminar bertajuk 'Mengenalpasti Ruang Terkurung Di Tempat Kerja'. Seminar ini dianjurkan adalah bertujuan memberi pendedahan kepada pekerja dan majikan mengenai ruang terkurung. Ruang terkurung bermaksud ruang tertutup atau separa tertutup yang berada pada tekanan atmosfera semasa dihuni dan tidak direkabentuk terutamanya sebagai tempat kerja. Terdapat beberapa jenis ruang terkurung yang merbahaya jika masuk tanpa pengawasan seperti peti besi, tangki, tong penyimpanan, lubang, silo, saluran paip dan sebagainya.

Seramai 100 peserta menyertai seminar yang dianjurkan pada pagi hari tersebut. Seminar separuh hari itu telah disampaikan oleh Encik Dinie Iqbal Minhat sebagai Resident Trainer NIOSH. Diharap seminar yang dianjurkan itu dapat memberi ilmu dan pengetahuan yang berguna kepada peserta yang menghadiri seminar tersebut. Seminar ini adalah sekadar perkongsian informasi oleh panel berpengalaman berkaitan ilmu pengetahuan dalam OSH kepada umum.

### NIOSH TERIMA ANUGERAH "THE BRANDLAUREATE WORLD BESTBRANDS AWARDS: SMES BRANDS OF THE DECADE 2019-2020"

The BrandLaureate telah menganugerahkan Rakaniaga Strategik Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana kepada NIOSH di The BrandLaureate World Bestbrands Awards: SMEs Brands Of The Decade 2019-2020. Majlis anugerah ini adalah bagi memberikan penghargaan kepada pemain industri yang berjaya di dalam perniagaan masing-masing dengan menjadikan jenama mereka dikenali di dalam dan luar negara.

NIOSH diberikan anugerah tersebut sebagai rakan strategik kepada indusri kecil dan sederhana kerana menjadi agensi kerajaan yang membantu pemain industri menjalankan aktiviti perniagaan hingga mencipta jenama mereka dengan cemerlang.

8 NIOSH Malaysia Newsletter | March 2020

## 4 MAC 2020 - SEMINAR PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 KEPADA SEKTOR AWAM PERINGKAT NEGERI SABAH

## *4 MARCH 2020 - COMPLIANCE TO THE OSH ACT OF 1994 STATE LEVEL SEMINAR FOR THE PUBLIC SECTOR IN SABAH*

*Activities*

### SEMINAR PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 KEPADA SEKTOR AWAM PERINGKAT NEGERI SABAH

Kota Kinabalu: 4 Mac 2020, Seminar Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 kepada Sektor Awam dirasmikan oleh YBhg Datuk Nor Aisah Mohd Yusof, Timbalan Peguam Besar, Pejabat Peguam Besar Negeri Sabah bertempat di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah.



Objektif seminar ini adalah bagi memberikan penerangan dan pemahaman kepada penjawat awam atau kakitangan kerajaan berkenaan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau juga dikenali sebagai KKP. Pihak kerajaan akan berusaha memastikan persekitaran kerja yang selamat, kondusif dan disokong oleh amalan KKP yang sistematik. Komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak akan menjadi pemangkin kepada hala tuju pembangunan KKP di Malaysia demi menghadapi cabaran ekonomi global dan peningkatan produktiviti.



Turut hadir sebagai tetamu jemputan adalah Pengarah PERKESO Negeri Sabah, Pengarah JKKP Negeri Sabah, Pengarah ILP Kota Kinabalu, Timbalan Pengarah JTK Negeri Sabah, Timbalan Pengarah JHEKS, Timbalan Pengarah JPK, wakil PSMB & Pengurus PTPK Negeri Sabah.



NIOSH Malaysia Newsletter | **March 2020** 9

## 3 MAC 2020 - SEMINAR PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 KEPADA SEKTOR AWAM PERINGKAT NEGERI SARAWAK

## *3 MARCH 2020 - STATE LEVEL SEMINAR ON OSH COMPLIANCE ACT OF 1994 FOR THE PUBLIC SECTOR IN SARAWAK*



*Activities*

### SEMINAR PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 KEPADA SEKTOR AWAM PERINGKAT NEGERI SARAWAK

Kuching: 3 Mac 2020, NIOSH telah menganjurkan Seminar Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 kepada Sektor Awam. Seminar tersebut dirasmikan oleh YBhg Datu Ik Pahon Anak Joyik, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak (Transformasi Luar Bandar) bertempat di Hotel Pullman, Kuching.

Objektif seminar ini adalah bagi memberikan penerangan dan pemahaman kepada penjawat awam atau kakitangan kerajaan berkenaan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau juga dikenali sebagai KKP. Pihak kerajaan akan berusaha memastikan persekitaran kerja yang selamat, kondusif dan disokong oleh amalan KKP yang sistematik. Komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak akan menjadi pemangkin kepada hala tuju pembangunan KKP di Malaysia demi menghadapi cabaran ekonomi global dan peningkatan produktiviti.

Turut hadir adalah Pengarah PERKESO Negeri Sarawak, wakil JTK Negeri Sarawak, wakil Mahkamah Perusahaan, wakil ILP Kota Samarahan dan wakil Jabatan Perhubungan Perusahaan Negeri Sarawak.

10 NIOSH Malaysia Newsletter | **March 2020**

## 4 OGOS 2020 - SEMINAR PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 KEPADA SEKTOR AWAM DI JOHOR

## *4 AUGUST 2020 - STATE LEVEL SEMINAR ON OSH COMPLIANCE ACT OF 1994 FOR THE PUBLIC SECTOR IN JOHOR*

## 6 OGOS 2020 - SEMINAR PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 KEPADA SEKTOR AWAM DI MELAKA

## *6 AUGUST 2020 - STATE LEVEL SEMINAR ON OSH COMPLIANCE ACT OF 1994 FOR THE PUBLIC SECTOR IN MALACCA*

## 11 OGOS 2020 - SEMINAR PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 KEPADA SEKTOR AWAM DI PULAU PINANG

## *11 AUGUST 2020 - STATE LEVEL SEMINAR ON OSH COMPLIANCE ACT OF 1994 FOR THE PUBLIC SECTOR IN PENANG*

## 13 OGOS 2020 - SEMINAR PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 KEPADA SEKTOR AWAM DI PERAK

## *13 AUGUST 2020 - STATE LEVEL SEMINAR ON OSH COMPLIANCE ACT OF 1994 FOR THE PUBLIC SECTOR IN PERAK*



*Aktiviti*

### SEMINAR PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 KEPADA SEKTOR AWAM DI WILAYAH UTARA

**Pulau Pinang: 11 Ogos 2020** - Berlangsung Seminar Pematuhan Akta KKP kepada Sektor Awam yang dijalankan di Hotel The Wembley, Pulau Pinang. Majlis Perasmian telah dirasmikan oleh Yang Dihormati Ahmad Rizal Mohd Hanafiah, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Pulau Pinang. Pada majlis tersebut, Khairunnizam Mustapa, Pengurus Besar *Education and Training Department & Regional Office (ETDRO)* telah menyampaikan Ucapan Aluan bagi mewakili pihak Pengurusan Atasan NIOSH.

Turut hadir adalah Tuan Haji Jaafar Haji Leman, Pengarah JKKP Negeri Pulau Pinang serta Chiam Hong Lan, Timbalan Pengarah PERKESO. Topik 1 & 2 disampaikan oleh Eksekutif *Northern Regional Office (Penang)-NRO*, Wan Nahar, topik 3 disampaikan oleh Tenaga Pengajar Dalaman NRO, Fakhrul Razi dan Topik 4 disampaikan oleh Pengurus NRO, Rosliza Osman. Penyertaan seminar ini mencatatkan kehadiran peserta seramai 77 orang.

**Ipoh Perak: 13 Ogos 2020** – Telah berlangsung Seminar bertajuk *Empowering OSH In Industry* di Hotel Impiana, Ipoh, Perak. Yuran bagi seminar ini adalah sebanyak RM 120/pax dengan kehadiran peserta adalah seramai 45 orang.

Topik 1 dan 2 disampaikan oleh Pakar Teknikal ETDRO, Ruzita Shariff, Topik 3 disampaikan oleh Pegawai SOCSO dan Topik 4 disampaikan oleh Pegawai NIOSH Certification Sdn Bhd (NCSB), Ahmad Shafiq Muhammad.

Pihak Sekretariat dan Hotel bekerjasama bagi memastikan pematuhan terhadap SOP COVID-19 di kalangan peserta yang hadir. Penjarakan Fizikal dan pematuhan SOP COVID-19 amat diutamakan dalam norma baharu penganjuran seminar pada kali ini. Semoga semua yang terlibat dalam seminar ini dilindungi serta dapat dihindari dari penularan COVID-19 yang sedang melanda Negara.

### SEMINAR PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 KEPADA SEKTOR AWAM DI WILAYAH SELATAN

**Johor Bahru: 04 Ogos 2020-** Seminar Pengenalan Pematuhan Khas Akta KKP 1994 kepada Sektor Awam dalam suasana norma baharu berlangsung di Mutiara Hotel Johor Bahru. Inisiatif ini adalah salah satu komitmen NIOSH di dalam membantu sektor awam bagi memperkasakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Seminar bersiri ini adalah siri ke 5 setelah bersambung selepas ditangguhkan akibat pandemik COVID-19.

Bermula di Kuantan, Pahang; Kota Bharu, Kelantan; Kuching, Sarawak dan Kota Kinabalu di Sabah, jelajah seminar ini adalah bagi memupuk kesedaran di kalangan penjawat awam perihal pentingnya mengurus tempat kerja dari elemen risiko dan bahaya pekerjaan. Siri jelajah seminar ini diadakan di Melaka dan Pulau Pinang.

Norma baharu bagi penganjuran seminar kali ini dengan menghadkan kehadiran peserta seramai 70 orang. Seminar ini disampaikan oleh Pengurus Besar Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD) NIOSH iaitu Khairunnizam Mustapa menjadi pembentang bagi Topik 1 & 2 manakala Pengurus NIOSH *Southern Regional Office (Johor Bahru)-SRO,* Haji Muhammad Zaeem Mokhtar menyampaikan Topik 3 dan Eksekutif NIOSH SRO Ummu Sufiah menyampaikan topik 4.

Pada tarikh yang sama turut menganjurkan seminar bertajuk *Empowering OSH In Industry* yang berlangsung di Dewan Sri Johor, NIOSH Wilayah Selatan, Johor Bahru. Yuran bagi seminar ini adalah sebanyak RM 120/pax dengan kehadiran peserta adalah seramai 50 orang.

Topik 1 disampaikan oleh Pegawai PSMB, Topik 2 disampaikan oleh Pengurus NIOSH SRO Haji Muhammad Zaeem Mokhtar, Topik 3 pula disampaikan oleh Pegawai SOCSO dan Topik 4 disampaikan oleh Eksekutif NIOSH SRO, Zuhairah Jamil.

**Pada 6 Ogos 2020** berlangsung Seminar Pengenalan Pematuhan Akta KKP 1994 kepada Sektor Awam di Hotel Hatten, Melaka. Kehadiran peserta adalah seramai 71 orang. Penyertaan seminar kali ini disertai oleh peserta daripada Pejabat D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Mahkamah Negeri Melaka, Pengetua dari Sekolah Menengah Kebangsaan sekitar Johor, Melaka dan Negeri Sembilan, Pengetua MRSM, Institut Perguruan serta Jabatan Kerajaan yang lain.

Seminar ini disampaikan oleh Pengurus NIOSH SRO Tuan Haji Muhammad Zaeem Mokhtar dengan topik 1 & 2 dan Eksekutif NIOSH Melaka iaitu Mohd Kashfullah Razali menyampaikan topik 3 & 4.

Pihak Sekretariat dan Hotel bekerjasama bagi memastikan pematuhan terhadap SOP COVID-19 di kalangan peserta yang hadir. Penjarakan Fizikal dan pematuhan SOP COVID-19 amat diutamakan dalam norma baharu penganjuran seminar pada kali ini. Semoga semua yang terlibat dalam seminar ini dilindungi serta dapat dihindari dari penularan COVID-19 yang sedang melanda Negara.

14 NIOSH Malaysia Newsletter | **August 2020**

## 6 OKTOBER 2020 - MAJLIS PELANCARAN PASPORT KESELAMATAN MINYAK DAN GAS (OGSP)

## *6 OCTOBER 2020 - LAUNCHING CEREMONY FOR OIL AND GAS SAFETY PASSPORT (OGSP)*



Aktiviti

MAJLIS PELANCARAN PASPORT OIL & GAS SAFETY (OGSP)

**6 Oktober 2020 -** Sekitar Kunjungan Hormat & Majlis Pelancaran Program Pasport Oil & Gas Safety (OGSP) - Program Latihan dipertingkatkan OGSP yang telah diadakan di Kementerian Sumber Manusia (KSM). Majlis telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia. Majlis diadakan secara *"live streaming"* di facebook NIOSH.

Majlis turut disertai oleh dif-dif kehormat serta wakil-wakil daripada PETRONAS, SHELL & PETRON.



AKTIVITI KHIDMAT RUNDINGAN CHEMICAL EXPOSURE MONITORING (CEM) DI NATIONAL PHARMACEUTICAL REGULATORY AGENCY (NPRA)

**7 Oktober 2020:** Menjalankan aktiviti khidmat rundingan *Chemical Exposure Monitoring (CEM) di National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA).*

NIOSH Malaysia Newsletter | **October 2020** 9

**25 JUN 2020 - MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) ANTARA NIOSH DAN MITSUBISHI MOTORS MALAYSIA SDN. BHD.**

***25 JUNE 2020 - MEMORANDUM OF UNDERSTANDING (MOU) SIGNING CEREMONY BETWEEN NIOSH AND MITSUBISHI MOTORS MALAYSIA SDN. BHD.***

**27 JUN 2020 - KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT TIMBALAN KETUA MENTERI MERANGKAP MENTERI INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN SARAWAK**

***27 JUNE 2020 - HONOURABLE VISIT TO THE OFFICE OF THE DEPUTY STATE MINISTER OF SARAWAK CUM THE MINISTER OF INFRASTRUCTURE AND DEVELOPMENT OF THE PORT OF SARAWAK***



Aktiviti

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) ANTARA NIOSH DAN MITSUBISHI MOTORS MALAYSIA SDN BHD

Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara NIOSH dan Mitsubishi Motors Malaysia Sdn Bhd telah berlangsung pada 25 Jun 2020 di Bilik Pameran, Menara NIOSH, NIOSH Bangi, Selangor jam 3.00 petang. Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan taklimat keselamatan dan majlis bermula dengan ucapan aluan yang disampaikan oleh Pengarah Eksekutif NIOSH iatu Tuan Haji Ayop Salleh.

Pada pukul 3.15 petang ucapan daripada Naib Presiden Kanan Mitsubishi Motors Malaysia Sdn Bhd - Arba bin Abd Rahman. Selepas tayangan video, sesi menandatangani memorandum persefahaman diadakan dan diakhiri dengan sesi bergambar dan penyampaian cenderahati dari kedua-dua pihak.

KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT TIMBALAN KETUA MENTERI MERANGKAP MENTERI INFRASTRUKTUR DAN PEMBANGUNAN PELABUHAN SARAWAK

KUCHING (27 JUN 2020) – Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat YB Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut Anak Masing, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak.

Delegasi NIOSH di ketuai oleh Pengerusi NIOSH, YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong yang juga Ahli Parlimen bagi kawasan Hulu Rajang, Sarawak. Turut serta bersama rombongan NIOSH adalah Naib Pengerusi, YB Senator Datuk T. Mohan; Pengarah Eksekutif, Hj. Ayop Salleh; Setiausaha Eksekutif, Mejar Hj. Hanif Maidin (B) serta beberapa orang pegawai.

Kunjungan hormat ini bertujuan untuk memperkenalkan NIOSH kepada YB Tan Sri dan memaklumkan bahawa NIOSH bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam memastikan pengurusan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

14 NIOSH Malaysia Newsletter | June 2020

## 18 OGOS 2020 - NIOSH MENANDATANGANI SURAT SETUJU TERIMA PELANTIKAN DENGAN PERBADANAN PEMBANGUNAN PETROLEUM JOHOR (JPDC)

## *18 AUGUST 2020 - NIOSH SIGNS A LETTER OF APPOINTMENT WITH JOHOR PETROLEUM DEVELOPMENT CORPORATION (JPDC)*

*Aktiviti*

### NIOSH MENANDATANGANI *LETTER OF APPOINTMENT* DENGAN JOHOR PETROLEUM DEVELOPMENT CORPORATION (JPDC)



Bandar Baru Bangi : 18 Ogos 2020 - NIOSH telah menandatangani Letter of Appointment dari Johor Petroleum Development Corporation (JPDC) bagi melaksanakan pelbagai jenis latihan persijilan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Program latihan ini akan dijalankan oleh NIOSH Wilayah Selatan (Johor Bahru) yang akan memberikan manfaat kepada warga negeri Johor. Kerjasama strategik kedua-dua organisasi ini akan diperluaskan lagi kepada pelbagai program pembangunan sumber manusia. Sebagai sebuah agensi milik kerajaan, NIOSH dan JPDC mengambil langkah proaktif di dalam merealisasikan peranan kerajaan di dalam melahirkan tenaga kerja mahir semasa dan masa depan.

Majlis ini dihadiri oleh Pengarah Eksekutif NIOSH, Hj. Ayop Salleh dan En. Shamsul Nizam Abdul Rahman, JPDC Senior Associate Industrial Manpower. Turut hadir adalah Mejar Hj. Hanif Maidin (B), Setiausaha Eksekutif NIOSH; En. Khairunizam Mustapha, Pengurus Besar, Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRDD) NIOSH dan pegawai-pegawai NIOSH.



NIOSH Malaysia Newsletter | **August 2020** 13

## 6 MAC 2020 - MAJLIS PELANCARAN PASPORT KESELAMATAN AIR SELANGOR

## *6 MARCH 2020 - LAUNCHING CEREMONY OF SAFETY PASSPORT FOR AIR SELANGOR*

*Activities*

# MAJLIS PELANCARAN PASSPORT KESELAMATAN AIR SELANGOR

Putrajaya: 6 Mac 2020, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dengan kerjasama Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) membangunkan Program Pasport Keselamatan Air Selangor bagi memastikan kontraktor yang berdaftar dengan Air Selangor mematuhi peraturan keperluan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



Majlis pelancaran Passport Keselamatan Air Selangor telah dirasmikan oleh Encik Suhaimi Kamaralzaman, Ketua Pegawai Eksekutif Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd bertempat di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih, Presint 19, Putrajaya. Majlis tersebut dihadiri oleh Pengarah Eksekutif NIOSH, Hj Ayop Salleh bersama wakil pengurusan Air Selangor dan wakil syarikat kontraktor Air Selangor Sdn Bhd.











NIOSH Malaysia Newsletter | **March 2020** 11





# PEJABAT-PEJABAT WILAYAH

## *REGIONAL OFFICES*

# AKTIVITI PEJABAT WILAYAH PANTAI TIMUR PADA TAHUN 2020

# *EAST COAST REGIONAL OFFICE ACTIVITIES FOR THE YEAR 2020*

## PEJABAT WILAYAH PANTAI TIMUR, KERTEH (ECRO-KTH)

## *EAST COAST REGIONAL OFFICE, KERTEH (ECRO-KTH)*

| Tarikh<br>*Date* | 28 Januari 2020<br>*28 January 2020* | Program<br>*Programme* | Seminar Kerja Selamat Di Ladang<br>*Work Safety Seminar for Farms* | Tempat<br>*Venue* | Kesedar Hotel & Tour, Terengganu |
|---|---|---|---|---|---|

- Seminar anjuran Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR dengan penyertaan seramai 50 orang para majikan dan pekerja.
- Objektif seminar itu bertujuan memberi kesedaran kepada pekerja dan majikan dalam sektor perladangan mengenai kepentingan pencegahan kemalangan yang biasa berlaku di tempat kerja serta kepentingan pengenalpastian bahaya di dalam sektor perladangan.
- Seminar ini dirasmikan oleh pihak pengurusan KESEDAR.

- *The Seminar was jointly organised by NIOSH and the South Kelantan Development Board KESEDAR. The event was attended by 50 employers and employees from the farming industry.*
- *The objective of the seminar was to instill awareness to employers and employees in the farming sector so as to reduce accident risks and to identify possible hazards that could occur in the work area.*
- *The management of KESEDAR officiated this event.*





**Seminar anjuran Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) disertai dalam 50 orang para majikan dan pekerja.**
*Seminar organised by NIOSH in collaboration with KESEDAR (South Kelantan Development Board) was attended by 50 employers and employees.*

| **Tarikh** *Date* | 18 Julai 2020 *18 July 2020* | **Program** *Programme* | Majlis Lawatan Rasmi Pengerusi NIOSH Malaysia, YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong ke ECRO-KTH *Official Visit of NIOSH Chairman YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong to ECRO-KTH* | **Tempat** *Venue* | ECRO-KTH |
|---|---|---|---|---|---|

- Satu Majlis Lawatan Rasmi telah diadakan pada 18 Julai 2020 oleh Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong ke Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh), ECRO-KTH
- Lawatan ulung suai kenal Pengerusi NIOSH Malaysia, YB. Datuk Wilson Ugak anak Kumbong di Kampus Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh) selepas selesai sesi lawatan pertama di Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) pada 17 Julai 2020. Lawatan ini turut diringi oleh Pengarah Eksekutif NIOSH, Tn. Hj. Ayop Salleh dan Setiausaha Eksekutif NIOSH, Mejar Hj. Hanif Maidin (B).
- Lawatan kerja ini telah disambut oleh Pengurus Pejabat Wilayah Pantai Timur, En. Hisyamuddin Mohamad dan warga kerja Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh), ECRO-KTH.
- Lawatan ulung ini telah diisi dengan sesi taklimat berkenaan operasi serta pelan pembangunan Kampus Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh), ECRO-KTH dan sesi perjumpaan bersama warga kerja Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh), ECRO-KTH.

- *A ceremony was organised to welcome the official visit of YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH Malaysia to ECRO-KTH*
- *The visit was part of YB Datuk's series of official visits to NIOSH East Coast Regional Offices. Prior to Kerteh, YB Datuk was in Kota Bharu on 17 July 2020. Accompanying him were NIOSH senior management Tn. Hj. Ayop Salleh (Executive Director) and Major Hj. Hanif Maidin (Rtd) (Executive Secretary).*
- *Mr. Hisyamuddin Mohamad (Manager, ECRO) and staff members of ECRO-KTH welcomed the visit of YB Datuk and members of the senior management.*
- *The event agenda included a briefing on the operations and development plans for ECRO-KTH Campus, and a gathering with staff members from ECRO-KTH.*

- **Sesi bergambar Pengerusi NIOSH Malaysia, YB. Datuk Wilson Ugak anak Kumbong di Kampus Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh) bersama Pengarah Eksekutif NIOSH, Tn. Hj. Ayop Salleh dan Setiausaha Eksekutif NIOSH, Mejar Hj. Hanif Maidin (B), Pengurus Pejabat Wilayah Pantai Timur, En. Hisyamuddin Mohamad dan warga kerja NIOSH Wilayah Pantai Timur - Kerteh (ECRO-KTH).**
*Photo session with Chairman of NIOSH, YB. Datuk Wilson Ugak anak Kumbong at the ECRO Kerteh Campus; with Executive Director of NIOSH, Tn. Hj. Ayop Salleh; Executive Secretary of NIOSH, Major Hj. Hanif Maidin (Rtd); Manager of ECRO, Mr. Hisyamuddin Mohamad; and employees of ECRO Kerteh.*



**Lawatan ulung suai kenal Pengerusi NIOSH Malaysia, YB. Datuk Wilson Ugak anak Kumbong di Kampus Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh) turut diringi oleh Pengarah Eksekutif NIOSH, Tn. Hj. Ayop Salleh dan Setiausaha Eksekutif NIOSH, Mejar Hj. Hanif Maidin (B).**
*YB. Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH getting acquainted with the ECRO Kerteh Campus and its staff. YB is accompanied by Executive Director of NIOSH, Tn. Hj. Ayop Salleh; and, Executive Secretary of NIOSH, Major Hj. Hanif Maidin (Rtd).*



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | **23 - 24 November & 7 - 8 Disember 2020** *23 - 24 November & 7 - 8 December 2020* | **Program** *Programme* | **Bengkel Bimbingan Asas KKP Geran PERKESO** *OSH Basic Counseling Workshop (with grants from PERKESO)* | **Tempat** *Venue* | **Semantan Otomobil (PERODUA), Jerantut, Pahang & iSHARP Sdn. Bhd., Setiu, Terengganu** |

- 23 - 24 November 2020 - 3 pegawai Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh) ECRO-KTH telah menjalankan Bengkel Bimbingan Asas Pengurusan KKP di Semantan Otomobil (Pusat Servis PERODUA) di Jerantut, Pahang.
- 7 - 8 Disember 2020 - 3 orang pegawai Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh) ECRO-KTH telah menjalankan Bengkel Bimbingan Asas Pengurusan KKP di Kolam Udang, Setiu, Terengganu.
- Program ini berjalan selama 2 hari dan merupakan bengkel bimbingan asas membantu pihak industri bagi kesemua sektor dalam membangunkan KKP di tempat kerja masing-masing seperti pembangunan Jawatankuasa Keselamatan, HIRARC dan Pelan Tindakan Kecemasan (ERP).
- Program dibawah geran PERKESO ini telah berjaya memberi kesedaran kepada para majikan serta pekerja tentang kepentingan isu KKP di dalam Malaysia.
- Program adalah dibawah kendalian CMC Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh), ECRO-KTH.

- *23 - 24 November 2020 - three officers from ECRO-KTH conducted an OSH Management and Basic Counseling Workshop at the Semantan Otomobil (PERODUA Service Centre) in Jerantut, Pahang.*
- *7 - 8 December 2020 - three officers from ECRO-KTH conducted an OSH Management and Basic Counseling Workshop at Kolam Udang, Setiu, Terengganu.*
- *The programme was held for 2 days. Its aim was to assist and provide a counseling workshop for all industry sectors that would encourage OSH at the workplace. For example, organising Safety Committees, HIRARC and Emergency Response Plan (ERP).*
- *PERKESO provided the grant for this programme. It successfully drew attention and awareness from employers and employees alike on the importance of OSH issues in Malaysia.*
- *The programme was overseen by CMC of ERCO-KTH.*






**3 Pegawai Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh), ECRO-KTH telah menjalankan Bengkel Bimbingan Asas Pengurusan KKP (Perodua Servis) untuk Semantan Otomobil di Jerantut, Pahang.**
*3 officers from ECRO Kerteh conducting the OSH Fundamentals of Management Workshop for Perodua Automobile Servicing at the Semantan Otomobil in Jerantut, Pahang.*

**3 orang Pegawai Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh) ECRO-KTH telah menjalankan Bengkel Bimbingan Asas Pengurusan KKP di Kolam Udang, Setiu, Terengganu dengan beberapa orang pekerja dan majikan di premis iSHARP.**
*3 officers from ECRO Kerteh conducting the OSH Fundamentals of Management Workshop at the Kolam Udang, Setiu, Terengganu for employer and employees.*



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | **2 Disember 2020** *2 December 2020* | **Program** *Programme* | **Seminar NIOSH Atas Talian - Pengenalan Kepada Komunikasi Kebahayaan: Lembaran Data Keselamatan (SDS)** *NIOSH Online Seminar - Introduction To Hazard Communication - Safety Data Sheets (SDS)* | **Tempat** *Venue* | **ECRO-KTH** |

- NIOSH HQ dengan kerjasama Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh) ECRO-KTH telah menganjurkan SEMINAR Online secara percuma kepada orang awam melalui siaran langsung Facebook Live.

- *This was a conjoint effort between NIOSH headquarters Bangi and ERCO-KTH to organise a free online seminar for the public. It was broadcast on Facebook Live.*

- Seminar percuma ini berjaya memberi input kepada orang awam terutamanya industri berkenaan kepentingan Komunikasi Kebahayaan melalui SDS di tempat kerja.
- Seminar ini merupakan salah satu CSR NIOSH kepada pihak industri semua sektor melalui siaran langsung Facebook Live.
- Seminar ini telah disampaikan oleh En. Md. Alfie Syahreen Haris, Executive for Training Programme, Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh) ECRO-KTH dengan kerjasama NIOSH HQ.

- *The seminar was successful in providing information to the public regarding the presence of Hazard Communication in SDS at the workplace.*
- *This event was a CSR project by NIOSH for all sectors of the industry and it was broadcast live on Facebook.*
- *It was led by Mr. Md. Alfie Syahreen Haris , Executive for Training Programmes, ECRO-KTH with the support of NIOSH headquarters in Bangi.*







**Seminar atas talian secara percuma anjuran Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) melalui platform Facebook Live disampaikan oleh Pegawai Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh) ECRO-KTH, En. Md Alfie Syahreen Haris merupakan salah satu CSR NIOSH kepada orang awam kepentingan KKP di tempat kerja.**
*A free online seminar organised by NIOSH and broadcast on Facebook Live. Conducted by Mr. Md Alfie Syahreen Haris, an officer at ECRO Kerteh. This seminar was a CSR project by NIOSH for the public on the importance of OSH at the workplace.*

## PEJABAT WILAYAH PANTAI TIMUR, KUANTAN (ECRO-KTN)

## *EAST COAST REGIONAL OFFICE, KUANTAN (ECRO-KTN)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 24 Februari 2020 *24 February 2020* | **Program** *Programme* | Seminar Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 kepada Sektor Awam *Seminar on Compliance to OSH Act of 1994 for the Public Sector* | **Tempat** *Venue* | Hotel Swiss Garden,Kuantan, Pahang |

- Majlis Seminar Pengenalan Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 kepada Sektor Awam Negeri Pahang bagi tahun 2020.

- *The seminar was held for the public sector for the state of Pahang for the year 2020*

- Pada majlis ini turut hadir tetamu jemputan iaitu Pengarah-Pengarah agensi. Ucapan pembukaan dan kata-kata aluan telah disampaikan oleh En. Khairunnizam Mustapa. Menarik penyertaan seramai 60 orang peserta telah menghadiri majlis ini terdiri yang daripada wakil-wakil pegawai setiap agensi kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan termasuk wakil dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan badan-badan berkanun kerajaan.

- *Mr. Khairunnizam Mustapa gave the welcoming speech for the seminar's opening ceremony. The event was attended by 60 participants. Directors from various agencies were invited guests. Representatives from state and federal territory agencies were also in attendance. Local authorities and government statuory bodies were present.*






**Ucapan dan kata-kata aluan berkaitan dengan seminar pengenalan Pematuhan Akta KKP 1994 disampaikan oleh Pengurus Besar ETD and RO, En. Khairunnizam Mustapa.**
*Mr. Khairunnizam Mustapa, General Manager of ETD and RO gave the opening speech for this seminar on Compliance to the OSH Act of 1994.*

| **Tarikh** *Date* | 27 Februari 2020 *27 February 2020* | **Program** *Programme* | Kunjungan Pegawai-Pegawai Polis Pahang ke Premis ECRO-KTN *A Visit from Pahang Police Officers to ERCO-KTN Premises* | **Tempat** *Venue* | ECRO-KTN |
|---|---|---|---|---|---|

Berikutan perpindahan Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kuantan) ke KOTASAS. Pihak NIOSH amat berbesar hati menerima kunjungan dari Tn. DSP Ajit Singh Khalae dan En. Ahmad Khairul Hazman dari Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan. Lawatan bertujuan suai kenal serta menyatakan sokongan kerjasama akan diberikan kepada Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kuantan) ECRO-KTN sepanjang beroperasi.

*NIOSH was greatly pleased to receive a visit from Tn. DSP Ajit Singh Khalae, and Mr. Ahmad Khairul Hazman (from the Crime Prevention and Community Safety Division), both from Police Headquarters Kuantan. They visited ECRO-KTN in KOTASAS. The aim was to be introduced to ECRO-KTN and to extend cooperation to the said regional office.*






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 15 Ogos 2020 *15 August 2020* | **Program** *Programme* | Pameran Jemputan Job Malaysia *Invitation to Job Malaysia Exhibition* | **Tempat** *Venue* | Dewan Jubli Perak, Kuala Lipis, Pahang |

Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kuantan) ECRO-KTN diundang untuk menghadiri sesi pameran disamping turut membolehkan Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kuantan) ECRO-KTN melakukan aktiviti pemasaran produk NIOSH di luar premis dan daerah.

*ECRO-KTN was invited to exhibit at Job Malaysia event. This gave the regional office an opportunity to market NIOSH products and services.*






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh**<br>*Date* | 1 Oktober 2020<br>*1 October 2020* | **Program**<br>*Programme* | Pameran Jemputan PERKESO Pahang<br>*Invitation to PERKESO Pahang Exhibition* | **Tempat**<br>*Venue* | Wisma PERKESO Pahang |

Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kuantan) ECRO-KTN telah dijemput untuk membantu pihak PERKESO dalam majlis yang dilancarkan untuk memberi pencerahan kepada pencarum tentang pengunaan / dana dari pihak PERKESO.

*ECRO-KTN was invited to support an exhibition organised by PERKESO Pahang, and to enlighten visitors regarding PERKESO contributions and funds.*




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh**<br>*Date* | 3 Disember 2020<br>*3 December 2020* | **Program**<br>*Programme* | Seminar KKP - *Amalan Terbaik Untuk Operasi Mengangkat*<br>*OSH Seminar - Best Practise for Lifting Operations* | **Tempat**<br>*Venue* | ECRO-KTN |

- Satu seminar telah dirancang dengan kerjasama NIOSH HQ-TSCD bersama pihak NIOSH Wilayah Pantai Timur (Kuantan) ECRO-KTN
- Seramai 25 peserta telah menghadiri dan sesi praktikal diadakan bersama semasa sesi seminar.
- Program mendapat sambutan baik daripada peserta kerana dimaklumkan seminar ini mendapat suntikan unik kerana terdapat sesi praktikal dilakukan serta tidak pernah dilakukan di sesi seminar yang lain.

- *This seminar was planned in cooperation with NIOSH HQ-TSCD and ERCO-KTN.*
- *A total of 25 participants were in attendance. The seminar included practical sessions that were held simultaneously.*
- *Participants were impressed to have experienced a seminar that incorporated practical sessions alongside lectures.*





**Lawatan ke Alliance Stell (M) Sdn. Bhd. bagi membincangkan kursus-kursus yang akan dijalankan oleh NIOSH Pahang.**
*Visit to Alliance Stell (M) Sdn. Bhd. to discuss courses that are being conducted by NIOSH Pahang.*



**Sesi taklimat pencerahan berkaitan AKKP dan FMA jemputan Paip Pahang.**
*Briefing session an invitation by Paip Pahang to enlighten attendees about AKKP and FMA.*











**YB Pengerusi NIOSH sempat beramah mesra bersama peserta latihan AGTES serta peserta Bekerja Selamat di Tempat Tinggi anjuran Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kuantan) ECRO-KTN.**
*YB Chairman of NIOSH getting acquinted with AGTES Training and Working At Heights participants organised by ECRO Kuantan.*

## PEJABAT WILAYAH PANTAI TIMUR, KOTA BHARU (ECRO-KBH)

## *EAST COAST REGIONAL OFFICE, KOTA BHARU (ECRO-KBH)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 27 Februari 2020 *27 February 2020* | **Program** *Programme* | Seminar Pengenalan Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 kepada Sektor Awam Negeri Kelantan *Seminar on Compliance to OSH Act of 1994 for the Public Sector in Kelantan* | **Tempat** *Venue* | Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan |

- Majlis Seminar Pengenalan Pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) 1994 kepada Sektor Awam Negeri Kelantan bagi tahun 2020.
- Pada majlis ini turut hadir tetamu jemputan iaitu pengarah-pengarah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia Negeri Kelantan.
- Ucapan pembukaan dan kata-kata aluan disampaikan oleh Pengurus Kanan, Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah (ETD&RO), En. Saupi Nazri Mamat dan perasmian disempurnakan oleh Yang Mulia Dato' Hj. Tengku Azmi Hj. Tengku Jaafar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pengurusan).

- *The seminar was held for the public sector for the state of Kelantan for the year 2020.*
- *In attendance were invited guests, directors from various agencies under the umbrella of the Ministry of Human Resources Kelantan.*
- *The opening speech and welcoming address was given by Mr. Saupi Nazri Mamat (Senior Manager, ETD&RO). Following his speech, the ceremony was officiated by YM Dato' Hj. Tengku Azmi Hj. Tengku Jaafar, Deputy Secretary for the State of Kelantan (Management).*

- Seminar ini telah menarik penyertaan seramai 87 orang peserta yang telah menghadiri majlis ini di mana terdiri daripada wakil-wakil pegawai setiap agensi kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan termasuk wakil dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan badan-badan berkanun kerajaan.

- *The seminar had attracted 87 participants including representatives from all agencies of the state government and federal territory, local autorities, and government statuary bodies.*




- **Yang Mulia Dato' Hj. Tengku Azmi Hj. Tengku Jaafar, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (Pengurusan) telah memberikan amanat untuk semua kakitangan sektor awam berkaitan pematuhan Akta KKP 1994 dan merasmikan majlis.**
*Yang Mulia Dato' Hj. Tengku Azmi Hj. Tengku Jaafar, Deputy Secretary of the State of Kelantan (Management) extends a mandate to all public sector employees on the compliance to OSH Act of 1994. He also officiates the event.*




- **Ucapan dan kata-kata aluan berkaitan dengan seminar pengenalan Pematuhan Akta KKP 1994 disampaikan oleh Pengurus Kanan, Jabatan Pendidikan dan Latihan & Pejabat Wilayah NIOSH, En. Saupi Nazri Mamat.**
*Welcome greeting and speech given by Mr. Saupi Nazri Mamat, Senior Manager of Education and Training Department & Regional Offices (ETD&RO), on introduction and compliance to OSH Act of 1994.*



- **Kakitangan awam dari pelbagai agensi kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan,badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan yang hadir pada seminar ini dari seluruh negeri Kelantan.**
*Employees from state and central government agencies, statuary bodies and local authorities from all over Kelantan attend this seminar.*



- **Antara dif-dif tetamu Kehormat yang hadir pada majlis seminar pematuhan Akta KKP Sektor Awam Negeri Kelantan.**
*Honorable guests from the Kelantan public sector attending the seminar on compliance to OSH Act of 1994.*

| **Tarikh** *Date* | 17 Julai 2020 *17 July 2020* | **Program** *Programme* | Majlis lawatan rasmi Pengerusi NIOSH Malaysia, YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong ke ECRO-KBH *Official Visit Ceremony for YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong (Chairman of NIOSH Malaysia) at ECRO-KBH* | **Tempat** *Venue* | ECRO-KBH |
|---|---|---|---|---|---|

- Majlis lawatan rasmi Pengerusi NIOSH Malaysia, Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong ke Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) ECRO-KBH. Lawatan ini turut dihadiri bersama Setiausaha Eksekutif NIOSH Malaysia, Mejar Hj. Hanif Maidin (B) dan Pengurus Wilayah Pantai Timur, En. Hisyamuddin Mohamad serta beberapa pegawai dari Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kerteh) ECRO-KTH dan Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) ECRO-KBH.

- Pada sesi lawatan ini, YB Pengerusi NIOSH turut melihat persediaan dan kesiapsiagaan pejabat operasi NIOSH di Negeri Kelantan bagi memberikan perkhidmatan latihan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang berkualiti dan mencapai tahap yang membanggakan negara kepada rakyat Negeri Kelantan khususnya dan rakyat Malaysia secara amnya sekaligus dapat membantu mengurangkan kadar kemalangan ditempat kerja bagi rakyat Malaysia.

- Ketua Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) ECRO-KBH, En. Mohd Norzaide Ahmad Nordin telah memberikan taklimat semasa sesi lawatan YB Pengerusi NIOSH bagi sesi penerangan latihan yang dijalankan oleh Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) ECRO-KBH dan semua delegasi yang hadir.

- Bersempena dengan tarikh lawatan YB Pengerusi NIOSH telah menetapkan tarikh permulaan operasi bagi Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) ECRO-KBH adalah bermula pada 17 Julai 2020 secara rasmi.

- Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) ECRO-KBH mengucapkan jutaan terima kasih kepada YB Pengerusi NIOSH Malaysia kerana sudi turun padang untuk melihat sendiri keperluan operasi di setiap pejabat NIOSH di Malaysia.

- *Accompanying the Chairman of NIOSH Malaysia for this official visit to ECRO-KBH was Major Hj. Hanif Maidin (Rtd) (Executive Secretary NIOSH Malaysia) and Mr. Hisyamuddin Mohammad (Manager ECRO). Staff members from ECRO-KTH (Kerteh) and ECRO-KBH were also in attendance.*

- *YB Datuk Wilson was toured the well-equipped operations office of NIOSH Kelantan that is aimed at delivering excellent OSH training and thereby, reducing workplace related accidents. In turn, it would be an honourable aspiration for Malaysia and the people of Kelantan.*

- *Mr. Mohd Norzaide Ahmad Nordin (Office Manager for ECRO-KBH), gave a speech during the Chairman's visit. He shared about the training sessions conducted at ECRO-KBH. In attendance were a delegation accompanying YB Chairman Datuk Wilson.*

- *YB Chairman's visit on 17 July 2020 also marked the official date for ECRO-KBH to commence operations.*

- *The management and staff members of ECRO-KBH extended their appreciation to YB Chairman of NIOSH Malaysia for his official visit and seeing to the operational needs of ECRO-KBH.*



Yang Berhormat Datuk Pengerusi NIOSH membuat pemeriksaan saringan suhu dijalankan oleh kakitangan NIOSH ECRO-KBH diiringi oleh Setiausaha Eksekutif NIOSH.
*YB Chairman of NIOSH is given a body temperature check by an employee at ECRO Kota Bahru. He is accompanied by the Executive Secretary of NIOSH.*



Yang Berhormat Datuk Pengerusi NIOSH sedang mendengar taklimat berkaitan perkhidmatan dan operasi latihan yang disampaikan oleh Tuan Pengurus Pejabat Wilayah Pantai Timur dan Ketua Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) sambil diperhatikan oleh Setiausaha Eksekutif NIOSH dan kakitangan NIOSH.
*YB Chairman of NIOSH listens to a briefing by the manager of ECRO and office manager of ECRO Kota Bahru on service and training operations. Looking on is the Executive Secretary of NIOSH and employees of NIOSH.*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 17 Julai 2020 *17 July 2020* | **Program** *Programme* | Majlis lawatan rasmi Pengerusi NIOSH Malaysia, YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong ke UMK *Official Visit Ceremony for YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong (Chairman of NIOSH Malaysia) at UMK* | **Tempat** *Venue* | Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Kota, Chepa, Kota Bharu |

- Majlis lawatan rasmi Pengerusi NIOSH Malaysia, Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan di Pengkalan Chepa. Lawatan rasmi ini telah disambut oleh Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, UMK.

- Pada sesi lawatan ini juga, turut dihadiri bersama Setiausaha Eksekutif NIOSH Malaysia, Mejar Hj. Hanif Maidin (B), Pengarah Pusat Pengurusan Persekitaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (CMeOSH) Universiti Malaysia Kelantan, Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Rasdan Ismail, Pengurus NIOSH Wilayah Pantai Timur, En. Hisyamuddin Mohamad, Ketua Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) ECRO-KBH,

- *YB Datuk Wilson's visit was welcomed by Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob (Deputy Vice Chancellor for Academics and International Relations, UMK).*

- *Accompanying YB Datuk Wilson was Major Hj. Hanif Maidin (Rtd) (Executive Secretary, NIOSH Malaysia); Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Rasdan Ismail (UMK Campus Management for OSH); Mr. Hisyamuddin Mohamad (Manager, NIOSH ECRO-KBH); Mr. Mohd Norzaide Ahmad Nordin; and staff member from NIOSH and UMK.*

En. Mohd Norzaide Ahmad Nordin serta beberapa pegawai dari NIOSH dan UMK.

- Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob telah memberikan kata-kata aluan kemudian dituruti dengan ucapan YB Datuk Pengerusi NIOSH serta penerangan dan tayangan program-program berkaitan KKP yang telah dijalankan oleh bahagian CMeOSH oleh Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Rasdan Ismail.

- *Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob began the ceremony with a welcoming speech. It was followed by YB Datuk Wilson Chairman of NIOSH Malaysia. After which, video presentations on OSH activities organised by CMeOSH were showcased by Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Rasdan Ismail.*




**YB Datuk Pengerusi NIOSH diringi Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, UMK dan Setiausaha Eksekutif serta Pengarah CMeOSH UMK ke dewan mesyuarat.**
*YB Chairman of NIOSH proceeding to the meeting hall is accompanied by Yang Berbahagia Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob, Deputy Vice Chancelor for Academics and International Relations, University Malaysia Kelantan; and, the Executive Secreatary and CMeOSH UMK Director.*



**YB Datuk Pengerusi NIOSH memberikan ucapan penghargaan kepada pihak UMK diatas kerjasama yang baik diberikan.**
*YB Chairman of NIOSH extends his appreciation to the UMK for their warm welcome and cooperation.*




**YB Datuk Pengerusi NIOSH menandatangani buku pelawat sambil disaksikan oleh Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob dan dif-dif kehormat yang hadir.**
*YB Chairman of NIOSH signs the guest book while witnessed by Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob and honourable guests.*




**YB Datuk Pengerusi NIOSH dan Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob serta kakitangan UMK dan NIOSH bergambar kenangan.**
*YB Chairman of NIOSH and Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob with several employees from UMK and NIOSH at a photo session.*

| Tarikh *Date* | 11 Ogos 2020 *11 August 2020* | Program *Programme* | Majlis Graduasi Peserta Kursus *Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO), Kumpulan 1* selepas pembukaan rasmi ECRO-KBH *Graduation Ceremony of the 1st Batch of Registrants for the Safety and Health Officer Course (SHO) after the official opening of ECRO-KBH* | Tempat *Venue* | Hotel Perdana, Kota Bharu |
|---|---|---|---|---|---|

- Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) ECRO-KBH telah menyempurnakan majlis graduasi bagi peserta kursus Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) bagi ambilan sesi pertama sempena pembukaan rasmi Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) ECRO-KBH.
- Majlis penyempurnaan penyampaian Sijil tamat latihan (sijil kehadiran) telah disempurnakan oleh Tuan Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan (JKKP) Negeri Kelantan, Yang Berbahagia, Ir. Abdul Aziz Salim dengan disaksikan oleh Ketua Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) ECRO-KBH, En. Mohd Norzaide Ahmad Nordin.
- Pada sesi ini, seramai 17 peserta dari pelbagai industri telah berjaya menamatkan kursus sebagai Pegawai Keselamatan dan Kesihatan.
- Yang Berbahagia Ir. Abdul Aziz Salim telah memberikan ucapan dan menerangkan peranan yang harus dimainkan oleh SHO apabila berada di industri nanti supaya dapat memartabatkan Kesedaran dan Keselamatan Pekerjaan dikalangan pekerja di semua lapangan industri di Malaysia dapat dijayakan dengan kerjasama SHO yang kompeten dan menghadiri latihan yang betul dan berkesan.

- *The ECRO-KBH held the graduation ceremony for the SHO course on this date. It was the very first intake of participants who graduated successfully. ECRO-KBH took the opportunity to hold this honourable event on the official opening of ECRO-KBH office in Kota Bharu.*
- *The award ceremony was graced by Yang Bahagia Ir. Abdul Aziz Salim (Chairman of DOSH Kelantan) and witnessed by Mr. Mohd Norzaide Ahmad Nordin (Office Manager, ECRO-KBH).*
- *A total of 17 graduates who came from different industries successfully completed the SHO course.*
- *Yang Berbahagia Ir. Abdul Aziz Salim in his speech reiterated the importance of SHO certified employees and the role they are expected to play in the industry and in the workplace. They stand as an example of personnel compliant to OSH in the industry and at the workplace. Furthermore, these graduates are also role models of SHO competency having to be trained by the proper authority.*



**YBhg. Ir. Abdul Aziz Salim, Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri Kelantan telah menyampaikan sijil kehadiran kepada peserta kursus.**
*YBhg. Ir. Abdul Aziz Salim, Director of DOSH Kelantan awarding a certificate of attendance to course participant.*



**Peserta kursus bergambar kenangan bersama dengan Tuan Pengarah JKKP negeri Kelantan selesai majlis penyampaian sijil.**
*Course attendees at a photo session with the Director of DOSH Kelantan (after the award ceremony).*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 13 September 2020 *13 September 2020* | **Program** *Programme* | Lawatan dan perjumpaan YB Timbalan Menteri Sumber Manusia bersama Ketua-Ketua Agensi Kementerian Sumber Manusia di Negeri Kelantan *Visitation by and Gathering with YB Deputy Minister of Human Resources with Heads of Agencies from the Ministry of Human Resources in Kelantan* | **Tempat** *Venue* | New Horizon Garden Restaurant, Kota Bharu |

- Majlis lawatan dan perjumpaan bersama YB Hj. Awang Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia ke Negeri Kelantan.
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia telah meluangkan masa untuk berjumpa dengan ketua-ketua agensi dibawah Kementerian Sumber Manusia di Negeri Kelantan untuk mengeratkan lagi kerjasama, peranan dan fungsi yang dimainkan oleh agensi-agensi dibawah KSM dalam memberikan khidmat terbaik kepada rakyat.
- Turut hadir bersama pada majlis ini adalah Pengarah JKKP Negeri Kelantan selaku Pengerusi Perhubungan Agensi Kementerian Sumber Manusia Negeri Kelantan, Ir. Abdul Aziz Salim.

- *Visitation by and Gathering with YB Deputy Minister of Human Resources, YB Hj. Awang Hashim.*
- *YB graciously spent time to meet heads of agencies from the Ministry of Human Resources in Kelantan. The aim was to foster greater cooperation between the agencies, and to impress upon them the role and function of the agencies to provide excellent service to the people of Kelantan.*
- *Also attending the event was Ir. Abdul Aziz Salim, Director of DOSH Kelantan (who is also the Chairman of Communications for the Ministry of Human Resources, Kelantan).*



Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Hj. Awang Hashim bergambar kenangan bersama dengan ketua-ketua agensi dibawah Kementerian Sumber Manusia Negeri Kelantan.
*Yang Berhormat Deputy Minister of Human Resources, YB Hj. Awang Hashim has a photo session with agency heads from the Ministry of Human Resources Kelantan.*



Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Hj. Awang Hashim diiringi ke lapangan terbang Sultan Ismail Petra ketua-ketua agensi dibawah Kementerian Sumber Manusia Negeri Kelantan sebelum menghadiri sidang Dewan Rakyat di Parlimen.
*Yang Berhormat Deputy Minister of Human Resources, YB Hj. Awang Hashim is accompanied to the Sultan Ismail Petra airport by heads of agencies from the Ministry of Human Resources Kelantan (on his way to attend Dewan Rakyat sitting at Parliment).*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 25 Oktober - 4 November 2020 *25 October - 4 November 2020* | **Program** *Programme* | Program Latihan Kepada *B40 Capacity Building (B40Cab),* Kerjasama antara NIOSH dan HRDF *B40 Capacity Building (B40Cab) Conjoined Training by NIOSH and HRDF* | **Tempat** *Venue* | ECRO-KBH |

- Program latihan kerjasama diantara NIOSH dan PSMB (Perbadanan Sumber Manusia Berhad) bagi memberikan latihan kemahiran dan kompetensi kepada golongan rakyat tergolong dalam kumpulan B40.
- Seramai 25 orang perserta dari seluruh negara telah Berjaya pada sesi temuduga dan menjalani kursus kompetensi selama 22 hari.
- Kursus yang ditawarkan bagi program B40CaB pakej B yang dijalankan di Pejabat Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) ECRO-KBH adalah gabungan 2 kursus kompetensi iaitu kursus Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS) dan kursus kompetensi Bekerja Selamat di Tempat Tinggi (WAH).

- *Conjoined training session between NIOSH and HRDF that provided skills and competencies to the B40 group.*
- *Interview sessions and competency courses were held for 22 days in which 25 participants from around the country were registered.*
- *Courses offered for the B40CaB program (Package B) conducted at the ECRO-KBH is a combination of 2 competency courses namely, Site Safety Supervisor (SSS) course and Work At Heights (WAH) course.*
- *Upon completion of the courses, a graduation ceremony and awarding of certificates event was held. The certificates were awarded by Mr. Hisyamuddin Mohamad (Manager of ECRO-KBH) and Mr. Mohd Norzaide Ahmad Nordin (Office*

- Majlis Graduasi dan penyampaian sijil selepas tamat kursus disampaikan oleh Pengurus Pejabat Wilayah Pantai Timur, En. Hisyamuddin Mohamad dan diiringi Ketua Pejabat NIOSH Wilayah Pantai Timur (Kota Bharu) ECRO-KBH, En. Mohd Norzaide Ahmad Nordin.

- Hasil temuramah calon dan peserta masing-masing mengharapkan NIOSH dan kerajaan dapat menyediakan lagi kursus seperti ini pada masa akan datang bagi memberikan peluang kepada golongan B40 yang lain untuk mendapatkan latihan seperti ini bagi meningkatkan kebolehpasaran di pasaran buruh dan diterima bekerja semula. Rata-rata calon dan peserta mengucapkan terima kasih kepada NIOSH diatas inisiatif yang terbaik ini.

*Manager of ECRO-KBH).*

- *During interview sessions participants expressed the need to have training courses as these in the near future for other B40 communities so as to open windows of opportunities for them. The positive feedback received evidenced the marketability of these courses and having to place job seekers with employment. Participants conveyed their appreciation to NIOSH for an initiative well done.*



**Majlis graduasi dan penyampaian sijil kepada peserta B40CaB kepada peserta telah disempurnakan oleh Pengurus Pejabat Wilayah Pantai Timur, En. Hisyamuddin Mohamad.**
*Graduation ceremony and awarding of certificates to B40CaB participants by Mr. Hisyamuddin Mohamad, Manager for NIOSH ECRO.*




**Seramai 25 peserta yang telah tamat latihan program B40CaB di NIOSH ECRO-KBH bergambar kenangan bersama Tuan Pengurus Pejabat Wilayah Pantai Timur, En. Hisyamuddin Mohamad dan Kakitangan NIOSH ECRO-KBH.**
*A total of 25 participants completed the B40CaB training program at NIOSH ECRO-KBH. Here at a photo session with Mr. Hisyamuddin Muhammad, Manager of ECRO and its employees.*

# AKTIVITI PEJABAT WILAYAH UTARA PADA TAHUN 2020

# *NORTHERN REGIONAL OFFICE ACTIVITIES FOR THE YEAR 2020*

## PEJABAT WILAYAH UTARA, PULAU PINANG (NRO-PNG)

## *NORTHERN REGIONAL OFFICE, PENANG (NRO-PNG)*

| Tarikh *Date* | 3 - 4 Jun 2020 *3 - 4 June 2020* | Program *Programme* | Program Taklimat Induksi KKP NTMSP – PKP *(Permintaan istimewa)* *Induction Programme for OSH NTMSP-PKP (Special Request)* | Tempat *Venue* | TM Bakar Arang, Sungai Petani, Kedah |
|---|---|---|---|---|---|

Kelas ini dijalankan dengan persetujuan pihak Telekom Malaysia (TM) dan juga pihak NIOSH. Program ini di jalankan untuk memberi peluang dan ruang kepada kontraktor TM untuk menjalankan kerja-kerja yang terlibat dengan keadaan yang selamat dan sihat di premis TM.

*An agreement materialised between Telekom Malaysia (TM) and NIOSH NRO-PNG to hold a class wherein, TM contractors had the opportunity to experience working in a safe and hazard free environment at TM premises.*





| Tarikh *Date* | 25 - 26 Julai 2020 *25 - 26 July 2020* | Perkara *Event* | Perpindahan NIOSH ECRO-PNG dari Kompleks Sempilai Jaya, Seberang Jaya ke Bertam, Kepala Batas *Relocation of NIOSH NRO-PNG at Complex Sempilai Jaya, Seberang Jaya to Bertam, Kepala Batas* |
|---|---|---|---|

Pejabat Wilayah Utara (Pulau Pinang) NRO-PNG telah berpindah ke lokasi baru di Kepala Batas dan telah beroperasi sepenuhnya bermula 3 Ogos 2020 dengan alamat seperti berikut:

> **NIOSH Wilayah Utara (Pulau Pinang)**
> **Lot 8872, Jalan Bertam 2, MK 6 Bertam,**
> **13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.**

*The relocation of NRO-PNG Penang to its new venue in Kepala Batas went smoothly. Operations began 3 August 2020 at the following address:*

> ***NIOSH Wilayah Utara (Pulau Pinang)***
> ***Lot 8872, Jalan Bertam 2, MK 6 Bertam,***
> ***13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.***

Pejabat baru ini menempatkan 6 buah bilik latihan dan juga Simulator Ruang Terkurung.

*The new office was expanded to have 6 training rooms and a Confined Space Simulator.*










| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 11 Ogos 2020 *11 August 2020* | **Program** *Programme* | Seminar Pematuhan Akta KKP 1994 kepada sektor awam di Wilayah Utara *Seminar on the Compliance to OSH Act of 1994 for the Public Sector in the Northern Region* | **Tempat** *Venue* | Hotel Wembley, Pulau Pinang |

Majlis Perasmian telah dirasmikan oleh Yg Dihormati Ahmad Reezal Mohd Hanafiah, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Pulau Pinang. Pada majlis tersebut, En. Khairunnizam Mustapa, Pengurus Besar ETD dan RO telah menyampaikan ucapan aluan bagi mewakili pihak Pengurusan Atasan NIOSH. Seminar ini telah dihadiri lebih dari 70 orang peserta dari pelbagai jabatan kerajaan di Pulau Pinang.

*The seminar was officiated by Yg Dihormati Ahmad Reezal Mohd Hanafiah, Deputy Secretary of the State Government (Management) Penang. Mr. Khairunnizam Mustapa (General Manager of ETD and RO) on behalf of the senior management of NIOSH Malaysia, gave the opening speech. Attendees from various government departments in Penang were present totaling to 70 persons.*






| **Tarikh** *Date* | 17 - 18 Ogos 2020 *17 - 18 August 2020* | **Program** *Programme* | Penilaian Risiko Kebisingan (NRA) *Noise Risk Assessment (NRA)* | **Tempat** *Venue* | BDB Bukit Perak, Perak |
|---|---|---|---|---|---|

Peningkatan kualiti sesuatu perundangan kebiasaanya lebih fokus kepada pengenalpastian masalah, perlaksanaan perubahan dan penyingkiran beban undang-undang. NRA membantu majikan dan pekerja untuk menghasilkan kos yang efektif berdasarkan data-data empirikal sebagai panduan.

*The NRA advises on ways employers and employees are able to manage cost effectively based on empirical data as a guideline. In doing so, other factors that come into play include problem identification and solving, implementing adjustments and elimination of unnecessary restrictions.*



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 30 September - 7 November 2020 *30 September - 7 November 2020* | **Program** *Programme* | Pembangunan Kapasiti B40 *B40 Capacity Building* | **Tempat** *Venue* | Raia Hotel Penang |

NIOSH Malaysia telah mendapat tajaan dari pihak Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan telah menganjurkan program di bawah program Pembangunan Kapasiti B40 Terdapat 4 pakej latihan yang melibatkan 100 orang yang diberikan latihan NIOSH dengan tajaan sepenuhnya dari pihak PSMB.

Program ini dihadiri oleh seramai 25 orang peserta dari seluruh Malaysia. Program ini merangkumi sesi:

- Induksi
- Sistem Pasport Keselamatan Kontraktor (CSPS)
- Program Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO)
- Bengkel Peperiksaan SHO
- Peperiksaan SHO Kertas 1, 2 dan 3.

*The Human Resource Development Berhad (HRDF) sponsored NIOSH Malaysia to organise the B40 Capacity Building Programme. There were 4 training packages which involved 100 participants. They came from all over Malaysia and were trained by NIOSH personnel.*

*The event flow was as follows:*

- *Induction*
- *Contractor Safety Passport System (CSPS)*
- *Safety and Health Officer Programme (SHO)*
- *SHO Examination Preparation Workshop*
- *SHO Examinations Paper 1, 2 and 3*





| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 30 September - 7 November 2020 *30 September - 7 November 2020* | **Program** *Programme* | Seminar dan Pameran NRG *NRG Exhibition and Seminar* | **Tempat** *Venue* | The Light Hotel, Pulau Pinang |

Seminar ini dijalankan untuk membantu industri di dalam memperkasakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Seminar ini bagi memupuk kesedaran dan di kalangan penjawat swasta perihal pentingnya mengurus tempat kerja dari elemen risiko dan bahaya pekerjaan. Pihak Sekreteriat dan Hotel bekerjasama bagi memastikan pematuhan terhadap SOP COVID-19 di kalangan peserta yang hadir.

*The event was held to strengthen the local industry's implementation of occupational safety and health for employees especially among the private sector. It was to increase their awareness of work related risks and danger. NIOSH secretariat and the hotel management worked together to ensure all SOP for COVID-19 was adhered to.*






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 27 November 2020 *27 November 2020* | **Program** *Programme* | Kunjungan Pengerusi NIOSH dan Pihak Pengurusan Tertinggi ke NRO-PNG *Official Visit by the Chairman and Senior Management of NIOSH to NRO-PNG* | **Tempat** *Venue* | NRO-PNG |

Sesi lawatan ini adalah siri kunjungan rasmi Pengerusi NIOSH YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong; YB Senator Datuk T. Mohan, Naib Pengerusi NIOSH; YBrs. Tn. Hj. Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH dan Pengurusan Tertinggi NIOSH. Selain sesi suai kenal dan pembentangan fungsi dan peranan Pejabat Wilayah Utara, YB Pengerusi juga di bawa untuk melawat fasiliti yang terdapat di Pejabat Wilayah Utara.

*As part of a series of official visits to NIOSH offices throughout the country, YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH, YB Senator Datuk T. Mohan (Vice Chairman), Tn. Hj. Ayop Salleh (Executive Director) and other senior management staff visited NRO-PNG. YB was toured the facilities, held meetings regarding the function and role of NRO, and also opportunity to socialise with staff members of the Penang office.*





| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 8 - 11 Disember 2020 *8 - 11 December 2020* | **Program** *Programme* | Penilaian Risiko Ergonomik (ERA) *Ergonomics Risk Assessment (ERA)* | **Tempat** *Venue* | CIMA Perlis |

Garis panduan Penilaian Risiko untuk Ergonomik di tempat kerja telah di edarkan oleh pihak JKKP pada tahun 2017 bertujuan menawarkan plan yang sistematik, pendekatan objektif dalam mengenal pasti, menilai dan mengawal faktor risiko ergonomik yang berkaitan dengan tugas dan aktiviti kerja di tempat kerja.

*In 2017 DOSH had circulated the ERA Guideline for the purpose of offering a systematic plan to identify, evaluate and control risk factors related to ergonomics at the workplace. For this purpose this visit was held to assess the implementation of the stated guideline.*





## PEJABAT WILAYAH UTARA, MANJUNG (NRO-MJG)

Berikut adalah laporan tahunan kursus yang telah dijalankan oleh NIOSH Wilayah Utara (Manjung) NRO-MJG bagi tahun 2020. Jadual dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu jenis kursus, jumlah kursus dan jumlah peserta yang terlibat.

Bagi kategori kursus pasport, Kursus NTSP masih mencatat bilangan peserta yang tertinggi sama seperti tahun-tahun terdahulu dan kekerapan kelas yang dijadualkan adalah mendahului kursus-kursus yang lain. Bagi kursus kompetensi, Kursus Ruang Terkurung mendapat permintaan melebihi kursus kompetensi yang lain. Manakala bagi kursus kesedaran , permintaan daripada para pelanggan menunjukkan penyusutan penyertaan dan kursus-kursus tersebut terpaksa dibatalkan atau ditunda bagi mengumpulkan lebih banyak peserta.

Secara keseluruhan , Pejabat Wilayah Utara (Manjung) NRO-MJG telah melepasi sasaran bagi kategori bilangan peserta tetapi bilangan kelas dan pendapatan masih berada di bawah paras sasaran dan dijangkakan akan melepasi sasaran di penghujung Disember 2020.

## *NORTHERN REGIONAL OFFICE MANJUNG (NRO-MJG)*

*Following is the annual reporting of courses conducted at NIOSH NRO-MJG for the year 2020. The tables below are divided into 3 sections namely, type of course, total number of courses and total number of participants.*

*The passport courses, especially NSTP course maintains its popularity year after year having the highest number of registrants and frequency of scheduled classes compared to other courses. As for competency courses, the Confined Space Course received the highest demand in comparison to other courses of its kind. On the other hand, for the awareness courses the demand decreased. This resulted in cancellation or postponement of courses until recruitment of participants increase.*

*Although the NRO-MJG was able to recruit the number of participants beyond its set target, the total number of classes and income earned was below the target level. However, the targets were projected to be achieved pass its goal by the end of December 2020.*

## CARTA ORGANISASI PEJABAT WILAYAH UTARA, MANJUNG

## *ORGANISATION CHART NIOSH NORTHERN REGIONAL OFFICE, MANJUNG*

**Ketua Pejabat /** *Head of Office*
Muhd Amin Alamin

**Eksekutif** *Executive*
Jason Chuah Chun Yee

**Bahagian Kemahiran Kesedaran** *Awareness Skill Division (MDD)*
Cheong Beng Phoon

**Bahagian Induksi Keselamatan** *Safety Induction Division (MPD)*
Mohd Shuhaimi

**Bahagian Kompetensi Perundangan** *Regulatory Competency Division (MCD)*
Raja Nurul Syuhada

**Bahagian Pentadbiran Korporat** *Corporate Admin Division (MFD)*
Nur Fatihah Farhana

## PENDAPATAN SASARAN DAN SEBENAR NIOSH MANJUNG BAGI TAHUN 2020

## *TARGETED INCOME AGAINST ACTUAL INCOME FOR NIOSH MANJUNG FOR THE YEAR 2020*




## JUMLAH PENDAPATAN SASARAN DAN SEBENAR NIOSH MANJUNG BAGI TAHUN 2020

## *TARGETED INCOME AGAINST ACTUAL INCOME FOR NIOSH MANJUNG FOR THE YEAR 2020*




Jumlah pendapatan sebenar NIOSH Manjung sehingga November 2020. Graf menunjukkan jumlah pendapatan sebenar lebih rendah daripada sasaran dan dijangkakan sasaran yang digariskan akan dapat dicapai di penghujung tahun 2020.

*Total actual income for NIOSH Manjung to-date November 2020 is shown in the graph above. It is below target. However, NIOSH Manjung is projected to achieve its target by year end 2020.*

## BILANGAN PESERTA SASARAN DAN SEBENAR DI NIOSH MANJUNG BAGI TAHUN 2020

## *NUMBER OF PARTICIPANTS TARGETED AGAINST THE ACTUAL NUMBER OF PARTICIPANTS FOR THE YEAR 2020*




## JUMLAH BILANGAN PESERTA SASARAN DAN SEBENAR DI NIOSH MANJUNG BAGI TAHUN 2020

## *NUMBER OF PARTICIPANTS TARGETED AGAINST THE ACTUAL NUMBER OF PARTICIPANTS AT NIOSH MANJUNG FOR THE YEAR 2020*




Bilangan peserta menunjukkan telah melebihi sasaran yang telah digariskan dimana jadual menunjukkan lebih 4% daripada nilai sasaran.

*As noted in the table above, the number of participants were more by 4% than the given target.*

## BILANGAN KELAS SASARAN DAN SEBENAR DI NIOSH MANJUNG BAGI TAHUN 2020

## *TARGETED PLAN OF CLASSES AND ACTUAL CLASSES CONDUCTED AT NIOSH MANJUNG FOR THE YEAR 2020*

| Bulan<br>*Month* | Sasaran bilangan kelas<br>*Targeted number of classes* | Bilangan kelas sebenar<br>*Actual number of classes* |
|---|---|---|
| Januari<br>*January* | 19 | 16 |
| Februari<br>*February* | 23 | 27 |
| Mac<br>*March* | 22 | 19 |
| April<br>*April* | 19 | 0 |
| Mei<br>*May* | 19 | 0 |
| Jun<br>*June* | 23 | 7 |
| Julai<br>*July* | 21 | 34 |
| Ogos<br>*August* | 22 | 42 |
| September<br>*September* | 19 | 27 |
| Oktober<br>*October* | 21 | 37 |
| November<br>*November* | 20 | 8 |
| Disember<br>*December* | 18 | 0 |
| **Jumlah Keseluruhan**<br>***Grand Total*** | **247** | **220 (89%)** |

Bilangan kelas sehingga November 2020 menunjukkan berada di bawah nilai sasaran dan bilangan kelas ini dijangkakan akan melepasi nilai sasaran di penghujung tahun 2020 disebabkan oleh permintaan kelas yang tinggi oleh pelanggan pada bulan Disember.

*The number of classes achieved until end November 2020 was below the given target. However, in consideration of high demand for classes in December 2020, the numbers are expected to pass the given target.*

## AKTIVITI PENYEBARAN MAKLUMAT

Jadual di bawah menunjukkan aktiviti penyebaran maklumat yang telah dijalankan oleh NIOSH Wilayah Utara (Manjung) NRO-MJG, serta perincian aktiviti yang dijalankan dan dipecahkan kepada jenis aktiviti, serta bulan aktiviti tersebut dilaksanakan.

## *INFORMATION DISSEMINATION ACTIVITY*

*The table below displays information dissemination activity implemented by NIOSH Northern Regional Office Manjung (NRO-MJG). It shows monthly calendar of activities and details of type of activities held during each month.*

| **Bulan** *Month* | **Jenis aktiviti** *Types of activities* | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | **Pameran** *Exhibition* | **Ceramah KKP** *OSH Talk* | **Seminar** *Seminar* | **Lawatan** *Visit* | **Disesuaikan** *Customised* |
| **Januari** *January* | | | | 2 | |
| **Februari** *February* | | 1 | 1 | 1 | |
| **Mac** *March* | | | | 2 | 1 |
| **April** *April* | 4 | | | | |
| **Mei** *May* | | | | 2 | |
| **Jun** *June* | | | | 1 | |
| **Julai** *July* | | | | 2 | |
| **Ogos** *August* | 3 | | | | |
| **September** *September* | 2 | | | 2 | |
| **Oktober** *October* | | 1 | | 2 | |
| **November** *November* | | | 1 | | |
| **Disember** *December* | | 2 | | | |

| Tarikh *Date* | 5 Mac 2020 *5 March 2020* | Program *Programme* | Majlis Pelancaran Kempen Perjalanan Selamat Ke Tempat Kerja Peringkat Kebangsaan 2020 *Launching of the National Safe Commuting to Work Campaign 2020* | Tempat *Venue* | Ipoh, Perak |
|---|---|---|---|---|---|

Program ini dianjurkan oleh PERKESO PERAK dan melibatkan pengunjung seramai 75 orang di Ipoh. Majlis ini telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah PERKESO Perak dan Ketua Polis Perak.

*The programme was organised by PERKESO Perak in Ipoh. It received 75 visitors. The Director of PERKESO Perak and Chief of Police Perak officiated the event.*





| Tarikh *Date* | 8 Ogos 2020 *8 August 2020* | Program *Programme* | Majlis GO TVET Orang Asli *GO TVET Event for Orang Asli* | Tempat *Venue* | Tapah, Perak |
|---|---|---|---|---|---|

Program ini adalah dianjurkan oleh HRDF dan melibatkan seramai 150 orang peserta menyertainya. Objektif utama bagi program ini adalah bertujuan menggalakkan pelajar atau penduduk orang asli untuk mengenali kursus TVET dengan lebih dekat. Selain itu, NIOSH juga membuka booth dan memberi nasihat kepada peserta yang berminat dalam kursus keselamatan. Majlis ini telah disempurnakan oleh Menteri Sumber Manusia, Ketua Pengarah HRDF dan Pengarah Eksekutif NIOSH.

*Organised by HRDF, the programme attracted 150 visitors. Its objective was to encourage students and the orang asli communities to be directly acquainted with TVET courses. NIOSH also had a booth that provided information on safety related courses. The event was officiated by the Minister of Human Resources, the Director of HRDF and the Chairman of NIOSH.*






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 8 Ogos 2020 *8 August 2020* | **Program** *Programme* | Taklimat Berkenaan Program Khidmat Bersama Agensi-Agensi Kerajaan Kepada Masyarakat Sg. Siput *A Talk on Service Opportunities in Government Agencies* | **Tempat** *Venue* | Sg. Siput, Perak |

Program ini dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia dan menarik seramai 80 orang penyertaan untuk menyertai program tersebut. Program ini adalah kerjasama semua agensi-agensi Kementerian Sumber Manusia dan objektifnya adalah untuk menyampaikan taklimat kepada masyarakat Sg. Siput.

*The programme was organised by the Ministry of Human Resources. It attracted 80 visitors. All human resource agencies under the umbrella of the said Ministry collaborated to organise this programme. The aim was to extend talks to the communities in Sg. Siput.*






| Tarikh *Date* | 13 Ogos 2020 *13 August 2020* | Program *Programme* | Seminar Memperkasakan KKP dalam Industri *Seminar on Empowering OSH in the Industry* | Tempat *Venue* | Ipoh, Perak |
|---|---|---|---|---|---|

Program ini merupakan kerjasama dengan Bahagian Penyebaran Maklumat (IDD), Pejabat Manjung dan NCSB. Program ini telah berjaya menarik peserta seramai 45 penyertaan dan diadakan di Ipoh, Perak.

*The programme was a collaboration between IDD, Manjung Office and NCSB. It attracted 45 visitors and was held in Ipoh, Perak.*




| Tarikh *Date* | 29 September 2020 *29 September 2020* | Program *Programme* | Karnival Penjana Kerjaya Perak 2020 *Career Carnival Perak 2020* | Tempat *Venue* | Sg. Siput, Perak |
|---|---|---|---|---|---|

Program ini dianjurkan oleh PERKESO dan telah menarik seramai 150 orang penyertaan Selain itu, program tersebut juga melibatkan agensi – agensi kerajaan untuk memberi taklimat dan bantuan kepada masyarakat Sungai Siput. Majlis ini disempurnakan oleh Menteri Sumber Manusia, Ketua Eksekutif PERKESO, Naib Pengerusi NIOSH, Pengarah Eksekutif NIOSH dan ketua jabatan–jabatan lain.

*PERKESO organised this programme. It attracted 150 visitors. A number of government agencies gave talks and career related services to the local community. The event was officiated by the Minister of Human Resources, the Chief Executive of PERKESO, the Vice Chairman of NIOSH, the Chairman of NIOSH and heads of departments from the government.*




# AKTIVITI PEJABAT WILAYAH SELATAN PADA TAHUN 2020

# *SOUTHERN REGIONAL OFFICE ACTIVITIES FOR THE YEAR 2020*

**PEJABAT WILAYAH SELATAN, JOHOR BAHRU (SRO-JBU)**

***SOUTHERN REGIONAL OFFICE, JOHOR BAHRU (SRO-JBU)***

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 4 - 5 Disember 2020 *4 - 5 December 2020* | **Program** *Programme* | Lawatan rasmi YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Pengerusi NIOSH Malaysia ke Pejabat-Pejabat NIOSH Wilayah Selatan *Official Visit by YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman, NIOSH Malaysia to NIOSH Southern Regional offices* | **Tempat** *Venue* | NIOSH SRO |

**4 Disember 2020** - YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Pengerusi NIOSH Malaysia telah mengadakan Lawatan Rasmi ke NIOSH Pejabat Wilayah Selatan (Johor Bahru, Pengerang dan Melaka). Lawatan tersebut merupakan kunjungan rasmi pertama YB Datuk ke NIOSH Pejabat Wilayah Selatan setelah dilantik sebagai Pengerusi NIOSH Malaysia. Lawatan tersebut juga telah dihadiri oleh pihak pengurusan tertinggi NIOSH iaitu Tn. Hj. Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH Malaysia dan Mejar Hj. Hanif Maidin (B), Setiausaha Eksekutif NIOSH Malaysia.

Secara am, lawatan adalah bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada YB Datuk untuk beramah mesra dengan kakitangan dari Pejabat Wilayah Selatan di samping memberi maklumat secara terperinci berkenaan dengan aktiviti serta kursus yang dijalankan.

***4 December 2020** - YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH Malaysia held an official visit to NIOSH Southern Regional Offices in Johor Bahru, Melaka and Pengerang. This was YB's first official visit since taking office as Chairman of NIOSH Malaysia. Accompanying YB were senior management members Tn. Hj. Ayop Salleh (Executive Director) and Major Hj. Hanif Maidin (Rtd) (Executive Secretary).*

*The visit was planned to have YB Datuk acquaint himself with staff members from the SRO and an opportunity for them to mingle with YB and the senior management of NIOSH. In addition, SRO staff were also informed about ongoing activities and courses conducted by NIOSH.*

Lawatan di Johor Bahru dimulakan dengan pertunjukan menyelamat bagi aktiviti bekerja di tempat tinggi yang telah di terangkan oleh Tn. Hj. Muhammad Zaeem Hj. Mokhtar selaku Pengurus Pejabat Wilayah Selatan. Pertunjukan tersebut telah dipersembahkan oleh En. Mohammad Fierdauos Kosman selaku tenaga pengajar dan merupakan kakitangan Pejabat Wilayah selatan bersama dengan peserta-peserta kursus Program Perakuan Latihan NIOSH (SOGA). YB Datuk juga telah bersama-sama membantu menurunkan mangsa sewaktu pertunjukan tersebut diadakan.

Setelah itu YB Datuk dibawa ke pejabat pentadbiran untuk taklimat ringkas oleh Pengurus NIOSH Pejabat Wilayah Selatan, Hj. Muhammad Zaeem Hj. Mokhtar berkenaan pencapaian secara keseluruhan Pejabat Wilayah Selatan serta aktiviti dan kursus yang telah diadakan. En. Ismail Abdul Rahman, Eksekutif Pusat Kecemerlangan Ergonomik (EEC) juga tidak ketinggalan menerangkan fungsi dan aktiviti serta penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh pihak EEC.

Lawatan diteruskan dengan melawat fasiliti yang terdapat di Pejabat Wilayah Selatan seperti Makmal Pengajaran Bestari bagi Kursus Ruang Terkurung (AESP/AGTES) dan Bekerja Selamat di Tempat Tinggi (WAH), bilik latihan, hostel serta Dewan Sri Johor. YB Datuk juga tidak ketinggalan melawat makmal Pusat Kecemerlangan Ergonomik iaitu Makmal Penilaian Ergonomik Manusia (HEAL) dan Makmal Ergonomik Persekitaran (EEL).

Pada sesi petang YB Datuk telah meneruskan sesi lawatan ke Pejabat Wilayah Selatan- Pengerang (SRO-PRG). Lawatan tersebut telah dimulakan dengan sesi taklimat ringkas oleh Ketua Pejabat Wilayah Selatan (Pengerang) SRO-PRG, En. Nizwan Shah Ngarib berkenaan pencapaian secara keseluruhan Pejabat Wilayah Selatan (Pengerang) SRO-PRG serta aktiviti dan kursus yang telah dijalankan bermula dari Februari 2017 sehingga November 2020.

Menerusi lawatan tersebut YB Pengerusi juga telah diberi pendedahan berkenaan aktiviti di dalam kawasan ruang terkurung dan telah menunjukkan demonstrasi kemasukan ke dalam ruang terkurung dengan memakai SCBA yang telah diketuai oleh Pengurus Pejabat Wilayah Selatan, Tn. Hj. Muhammad Zaeem Mokhtar.

*During the visit to Johor Bahru, the welcoming ceremony opened with a rescue activity performed in a "work at height" situation. Tn. Hj. Muhammad Zaeem Hj. Mokhtar (who was then the Manager of SRO) explained the rescue presentation. The rescue activity was staged by Mr. Mohammad Fierdauos Kosman (at that time one of the trainers at SRO) and trainees from the NIOSH Certified Training Programme (SOGA). YB Datuk joined the event and helped the rescuers safely lower down the victim.*

*Following the ceremony, YB Datuk was brought to the administration office for a special address by Tn. Hj. Muhammad Zaeem Hj. Mokthar (Manager of NIOSH SRO). Tuan Hj. spoke on overall achievements of the SRO, activities and courses that were held. Joining him was Mr. Ismail Abdul Rahman (Executive, Ergonomics Excellence Center - EEC) who presented the function of the EEC, activities and research that were carried out.*

*The visit continued to tour facilities at the SRO-JBU namely, the Smart Teaching Lab for the Confined Space Course (AESP/AGTES), Work at Heights (WAH) section, training rooms, hostel, the Sri Johor Hall, and to the EEC's Human Ergonomics Assessment Laboratory (HEAL) and Environment Ergonomics Laboratory (EEL).*

*For the afternoon session, YB Datuk visited SRO in Pengerang (SRO-PRG). The welcoming speech was given by Mr. Nizwan Shah Ngarib (office manager for SRO-PRG). He updated YB Datuk on the overall accomplishments, activities held to date and courses that were conducted from February 2017 to November 2020.*

*YB also had the opportunity to experience an activity in confined space. He was geared up in a SRBA and was given a demonstration as he entered the area. The activity was led by Tn. Hj. Muhammad Zaeem Hj. Mokhtar, Manager of SRO.*

Sebelum sesi lawatan berakhir YB Datuk Wilson sempat bergambar dengan seluruh kakitangan NIOSH Wilayah Selatan (Pengerang) SRO-PRG sebagai tanda kenangan untuk sesi lawatan tersebut yang julung-julung kalinya dilakukan. Berikut dilampirkan aktiviti bergambar sepanjang lawatan tersebut.

**5 Disember 2020** - YB Datuk telah meneruskan sesi lawatan ke Pejabat Wilayah Selatan (Melaka). Lawatan tersebut telah dimulakan dengan sesi taklimat ringkas oleh Eksekutif Pejabat Wilayah Selatan (Melaka), En. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini berkenaan pencapaian secara keseluruhan Pejabat Wilayah Selatan (Melaka) serta aktiviti dan kursus yang telah dijalankan sepanjang tahun.

Menerusi lawatan tersebut YB Pengerusi juga telah melawat Smart Teaching Lab dimana YB diberi penerangan berkenaan aktiviti di latihan yang dijalankan seperti aktiviti kerja di dalam Ruang Terkurung, Bantuan Awal Kecemasan (BOFA) dan sebagainya.

YB Datuk juga dibawa melawat tapak latihan praktikal bagi aktiviti Ruang Terkurung yang menggunakan Unit Latihan Mudah Alih (MTU) dan *Asas Rigging dan Slinging* yang berada di sebelah bangunan Pejabat Wilayah Selatan (Melaka).

*To conclude the visit, a photo session was organised. YB Datuk Wilson and the staff of SRO-PRG gathered for a group photo as a memory of YB Datuk's pioneering visit.*

***5 December 2020*** *- On this day YB Datuk continue his official visit to SRO Melaka. The welcoming speech was given by Mr. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini. He respectively updated YB Datuk on the overall success of SRO Melaka, activities and courses that were held throughout the year.*

*YB Datuk also had the occasion to visit the Smart Teaching Lab. Here he was oriented to the activities and trainings in Confined Spaces and First Aid (BOFA) to name a few.*

*Lastly, YB Datuk went to SRO Melaka where he visited the practical training site for Confined Spaces in the Mobile Training Unit (MTU) and for Basic Rigging and Slinging.*






**Lawatan YB Datuk ke NIOSH Wilayah Selatan (Johor Bahru) SRO-JBU.**
*YB Datuk Chairman visiting NIOSH SRO-JBU.*




Lawatan YB Datuk ke NIOSH Wilayah Selatan (Pengerang) SRO-PRG.
*YB Datuk visiting NIOSH SRO-PRG.*




Lawatan YB Datuk ke NIOSH Wilayah Selatan (Melaka) SRO-MLK.
*YB Datuk visiting NIOSH SRO-MLK.*

| Tarikh *Date* | 14 September – 25 Disember 2020 *14 September - 25 December 2020* | Program *Programme* | Program Latihan Bertauliah NIOSH, anjuran Pejabat NIOSH Wilayah Selatan dengan tajaan Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor & Perbadanan Petroleum Johor Berhad *NIOSH Certified Training Programme organised by SRO and sponsored by Economic Development Unit of the State Johor and the Johor Petroleum Development Corporation Berhad* | Tempat *Venue* | NIOSH SRO |
|---|---|---|---|---|---|

Pihak NIOSH Pejabat Wilayah Selatan telah menandatangani Surat Perjanjian (LOA) dengan pihak Perbadanan Petroleum Johor Berhad (JPDC) dalam menganjurkan Program Latihan Bertauliah NIOSH. Program ini merupakan program tajaan daripada Unit Perancang Ekonomi Kerajaan Negeri. Program ini juga dikenali sebagai "SOGA" yang merujuk kepada Kemahiran Dalam Bidang Minyak dan Gas yang bertujuan untuk membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan kemahiran pekerja sedia ada dalam sektor minyak dan gas.

Program Latihan Bertauliah NIOSH merangkumi 3 kursus iaitu Pasport Keselamatan Minyak dan Gas (OGSP), Orang Yang Di Izinkan Masuk dan Orang Yang Siap Sedia Untuk Ruang Terhad, dan Bekerja Selamat di Tempat Tinggi (WAH). Program tersebut telah dijalankan di NIOSH Pejabat Wilayah Selatan Johor Bahru, Pengerang dan Melaka merangkumi sebanyak 14 batch yang meliputi seramai 250 peserta bermula pada 14 September 2020 - 25 Disember 2020.

Peserta yang telah berjaya menamatkan Program Latihan Bertauliah NIOSH diberikan kad dan sijil kelayakan serta diberi penempatan di syarikat-syarikat yang berminat mencari calon pekerja.

*NIOSH Southern Regional Office signed a Letter of Agreement (LOA) with Johor Petroleum Development Corporation (JPDC) in the light of organising the NIOSH Certifiied Training Programme. The programme is sponsored by the Economic Development Unit of the state government. It is also known as SOGA an acronym for Skills for Oil and Gas. The aim is to open-up employment opportunities and to have employees sharpen their skills in the oil and gas industry.*

*The programme consists of 3 courses, that is, Oil and Gas Safety Passport (OGSP), Authorised Entrant and Standby Person for Confined Space (AESP), and Working Safely at Height (WAH). All courses were conducted at NIOSH SRO in Johor Bahru, Melaka and Pengerang. There were 250 registrants who were divided into 14 groups of trainees. The course began on 14 September and concluded on 25 December 2020.*

*Registrants who completed the courses received an eligibility card and a certificate of completion, and were given job placement in companies seeking for potential employees.*







| **Tarikh** *Date* | 12 Oktober 2020 *12 October 2020* | **Program** *Programme* | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Modal Insan Negeri Johor Bil 1/2020 *Johor State Human Capital Technical Meeting Ref. 1/2020* | **Tempat** *Venue* | Bangunan Dato' Jaafar Muhammad, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor |
|---|---|---|---|---|---|

Pada 12 Oktober 2020, Yang Berhormat Tn. Mohd Izhar Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Negeri Johor telah mempengerusikan Mesyuarat Teknikal Modal Insan Negeri Johor Bil 1/2020. Mesyuarat tersebut melibatkan agensi-agensi berkaitan Sumber Manusia dan Modal Insan di Negeri Johor, termasuk Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) yang di wakili oleh Hj. Muhammad Zaeem Hj. Mokhtar, Pengurus NIOSH Pejabat Wilayah Selatan.

Sesi mesyuarat yang dianjurkan oleh Unit Strategik Modal Insan Negeri Johor (SMI) ini adalah platform bagi agensi terbabit mengeratkan hubungan kerjasama strategik bagi merancang serta membincangkan hala tuju pembangunan modal insan di negeri ini. Dalam memastikan pembangunan Modal Insan di Negeri Johor terus berkembang, unit SMI telah mencadangkan 3 fokus area yang perlu diberi penekanan dan perhatian iaitu hebahan dan penawaran peluang pekerjaan, peningkatan keupayaan kemahiran dan pengumpulan data maklumat.

*On 12 October 2020, YB Tn. Mohd Izhar Ahmad, Investment Committee Chairman for Development of Businessmen, Corperatives and Human Resource for the state of Johor chaired the Johor State Human Capital Technical Meeting Ref 1/2020. Various agencies related to human resource and human capital in Johor attended the meeting including NIOSH. Representing NIOSH was Hj. Muhammad Zaeem Hj. Mokhtar, Manager for SRO-JBU.*

*The aim of the meeting was to strengthen the strategic cooperation in the planning and discussions for the direction of human capital development in Johor. The goal was to sustain the continued progress of human capital development in the state. Three focus areas namely, to disseminate information on job opportunities, hone skillsets and to compile data. The meeting was organised by the Strategic Unit for Human Capital Development Johor (SMI).*





**Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Modal Insan Negeri Johor Bil 1/2020.**
*Johor State Human Capital Technical Committee Meeting No. 1/2020.*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 4 Ogos 2020 *4 August 2020* | **Program** *Programme* | Seminar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Untuk Sektor Awam *OSH Seminar for the Public Sector* | **Tempat** *Venue* | Mutiara Hotel, Johor Bahru |








| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 18 Julai 2020 *18 July 2020* | **Program** *Programme* | Majlis Menandatangani Perjanjian antara NIOSH dan Perbadanan Petroleum Johor Berhad bagi Program Latihan Bertauliah NIOSH *Signing Ceremony between NIOSH and Johor Petroleum Corporation Berhad for NIOSH Certified Training Programme 2020* | **Tempat** *Venue* | SRO-JBU |





| **Tarikh** *Date* | **15 Julai 2020** *15 July 2020* | **Program** *Programme* | **Program Perintis Bekerja Selamat di Tempat Tinggi Respon Segera untuk Dialog Asia Sdn. Bhd.** *Working At Heights (WAH) First Responder Pioneering Programme for Dialog Asia Sdn. Bhd.* | **Tempat** *Venue* | **NIOSH Bandar Baru Bangi** |
|---|---|---|---|---|---|

Pada 15 Julai 2020, satu program perintis Bekerja Selamat di Tempat Tinggi Respon Segera telah dijalankan di NIOSH Bangi untuk delegasi daripada Dialog Asia Sdn. Bhd. yang diketuai oleh En. Zulkifli Idham dari Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta pegawai-pegawai dari bahagian Sumber Manusia, bahagian Latihan, dan bahagian Operasi.

Program ini telah dirangka bermula 3 Mac 2020 oleh Jawatankuasa Pembangunan Modul Bekerja Selamat di Tempat Tinggi Respon Segera yang dipengerusikan oleh Pengurus NIOSH Wilayah Selatan, Tn. Hj. Muhammad Zaeem Mokhtar. Beberapa siri mesyuarat telah dijalankan melalui atas talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi memastikan customise program ini dapat disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

Dalam program ini, delegasi daripada Dialog Asia telah diberi penerangan dan pendedahan mengenai isi kandungan dan tentatif program bagi memastikan modul yang dibangunkan dapat memenuhi kehendak dan keperluan Dialog Asia.

Antara kurikulum kursus yang diterangkan adalah seperti pematuhan kepada keperluan perundangan, keperluan peralatan menyelamat di tempat tinggi, pemeriksaan tempat kerja dan penilaian risiko, teknik memanjat, teknik ikatan dan beberapa teknik menyelamat secara berpasukan seperti sistem tali mengangkat *(hauling)* dan sistem tali mengangkat secara rentas *(cross hauling system)*. Dalam modul ini, selain topik keselamatan di tempat kerja, topik kesihatan dan kecergasan juga dititikberatkan melalui modul trauma penggantungan dan kecergasan bagi pasukan penyelamat. Kursus ini dijalankan secara teori dan amali.

Secara keseluruhan, delegasi daripada Dialog Asia berpuas hati dengan modul yang diusahakan oleh Jawatankuasa Pembangunan Modul Bekerja Selamat di Tempat Tinggi Respon Segera. Diharapkan modul yang telah dibangunkan ini dapat dipasarkan bagi memenuhi keperluan industri.

*On the stated date the pioneering WAH First Responder training programme was conducted at NIOSH Bangi for a delegation from Dialog Asia Sdn. Bhd. Mr. Zulkifli Idham represented the delegation. He and other representatives are from the company's occupational safety and hazard division (of the human resource, training and operations department).*

*The Committee for the pioneering WAH Module Development First Responder was chaired by Tn. Hj. Muhammad Zaeem Mokhtar, Manager for NIOSH SRO. The programme was scheduled to begin on 3 March 2020. However, as a result of the implementation of the Movement Control Order meetings were held online to ensure the training programme would begin ontime.*

*During the meetings and in the course of developing the training modules, Dialog Asia representatives were kept informed to ensure the course content would fulfill their company's aim and needs for the programme.*

*The curriculum includes the importance of complying to consultation needs; the need to have safety equipment at elevated heights; worksite checks and risk assessment; climbing techniques, roping and knotting techniques; and team coordination rescue methods. For example, hauling system and cross haul system. Topics on health and fitness are also emphasized in the Trauma Suspension Module and in the Rescuer Fitness Module. The course encompasses theory and practical sessions.*

*Dialog Asia was pleased with the module development accomplished and completed by the said committee. It is anticipated that the programme will fulfill the WAH First Responders industry needs.*



**Taklimat teori di dalam kelas.**
*Lecture being conducted in the class.*



**Persediaan bagi sesi demonstrasi menyelamat.**
*Session preparation for rescue demonstration.*



**Teknik menyelamat yang didemonstrasikan kepada delegasi Dialog Asia.**
*Rescue technique being demonstrated to the Dialog Asia delegation.*



**Delegasi Dialog Asia bersama Jawatankuasa Pembangunan Modul dan jurulatih-jurulatih NIOSH.**
*Dialog Asia Delegation together with the Module Development Committee and trainers from NIOSH.*

## KONSULTASI DI PEJABAT WILAYAH SELATAN, JOHOR BAHRU (SRO-JBU)

## *CONSULTATION SESSION AT SOUTHERN REGIONAL OFFICE, JOHOR BAHRU (SRO-JBU)*

| | |
|---|---|
| **Tarikh**<br>*Date* | 25 Februari 2020<br>*25 February 2020* |
| **Program**<br>*Programme* | Penilaian Risiko Kebisingan<br>*Noise Risk Assessment (NRA)* |
| **Tempat**<br>*Venue* | Tebrau, Johor Bahru |
| **Syarikat**<br>*Company* | Sumitomo Electric Interconnect Products (M) Sdn. Bhd. (Mr. Jackson) |
| **Wakil NIOSH**<br>*NIOSH Rep.* | Dr. Nor Azali Azmir (NRA Competent Person), Pn. Ummu Sufiah Ibrahim & En. Mohd Nizam Ali |
| **Ringkasan aktiviti**<br>*Summary of activity* | Penilaian Risiko Kebisingan dilakukan di Sumitomo Electric Interconnect Products (M) Sdn. Bhd.<br><br>Tempoh: 1 hari pra-penilaian / tinjauan panduan dan 1 hari penilaian<br>Hasil: Laporan penuh NRA & pembentangan<br><br>*Noise Risk Assessment done at Sumitomo Electric Interconnect Products (M) Sdn. Bhd.*<br><br>*Duration: 1-day pre-assessment / walkthrough survey and 1-day assessment*<br>*Output: Full report NRA & presentation* |
| **Nilai program**<br>*Programme value* | RM 4,558 + SST |

## ANALISIS KEPERLUAN PENINGKATAN TEMPAT KERJA (WINA) DI PEJABAT WILAYAH SELATAN (JOHOR BAHRU) SRO-JBU

## *WORKPLACE IMPROVEMENT NEED ANALYSIS (WINA) AT SOUTHERN REGIONAL OFFICE JOHOR BAHRU (SRO-JBU)*

| | |
|---|---|
| **Tarikh**<br>*Date* | 26 Oktober 2020<br>*26 October 2020* |
| **Program**<br>*Programme* | Analisis Keperluan Peningkatan Tempat Kerja<br>*Workplace Improvement Needs Analysis (WINA)* |
| **Tempat**<br>*Venue* | Johor Bahru, Johor |
| **Syarikat**<br>*Company* | Jabatan Kimia Malaysia Negeri Johor<br>(Pn. Azian Murni Ab Ghani & Pn. Aedrianee Reeza Alwi) |
| **Wakil NIOSH**<br>*NIOSH Rep.* | En. Mohamed Rizwan Anis, Pn. Nurzuhairah Jamil dan En. Muhamad Ariff Mohd Yusof |
| **Ringkasan aktiviti**<br>*Summary of activity* | Analisis Keperluan Peningkatan Tempat Kerja<br>1) Semakan dokumen & 2) Pemeriksaan di lokasi<br><br>*Workplace Improvement Needs Analysis (WINA)*<br>*1) Document review & 2) On-site walkthrough inspection* |
| **Nilai program**<br>*Programme value* | Percuma<br>*Free of charge* |





| | |
|---|---|
| **Tarikh**<br>*Date* | 9 November 2020<br>*9 November 2020* |
| **Program**<br>*Programme* | Analisis Keperluan Peningkatan Tempat Kerja<br>*Workplace Improvement Needs Analysis (WINA)* |
| **Tempat**<br>*Venue* | Pengerang, Johor |
| **Syarikat**<br>*Company* | BA Urus Bina (M) Sdn. Bhd. (Mr. Mohamad Fazli Mahat) |
| **Wakil NIOSH**<br>*NIOSH Rep.* | En. Noorul Azreen Azis, En. Syed Muhammad Syed Idros dan Pn. Nurzuhairah Jamil |
| **Ringkasan aktiviti**<br>*Summary of activity* | Analisis Keperluan Peningkatan Tempat Kerja<br>1) Semakan dokumen & 2) Pemeriksaan di lokasi<br><br>*Workplace Improvement Needs Analysis (WINA)*<br>*1) Document review & 2) On-site walkthrough inspection* |
| **Nilai program**<br>*Programme value* | Percuma<br>*Free of charge* |



| | |
|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 19 November 2020<br>*19 November 2020* |
| **Program** *Programme* | Analisis Keperluan Peningkatan Tempat Kerja<br>*Workplace Improvement Needs Analysis (WINA)* |
| **Tempat** *Venue* | Taman Perling, Johor |
| **Syarikat** *Company* | Pearltech Engineering (M) Sdn. Bhd. (Pn. Nuramira) |
| **Wakil NIOSH** *NIOSH Rep.* | En. Megat Kamaruddin Zainal Abidin, En. Nizwan Shah Ngarib dan Pn. Nurzuhairah Jamil |
| **Ringkasan aktiviti** *Summary of activity* | Analisis Keperluan Peningkatan Tempat Kerja<br>1) Semakan dokumen & 2) Pemeriksaan di lokasi<br><br>*Workplace Improvement Needs Analysis (WINA)*<br>*1) Document review & 2) On-site walkthrough inspection* |
| **Nilai program** *Programme value* | Percuma<br>*Free of charge* |



## PEJABAT WILAYAH SELATAN, PENGERANG (SRO-PGR)

## *SOUTHERN REGIONAL OFFICE, PENGERANG (SRO-PGR)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | Sesi 1 (30 Jun - 2 Julai 2020), Sesi 2 (7 - 9 Julai 2020)<br>*Session 1 (30 June - 2 July 2020), Session 2 (7 - 9 July 2020)* | **Program** *Programme* | Latihan Industri di Pelabuhan Tanjung Pelepas<br>*Industrial Training at Tanjung Pelepas Port* | **Tempat** *Venue* | Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor<br>*Tanjung Pelepas Port, Johor* |

Terdapat 2 orang kakitangan Pejabat Wilayah Selatan Pengerang (SRO-PRG) iaitu En. Nizwan Shah Ngarib dan En. Mohamad Syahir Mohd Othman telah terpilih

*Attending the industry training sessions were 2 employees from SRO-PRG, Mr. Nizwan Shah Ngarib and Mr. Mohammad Syahir Mohd Othman. The trainings*

untuk menyertai latihan industri di Pelabuhan Tanjung Pelepas selama 3 hari. Latihan industri tersebut telah dibahagikan kepada 2 kumpulan mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh Bahagian Sumber Manusia NIOSH

Tujuan utama latihan industri tersebut adalah sebagai persediaan kepada kakitangan yang terpilih untuk dilantik sebagai jurulatih bagi Kursus Pasport Keselamatan Terminal Pelabuhan (PTSP) dan untuk diberi pendedahan kepada operasi dan pentadbiran di PTP khususnya yang berkaitan dengan soal keselamatan dan kesihatan perkerjaan (KKP).

*were divided into 2 sessions on the said dates and were scheduled by the Human Resource Division of NIOSH.*

*The objective of the trainings was to prepare both the attending staff to become trainers for the Port Terminal Safety Passport (PTSP) Course, and to orient them to the operations and administration of OSH at Tanjung Pelepas Port.*










## PEJABAT WILAYAH SELATAN, MELAKA (SRO-MLK)

## *SOUTHERN REGIONAL OFFICE, MALACCA (SRO-MLK)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 2 November 2020 *2 November 2020* | **Program** *Programme* | Kunjungan Hormat bagi Program *Analisis Keperluan Peningkatan Tempat Kerja (WINA)* *Courtesy Visit for the Workplace Improvement Need Analysis (WINA) Programme* | **Tempat** *Venue* | Pejabat Pos Besar Melaka *General Post Office, Melaka* |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah Tn. Hj. Muhammad Zaeem Mokhtar, En. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini, En. Mohd Kashfullah Razali, En. Mohamad Hasbullah Razalli dan En. Alyazid Tugimon.

Manakala pegawai dari syarikat ialah En. Mohammad Rizal Sa'ari.

*Tn. Hj. Muhammad Zaeem Mokhtar, Mr. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini, Mr. Mohd Kashfullah Razali and Mr. Mohammad Hasbullah Razalli and Mr. Alyazid Tugimon were among the NIOSH officers attending the event.*

*Representing GPO Melaka was Mr. Mohammad Rizal Sa'ari.*






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 20 November 2020 *20 November 2020* | **Program** *Programme* | Lawatan Tapak bagi Program *Analisis Keperluan Peningkatan Tempat Kerja (WINA)* *Site Visit for the Workplace Improvement Need Analysis (WINA) Programme* | **Tempat** *Venue* | Tapak Projek Rancangan Banjir Lembangan Sungai Muar, Johor *Site of Muar River Basin Flood Plan Project, Johor* |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah Tn. Hj. Muhammad Zaeem Mokhtar, En. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini, En. Mohd Kashfullah Razali, En. Mohamad Hasbullah Razalli dan En. Ahmad Fitri Ahamad Nordin.

Manakala pegawai dari syarikat ialah En. Mohd Syahir Abdul Samad.

*Tn. Hj. Muhammad Zaeem Mokhtar, Mr. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini, Mr. Mohd Kashfullah Razali, Mr. Mohammad Hasbullah Razalli and Mr. Ahmad Fitri Ahamad Nordin were among the NIOSH officers attending the event.*

*Representing the Limbangan Project was Mr. Mohd Syahir Abdul Samad.*





| Tarikh<br>*Date* | 26 November 2020<br>*26 November 2020* | Program<br>*Programme* | Lawatan Tapak bagi Program *Analisis Keperluan Peningkatan Tempat Kerja (WINA)*<br>*Site Visit for the Workplace Improvement Need Analysis (WINA) Programme* | Tempat<br>*Venue* | Linaco Manufacturing (M) Sdn. Bhd., Batu Pahat |
|---|---|---|---|---|---|

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Mohd Kashfullah Razali dan En. Mohamad Hasbullah Razalli.

Manakala pegawai dari syarikat ialah En. Nrinder Singh.

*Mr. Mohd Kashfullah Razali and Mr. Mohammad Hasbullah Razalli were among the NIOSH officers assigned to the event.*

*Representing Linaco Manufacturing was Mr. Nrinder Singh.*





| **Tarikh** *Date* | 14 Februari 2020 *14 February 2020* | **Program** *Programme* | Majlis Bacaan Yaasin dan Doa Selamat di NIOSH SRO-MLK *Recitation of Yaasin and Prayers for Protection for NIOSH SRO-MLK* | **Tempat** *Venue* | SRO-MLK |
|---|---|---|---|---|---|

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah Pakar Teknikal, Resident Trainer, Tn. Hj. Muhammad Zaeem Mokhtar dan Kakitangan SRO Melaka disertai oleh pelajar Tahfiz.

*NIOSH officers assigned to this event include Tn. Hj. Muhammad Zaeem Mokhtar, Technical Training Specialist and Resident Trainer; employees of SRO-MLK; and Tahfiz students.*





| **Tarikh** *Date* | 27 Ogos 2020 *27 August 2020* | **Program** *Programme* | Kunjungan Hormat ke Pejabat Pengurusan Latihan Syarikat Air Negeri Sembilan *Courtesy Visit to the Management Training Office of Syarikat Air Negeri Sembilan* | **Tempat** *Venue* | Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) |
|---|---|---|---|---|---|

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah Tn. Hj. Muhammad Zaeem Mokhtar, En. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini, Pn. Nooreirza Ibrahim, En. Alyazid Tugimon dan En. Azlan Jaafar.

Manakala pegawai dari syarikat ialah En. Rustam Khalid.

*Among the NIOSH officers assigned to the event were Tn. Hj. Muhammad Zaeem Mokhtar, Mr. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini, Mrs. Nooreirza Ibrahim, Mr. Alyazid Tugimon and Mr. Azlan Jaafar.*

*Representing Syarikat Air Negeri Sembilan was Mr. Rustam Khalid.*






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 18 - 19 Ogos 2020 *18 - 19 August 2020* | **Program** *Programme* | Program Karnival Penjana Kerjaya PERKESO *PERKESO Career Carnival Programme* | **Tempat** *Venue* | Melaka International Trade Centre (MITC) |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini, En. Mohd Rafie Abu Bakar, Pn. Zakiah Md Noor dan Pn. Farrah Akmal Zaini.

*Among NIOSH officers assigned to this event were Mr. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini, Mr. Mohd Rafie Abu Bakar, Mrs. Zakiah Md. Noor and Mrs. Farrah Akmal Zaini.*





| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 5 Disember 2020 *5 December 2020* | **Program** *Programme* | Lawatan Pengerusi NIOSH Datuk Wilson Ugak anak Kumbong *Visit from NIOSH Chairman Datuk Wilson Ugak anak Kumbong* | **Tempat** *Venue* | SRO-MLK |






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 7 - 8 November 2020 *7 - 8 November 2020* | **Program** *Programme* | *SOGA* – Bekerja Selamat di Tempat Tinggi *(WAH)* *SOGA - Working at Height (WAH)* | **Tempat** *Venue* | SRO-MLK & Bomba Ayer Keroh, Melaka (Praktikal) |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Hasbullah Razalli dan Pn. Nor Affiza Nazia Mat Lazin (AC).

*Among NIOSH officers assigned to this event were Mr. Hasbullah Razalli and Mrs. Nor Affiza Nazia Mat Lazin (AC).*





| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 6 November 2020 *6 November 2020* | **Program** *Programme* | *SOGA* – Pasport Keselamatan Minyak dan Gas (OGSP) *SOGA - Oil and Gas Safety Passport (OGSP)* | **Tempat** *Venue* | SRO-MLK |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Hasbullah Razalli dan Pn. Nor Affiza Nazia Mat Lazin (AC).

*Among NIOSH officers assigned to this event were Mr. Hasbullah Razalli and Mrs. Nor Affiza Nazia Mat Lazin (AC).*




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 28 - 29 November 2020 *28 - 29 November 2020* | **Program** *Programme* | SOGA - Orang Yang Di Izinkan Masuk dan Orang Yang Siap Sedia Untuk Ruang Terhad (AESP) *SOGA – Authorised Entrant and Standby Person for Confined Space (AESP)* | **Tempat** *Venue* | SRO-MLK |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Hasbullah Razalli dan Pn. Nor Affiza Nazia Mat Lazin (AC).

*officers assigned to this event were Mr. Hasbullah Razalli and Mrs. Nor Affiza Nazia Mat Lazin (AC).*




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 6 Ogos 2020 *6 August 2020* | **Program** *Programme* | Seminar Pengenalan Pematuhan Akta KKP 1994 kepada Sektor Awam *Introduction to Compliance to the OSH Act of 1994 Seminar to the Public Sector* | **Tempat** *Venue* | Hotel Hatten, Melaka |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah Tn. Hj. Muhammad Zaeem Mokhtar, En. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini dan En. Mohd Kashfullah Razali.

*Tn. Hj. Muhammad Zaeem Mokhtar, Mr. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini and Mr. Mohd Kashfullah Razali were among the NIOSH officers assigned to this event.*






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 6 Ogos 2020 *6 August 2020* | **Program** *Programme* | *OSH Talk* - Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kepada pelajar *OSH Talk - Occupational Safety and Health to students* | **Tempat** *Venue* | University College Of Agroscience Malaysia (UCAM) |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Mohd Rafie Abu Bakar dan Pn. Zakiah Md Noor.

*Mr. Mohd Rafie Abu Bakar and Mrs. Zakiah Md Noor were among NIOSH officers assigned to this event.*






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh**<br>*Date* | 11 Mac 2020<br>*11 March 2020* | **Program**<br>*Programme* | *OSH Talk* - Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan kepada pelajar<br>*OSH Talk - Occupational Safety and Health to students* | **Tempat**<br>*Venue* | Maktab Rendah Sains Mara Kem Terendak, Melaka |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Mohd Kashfullah Razali dan Pn. Farrah Akmal Zaini.

*Mr. Mohd Kashfullah Razali and Mrs. Farrah Akmal Zaini were among the NIOSH officers assigned to this event.*





| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh**<br>*Date* | 7 Mac 2020<br>*7 March 2020* | **Program**<br>*Programme* | Karnival Kerjaya JobsMalaysia @ Melaka<br>*Career Carnival JobsMalaysia @ Melaka* | **Tempat**<br>*Venue* | Melaka International Trade Centre (MITC) |






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 20 Februari 2020 *20 February 2020* | **Program** *Programme* | Sesi perbincangan di antara Pegawai NIOSH Melaka dan Pegawai JKKP Melaka bagi kerjasama Program OSH4U dan Program Pekerja Masa Hadapan yang melibatkan beberapa IPT di dalam negeri Melaka *Collaboration discussion session between NIOSH Melaka and DOSH Melaka for the OSH4U Programme and the "Future Workers" Programmes (which involved a few institutes of higher education in Melaka)* | **Tempat** *Venue* | SRO-MLK |





| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 6 Februari 2020 *6 February 2020* | **Program** *Programme* | Kunjungan hormat Pengurusan NIOSH bersama pihak Pengurusan Latihan MRCSB *Courtesy Visit by the Management of NIOSH to the Training Management of MRCSB* | **Tempat** *Venue* | Malaysian Refining Company Sdn. Bhd. (MRCSB) |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah Tn. Hj. Muhammad Zaeem Hj. Mokhtar, En. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini, En. Mohd Kashfullah Razali dan wakil daripada NIOSH Bandar Baru Bangi.

*Among the NIOSH officers involved are Hj. Muhammad Zaeem Hj. Mokhtar, Mr. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini, Mr. Mohd Kashfullah Razali and representatives from NIOSH Bandar Baru Bangi.*





| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 1 Februari 2020 *1 February 2020* | **Program** *Programme* | Sesi lawatan jentera untuk kegunaan Kursus HPWJ bertempat di Syarikat Calreno, Port Dickson serta perbincangan lanjut bersama pengurusan Syarikat Calreno bagi menambah baik keperluan praktikal bagi program / kursus yang telah dan akan dijalankan sepanjang sesi tahun 2020 *Visit and Tour Session to the machinery used in the HPWJ Course at Calreno Company in Port Dickson alongside a meeting with Calreno management to upgrade practical tasks needs of the coursework for the year 2020* | **Tempat** *Venue* | Calreno Sdn. Bhd., Port Dickson |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini diiringi En. Mohamad Hasbullah.

*NIOSH officers Mr. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini and Mr. Mohamad Hasbullah were among those assigned to this meeting.*




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 31 Januari 2020 *31 January 2020* | **Program** *Programme* | Menerima kunjungan daripada Kolej Jururawat Melaka bagi membincangkan kerjasama perancangan kursus bersama NIOSH Melaka untuk tahun 2020 *Welcoming Melaka Nursing College to discuss a collaboration with SRO-MLK to develop courses for the year 2020* | **Tempat** *Venue* | SRO-MLK |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini dan En. Mohamad Hasbullah.

*NIOSH officers Mr. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini and Mr. Mohamad Hasbullah were assigned to this meeting.*






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 24 Januari 2020 *24 January 2020* | **Program** *Programme* | Menerima kunjungan dari En. Mohamad Azizulilmi bagi membincangkan kerjasama perancangan kursus SRO-MLK dan pihak Nusantara Management Enterprise untuk tahun 2020 *Welcoming Mr. Mohamad Azizulilmi to discuss a collaboration between SRO-MLK and Nusantara Management Enterprise to develop courses for the year 2020* | **Tempat** *Venue* | SRO-MLK |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini dan En. Mohamad Hasbullah.

*NIOSH officers Mr. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini and Mr. Mohamad Hasbullah were assigned to this meeting.*





| Tarikh *Date* | 21 Januari 2020 *21 January 2020* | Program *Programme* | Kolaborasi bersama pihak pengurusan Menara Tamingsari dan World Youth Hotel *Collaboration between Menara Tamingsari Management and World Youth Hotel* | Tempat *Venue* | SRO-MLK |
|---|---|---|---|---|---|

Nantikan program *OSH Tourism in Melaka*. Kolaborasi ini akan memberikan kelainan pengalaman kepada para peserta di mana anda akan berkursus sambil melihat kawasan pelancongan yang indah di negeri Melaka. Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini dan En. Mohamad Hasbullah.

*Up and coming is the OSH Tourism in Melaka, a collaboration project giving participants an experience like none other. Course participants will be engaged in training while having the opportunity to visit many places of interest in Melaka. NIOSH officers Mr. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini and Mr. Mohamad Hasbullah are assigned to this project.*





| Tarikh *Date* | 20 Januari 2020 *20 January 2020* | Program *Programme* | Menerima kunjungan dari pegawai PERKESO Melaka bagi membincangkan kerjasama perancangan kursus SRO-MLK dan pihak PERKESO untuk tahun 2020 *A Visit from PERKESO Melaka officers to discuss with SRO-MLK a collaboration to plan courses for the year 2020* | Tempat *Venue* | SRO-MLK |
|---|---|---|---|---|---|

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini dan En. Mohamad Hasbullah.

*NIOSH officers Mr. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini and Mr. Mohamad Hasbullah were assigned to this meeting.*





| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 14 Januari 2020 *14 January 2020* | **Program** *Programme* | Perbincangan serta pertemuan mesra bersama Mr. Ronnie dalam membincangkan keperluan latihan untuk syarikat Seri Kimpal Sdn. Bhd. *Courtesy Meeting and A Discussion with Mr. Ronnie in relations to training needs for Seri Kimpal Sdn. Bhd.* | **Tempat** *Venue* | SRO-MLK |

Antara pegawai NIOSH yang terlibat ialah En. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini dan En. Mohamad Hasbullah.

*NIOSH officers Mr. Abdullah Monsi Ahmad Sarbini and Mr. Mohamad Hasbullah were assigned to this meeting.*





# AKTIVITI PEJABAT WILAYAH SABAH PADA TAHUN 2020

# *SABAH REGIONAL OFFICE ACTIVITIES FOR THE YEAR 2020*

## PEJABAT WILAYAH SABAH, KOTA-KINABALU (SBRO-KK)

## *SABAH REGIONAL OFFICE, KOTA KINABALU (SBRO-KK)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 27 November 2020 *27 November 2020* | **Program** *Programme* | Penyerahan sumbangan kepada barisan hadapan Negeri Sabah melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah *Delivery of Donations to the Frontliners in Sabah from the Disaster Relief Management Committtee COVID-19 of Sabah* | **Tempat** *Venue* | Pejabat Timbalan Setiausaha Negeri Sabah *Office of the Deputy Secretary of Sabah States* |

- Penyerahan sumbangan sebanyak RM5000 kepada petugas barisan hadapan serta pelitup muka bagi membantu meringankan beban Kerajaan Negeri Sabah khususnya.
- Penyerahan ini disampaikan oleh Pengurus Wilayah Sabah dan W. P. Labuan, En. Wan Sarman Sakan bersama wakil daripada NIOSH Sabah dan W. P. Labuan, En. Indra Imus, En. Mohd Faizal Mohd Farid dan En. Mackanzie Chang kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, YBhg. Datuk Hajah Mariam Omar Matusin.

- *A donation of RM5000 was given to the frontliners of Sabah along with facemasks to help the support the state government and ease their burden.*
- *The donation and the facemasks were released to the Deputy Secretary of Sabah State Government, YBhg. Datuk Hajah Mariam Omar Matusin by Mr. Wan Sarman Sakan, Manager for NIOSH SBRO and W. P. Labuan. With him was Mr. Indra Imus, Mr. Mohd Faizal Mohd Farid and Mr. Mackanzie Chang representatives from NIOSH SBRO and W. P. Labuan.*





| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 5 Mac 2020 *5 March 2020* | **Program** *Programme* | Seminar Pengenalan Pematuhan Akta KKP 1994 kepada sektor awam peringkat negeri Sabah *Introduction to Compliance to OSH Act of 1994 for the Public Sector (at state level) in Sabah* | **Tempat** *Venue* | Hotel Promenade, Kota Kinabalu |

- Seminar ini dijalankan khusus kepada Sektor Awam di Negeri Sabah (Persekutuan atau Negeri).
- Pendaftaran seramai 150 peserta dari pelbagai Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
- Seminar dirasmikan oleh YBhg. Datuk Nor Asiah Mohd Yusof, Timbalan Peguam Besar Negeri Sabah.

- *The seminar was especially organised for the public sector in Sabah (state and federal territory).*
- *A total of 150 registrants from various government ministries, departments, agencies in the state and federal territory offices attended the seminar.*
- *The seminar was officiated by YBhg. Datuk Nor Asiah Mohd Yusof, Deputy Attorney General of Sabah.*






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 24 - 25 Jun 2020 *24 - 25 June 2020* | **Program** *Programme* | Lawatan Kerja Pengerusi NIOSH Malaysia, YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong ke negeri Sabah *YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, Chairman of NIOSH holds a work visit to Sabah* | **Tempat** *Venue* | SBRO-KK & Pusat Latihan Sonergy Sdn. Bhd. |

- Sonergy Sdn. Bhd. akan bekerjasama dengan NIOSH bagi memberikan tenaga kerja kepada industri minyak dan gas di Sabah dengan latihan daripada pihak NIOSH.
- Majlis Ramah Mesra Pengerusi NIOSH Malaysia bersama Kakitangan SBRO-KK dihadiri oleh semua kakitangan. Turut diadakan sesi perkenalan diantara Pengerusi NIOSH Malaysia dengan para kakitangan.

- *Sonergy Sdn. Bhd. had agreed to provide work force to the oil and gas industry in Sabah while NIOSH would provide the relevant training to the said work force.*
- *The gathering was attended by employees from SBRO-KK. It was an opportunity for them get to know the Chairman himself and other NIOSH colleagues from West Malaysia.*




| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 3 Julai 2020 *3 July 2020* | **Program** *Programme* | Majlis Ramah Mesra Menteri Sumber Manusia bersama Warga Kementerian Sumber Manusia Negeri Sabah *A Social Gathering Event with the Minister of Human Resources and employees of Sabah State Human Resources Department* | **Tempat** *Venue* | Wisma BTC, Inanam, Sabah) |

- Majlis ramah mesra ini dianjurkan oleh HRDF yang mana disertai oleh Ketua-ketua Jabatan dan Agensi dibawah KSM Negeri Sabah.
- YB Menteri Sumber Manusia juga menyampaikan sumbangan kepada warga KSM Sabah yang terkesan dengan banjir kilat yang berlaku pada bulan Jun 2020.
- Timbalan Menteri KSM juga turut hadir bersama pada Majlis Ramah Mesra tersebut.

- *The social gathering was organised by HRDF. Heads of Departments and Agencies under the umbrella of Sabah State Human Resources Department attended the function.*
- *YB Minister of Human Resources contributed donations to employees of the departments and agencies who were affected by a flash flood that occurred in June.*
- *In attendance was also the Deputy Minister of Human Resources.*





## PEJABAT WILAYAH SABAH, W. P. LABUAN (SBRO-LBN)

## *SABAH REGIONAL OFFICE, W. P. LABUAN (SBRO-LBN)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 20 Januari 2020 *20 January 2020* | **Program** *Programme* | Seminar Pendedahan Bunyi Bising di Tempat Kerja *Seminar on Noise Pollution in the Workplace* | **Tempat** *Venue* | SBRO-LBN |

20 Januari 2020, seramai 20 orang peserta menghadiri Seminar Pendedahan Bunyi Bising, seminar selama satu hari tersebut telah di sampaikan oleh 3 orang penceramah yang berpengalaman dalam pendedahan bunyi bising di tempat kerja iaitu En. Amroun Mustafa, Pakar Teknikal dari Consultation Research and Development, En. Shairazy Alluwie dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan W. P. Labuan, En. Darius Lew dari HB Industrial Supply Sdn. Bhd. dan Dr. Rubern Raj Selvarajah dari Klinik Wilayah, di harap seminar yang dijalankan di NIOSH W. P. Labuan akan dapat menambah pengetahuan peserta berkaitan isu-isu tempat bising dan pemahaman berkenaan tata amalan Industri bagi Pengurusan Pendedahan Bunyi Bising dan Pemuliharaan Pendengaran 2019.

*On the 20th of January 2020, a group of 20 participants attended the one-day seminar. There were 3 speakers highly experienced on the topic namely, Mr. Amroun Mustafa, technical specialist from Consultation Research and Development; Mr. Shairazy Alluwie from the DOSH W. P. Labuan; Mr. Darius Lew from HB Industrial Supply Sdn. Bhd.; and, Dr. Rubern Raj Selvarajah from Wilayah Clinic. The seminar anticipated that attendees would proliferate in knowledge and understanding on Industry Practices on the Management of Noise Pollution and Protection of Hearing 2019.*





| Tarikh *Date* | 23 - 24 Jun 2020 *23 - 24 June 2020* | Program *Programme* | Lawatan Kerja Pengerusi NIOSH, YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong ke SBRO-LBN *Work Visit of Chairman of NIOSH, YB Datuk Wilson Ugak anak Kumbong to NIOSH SBRO-LBN* | Tempat *Venue* | SBRO-LBN |
|---|---|---|---|---|---|

Sesi lawatan adalah untuk memperkenalkan kakitangan Pejabat Wilayah Sabah, W. P. Labuan kepada YB Pengerusi Datuk Wilson. Disamping itu, taklimat diberikan oleh Ketua Pejabat NIOSH W. P. Labuan, En. Mohd Fazrin Jurnain berkenaan kegiatan operasi dan potensi besar untuk memajukan NIOSH W. P. Labuan.

*The aim of the visit was to introduce the employees at SBRO-LBN to YB Chairman Datuk Wilson. To enlighten YB, a speech was given by Mr. Mohd Fazrin Jurnain who spoke about the regional office's operations and the potential for further growth and development of SBRO-LBN.*





| Tarikh *Date* | 11 - 12 November 2020 *11 - 12 November 2020* | Program *Programme* | Sesi Penyerahan Bantuan COVID-19 kepada warganegara W. P. Labuan yang terkesan akibat COVID-19 *Presentation Session of Donations for COVID-19 to the communities in W. P. Labuan affected by the pandemic* | Tempat *Venue* | SBRO-LBN |
|---|---|---|---|---|---|

- Bantuan berupa 20 kampit beras diserahkan kepada Unit Dietetik dan Pemakanan Hospital Nukleus W. P. Labuan.
- 89 kit bantuan makanan di serahkan kepada warga Labuan yang terkesan melalui Jabatan Kebajikan Malaysia W. P. Labuan.
- Pejabat Wilayah Sabah (W. P. Labuan) mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pengurusan NIOSH atas keprihatinan pihak pengurusan terhadap warga W. P. Labuan yang terkesan.

- *Donations of 20 sacks of rice handed over to the Dietetic and Nutrition Unit of Hospital Nukleus W. P. Labuan.*
- *89 food kits donated to communities in Labuan affected by COVID-19 through the Department of Social Welfare Malaysia W. P. Labuan.*
- *SBRO-LBN extended their deep appreciation to the management of NIOSH Malaysia for expressing concern to the affected communities in W. P. Labuan.*






## PEJABAT WILAYAH SABAH, SANDAKAN (SBRO-SDK)

## *NIOSH SABAH REGIONAL OFFICE, SANDAKAN (SBRO-SDK)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh**<br>*Date* | 10 September 2020<br>*10 September 2020* | **Program**<br>*Programme* | Lawatan Pemantauan Kursus Peningkatan Profesionalisme melalui Persijilan Profesional kepada Pelajar Kolej Vokasional Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia<br>*Observation Visit to the Professionalism Certification Course for Vocational College Malaysia students (Ministry of Education)* | **Tempat**<br>*Venue* | SBRO-SDK |

- Majlis penyerahan Sijil dan Kad Kompetensi tamat kursus bagi program AESP bekerja dalam ruang terkurung, Bekerja Selamat di Tempat Tinggi dan Kad OGSP kepada Pelajar Kolej Vokasional Sandakan.
- NIOSH telah di pilih bagi memberikan latihan KKP bagi Peningkatan Profesionalisme Melalui Persijilan Profesional kepada Pelajar Kolej Vokasional Malaysia.
- Pelaksanaan program melalui Dana B40 daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan NIOSH Wilayah Sabah (Sandakan) SBRO-SDK.
- Penyerahan sijil di sampaikan oleh Pn. Che Rohana Abd Ghani – Ketua Unit Pembangunan Modal Insan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), dan diiringi oleh En. Wan Sarman Sakan, Pengurus Pejabat Wilayah Sabah dan W. P. Labuan.

- *Awarding of Certificate ceremony and Completion of Course Competency Card for the working in confined spaces AESP programme; Safety at High Elevation Work Area; and, OGSP Card to the students of College Vocational Sandakan.*
- *NIOSH was selected as the OSH trainer for Professional Upskilling for the Professional Certification Course provide to the students of Vocational College Malaysia.*
- *With the support received from Dana B40 of the Ministry of Education, NIOSH SBRO-SDK was able to organise this professional upskilling course.*
- *Mrs. Che Rohana Abd Ghani, Head of Human Capital Development Unit in the Department of Education Planning and Research for Education Policy awarded the certificates to the students. She was*

*accompanied by Mr. Wan Sarman Sakan, Manager for NIOSH SBRO-SDK and W. P. Labuan.*






| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 6 September 2020 *6 September 2020* | **Program** *Programme* | Mini Karnival Kerjaya Peringkat Libaran anjuran Jabatan Tenaga Kerja Sabah *Mini Career Carnival Organised by the Department of Labour Sabah* | **Tempat** *Venue* | SMK Gum-Gum, Sandakan |

- YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia menyempurnakan Mini Karnival Kerjaya Peringkat Libaran yang berlangsung di SMK Gum-Gum, Sandakan.
- Mini Karnival ini bertujuan untuk membawa perkhidmatan Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia ke kawasan-kawasan terpencil di samping memberi penerangan mengenai fungsi Jabatan dan Agensi di bawah KSM.
- Hadir sama YB Tn. Hj. Awang Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia dan Pengurusan Tertinggi KSM. Turut hadir Tn. Hj. Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH Malaysia.
- Penglibatan NIOSH Wilayah Sabah (Sandakan) SBRO-SDK sebagai jemputan pempamer agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia.

- *YB Datuk Seri M. Saravanan, Minister of Human Resources officiated the Mini Career Carnival at SMK Gum Gum, Sandakan.*
- *The aim of the carnival was to extend the services of the umbrella departments and agencies of the Ministry of Human Resources to the isolated areas in Sabah; and, to inform the local communities about the role of these departments and agencies.*
- *In attendance was YB Tn. Hj. Awang Hashim, Deputy Minister of Human Resources and Senior Management of the said ministry; and, representing NIOSH Malaysia was Tn. Hj. Ayop Salleh, Executive Director.*
- *Respectively, NIOSH Sabah Regional Office Sandakan (SBRO-SDK) was invited as a guest exhibitor by the said ministry.*









| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 5 September 2020 *5 September 2020* | **Program** *Programme* | Mini Karnival Kerjaya peringkat daerah Kota Kinabatangan anjuran Jabatan Tenaga Kerja Sabah *Mini Career Carnival (District Level) at Kota Kinabatangan Organised by the Department of Labour Sabah* | **Tempat** *Venue* | Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Kinabatangan *Kinabatangan Labour Office* |

- YB Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia menyempurnakan Mini Karnival Kerjaya Daerah Kinabatangan yang berlangsung di Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Kinabatangan, pagi tadi.

- Serentak itu, pameran jabatan dan agensi Kementerian Sumber Manusia (KSM), sesi temuduga terbuka dan ceramah kerjaya turut diadakan bagi manfaat masyarakat setempat kesan penularan pandemik penularan COVID-19 di daerah ini.

- *YB Datuk Seri M. Saravanan, Minister of Human Resources officiated the event.*

- *Following the opening ceremony, activities were held. Namely, an exhibition by departments and agencies from the Ministry of Human Resources, interview sessions, and career talks. Meanwhile, updates were also given to the attendees regarding the pandemic situation in the area.*

- Hadir sama YB Tn. Hj. Awang Hashim, Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Bung Moktar Radin, Ahli Parlimen Kawasan Kota Kinabatangan dan Pengurusan Tertinggi KSM. Turut hadir Tn. Hj. Ayop Salleh, Pengarah Eksekutif NIOSH Malaysia.

- Penglibatan NIOSH Wilayah Sabah (Sandakan) SBRO-SDK sebagai jemputan pempamer agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia.

- *Accompanying YB Tn. Hj. Awang Hashim, Deputy Minister of Human Resources was YB Dato' Sri Bung Moktar Radin, Member of Parlimen for Kota Kinabatangan and Senior Management of the said ministry. Also present was Tn. Hj. Ayop Salleh, Executive Director of NIOSH Malayia.*

- *Respectively, NIOSH Sabah Regional Office Sandakan (SBRO-SDK) was invited as a guest exhibitor by the said ministry.*









# AKTIVITI PEJABAT WILAYAH SARAWAK PADA TAHUN 2020

# *NIOSH SARAWAK REGIONAL OFFICE ACTIVITIES FOR THE YEAR 2020*

## PEJABAT WILAYAH SARAWAK, KUCHING (SWRO-KCH)

## *SARAWAK REGIONAL OFFICE, KUCHING (SWRO-KCH)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 11 - 15 September 2020 *11 - 15 September 2020* | **Program** *Programme* | Program Jangkauan Tenaga Kerja GRAP Jabatan Tenaga Kerja 2020 *Outreach Labour GRAP Programme 2020 for the Labour Department* | **Tempat** *Venue* | Sebuyau, Kabong, Sarikei, Bintangor & Belawai |

Program Jangkauan Tenaga Kerja GRAP ini adalah program Tuju ke Kawasan Luar Bandar (Go Rural Area Program) di beberapa kawasan di sekitar persisiran pantai Negeri Sarawak untuk menyampaikan perkhidmatan Jabatan dan Agensi yang di bawah Kementerian Sumber Manusia Sarawak seperti Jabatan Tenaga Sarawak (JTK), NIOSH, JKKP, PSMB, PERKESO dan lain - lain. Program ini juga bertujuan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial bersama-sama penduduk di kawasan sekitar.

*The Outreach Labour GRAP (Go Rural Area Programme) was held are a number of districts along the coastal areas of Sarawak. The main purpose of the programme was to extend services from the various agencies and departments from the Ministry of Human Resources. For example, Sarawak Labor Department, NIOSH, JKKP, HRDF, PERKESO, to name a few. Furthermore, the programme also aimed at fostering social responsibilities among the locals in these coastal districts.*











| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 3 Mac 2020 *3 March 2020* | **Program** *Programme* | Seminar AKKP 1994 untuk Sektor Awam *OSH Act 1994 Seminar for the Public Sector* | **Tempat** *Venue* | Pullman Hotel, Kuching |

Seminar yang dianjurkan oleh NIOSH Malaysia ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran ke atas pentingnya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) kepada penjawat awam yang bertugas di Sarawak. Penjawat – penjawat awam yang menghadiri seminar ini adalah daripada golongan penjawat awam yang bekerja di bawah kerajaan Negeri Sarawak.

*NIOSH Malaysia organised this seminar with the objective to create awareness of the OSH Act of 1994 to all persons working in public office for the Sarawak State Government. As employees for the state government, they were required to attend this programme.*





| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 5 Oktober 2020 *5 October 2020* | **Program** *Programme* | Penilaian Penjagaan Kesihatan Dari Risiko Kimia (CHRA) *Chemical Health Risk Assessment (CHRA)* | **Tempat** *Venue* | Pusat Biosekuriti Perikanan Bintawa, Kuching |

Pejabat Wilayah Sarawak telah dijemput untuk menjadi pusat rundingan untuk menjalankan Penilaian Penjagaan Kesihatan Dari Risiko Kimia (CHRA) untuk Pusat Biosekuriti Perikanan Bintawa Kuching. Perundingan ini adalah untuk memastikan bahawa mengenal pasti potensi risiko yang dihadapi semasa menjalankan kerja di pejabat mahupun di makmal. Perundingan ini telah dijalankan oleh pihak NIOSH bersertakan orang yang berkompeten telah dilaksanakan dengan jayanya.

*The SWRO-KCH was invited to host the CHRA programme for the Bintawa Biosecurity Fisheries Centre, Kuching. The consultation sessions aimed at determining potential risks at workplaces and in laboratories. The sessions were conducted by NIOSH and by experienced, competent personnel.*





| Tarikh *Date* | 2 Februari 2020 *2 February 2020* | Program *Programme* | Penafsiran Kualiti Udara Dalaman (IAQ) *Indoor Air Quality (IAQ) Consultation* | Tempat *Venue* | Sarawak State Repository Kuching |
|---|---|---|---|---|---|

Pejabat Wilayah Sarawak telah dijemput untuk menjadi pusat rundingan untuk menjalankan Penafsiran Kualiti Udara Dalaman (IAQ) untuk Pustaka Negeri Sarawak. Perundingan ini adalah untuk mengenal pasti bahawa kualiti udara di dalam bangunan Pustaka Negeri Sarawak iaitu Sarawak State Repository Kuching adalah berisiko ataupun tidak. Perundingan ini telah dijalankan oleh pihak CRD NIOSH Malaysia dari Ibu Pejabat (Bandar Baru Bangi) dan juga Pejabat Wilayah Sarawak (Kuching) SWRO-KCH.

*The Sarawak State Regional Office was invited to host the IAQ Consultation Programme for the Sarawak State Repository in Kuching. The objective of the meeting was to determine the air quality and risk level in the State's repository building. The consultation was handled by CRD NIOSH Headquarters and NIOSH Regional Office Sarawak in Kuching (SWRO-KCH).*





## PEJABAT WILAYAH SARAWAK, BINTULU (SWRO-BTU)

## *SARAWAK REGIONAL OFFICE, BINTULU (SWRO-BTU)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 8 September 2020 *8 September 2020* | **Program** *Programme* | Perjumpaan Pegawai dari Jabatan Tanah dan Survei Bintulu dengan Pegawai NIOSH SWRO-BTU *Visit between the Officer from the Land and Survey Department of Bintulu with the Officer from NIOSH SWRO-BTU* | **Tempat** *Venue* | SWRO-BTU |

Perjumpaan ini adalah bertujuan mendapatkan khidmat nasihat dari pihak NIOSH berhubung aspek keselamatan dan kesihatan bagi projek Kumpulan Inovasi dan Kreatif (ICC). Ini adalah atas penghasilan Projek Innovasi Payung di Lokasi (Innovation Umbrella On-site - INUOS).

*The purpose of the visit was to receive consultation from NIOSH with regards to occupational safety and heath on the current Innovative and Creative Circle (ICC) project. The ICC is an outcome from the "Innovation Umbrella On-Site (INUOS)" project.*








| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 12 - 13 Disember 2020 *12 - 13 December 2020* | **Program** *Programme* | Program Impak Jangkauan (PERKESO) 2020 *Impact Outreach Programme (PERKESO) 2020* | **Tempat** *Venue* | Dewan Uma Bakam Sungai Asap, Belaga, Sarawak |

Kementerian Sumber Manusia iaitu PERKESO untuk menjayakan Program Impak Jangkauan 2020 yang diadakan di Dewan Uma Bakam Sungai Asap, Belaga. Program ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada penduduk pendalaman Sarawak tentang fungsi-fungsi agensi dan jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Majlis telah dirasmikan oleh YB Kennedy Chuk Pai Ugon iaitu daripada ADUN Murum.

*The Ministry of Human Resources collaborated with PERKESO to conduct an Impact Outreach Programme 2020 at the Uma Bakam Sungai Asap Hall in Belaga. The aim was to provide awareness to communities living in the interiors of Sarawak regarding the function of Ministry of Human Resources agencies and departments in the state.*

*YB Kennedy Chuk Pai Ugon from ADUN Murum officiated the event.*







## PEJABAT WILAYAH SARAWAK,MIRI (SWRO-MRI)

## *SARAWAK REGIONAL OFFICE, MIRI (SWRO-MRI)*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Tarikh** *Date* | 25 November 2020 *25 November 2020* | **Program** *Programme* | Kursus Orang Yang Di Izinkan Masuk dan Orang Yang Siap Sedia Untuk Ruang Terhad (AESP) *Authorised Entrant and Standby Person for Confined Space Course* | **Tempat** *Venue* | Bilik Simulasi SWRO-MRI *Simulation Room SWRO-MRI* |

Pejabat Wilayah Sarawak (MIRI) SWRO-MRI telah menjalankan kursus Orang Yang Di Izinkan Masuk dan Orang Yang Siap Sedia Untuk Ruang Terhad (AESP) pada 25 November 2020. Kursus AESP ini adalah bertujuan untuk memberi pengetahuan tentang tugas serta tanggungjawab majikan dan pekerja semasa bekerja di ruang terkurung. Terdapat 15 peserta telah menghadiri kursus tersebut dan pelatih yang memberi ceramah pada hari tersebut adalah pelatih dalaman NIOSH iaitu En. Anthony Tan.

*The SWRO-MRI held a "Authorised Entrant and Standby Person for Confined Spaces (AESP)" course on 25 November 2020. The AESP course aimed at providing knowledge regarding tasks and responsibilities of employers and employees when working in confined spaces. There were 15 participants in attendance and Mr. Anthony Tan, the internal trainer at NIOSH was the course trainer who gave the lecture.*





**National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)**
**Ministry of Human Resources**
*Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara*
*Kementerian Sumber Manusia*

Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

**+603 8769 2100 / +603 8911 3800**
**@nioshmalaysia**
**www.niosh.com.my**